

0131 -62060

KEJATUHAN
SRIVIJAYA
DALAM
SEJARAH
MELAYU

NASKHAH CONTOH

SAMPLE COPY

KEJATUHAN SRIVIJAYA DALAM SEJARAH MELAYU

O.W. WOLTERS

Penterjemah

Toh Kim Hui

Ranjeet Kaur Khaira



Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1990

KK 959 4640 4101
ISBN 983-62-1510-7

Buku ini adalah terjemahan yang sah daripada buku *The Fall of Srivijaya in Malay History*, edisi pertama 1970, karangan O. W. Wolters terbitan Lund Humphries Publishers Limited, London; © 1970 O. W. Wolters.

Cetakan Pertama 1990
© Hakipta Dewan Bahasa dan Pustaka 1990

Hakipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada petkiraan royalti atau honorarium.

Diatur Huruf oleh Maamal Grafik
Muka Taip Teks: New Times Roman
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

850172
Hadiah

M
959.51031
WOL

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan
\$20.00

22 NOV. 1996
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

Prakata		vii
Bab 1	Masalah 'Kejatuhan Srivijaya' dalam Abad Keempat Belas	1
Bab 2	'Srivijaya' dan Masyarakat Melayu	8
Bab 3	Maharaja-maharaja dan Hubungan di Lautan Selatan	20
Bab 4	Corak Sejarah Melayu	43
Bab 5	Pengasas Dinasti Ming dan Orang-orang Melayu	54
Bab 6	Srivijaya-Palembang, Palembang-Melaka, 'Gelang Kaki'; Kedaulatan	87
Bab 7	Pengasas Negeri Melaka	120
Bab 8	Ahli Salasilah dan Bodhisattva	144
Bab 9	Ahli Salasilah dan Bendahara Melaka	154
Bab 10	Ahli Salasilah dan Kronologinya	166
Bab 11	Melaka dalam Tahun 1436	179
Bab 12	Srivijaya dalam Sejarah	200
Lampiran		
A	<i>Kan-t'o-li</i> dan Semenanjung Thailand	212
B	Catatan mengenai Teks Lain yang Mengandung Salasilah Raja-raja Melaka	216
C	Zaman Awal Ming (1368-1435) dalam Sejarah Kepulauan	220
Nota		229
Bibliografi		307
Indeks		319



PRAKATA

Kajian ini dilakukan dengan bantuan dokumen China, sebagai alat penyelidikan terhadap beberapa ciri masyarakat Melayu maritim dalam usaha mendefinisikan peri pentingnya sejarah Melayu pada akhir abad ketiga belas dan abad keempat belas. Pada waktu itu, empayar Sriwijaya, yang berasal-usul semenjak abad ketujuh kian berpecah belah. Kemudian Melaka ditemui dan menjadi empayar Melayu yang terkenal pada abad kelima belas. Bukti-bukti China membentangkan satu perhubungan Melayu-China daripada segi diplomatik dan ekonomi, dan ini memberikan konteks yang menguntungkan untuk kajian 'Kejatuhan Srivijaya' dan kebangkitan Melaka. Kedua-dua topik ini merupakan satu fasa dalam sejarah Melayu.

Rasa keghairahan, dan mungkin sikap yang tergesa-gesa membuatkan pengarang mencuba mencari setiap kebenaran yang mungkin boleh dikenalpastikan dalam pendahuluan dan bab yang ganjil versi *Sejarah Melayu*, yang juga secara konvensi dikenali sebagai *Raffles MS. 18*. Bab ini bertujuan untuk menghuraikan Sejarah Melayu sebelum penemuan Melaka dan sewaktu tempoh dokumen China diperolehi sebagai kawalan bebas. Analisis asas persejarahan daripada *Raffles MS. 18* menanggapi tentang bagaimana kejadian sebenar ditulis, atau lebih tepat lagi, menjadi lambang sebenar Sejarah Melayu dilihat dari sudut pandangan Palembang dan Melaka, dan seterusnya dikaitkan dengan tradisi persejarahan Melayu.

Kajian tentang sejarah Asia Tenggara sering sahaja mengambil kira tentang bagaimana dunia dilihat dari tempat-tempat tertentu. Sejarah-sejarah tempatan masih terikat dengan hak-haknya yang tersendiri, dan bukan merupakan sampul sejarah kawasan yang lebih luas. Setiap kawasan mempunyai pemerintahnya sendiri, dan jurucakapnya

merupakan pusat dunia.

Proses menghadapi rekaan dalam buku *Sejarah Melayu* berdasarkan sumber maklumat China yang menunjukkan sudut pandangan China telah membuatkan pengarang lebih sedar tentang tradisi budaya yang berbeza yang dipersembahkan oleh dua bentuk kesusasteraan sejarah. *Sejarah Melayu* sering sahaja dianggap sebagai teks yang penuh misteri, tetapi ahli sejarah Asia Tenggara begitu berterima kasih kerana berpeluang merujuk kepada teks tersebut dan begitu juga dengan sumber rujukan China yang kabur tentang subjeknya, perlu sekali mengingati bahawa masih terdapat beberapa persoalan yang perlu diteliti dalam teks China, terutama apabila ia ditulis begitu lama selepas sesuatu peristiwa itu direkodkan tentang pertarikan dan sumber maklumat. Ahli-ahli sejarah tersebut juga perlu berhati-hati bahawa peri pentingnya bukti China bergantung kepada pembentukan konteksnya yang tersendiri, satu konteks rujukan Asia Tenggara. Pengakuan pengarang tentang perlunya kefahaman akan kenapa dan mengapa ahli sejarah China menulis tentang sejarah maritim Asia Tenggara menjelaskan mengapa beliau berusaha mendefinisikan dogma China tentang maritim Asia Tenggara dalam kajian ini.

Penelitian tentang kandungan *Sejarah Melayu* memberikan kesan selanjutnya. Pengarang menjadi lebih berminat dengan kerjayanya pengasas Melaka pra-Melaka yang juga dikenali sebagai 'Iskandar Shah'. Kerjaya Iskandar Shah meliputi bahagian kedua abad Reempat belas dan waktu ini dianggap sebagai zaman luar biasa kawasan tersebut. Sesetengah ahli sejarah menganggap abad ketiga belas dan keempat belas sebagai zaman kejatuhan tamadun 'Hindi' di Asia Tenggara. Islam semakin mendapat pengaruh di istana saja di Sumatera Utara dan di Terengganu Semenanjung Melayu. Tambahan pula, sewaktu era Iskandar Shah pusat kuasa Melayu maritim berkembang daripada Sumatera Selatan sehingga ke Semenanjung. Kemunculan ibu kota agung empayar Melayu di Semenanjung memang tidak dirancang. Namun begitu, walaupun terdapat ciri-ciri luar biasa sewaktu pemerintahan Sultan Iskandar, beliau tetap tidak begitu terkenal. Ahli sejarah yang cuba untuk menerima anggapan penulis Portugis abad keenam belas bahawa Iskandar merupakan seorang pelarian yang bernasib baik, lebih suka menumpukan perhatian mereka terhadap sejarah Melaka yang terkemudian supaya mereka dapat memperkenalkan kajian tahap-tahap perkembangan aktiviti yang dilaksanakan zaman Portugis, Belanda dan British.¹ Layanan yang sederhana terhadap 'Iskandar' mungkin terpengaruh daripada hakikat bahawa beliau bukan seorang Islam dan

kehidupan dalam dunia 'Hindu-Buddha' beliau telah membuatkan beliau mengaku Islam. Daripada sudut pandangan ini, Iskandar menjadi seorang anak raja yang ternama. Iskandar mendapat layanan yang luar biasa dalam *Sejarah Melayu* kerana tidak terdapat krisis dalam sejarah orang Melayu yang direkodkan dan beliau dianggap anak raja yang biasa sahaja.

Penulis mencapai kesimpulan bahawa tidak banyak tokoh Melayu yang perlu dikenangi selain Iskandar, anaknya dan cucunya. Ketiga-tiga putera ini mempunyai kekuatan yang berlainan dan berharga pada zaman kecemerlangan sejarah Melayu. Iskandar berhak mendapat penghormatan dalam sejarah. Melalui kepimpinannya yang menjadi bab pembuka kepada *Raffles MS. No.18* beliau bukan sahaja pengasas Melaka tetapi ianya memperbaharui tradisi kebanggaan, di perairan Melayu.

Senang ahli sejarah membuat kenyataan bahawa sejarah Melayu yang moden hampir kekurangan ahli sahsiah sejarah yang jelas dan beliau mencadangkan bahawa hal ini "menyekat perkembangan yang kerjaya dalam tahap orientasi dalaman sejarah tersebut."² Namun begitu masih ada cara-cara yang tertentu di kalangan rangka kerja sistem nilai asli dan cara pengucapan untuk mencari perspektif yang ramai dan juga untuk mengkaji tokoh yang telah mencipta sejarahnya. Bukti-bukti seperti yang terdapat di Asia Tenggara membuatkan ahli sejarah tidak dapat mengelak memperlihatkan tokoh yang menonjol daripada sudut kaca mata sezaman mereka dan zaman lampau, dan sebab-musababnya ialah Sejarah Asia Tenggara di bentuk oleh pengaruh generasi tokoh-tokoh yang dianggap sebagai ahli sahsiah yang tidak normal. Tambahan pula, bukti yang ada menyekat seseorang itu untuk merangka tahap-tahap kerja manusia agung, dan dalam hal ini seseorang itu hanya dapat melihat mereka daripada sudut tindakan, pengawalan terhadap persekitaran, mengatur keutamaannya, dan cara mendapat reputasi.

Dengan berdasarkan faktor-faktor ini, penulis berusaha meneruskan kajian kerjaya Iskandar dengan meneliti latar belakangnya dan bentuk peristiwa penting yang melibatkan raja tersebut serta penggantian.

Di samping aspek-aspek sejarah Melayu ini, yang dijemakan di dalam *Sejarah Melayu*, pengarang juga menyedari bahawa dengan berbagai-bagai versi dan naskahnya, *Sejarah Melayu* juga kaya kuasa kritikan tekstual, dan sehinggalah dilakukan kajian filologi, maka sumbangan ahli sejarah terhadap pemahaman kandungannya mungkin tidak begitu mantap.³

Jika terdapat hasil kajian masa kini yang cuba menggerakkan perbincangan tentang peraturan dasar untuk penyelidikan sejarah orang Melayu berdasarkan sumber orang Melayu, maka pengarang berasakan waktu kajian itu tidak sia-sia sahaja. Tanpa rasa ragu-ragu untuk masa hadapan minat tentang sejarah Asia Tenggara akan tumbuh, dan dokumen asli, terutama dokumen yang berhubung dengan abad-abad 'zaman kolonial' akan menjadi asas untuk kajiannya. Oleh itu setiap ahli sejarah akan tetap menyedari diri mereka sendiri tentang keghairahan mereka mengeksploit kandungan teksnya agar kesedaran tentang tanggung jawab awal untuk menentukan apa yang perlu diketahui tentang teksnya sebelum ia dapat digunakan.

Pengarang mengakhiri kajian ini dengan rasa terima kasih terhadap sesiapa sahaja yang turut bekerja dalam bidang ini. Beliau begitu tidak senang dengan ahli-ahli sejarah yang sanggup mengutip kajian orang lain, kerana ini merupakan tanggung jawab ahli sejarah masa kini untuk turut sama mencari bidang-bidang baru dalam kajian mereka untuk menambahkan bahan-bahan yang belum diterbitkan. Status sejarah Asia Tenggara masih menjadi keutamaan kajian pelajar untuk generasi akan datang daripada mengeksploit pencapaian generasi yang lebih awal.

Pengarang begitu berterima kasih kepada beberapa orang teman yang sanggup menjawab beberapa soalan kajian. Profesor D.G.E. Hall yang telah membaca beberapa kali draf dengan begitu baik dan memberikan beberapa kritikan membina. Pengarang juga berterima kasih kepada Profesor John. M. Echols, yang sanggup menghabiskan banyak masanya dalam usaha tersebut.

Pengarang juga terhutang budi kepada Lembaga Editor *Asia Major* kerana galakan dan nasihat yang diberikan dan kerana ketekunan mengurus manuskrip ini oleh Encik John Taylor.

Sebahagian daripada kajian ini dipetik sewaktu tahun akademik 1967-8, apabila pihak pengarang menerima biaya daripada Projek London - Cornell untuk bekerja di School of Oriental and African Studies University London.

BAB 1

MASALAH 'KEJATUHAN SRIVIJAYA' DALAM ABAD KEEMPAT BELAS

Dalam tahun 1918, satu kemajuan penting telah dicapai dalam pengajian sejarah Asia Tenggara apabila Coedes telah mengenalpasti Srivijaya, iaitu sebuah empayar laut Melayu, yang terletak di bahagian tenggara Sumatera.¹ Seorang Maharaja empayar tersebut telah menulis kepada Maharaja Sung dalam tahun 1017, dan menggelar dirinya sebagai "maharaja kawasan kelautan" ('the king of the ocean land').² Srivijaya, yang suatu waktu pernah menguasai Semenanjung Tanah Melayu dianggap "hidup" dari abad ketujuh hingga abad keempat belas. Dalam tempoh tersebut Srivijaya memberi saham besar ke atas sejarah perdagangan laut Asia selain bertanggungjawab terhadap perkembangannya dengan menyediakan kemudahan pelabuhan yang baik kepada pedagang-pedagang dalam perjalanan mereka di antara Timur Tengah dengan China. Melalui pelabuhan-pelabuhan inilah hasil keluaran Indonesia dapat disalurkan ke pasaran Asia dan Eropah.

Walau bagaimanapun, masih tidak ada banyak catatan tempatan atau dari luar negeri tentang empayar ini. Perkembangan dari abad keempat yang mengakibatkan penubuhan empayar itu dalam abad ketujuh, telah menjamin bahawa orang Melayu dapat memainkan peranan penting dalam perdagangan laut rentas Asia.³ Jelaslah satu faktor yang mengakibatkan perkembangan ini kerana laluan masuk mengikut jalan darat di Asia Tenggara, yang digunakan oleh pedagang-pedagang asing untuk membawa barang-barang berharga dari barat Asia, tidak dapat lagi digunakan untuk sampai ke China semasa

pemerintahan Dinasti-dinasti Selatan (420 – 589). Orang-orang Melayu dan orang-orang Indonesia mempunyai kemahiran pelayaran yang luar biasa. Mereka seterusnya dapat menentukan jalan perdagangan lain ke China sehingga memulakan perdagangan rempah di antara Indonesia dengan China. Sehubungan ini satu sistem hubungan perdagangan merentasi Laut Cina Selatan, yang masih digunakan sehingga hari ini dapat diwujudkan.⁴ Pada masa yang sama, hubungan perdagangan yang menguntungkan telah dijalin antara pelaut-pelaut Melayu dan pedagang-pedagang dari kawasan-kawasan Asia lainnya, dan ini mengukuhkan kewibawaan syahbandar-syahbandar (ketua-ketua pelabuhan) Melayu. Dalam abad kelima dan keenam, rombongan-rombongan dagang dari bahagian tenggara kerajaan Sumatera (dikenali oleh orang Cina sebagai *Kan-t'o-li*), yang mengadap maharaja-maharaja di Selatan China telah membawa kemewahan, yakni apabila tuan pembesar-pembesar Melayu, dipengaruhi oleh keadaan yang berlangsung di negeri China. Kita tidak mengetahui sebab yang mengakibatkan *Kan-t'o-li* tidak lagi disebut dalam catatan-catatan Cina pada akhir tahun pemerintahan lemah Dinasti Ch'en (557 – 89).⁵ Akan tetapi yang pasti perkembangan perdagangan antarabangsa China, dalam abad ketujuh, mengakibatkan pemusatan semula kuasa laut Melayu di bawah Maharaja Srivijaya yang memerintah dari pelabuhan pusatnya, Palembang, iaitu yang terletak di selatan Sumatera.

Kemasyhuran Srivijaya yang dicapai seterusnya dapat dilihat dalam catatan-catatan Arab dalam abad kesembilan dan kesepuluh, dan juga dalam surat-surat kenyataan Cina dalam Dinasti Sung (960 – 1279). Walau bagaimanapun, hanya tiga tempoh dalam sejarah Srivijaya telah didokumentasikan⁶ dengan baik. Bukti-bukti dari abad ketujuh yang dapat dilihat pada tulisan-tulisan Melayu di atas prasasti-prasasti, memberitahu kita bahawa kuasa (kewibawaan) Maharaja telah berkembang ke Selat Melaka menjelang akhir abad tersebut. Catatan-catatan dari abad kesepuluh dan kesebelas menunjukkan bahawa orang Melayu kadang-kadang berperang dengan orang Jawa, dan terutamanya dengan orang Tamil-Cola. Kajian Profesor Paranavitana yang baru-baru ini diterbitkan mengandungi banyak maklumat tentang perikatan-perikatan serta permusuhan yang wujud dalam abad ini.⁷ Pada akhir abad kesebelas, pusat kerajaan Melayu telah dipindahkan dari Palembang ke Jambi, yang terletak lebih ke utara pantai yang sama.⁸ Dengan itu 'Srivijaya', yang sebenarnya merupakan nama yang telah digunakan untuk merujuk kepada ibu negeri Palembang, lenyap. Akan tetapi cendekiawan-cendekiawan terus menggunakan nama tersebut apabila

merujuk kepada kerajaan yang diperintah dari Jambi dan kemudiannya berpindah ke pedalaman Minangkabau.⁹ Oleh itu, maklumat-maklumat yang diperolehi tentang abad ketiga belas dan akhir abad keempat belas seakan-akan menggambarkan bahagian terakhir dalam sejarah sebuah empayar kuno. Ahli-ahli sejarah percaya bahawa dalam abad keempat belas, hanya "rangka" Srivijaya sahaja yang tertinggal di bahagian tenggara Sumatera.

Dalam tempoh masa terakhir ini, jelas dilihat bahawa pihak Thai mula membahagi-bahagikan wilayah-wilayah di Semenanjung Tanah Melayu. Sementara itu, Kartanegara dan waris-warisnya yang berkeupayaan di Jawa, telah menjadi tuan besar di pantai timur Sumatera. Jambi yang dahulunya merupakan pusat empayar laut yang kuat, perlahan-lahan menjadi sebahagian kerajaan daratan Minangkabau; kuasa lautnya masih dikekalkan walaupun mengecil melalui kekerasan. Sementara itu, Pasai yang terletak di utara Sumatera telah menjadi sebuah pusat perdagangan bagi pedagang-pedagang Muslim dari barat. Mereka lebih berminat menjalankan perdagangan di sebuah pelabuhan di Selat Melaka. Kecenderungan ini jelas terbukti apabila ramai yang tertumpu ke Melaka pada awal abad kelima belas. Orang-orang Jawa mengakibatkan beberapa peristiwa kecil tetapi buruk berlaku di pantai Sumatera, pada bahagian kedua abad keempat belas. Dalam tahun 1407, seorang laksamana Dinasti Ming, laksamana Cheng Ho, dengan tidak sengaja menjumpai sebuah pusat lanun Cina di Palembang, yang telah lama dikenali sebagai 'Pelabuhan Lama'. Oleh itu, menjelang tahun 1400, satu peringkat agung dalam sejarah Indonesia nampaknya berakhir. Tome' Pires yang menulis pada awal abad keenam belas tidak mengetahui langsung tentang empayar Sumatera yang agung ini. Ia hanya dapat mencatatkan bahawa pada suatu masa Jambi dan Palembang diperintah oleh raja-raja mereka dari kawasan itu. Palembang tunduk 'di bawah Raja Jawa'. Kemudian orang Jawa Moor (dari keturunan Arab) mengambil alih Jambi dan Palembang.¹⁰

Kajian ini membincangkan tentang apakah peristiwa-peristiwa yang berlaku pada akhir abad keempat belas, iaitu pada masa 'kejatuhan Srivijaya'. Persoalan di sini adalah sama ada orang Melayu pada masa itu berpendapat bahawa kejatuhan Srivijaya telah ditakdirkan, walaupun tanda-tanda keruntuhan empayar itu jelas, iaitu sama seperti pendapat ahli sejarah moden yang berpendapat bahawa perkembangan dan kejatuhan empayar dapat diramalkan.

Perbincangan di sini adalah berdasarkan andaian bahawa kegiatan kelautan Melayu telah menjadi asas sejarah Srivijaya. Kegiatan-

kegiatan yang perlu dilihat ini bukan sahaja dalam ruang lingkup lokasi dan kekayaan ibu negeri Melayu, sama ada Palembang atau Jambi tetapi juga reaksi terhadap pengaruh pelbagai dan berubah-ubah yang dialami oleh masyarakat Melayu, akibat dari pengaruh luaran ke atas perdagangan Asia. Perdagangan yang luas tersebar dari Teluk Parsi, Laut Merah hingga ke negara China ini menyediakan persekitaran yang membentuk sejarah Melayu. Persekitaran ini juga menentukan cara barang-barangan dapat disampaikan ke pasaran China. Sebelum kapal-kapal China belayar ke luar negeri, kapal-kapal bukan kepunyaan orang Cina terpaksa membawa barang-barang ke negara China. Oleh itu, timbullah satu keperluan sebuah pelabuhan enterpot yang mempunyai bekalan secukupnya di tenggara Sumatera, iaitu merupakan kawasan tumpuan hubungan kelautan sejak abad kelima lagi. Pantai ini yang penuh dengan pulau-pulau lepas pantai menjadi pusat kegiatan pengembara-pengembara laut Melayu. Hubungan mesra di antara negara penaung dengan negara-negara naungan, iaitu hubungan antara Maharaja China dan pemerintah di pelabuhan-pelabuhan entrepot ini dapat melindungi ramai pedagang-pedagang Asia dalam perjalanan mereka ke negara China. Pemerintah Melayu yang memperolehi keuntungan dari perdagangan entrepot ini dapat pula memperolehi pengaruh dan sokongan dalam dunia Melayu, iaitu dengan menggunakan kekayaan yang diperolehinya dari perdagangan tersebut. Bandarnya menjadi ibu negeri kerana di situlah putera bermartabat tinggal. Walau bagaimanapun apabila perdagangan antarabangsa mulai merosot, pendapatan yang diperolehi dari perdagangan entrepot menurun, dan Maharaja seterusnya kehilangan kuasanya.

Jika kita menerima peranan sistem perdagangan ufti-perdagangan yang dijalankan semasa perhantaran ufti dalam sejarah Melayu, sistem tersebut juga boleh dilihat sebagai satu faktor yang mengakibatkan empayar Srivijaya bertambah lemah. Pada abad kedua belas dan ketiga belas pertambahan perkapalan Cina berlaku akibat daripada sistem perdagangan ufti. Kesannya melemahkan empayar 'Srivijaya'.¹¹ Perdagangan Cina yang dijalankan secara persendirian berkembang walaupun ini telah merugikan perdagangan entrepot Melayu. Perdagangan Cina semakin bertambah. Malah, dalam zaman pemerintahan Sung dan Mongol (1279-1368) pedagang Cina yang mempunyai kapal sendiri telah mengembangkan perdagangan mereka dengan melawat pusat pengeluaran di Asia Tenggara tanpa mengadakan sebarang hubungan rasmi seperti yang dijalinakan dahulu. Dengan itu, kejatuhan 'Srivijaya' adalah selaras dengan perubahan corak perdagangan yang tidak lagi

memerlukan perkhidmatan entrepot di barat Indonesia.

Akan tetapi tidak cukup perhatian diberikan kepada T'ai-tsu (1368-98), pengasas Dinasti Ming, yang telah menamatkan corak perdagangan itu dengan melarang sebarang pelayaran oleh orang Cina sambil memastikan perlaksanaan semula sistem perdagangan ufti; mekanisme perdagangan yang dikenali oleh Empayar Srivijaya, dalam tahun-tahun kegemilangannya. Lagipun, perkembangan Melaka yang pesat dalam abad kelima belas menunjukkan bahawa Melayu tidak menjadi mundur atau tidak berkeupayaan untuk bertindak terhadap minat Maharaja *Yung-lo* (1403-24) dalam salah sebuah negara naungannya. Pengenalan semula sistem perdagangan lama menggalakkan pembesar-pembesar Melayu menegaskan kewibawaan politik mereka di rantau. Ada juga kemungkinan bahawa tahun-tahun akhir sejarah 'Srivijaya' dan sejarah Melaka, dalam abad kelima belas, dapat dikaji sebagai satu kegiatan orang Melayu yang berterusan.

Lagipun, persoalan yang menarik perhatian penulis di sini adalah sama ada masa depan yang cerah telah memarakkan semangat di kalangan orang Melaka yang teringat pada zaman kegemilangan mereka. Tradisi Melayu yang telah diabadikan dalam *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa pengasas Melaka datangnya dari Palembang.¹² Edisi terawal teks (1612) ini tidak memberi sebarang keraguan kepada pembaca untuk mempersoalkan kecemerlangan Palembang lama; Palembang dahulu disamakan dengan Palembang yang wujud kemudiannya:-

Menurut laporan yang diterima, bandar Palembang yang dihuraikan adalah sama dengan bandar Palembang yang wujud pada hari ini. Dahulunya, bandar ini merupakan bandar agung yang tidak dapat ditandingi di seluruh negara Andelas.¹³

Namun demikian, Jambi, dan bukannya Palembang, merupakan ibu negeri di bahagian tenggara Sumatera sejak abad kesebelas.

Para cendekiawan pernah mencadangkan bahawa Melaka, merupakan sebuah pusat perdagangan dan empayar bukan sahaja menyerupai Srivijaya tetapi pemerintah Melaka juga melihat diri mereka sebagai waris empayar Srivijaya.¹⁴ Walau bagaimanapun, pendapat ini ditolak berdasarkan dua sebab. Pertama, pada abad keempat belas hanya saki-baki perdagangan dan kuasa 'Srivijaya' yang tinggal. Dengan itu sudah tentu ia tidak merupakan ilham kepada pemerintah Melaka atau Johor. Kedua, isi kandungan bab-bab per-

mulaan *Sejarah Melayu* kerap kali dianggap sebagai cerita dongeng, yang hanya sedikit sahaja mengandungi fakta-fakta berkait dengan sejarah. Oleh itu *Sejarah Melayu* hanya dapat memberi satu gambaran am tentang pemerintah Melaka yang dipercayai melihat diri mereka sebagai waris.¹⁵ Catatan *Ming-shih* yang ringkas tentang *San-to-ch'i* (Srivijaya) dan Jawa serta beberapa catatan pemikiran orang Portugis, seperti Tome' Pires lebih kerap digunakan sebagai sumber yang sahih apabila mempelajari hal penubuhan Melaka, walaupun penulis-penulis asing ini tidak banyak menghuraikan pandangan orang Melayu terhadap peralihan dari Sumatera ke Semenanjung Tanah Melayu.

Dalam muka-muka surat yang berikut, pandangan-pandangan orang Melayu tentang peristiwa-peristiwa bersejarah serta makna di sebalik peristiwa-peristiwa yang telah menyumbang kepada kebangkitan Melaka akan dikaji. Perkara-perkara yang diingati oleh orang Melayu dapat dilihat dalam bab-bab awal *Sejarah Melayu* yang telah ditulis dalam tahun 1612 oleh Bendahara Johor. Buku ini kemudiannya telah disalin pada awal abad kesembilan belas dan dikenali sebagai *Raffles MS No.18*.¹⁶ Salinan *Sejarah Melayu* ini merupakan salinan yang terawal sekali dan boleh didapati sehingga hari ini. Kita tidak mengetahui bilakah catatan tentang pembukaan Melaka yang terkandung didalamnya, ditulis. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan pada akhir abad keempat belas, terdapat cadangan yang mengatakan bahawa peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam abad kesebelas telah dikaji semula dalam abad kelima belas dan dijadikan asas salasilah kerabat diraja negeri Melaka selain untuk mengesahkan tuntutan mereka. Akhirnya, pakar pengkaji salasilah mengesahkan bahawa pemerintah (Kesultanan) Melaka berasal dari empayar Srivijaya, iaitu empayar yang mempunyai ibu negerinya di Srivijaya-Palembang pada separuh kedua abad kesebelas.

Bab-bab awal *Sejarah Melayu* tidak ditulis dengan tujuan hendak mencatatkan dengan tepat semua peristiwa pada akhir abad keempat belas. Oleh itu, hasil tulisan Cina dan *Suma Oriental* telah digunakan untuk memperolehi maklumat tambahan. Tanpa catatan-catatan lain, *Ming-shih* mungkin mengelirukan kajian kita tentang zaman ini tetapi catatan-catatannya boleh disemak semula dengan maklumat-maklumat yang terkandung dalam *Ming shih-lu* dan hasil tulisan *Ming* lainnya yakni bagi memperolehi gambaran yang lebih jelas. Sungguhpun kita mempunyai hasil tulisan Melayu dan juga Cina, kita mesti ingat bahawa hasil-hasil tulisan ini ditulis dengan bukti-bukti yang berlainan, yang datang dari tradisi sejarah yang berlainan, dan merangkumi tajuk-tajuk

berlainan. Oleh itu bukti-bukti ini mesti dikaji dalam konteks yang berlainan. Pertamanya kita mesti mengkaji konteks bagaimana tajuk-tajuk yang ditulis oleh penulis ini dapat diterangkan. Catatan-catatan Cina adalah mengenai hubungan Cina-Melayu dalam menetapkan sistem perdagangan ufti, manakala *Sejarah Melayu* pula mengkaji aspek-aspek keturunan diraja Melaka dan tidak menghiraukan hal perdagangan atau hubungan dengan China. *Ming shih-lu* dan *Suma Oriental* yang ditulis oleh Pires mempunyai ciri objektif yang tidak pernah digunakan oleh kajian pakar salasilah Melayu. Walau bagaimanapun, jika kita menerima gaya yang digunakan dalam *Sejarah Melayu*, tanpa menyoal sangat tentang sumber fakta yang digunakan, *Sejarah Melayu* dapat menambah pemahaman kita tentang perkara-perkara yang berlaku kepada orang Melayu, pada bahagian kedua abad keempat belas.

Secara amnya, semua sumber mempunyai persamaan dari satu aspek: pada ketika itu kita berdepan dengan suatu keadaan yang lebih senang dihuraikan sebagai tahap akhir satu era yang tidak berjaya dalam sejarah Melayu dan tidak sebagai 'kejatuhan Srivijaya'. Kemajuan orang Melayu seringkali diikuti dengan malapetaka tetapi malapetaka-malapetaka yang datang menimpa biasanya tidak dianggap boleh membawa maut oleh pelaut-pelaut Melayu. Sebaliknya pemerintah-pemerintah mereka selalunya bersemangat tinggi. Oleh kerana Jambi, dan bukan Palembang, merupakan ibu negeri semasa perubahan ekonomi yang mendatangkan kesusahan kepada orang Melayu, tidaklah menghairankan kita bahawa apabila ekonomi mempunyai peluang untuk pulih semula, mereka lebih mengingati sejarah Srivijaya-Palembang dan bukan Melayu-Jambi sebagai zaman kemuncak pencapaian mereka. Mereka juga melihat penubuhan Melaka sebagai suatu sambungan kepada zaman kegemilangan Srivijaya-Palembang. Krom mungkin tidak tepat apabila ia menulis bahawa menjelang abad keempat belas 'semua kenangan tentang Srivijaya lama lenyap'.¹⁷

Tradisi tentang kerabat Melaka yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* mungkin merupakan pandangan Melayu tentang apa yang kita kenali hari ini sebagai 'Sejarah Srivijaya'. Ia membolehkan kita mengkaji abad keempat belas daripada kaca mata 'watak utama' yakni sebagai satu cara mengkaji kesahihan konsep 'kejatuhan Srivijaya' dan keistimewaan sejarah Melayu pada zaman itu.

BAB 2

'SRIVIJAYA' DAN MASYARAKAT MELAYU

Sebelum kita meneliti peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam abad keempat belas, beberapa aspek pengalaman Melayu sebelum masa itu perlu dibincangkan supaya suasana orang Melayu sepanjang sejarah mereka dapat dibayangkan. Pengalaman-pengalaman ini adalah sebahagian 'Sejarah Srivijaya'. Rekod-rekod (catatan-catatan) dari Palembang dan Jambi, dua buah pusat Melayu pada zaman itu, hanya memberitahu kita sedikit sahaja tentang masyarakat Melayu. Oleh itu cerita-cerita Sejarah Melayu akan digunakan bagi memperolehi maklumat tentang cara hidup orang Melayu iaitu yang mungkin tidak banyak berubah dalam abad-abad kebelakangan ini. Dengan maklumat latar ini kita boleh membuat interpretasi tentang cara bagaimana orang Melayu mengenal dan bertindakbalas terhadap keadaan yang mereka hadapi pada masa itu.

Walaupun pada kemuncak pentadbirannya, kerajaan tenggara Sumatera ini telah ditadbir tanpa mempunyai sifat padu. Malah dari segi kependudukan bilangannya kurang padat jika dibandingkan dengan kerajaan-kerajaan penting lain di Asia Tenggara.¹ Prapanca, penyair yang menulis dalam abad keempat belas, dapat membayangkan kerajaan Majapahit di Jawa dengan membandingkan pengaruh pemerintah ke atas sekalian rakyat dengan pengawasan teliti ke atas penduduk ibu negerinya:-

Seluruh kawasan 'Yawa-land' (Jawa) mesti dibandingkan dengan

sebuah bandar di bawah pemerintahan anak raja. Beribu-ribu tempat tinggal rakyat dibandingkan dengan jumlah manor orang gaji yang mengelilingi istana.²

Pemerian sempurna Prapanca mengenai kerajaan yang kewibawaan pemerintah itu dapat dilihat melalui betapa ketatnya hubungan negeri dan kawasan luar bandar, adalah tidak tepat apabila kita mengkaji Srivijaya. Ini kerana pemerintah-pemerintah Srivijaya tidak banyak mempunyai penempatan pertanian di kawasan sekitar ibu negeri. Dalam tahun 1225, Chao Ju-kua memcatatkan bahawa bekalan beras diimport,² sedangkan sejak setengah abad sebelum itu, rakyat di kawasan Jambi tidak pernah membayar cukai. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa pemerintah terpaksa memperolehi pendapatannya daripada sumber lain.⁴ Paya bakau di bahagian tenggara Sumatera melindungi kehidupan nomad laut (iaitu kumpulan pengembara yang mengikut jalan laut) dan penduduk di kawasan hutan. Muka bumi yang sedemikian merupakan satu sebab utama mengapa berlakunya kekurangan kemajuan pertanian dan ketiadaan pemusatan kependudukan berdekatan dengan ibu negeri.

Sebaliknya, kawasan wilayah di bawah penguasaan Maharaja terdiri dari beberapa penempatan di kuala-kuala sungai di pantai timur Sumatera, dan beberapa gugusan pulau berdekatan dengan pantai itu. Gugusan-gugusan pulau terbesar merupakan gugusan Kepulauan Riau dan Lingga serta Semenanjung Tanah Melayu. Wilkinson dengan tepatnya memerikan bahawa empayar ini merupakan suatu bentuk persekutuan yang dibentuk oleh pelabuhan-pelabuhan perdagangan pinggir hutan luas.⁵ Gambaran ini adalah selaras dengan kenyataan Hsin T'ang-sun bahawa Srivijaya terdiri dari "empat belas Kota".⁶ Sementara itu dalam tulisan yang sama 'Barus' digambarkan sebagai salah satu daripada dua kerajaan yang menjalankan pentadbirannya sendiri.⁷ Satu pemerian yang samar (kabur) mengenai kekayaan pemerintah pada awal abad kesepuluh telah dibuat oleh Abu Zayd, apabila ia menggambarkan rancangan rahsia seorang Maharaja untuk melawat pulau-pulainya, dengan tujuan hendak melancarkan satu serang balas ke atas Raja Khmer.⁸ Masudi dalam abad yang sama, mendapat tahu bahawa pelayaran melawat semua pulau dalam negeri itu mengambil dua tahun.⁹

Negara-negara naungan Maharaja Cini ini merupakan pulau atau terletak dekat laut. Setengah-setengahnya terletak di Semenanjung Tanah Melayu. Kedah yang terletak di pantai barat kadang-kadang

merupakan pelabuhan persinggahan kapal-kapal yang menyeberangi Teluk Benggala, tetapi negara ini tidak mungkin merupakan tempat sangat penting.¹⁰ Negara naungan di Semenanjung mungkin berbeza daripada negara naungan lain dalam empayar Maharaja. Bandar-bandarnya kuno dan mengekalkan cara hidup yang canggih dari awal era perkembangan agama Kristian.¹¹ Hubungan asal mereka dengan Sriwijaya masih belum ditentukan, dan kita tidak boleh menganggap bahawa status hubungan ini bersinambung dari dulu lagi. Lagipun, identiti Melayu dalam pemerintahan di kawasan segenting mungkin telah menjadi kabur akibat pengaruh persekitaran kebudayaan Mon-Khmer.¹²

Satu lagi jenis atau corak negara naungan terletak di bahagian utara dan timur laut Sumatera. Chao Ju-kua menyebut tentang Lamuri (Lan-wu-li) yang terletak di sebelah timur tapak Kota Raja sekarang, iaitu yang terletak di hujung bahagian barat laut Sumatera.¹³ Orang Arab mengetahui tentang kawasan ini beberapa abad sebelum ini, di bawah nama Ramni.¹⁴ Lamuri merupakan pelabuhan yang banyak mengendalikan kamfor (kapur baru) dan hasil-hasil hutan lain dari kawasan pedalaman 'Barus'. Penduduk kawasan ini ditakuti oleh orang asing sejak zaman Ptolemy lagi.¹⁵ Kedudukan Bata (*Pa-ta'*) yang di sebut oleh Chao Ju-kua, telah dihuraikan oleh Tome' Pires. Katanya Bata terletak di antara Pasai yang terletak di pantai utara Sumatera, dengan 'Aru' di Selat Melaka.¹⁶ Pusat-pusat di pinggir Sumatera yang menghadap penghujung bahagian utara Selat Melaka telah banyak disebut dalam rekod-rekod dari abad ketujuh. *P'olo* juga terletak di pantai ini.¹⁷ Kampe' pula terletak di Teluk Aru.¹⁸ Sejarah kawasan Sumatera ini, seperti yang akan diperkatakan menunjukkan bahawa negara naungan yang menikmati hasil semula jadi dari kawasan pedalaman berasa amat terganggu dengan pemerintahan Maharaja.¹⁹

Jenis negara naungan ketiga terdiri daripada kawasan pantai timur Sumatera, iaitu dari bahagian selatan Selat Melaka yang berhala ke Palembang, beberapa pulau di pantai timur Sumatera. Rakyat kesayangan Maharaja yang mahir dalam bidang pelayaran tinggal di sini. Kawasan ini penuh dengan pokok ru dan pokok bakau, dan di pulau-pulau pula terdapat terumbu karang.²⁰ Selain itu kawasan ini juga kaya dengan ikan dan penyu, dan penduduk kawasan ini dapat pergi ke laut dengan senang. Kawasan ini juga selamat daripada tiupan angin monsun dan serangan musuh. Pembesar-pembesar Melayu, penduduk di bawah penguasaannya serta nomad laut menikmati keistimewaan persekitaran ekologi semulajadi ini.²¹ Hubungan antara pembesar-pem-

besar Melayu dan penghuni-penghuni akan dibincangkan kelak. Menjelang abad keempat belas, hubungan tersebut menjadi sangat erat dan penting dalam sejarah Melayu. Hubungan ini sudah tentu telah pun berkembang beberapa abad sebelumnya. Penduduk-penduduk pulau-pulau lepas pantai ini mungkin merupakan rakyat Maharaja yang paling setia.

Malangnya, teks yang terdapat tidak banyak menyebut tentang pulau-pulau ini. Hanya sedikit sahaja penerangan mengenai penduduk-penduduk pulau yang merupakan petualang-petualang laut yang ganas ini dihuraikan. Chia Tan, yang menulis dalam tahun 800, menyebut tentang lanun-lanun dari *Ko-ko-seng- chih*. Pedagang-pedagang yang belayar berasa amat takut kepada mereka. Pelliot cuba berfikir sama ada Chia Tan membawa maksud bahawa penempatan lanun-lanun terletak di pulau-pulau Brouwers yang terletak di pinggir timur Sumatera, di bahagian selatan Selat Melaka.²² Sehubungan ini catatan pelayaran Ibn Majid bertarikh 1462, menyatakan "Salat Zanj" (Selat Zanj) terletak berdekatan dengan kepulauan Karimun, iaitu di kawasan hujung selatan Selat Melaka.²³ Orang Arab menulis tentang *Salahit*, iaitu sepatah perkataan yang mungkin telah diperolehi daripada perkataan Melayu 'selat', yang kaya dengan hasil semulajadi, dan terletak dekat atau di pantai timur Sumatera.²⁴

Lo-yuen, satu nama yang muncul pada zaman dinasti Tang dan Sung, terletak di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu.²⁵ Catatan-catatan pelayaran Chia Tan, yang terkandung dalam *Hsin T'ang-shu*,²⁶ mengandungi huraian tentang pintu masuk di bahagian selatan Selat Melaka, dengan matlamat memerikan kedudukan Srivijaya dan Jawa.²⁷ Kita boleh percaya bahawa jalan perkapalan berpusat dari sini. Sesungguhnya, *Hsin T'ang-shu* memberi sedikit gambaran tentang cara peniaga-peniaga yang berulang-alik bertemu di sini.²⁸ Laut dekat *Lo-yuen* merupakan tempat persinggahan kapal antarabangsa yang berulang-alik dari China; Pulau Tioman yang terletak di Pahang iaitu di pinggir tenggara Semenanjung Tanah Melayu dalam abad kesembilan, juga memainkan peranan yang sama.²⁹ Kedudukan laut *Lo-yuen* yang terlindung dari monsun dan bukan bandar-bandarnya, menjadikan tempat tersebut terkenal. Tidak ada catatan tentang rombongan dagang yang datang dari tempat tersebut.³⁰ Coedes menetapkan perkataan *Lo-yuen* sebagai *laut*,³¹ yang merupakan perkataan Melayu,³² dan Pelliot menerima perkataan itu.³³ Walau bagaimanapun kemudiannya, Coedes lebih suka perkataan *Lo-yuen* digunakan untuk mewakili *(Se)luyut* yang terletak di pinggir Sungai Johor.³⁴

Pengembara-pengembara juga mengetahui tentang pulau-pulau lain di kawasan itu. *Mait*, pertama kalinya disebut dalam teks Arab yang ditulis pada abad kesembilan; Profesor Wheatley percaya bahawa *Mait* terletak sama ada di hujung selatan Semenanjung atau di pulau-pulau yang terletak ke selatan; *Mait* tidak begitu jauh dari jalan perkapalan ke Pulau Tioman.³⁵ Kepulauan Lingga dihuraikan dengan ringkas oleh Chao Ju-kua.³⁶ Ia juga menyebut tentang lanun-lanun dari *Sha-nua-kung* yang menjual banduan mereka ke Jawa.³⁷ Kita juga mengetahui tentang Temasik yang merupakan pusat lanun dan perdagangan, iaitu yang kemudiannya dikenali sebagai Singapura. Sejarah pulau ini akan dibincangkan dalam bab-bab yang kemudian. Di sini kita hanya perlu mengetahui tentang pendapat Wang Ta-yuan mengenai penduduk Temasik. Katanya, dalam bahagian pertama abad keempat belas, Temasik mempunyai kapal-kapal yang menakutkan pedagang-pedagang Cina. Penduduk *Lung-ya-men*, di pulau ini, dengan dua atau tiga ratus kapal lain telah menyerang kapal-kapal perdagangan Ch'uan-chou yang balik dari pelayaran berdagang di Laut Hindia,³⁸ Bentan juga dihuraikan oleh Ibn Said dalam abad ketiga belas:

Di sini terdapat pulau-pulau kecil, yang darinyalah muncul lanun-lanun berkulit hitam yang mempunyai panah beracun dengan kapal-kapal perang yang bersenjata; mereka menyerang orang tetapi tidak menghambakan mereka.³⁹

Kedudukan pulau-pulau ini di persimpangan jalan perkapalan antarabangsa membolehkan penduduknya menghalang dan menyerang pengembara-pengembara dari India, China dan gugusan pulau ini; penduduk-penduduk di sini merupakan pelaut-pelaut handal. Pembesar Melayu yang memerintah pulau-pulau ini dapat menggunakan tenaga gipsi-gipsi laut (mungkin juga lanun-lanun laut). Hal tersebut baru-baru ini telah dikaji oleh Profesor Sopher.⁴⁰ Tidaklah memmeranjatkan bahawa dalam *Sejarah Melayu* kuasa tempatan (*pegangan*) di rantau ini biasanya diukur dengan jumlah kapal layar tiga yang dimiliki oleh pembesar. Teks ini memberitahu kita bahawa Bentan mempunyai empat ratus kapal dan senjata yang banyak.⁴¹

Pembesar-pembesar menikmati kesetiaan sepenuhnya dari pembesar-pembesar di-pulau-pulau yang berhampiran, dan dengan itu mereka juga mempunyai kuasa laut yang banyak. Dalam abad kelima belas, Bentan, pulau terbesar dalam Gugusan Kepulauan Riau, memainkan peranan penting dalam Empayar Melaka. Perkhidmatan yang

disediakan oleh penduduknya sangat bererti. Tome' Pires menyatakan bahawa *Celates*, iaitu penduduk di Selat itu, menjadikan tempat ini pusat mereka. Mereka berkhidmat sebagai pendayung dalam angkatan laut kepunyaan Sultan, setelah gabenor Bentan membawa mereka masuk.⁴² *Sejarah Melayu* memberitahu kita bahawa anak raja Haru ingin dibawa dalam perahu yang di dayung oleh orang Sakai (puak yang terletak di bawah pengawasan bekas Raja Melaka yang pada masa itu memerintah di Bentan.⁴³ Teks yang sama menyebut tentang dua puluh anak kapal puak tersebut.⁴⁴ *Sejarah Melayu* seterusnya banyak memberi contoh tentang orang-orang ini yang sedia mematuhi perintah pembesar-pembesar Melayu. Selepas kejatuhan Melaka, Paduka Tun (Tuan) memberitahu anak lelakinya supaya "pergi kumpulkan orang-orang yang tinggal di pinggir laut, dan kita akan pergi menjemput Sultan". Anaknya pergi "memanggil puak-puak yang tinggal di pinggir laut yang kemudiannya berhimpun".⁴⁵ Raja Pahang telah meminta pertolongan daripada Raja Johor: "Beta ingin meminta supaya puak Pateh Ludang dihadiahkan kepada Beta".⁴⁶ Tradisi ini juga wujud di kepulauan Borneo. Salah seorang Sultan Brunei telah menasihatkan adik bongsunya supaya menjadi Raja Sarawak dan membawa beberapa orang Sakai bersamanya sebagai rakyat.⁴⁷

Orang besar Melayu berpendapat bahawa kebolehan istimewa gipsi laut dalam hal-hal pelayaran merupakan sesuatu yang amat berfaedah. Cerita-cerita tradisi yang disampaikan melalui mulut dan yang bertulis di pulau Mindanao, menceritakan hal seorang saudara kepada Raja Johor yang melarikan diri ke Mindanao bersama-sama dengan pengikutnya, setelah Portugis menyerang Melaka dalam tahun 1511. Pengikutnya-pengikutnya terdiri daripada nomad laut, tetapi khidmat mereka tamat setelah selamat sampai ke tempat baru yang penuh dengan peluang-peluang yang baru. Oleh kerana, raja tersebut beragama Islam dan dari keturunan diraja, ia disokong dan dibantu oleh penduduk Mindanao. Kesemua ini membantunya mendapatkan sebuah kerajaan.⁴⁸ Pencapaiannya adalah akibat kebolehannya sendiri tetapi pelayarannya dijayakan oleh nomad laut.

Rakyat di bawah pemerintahan Maharaja bertaburan di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera Utara dan di beberapa buah pulau. Mereka ini tidak mempunyai sifat lemah atau mematuhi perintah membuta tuli. Chou Ch'u-fei mengatakan bahawa dalam sesuatu peperangan sama ada di daratan atau di laut, 'tidak ada yang lebih handal daripada [penduduk Srivijaya]';⁴⁹ dan mereka berhak menerima sanjungan atas kehandalan mereka ini. Penguatkuasaan (kewibawaan)

perintah dari ibu negeri, dalam hal-hal pentadbiran seharian, tidak dapat dilakukan di kawasan kuala-kuala sungai serta pulau jauh ini.

Pengenalan kepada sejarah tentang empayar kelautan yang berpusat di tenggara Sumatera ini menunjukkan kewujudan pusat-pusat yang separuh bebas. Tulisan di atas prasasti yang dikenali sebagai Telaga Batu di Palembang pada akhir abad ketujuh, telah ditulis apabila pembesar-pembesar menyatukan dan menawan kawasan-kawasan baru. Ini menunjukkan bahawa beliau terpaksa bertanding dengan pembesar-pembesar lain memiliki kuasa persenjataan.⁵⁰ Dr de Casparis berpendapat bahawa di antara orang-orang berkuasa ini adalah datu-datu yang telah dilantik sebagai 'gabenor-gabenor wilayah'.⁵¹ Pemerintah pusat menganggap mereka sebagai bakal pengintip bagi pihak musuh-musuhnya. Walaupun wilayah-wilayah di bawah penguasaan datu-datu ini tidak ditafsirkan dengan jelas, kewujudan kuasa-kuasa kecil dalam kawasan pemerintahan seorang pembesar tidak boleh dinafikan. Ketidakpuasan di kalangan mereka juga merupakan satu fenomena yang jelas, bukan sahaja di kawasan 'barisan depan'.⁵²

Persoalan yang boleh ditanya di sini adalah: apakah cara yang digunakan oleh pembesar-pembesar untuk menubuhkan dan mengekalkan kuasanya di wilayah tertentu? Prasasti Telaga Batu, merupakan sumber utama kita berkenaan dengan hal-hal Melayu dalam empayar Srivijaya-Palembang itu mungkin dapat memberitahu kita tentang alat kuasa yang digunakan oleh pembesar-pembesar tersebut. Prasasti Telaga Batu, menyatakan bahawa 'terdapat simpanan emas dan harta yang banyak'⁵³ di *kraton*. Oleh itu pemerintah selalu mengesyaki gabenor-gabenor wilayah dan orang-orang lain akan berpakat untuk menyeludup keluar simpanan emas dan harta tersebut.⁵⁴ Dr de Casparis percaya bahawa harta tersebut mungkin boleh digunakan oleh pihak pemberontak bagi membiayai revolusi; untuk menyewa askar upahan, untuk memberi rasuah kepada hamba-rakyat dalam negara itu, dan juga untuk membayar musuh-musuh dari luar negeri.⁵⁵ 'Penggunaan emas dan batu-batu permata untuk memusnahkan' *kraton* mungkin menakutkan pemerintah.⁵⁶ Dengan itu tidaklah menghairankan kita jika pemerintah sendiri memanipulasikan kekayaannya sebagai alat politik.

Menurut pemerhatian Dr de Casparis, kekayaan kepunyaan pemerintah Srivijaya telah menjadi buah mulut umum.⁵⁷ Tulisan-tulisan orang Arab, yang biasanya berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi semasa Palembang merupakan ibu kota, menunjukkan bahawa mereka begitu tertarik dengan kekayaan pemerintah hinggalah Ibn Rosten, dalam tahun 903, percaya bahawa tidak ada raja yang lebih

kaya, kuat atau menerima lebih banyak pendapatan daripada Maharaja Srivijaya.⁵⁸ Sumber utama kekayaannya berpunca dari pelabuhan dan bayaran cukai perdagangan pedagang-pedagang pelbagai negara yang menggunakan perkhidmatan entrepot di ibu negeri pemerintah.⁵⁹ Rempah-rempah berwangi merupakan bahan perdagangan entrepot utama, dan ini telah dicatatkan dalam hasil penulisan pedagang-pedagang yang menikmati faedah perkhidmatan entrepot ini. Oleh itu Masudi, pada tahun 955 menyatakan bahawa 'Raja yang memerintah pulau-pulau ini memiliki lebih banyak minyak wangi dan rempah dari mana-mana raja lain'.⁶⁰

Kekayaan yang melimpah, martabat dan peluang-peluang memperoleh kekayaan membolehkan pemerintah mengekalkan kedudukannya dengan cara mengurniakan anugerah (*anugraha*), iaitu suatu tradisi dalam kerajaan Melayu dan kerajaan-kerajaan lain di Asia Tenggara. Perbendaharaan diraja merupakan salah satu dari "tujuh alat kuasa" dalam *Undang-undang Manu*, iaitu yang mengesyorkan Maharaja supaya mengurniakan 'orang-orang tertentu ganjaran yang sewajarnya'.⁶¹ Nama baik Maharaja yang pemurah hati seringkali disebut dalam sejarah sistem pemerintahan beraja di Asia Tenggara. Pada abad keenam di Taruma yang terletak di Pulau Jawa, sikap maharaja yang pemurah merupakan salah satu pujian yang biasanya diukir di atas prasasti; tidak menghairankan juga sikapnya itu mengakibatkan mereka mempunyai banyak sekutu yang setia kepadanya.⁶² Salah sebuah perbendaharaan diraja pada zaman awal di Asia Tenggara mengandungi berpuluh-puluh ribu kati emas; logam yang disorokkan itu telah dirampas oleh orang Cina apabila mereka menyerang ibu kota Cham dalam tahun 446.⁶³ Sikap pemurah merupakan salah satu sifat yang ada pada pemerintah-pemerintah Ayudhya dalam abad ketujuh belas.⁶⁴ Kita boleh menganggap bahawa pendapatan hasil perdagangan entrepot merupakan salah satu sumber kuasa Maharaja-maharaja Srivijaya. Kekayaan mereka dapat menjamin kesetiaan dan perkhidmatan pembesar-pembesar, serta mengelakkan penderhakaan berlaku. Ini mungkin mewajarkan tuntutan Maharaja dalam tahun 1017 apabila ia mengambil gelaran sebagai "Raja seluruh perairan" (the king of the ocean lands). Pembesar tempatan yang setia juga mempunyai kepentingan sendiri dalam mengekalkan perdagangan entrepot, kerana perdagangan tersebut merupakan salah satu sumber kekayaan mereka.

Teks-teks menunjukkan dengan jelas bahawa terdapat banyak emas dan perak di tenggara Sumatera. Dalam tahun 1225, Chao Ju-kua mengatakan bahawa wang perak dan bukan wang tembaga telah

digunakan bagi tujuan perdagangan. Ini merupakan satu kenyataan yang sangat menghairankan kerana terdapat banyak wang tembaga Cina yang beredar di Asia pada masa itu.⁶⁵ Chao Ju-kua juga menyebut bahawa orang-orang, mungkin pembesar-pembesar yang memberi wang perak (yang sama berat dengan berat badan mereka) kepada orang miskin supaya dapat mengelak diri dari menghidap penyakit yang boleh medatangkan maut.⁶⁶ Menurut prasasti Canton yang diukir pada tahun 1079, tidak kurang dari 600000 kepingan emas telah didermakan oleh Maharaja Palembang bagi memperbaiki dan menyelenggarakan sebuah rumah berhala Tao di Canton.⁶⁷

Walau bagaimanapun, teks yang ada tidak banyak membincangkan hal anugerah (*anugraha*) yang dikurniakan oleh pemerintah kepada penyokong-penyokongnya. Menurut sebuah cerita Arab, yang pertama kali diceritakan oleh Abu Zayd pada awal abad kesepuluh, setelah pemerintah mangkat, emas dalam bentuk bata, telah dibahagikan di kalangan ahli keluarga diraja, panglima-panglima dan pekerja-pekerja di istana berdasarkan pangkat dan keistimewaan yang ada pada mereka.⁶⁸ Setelah mengetahui bahawa harta pembesar-pembesar akan dibahagi-bahagikan, kita dapat memahami keterangan yang diberikan oleh Chao Ju-kua, yakni apabila ia menyatakan bahawa setiap orang membawa senjata dan peralatan sendiri apabila perang meletus.⁶⁹

Ibn Rosten juga menyebut tentang seorang pegawai Empayar Srivijaya-Palembang pada permulaan abad kesepuluh; namanya 'Harladj', dan sebuah 'pulau' telah dinamakan dengan namanya. Pangkat Harladj sekurang-kurangnya ialah ketua angkatan tentera Maharaja.⁷⁰ Tempat yang dikenali sebagai Harladj ini mungkin terletak di selatan Selat Melaka,⁷¹ dan mungkin juga diperintah oleh salah seorang pembesar dari Gugusan Riau atau Lingga. Harladj dikenali kerana kapur baru⁷² dan mempunyai tebingnya yang tinggi.⁷³ Kedua-dua ciri ini biasa didapati di Kepulauan Riau-Lingga.⁷⁴ Dari aspek ketenteraan pula, seorang datu mungkin menguasai sebuah pengkalan yang penting di situ. Pulau-pulau ini terletak di kedua belah jalan perkapalan di antara Lautan Hindi dan China, dan penduduk-penduduknya mempunyai pilihan sama ada untuk mengancam atau menolong pedagang-pedagang yang melintasi. Menurut catatan orang Arab, tidak ada perlanunan di kepulauan ini dalam era Srivijaya-Palembang, dan ini mungkin menunjukkan kekuasaan maharaja di Gugusan Kepulauan Riau-Lingga. Ini juga menunjukkan bahawa pada masa itu sudah wujud hubungan istimewa antara Maharaja, ketua Harladj dan pembesar Melayu. Di kepulauan ini, kapal-kapal merupakan alat kuasa Maharaja.

Satu lagi ciri tradisi Melayu adalah pemberian ganjaran oleh pemerintah kepada pegawai-pegawai yang setia. Pembesar-pembesar dikehendaki menyediakan segala keperluan untuk pengikut-pengikutnya, dan pengikut-pengikutnya pula menerima kewajibannya untuk menunjukkan kesetiaan kepada pelindung mereka. Chao Ju-kua juga menghuraikan bahawa ada juga pengikut-pengikut yang membunuh diri apabila tuan mereka meninggal dunia.⁷⁵ Teks yang paling jelas menghuraikan hubungan yang wujud di perairan Melayu di antara pemerintah dengan pengikut-pengikutnya terkandung dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai*: 'Apakah yang perlu dilakukan untuk rakan kita Merah Silau? Pada pendapat saya, lebih baik jika ia dijadikan Raja, kerana ia sebenarnya adalah seorang Raja, dan ia sangat kaya. Dengan itu, bolehlah kita meletakkan harapan kita ke atasnya'.⁷⁶ Merah Silau adalah dari keturunan diraja dan sangat kaya, dan pengikut-pengikutnya cuba mewajarkan perlantikannya sebagai pemerintah berdasarkan fakta-fakta ini. *Sejarah Melayu* menghuraikan usaha berhati-hati pegawai-pegawai bekas Sultan Melaka yang tinggal di Bentan selepas serangan Portugis, apabila mereka memindahkan segala harta-benda kepunyaannya dari Bentan ke Johor. Tempat baru ini dicadangkan sebagai ibu negeri baru.⁷⁷ Kekayaan yang dimiliki oleh Sultan ini telah membantu mengekalkan pengaruhnya walaupun pihak Portugis telah menyerang Melaka. Menjelang abad ke sembilan belas di Palembang, agen-agen Raffles masih mendapati bahawa kekayaan yang dimiliki oleh Sultan amat berguna dalam pengekalan pengaruh yang tidak mudah dihapuskan.⁷⁸ Dengan itu, Sultan dapat membuat keputusan bahawa ia tidak memerlukan bantuan British sebagai pengganti pihak Belanda kerana ia sendiri mempunyai keupayaan untuk mempertahankan diri daripada lanun-lanun dan jiran-jirannya.⁷⁹ Jelasnya, Sultan berharap bahawa Raffles akan membenarkan Palembang sekali lagi menjadi pusat perdagangan bebas. Seterusnya hal ini akan menambah kekayaan serta pengaruhnya di rantau.⁸⁰

Pemberian Sultan adalah lebih istimewa daripada penerimaan gaji biasa, dan pada hari-hari kebesaran, hadiah-hadiah yang istimewa disediakan oleh pemerintah. Melantik dan memberi datu-datu tanah merupakan salah satu hak pemerintah. Akan tetapi di Palembang, pemerintah juga perlu menimbangkan keadaan-keadaan tertentu. Satu perkara yang jelas dilihat dalam hasil penulisan Arab adalah huraian tentang kekayaan yang dimiliki oleh wilayah-wilayah yang terletak di bawah pemerintahan Maharaja-maharaja; Palembang, mungkin merupakan bahagian yang paling sedikit sekali mempunyai hasil keluaran

tempatannya. Prasasti Canton menunjukkan bahawa Maharaja memiliki kapal-kapal dagang⁸¹ tetapi tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa pembesar-pembesar Melayu lebih aktif dalam kegiatan perdagangan, daripada pembesar-pembesar di Melaka.⁸² Sebaliknya, pendapatan mereka mungkin diperolehi daripada pengeluaran tempatan dan pelabuhan-pelabuhan mereka yang terletak di jalan perkapalan antarabangsa. Faktor kesetiaannya ataupun kekerasaan yang dihadapi menghalang pembesar-pembesar Melayu daripada bertanding dengan pelabuhan-pelabuhan diraja yang menjalankan perkhidmatan entrepot. Kadangkala mereka memperolehi sebahagian keuntungan yang terhasil daripada ekspedisi perdagangan yang dikelolakan oleh pihak pemerintah. Akan tetapi penghargaan terbesar yang dapat diterima oleh mereka adalah dengan diberi peluang untuk berkhidmat di istana ibu negeri. Terdapat banyak pekerja istana yang bekerja di dalam istana, dan ramai orang-orang kenamaan dikehendaki untuk melaksanakan upacara-upacara diraja.

Dengan itu, ramai pembesar-pembesar Melayu sedia meninggalkan tempat mereka yang jauh dan membosankan untuk memegang jawatan berpangkat tinggi dan lumayan di istana. Corak hidup pemerintah Palembang sudah tentu menggalakkan pemerintah-pemerintah Melayu dan ketua-ketua nomad laut dari pulau-pulau yang berjauhan untuk berkhidmat di pantai Sumatera. Oleh kerana kebanyakan penduduk pulau tertinggal dari segi kebudayaan, mereka lebih taat kepada ketua-ketua tempatan mereka iaitu yang merupakan pengikut-pengikut Maharaja yang setia.⁸³

Sejarah Melayu memberi contoh-contoh yang jelas akan peluang-peluang kehidupan di ibu negeri yang selesa. Ini telah digunakan oleh pemerintah sebagai umpan untuk menarik perhatian orang-orang yang berinisiatif bagi berkhidmat dengan pihak pemerintah. Sambil menjemput Tun Perak menjamu *sireh* dari tepak sirehnya, Sultan telah bertitah, "Anda tidak dapat mencapai kebolehan sepenuhnya di Kelang, Tun Perak. Anda mesti tinggal di ibu negeri".⁸⁴ Semasa ia uzur, Tun Perak telah berkata kepada seorang anak muda, "anda boleh bekerja untuk raja atau pergi tinggal di dalam hutan tetapi akar-akar dan pucuk-pucuk yang terdapat di situ hanya mencukupi selera lelaki yang tidak begitu lapar".⁸⁵

Daya menarik Palembang yang indah dan juga peluang untuk mencapai kedudukan sosial yang lebih baik, merupakan satu daya pemusat di rantau ini. Kekayaan Maharaja mungkin diagihkan di kalangan pembesar-pembesar apabila mereka menerima 'gaji' dan

ganjaran kewangan lain-lain. Akan tetapi ini tidak merupakan ganjaran yang paling berharga kepada pembesar-pembesar Melayu. Seseorang itu rela hidup di Palembang apabila ia mendapat perkenan pemerintah selain apabila diberi keutamaan dari orang-orang lain terhadap faedah-faedah sampingan. Tatatertib kesetiaan dibentuk dan diperbaiki untuk menentukan perlakuan di istana.⁸⁶ Akan tetapi cara hidup ini memerlukan penangung dari keturunan diraja yang kaya, yang mempunyai istana raja iaitu tempat 'upacara-upacara kebanggaan bangsa Melayu dilangsungkan'.⁸⁷ Dengan itu pengekalannya status Srivijaya-Palembang sebagai 'nagara' terletak pada pengakuan orang Melayu tentang peranan yang dimainkan oleh mereka dalam memastikan kesejahteraan 'nagara'. Di sinilah Maharaja Melayu tinggal. Maharaja yang berdaulat memberi ganjaran kepada rakyatnya yang setia dan yang memainkan peranan penentu untuk mencapai perpaduan di kalangan penduduk Melayu.

Dua ciri utama yang kita rujuk sebagai 'sejarah Srivijaya' sekarang dapat diuraikan. Masyarakat Melayu mempunyai ciri-ciri memusat walaupun seringkali berpecah belah akibat kedudukan geografi dan pengaruh laut. Walau bagaimanapun pemberian diraja mengatasi ciri-ciri masyarakat yang memusat. Kalau tidak, sudah tentu situasi politiknya akan bergantung lebih kepada perdagangan antarabangsa, iaitu yang merupakan sumber utama pendapatan diraja. Keadaan persekitaran Melayu menentukan sumber kekayaan Srivijaya. Pusat-pusat perdagangan di Asia dapat mengekalkan atau mengurangkan kekayaan yang diperolehi hasil perdagangan entrepot, iaitu yang merupakan sumber kekuasaan Maharaja. Keadaan persekitaran orang Melayu tidak hanya tertumpu kepada kegiatan perdagangan, dan dalam bahagian lain kajian ini, kita akan kaji kepentingan pengaruh agama Buddha dalam sejarah Melayu. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu juga sangat dipengaruhi oleh kegiatan-kegiatan perdagangan di luar negeri; sekalipun jika perdagangan itu dijalankan di Teluk Parsi. Misalnya, gempa bumi di Teluk Parsi mengakibatkan kejatuhan sementara kegiatan perdagangan di Palembang.⁸⁸

Faktor yang memainkan peranan terbesar sekali dalam persekitaran perdagangan antarabangsa Srivijaya adalah dalam mekanisme dan jumlah perdagangan China, terutamanya dalam menentukan sama ada barangan itu telah sampai di negeri China di bawah sistem ufti, ataupun melalui pedagang-pedagang yang berkunjung ke pusat-pusat pengeluaran di luar negeri.

BAB 3

MAHARAJA-MAHARAJA DAN HUBUNGAN DI LAUTAN SELATAN

Hanya pedagang-pedagang yang berdagang di lautan Hindi yang juga berdagang di China, sahaja yang masih dianggap oleh Maharaja-maharaja sebagai amat mustahak bagi kegemilangan mereka. Walaupun Palembang mempunyai kemudahan entrepot, ini tidak bererti bahawa pedagang-pedagang dari Lautan Hindi tidak pergi ke pelabuhan-pelabuhan lain di Indonesia. Prasasti di Jawa yang bertarikh 927 menunjukkan bahawa orang Sinhala, penduduk India Selatan dan orang-orang Mon adalah di antara orang yang melawati Jawa.¹ Bukti-bukti lain juga menunjukkan bahawa orang India terus melawat Jawa sehingga abad kesebelas.² Orang Tamil tinggal di Takuapa yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu pada bahagian kedua abad kesembilan,³ sementara Buzurg pada awal abad kesepuluh merujuk kepada pelayaran dari Teluk Parsi ke Sumatera Utara.⁴ Selalu terdapat permintaan untuk kain-kain dari India di Asia Tenggara, sebagai perantaraan pertukaran untuk barang-barang keluaran tempatan. Oleh itu tidak ada alasan untuk kita berfikir bahawa Maharaja-maharaja Srivijaya-Palembang cuba menghalang secara tetap pembangunan pelabuhan-pelabuhan yang terletak di luar negara-negara naungannya di rantau ini.

Pedagang-pedagang Laut Hindi pula tidak bergantung ke atas Palembang atau rantau ini sebagai sumber tunggal pendapatan mereka. Walaupun Indonesia kaya dengan hasil keluaran semula jadi, kepulauan itu tidak menikmati monopoli sepenuhnya ke atas semua hasil keluaran

tropika. Permintaan untuk lada India serta hasil pertanian lainnya, di Rom pada awal era pengembangan Kristian, merupakan salah satu sebab mengapa perdagangan di antara pelabuhan-pelabuhan di Timur Tengah dengan di India berjalan dengan giat. Hasil pengeluaran Timur Tengah dan India yang banyak telah menjamin perdagangan di Lautan Hindi. Kapur barus, 'benzoin' bunga cengkih dan buah pala dibeli oleh pedagang-pedagang dalam perjalanan mereka ke China. Pada masa itu, Srivijaya yang terletak di jalan perdagangan ke Canton menyediakan perkhidmatan yang penting dalam kegiatan perdagangan menguntungkan di kawasan Lautan Hindi.⁵ Apabila kekecohan berlaku di selatan China, pedagang-pedagang yang kurang berani berhenti berdagang dengan China buat seketika.

Bagi Srivijaya pengeluaran perdagangan ke Lautan Hindi merupakan sebab utama kerajaan itu mencapai kekayaan, dan juga merupakan sebab utama yang mengakibatkan orang Melayu mengambil bahagian dalam perdagangan merentas Asia dalam abad kelima dan keenam.⁶ Oleh itu, pedagang-pedagang dari Teluk Parsi, dalam abad kesepuluh, mengenali Palembang sebagai 'pelabuhan yang menghadap China' kerana ia merupakan pelabuhan singgah terakhir dalam perjalanan ke Canton.⁷ Nilai perdagangan China kepada Srivijaya adalah istimewa, dan hanya dapat ditandingi dengan perdagangan China dengan Srivijaya pada abad-abad sebelum kapal-kapal China belayar ke Lautan Hindi. Kita tidak boleh terlalu banyak menekankan bahawa di bawah sistem (perdagangan) ufti, kedua-dua pihak, iaitu Maharaja Cina dan Maharaja Srivijaya telah mendapat keuntungan. Walau bagaimanapun, keuntungan ini mengingatkan mereka tentang keadaan yang mereka alami selepas bahagian kedua abad keempat belas, iaitu selepas Dinasti Ming ditubuhkan.

Namun demikian seperti juga aspek sejarah Srivijaya lainnya, maklumat tentang perkara ini adalah sedikit. Malah catatan-catatan yang adapun kebanyakannya ditulis oleh orang Cina tentang negara-negara naungan Melayu yang setia.⁸ Untuk memahami mengapa Srivijaya penting kepada China dan mengapa Maharaja diberi kuasa ekonomi untuk mencapai kedudukan mereka, kita perlu melencung sedikit dari tajuk asal. Kita mesti mengkaji beberapa konsepsi China tentang kawasan perairan Asia yang sedia ada apabila Srivijaya-Palembang ditubuhkan dalam abad ketujuh. Kesedaran orang Cina tentang masalah geopolitik yang dihadapi oleh mereka, berpunca dari pengalaman abad-abad awal perkembangan agama Kristian di China; iaitu dalam usaha pengekal hubungan antarabangsa tanpa angkatan laut

sendiri. Ini menerangkan mengapa Maharaja-maharaja T'ang dan Sung melantik Maharaja-maharaja Srivijaya untuk menjaga kepentingan negara China. Sikap baik (hati) kerajaan China terhadap Maharaja telah diketahui dan dihormati oleh pedagang-pedagang di Asia, iaitu yang sentiasa sedia patuh kepada syarat-syarat perdagangan yang ditentukan.

Pada abad-abad awal era pengembangan agama Kristian, orang Cina telah membentuk satu pandangan tentang dunia yang tidak banyak berbeza dari pandangan yang terdapat pada orang Eropah di antara pertengahan abad kelima belas hingga abad ketujuh belas. Hal ini dijelaskan oleh Profesor Parry. Seratus tahun selepas itu, orang Cina sama seperti orang Eropah, mula 'belajar menerima dunia sebagai satu keseluruhan dan semua kawasan laut juga dilihat sebagai satu keseluruhan'.⁹ Mereka mulai sedar bahawa satu kawasan laut yang luas merentang dari selatan China hingga ke kawasan Mediterranean. Jeneral-jeneral Dinasti Han (206 S.M-T.M.8) telah mendapati bahawa Parthia merupakan jalan ke *T'iao-chih* di 'lautan barat', iaitu kerajaan di bahagian hulu Tigris dan Euphrates yang dikenali sebagai kawasan terletaknya Alexandria (*Li-kan*).¹⁰ Semasa pemerintahan Han Wu-Ti (141- 87 S.M.) orang Cina mengetahui bahawa kapal-kapal dari selatan China dapat sampai ke *Huang-chih* yang terletak di pantai timur India.¹¹ Pada tahun 95 S.M. satu rombongan yang datang melawat Wu-ti telah menggunakan jalan laut. Penaklukan Pan ch'ao di Asia Tengah pada akhir abad pertama T.M., menunjukkan bahawa kapal-kapal dari *Ta-ch'in*, iaitu 'Rom Timur', telah memperolehi banyak keuntungan dari perdagangan dengan Parthia dan India.¹² Pada abad kedua, kesatuan kawasan laut ini dibuktikan apabila putera-putera India menghantar rombongan ke China, dan apabila utusan-utusan yang mengaku mereka datang dari *Ta-ch'in*, memberitahu bahawa mereka melalui jalan yang sama untuk sampai ke China.¹³ Pelayaran Fa Hsien dalam sebuah kapal dagang dari Sri Lanka pada awal abad kelima belas, menunjukkan bahawa ada juga orang Cina yang mengetahui tentang Selat Melaka dan jalan merentasi Semenanjung Tanah Melayu, dan jalan-jalan ini telah digunakan untuk membolehkan pedagang, secara teorinya, mengembara mengikut jalan laut dari Tanah Arab ke China. Oleh itu, apabila catatan di antara tahun-tahun 420 - 479, dikumpulkan dalam *Sung-shu* pada abad keenam, bab-bab yang ditulis mengenai 'orang gasar' (barbarian) dalam sejarah China buat pertama kali menyebut tentang sebuah kerajaan Indonesia, iaitu *Ho-lo-t'o*. Kerajaan ini dikenalpasti sebagai sebuah negara 'orang-orang gasar yang terletak di bahagian barat daya laut besar'.¹⁴ Yoa Ssu-lien, penyusun bab-bab

tentang orang gasar pada awal dinasti T'ang, dalam *Liang-shu*, iaitu sejarah sebuah dinasti di selatan China dari tahun 502 hingga 557, telah menulis bahawa 'negara-negara ke arah barat (laut selatan) telah menyatukan negara-negara di seluruh kawasan barat'.¹⁵ Yoa Ssu-Lien sedar bahawa kawasan laut besar terdiri kerajaan-kerajaan kelautan di Asia Tenggara dan juga negara-negara di barat Asia.

Oleh kerana orang Cina berpendapat bahawa hanya satu kawasan laut yang luas merangkumi seluruh kawasan Asia, mereka tidak berminat untuk mengkaji tentang kawasan-kawasan yang terletak di bahagian barat Indonesia. Tidak ada bukti yang dapat menunjukkan bahawa mereka melihat kepentingan Selat Melaka sebagai pemisah di antara laut di Asia Tenggara dengan Lautan Hindi. Mereka tidak menggunakan perkataan 'Laut Hindi' untuk membezakan kawasan tersebut daripada kawasan Laut Cina Selatan. Catatan-catatan Cina, dalam abad ketiga merujuk Semenanjung Tanah Melayu sebagai satu penghalang kepada perkapalan,¹⁶ tetapi tidak ada sebarang catatan yang dapat memberitahu kita sama ada 'halangan' tersebut telah dapat diatasi dengan menggunakan Selat Melaka.¹⁷

Menjelang abad keenam, lautan tunggal telah diterima sebagai fakta geografi kerana dalam abad kedua T.M. lautan tersebut dikenali sebagai kawasan laut yang memiliki kesatuan sejati, iaitu yang diwakili oleh beberapa siri pertukaran dagang sepanjang jalan perkapalannya. Jalan-jalan perkapalan ini merupakan jalan yang digunakan untuk membawa berbagai-bagai barangan berharga dari 'kawasan barat' ke selatan China. Kenyataan ini menonjol terutamanya selepas abad keempat. Pada abad keenam dan ketujuh, perdagangan dari 'Teluk Parsi' telah sampai ke Dinasti-dinasti Selatan di China melalui jalan laut.¹⁸ Yao Ssu-lien dalam awal zaman T'ang telah melihat bahagian pertama abad keenam sebagai fasa terbaharu dalam hubungan laut yang telah bermula dengan Han Timur. Ia mengingati jalan ufti semasa pemerintahan Huan-ti (146 -167), iaitu yang menganjur dari *Ta-ch'in* dan India, hingga ke Lin-yi di pantai Cham, seterusnya hingga ke kawasan selatan China.¹⁹ Dalam catatan-catatannya mengenai India, Yao Ssu-lien menggabungkan maklumat-maklumat dari tulisan *Hou han-shu* tentang *Ta-ch'in*, dalam konteks perdagangan laut dari Asia ke China.²⁰ Selain itu ia juga merujuk kepada tulisan K'ang T'ai, seorang utusan dinasti Wu ke Funan, di hilir Mekong pada separuh pertama abad ketiga.²¹ Dalam tulisannya mengenai *Tun Sun* yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu, Yao Ssu-Lien menyebut bahawa negara itu menikmati hubungan perdagangan dengan Parthia dan Tongking.

Dalam catatan ini ia mungkin mempergunakan maklumat yang diberikan oleh K'ang T'ai, iaitu yang jelas menggambarkan minat K'ang T'ai dalam hubungan laut di kawasan barat Asia.²²

Maklumat dari aspek geografi ini tidak diperolehi daripada pengalaman pengembara Cina yang mengembara di negara-negara di perairan Asia. Orang-orang biasanya bergantung kepada maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pendatang-pendatang asing, terutamanya utusan-utusan yang membawa ufti. Yao Ssu-lien menyatakan bahawa sedikit maklumat diperolehi daripada dinasti-dinasti abad kelima, terutamanya daripada Dinasti Liang yang telah berlangsung pada bahagian pertama abad keenam.²³ Walau bagaimanapun, sejarah sepanjang dua abad ini sangat sedikit menghuraikan maklumat geografi tentang kerajaan-kerajaan Indonesia. Pada akhir abad kelima, Shen Yueh, yang menyusun *Sung-shu* telah mengaku bahawa jarak pelayaran di antara negara-negara kelautan tidak dicatat dengan tepat.²⁴ Seratus tahun kemudian, Yao Ssu-lien, hanya mencatat bahawa kedudukan sebuah kerajaan Sumatera yang menjalankan perdagangan, iaitu *Kan-t'o-li*, terletak di 'lautan selatan'.²⁵ Negara-negara Indonesia yang dikenali oleh orang Cina dalam abad kelima dan keenam hanya dapat dikenal secara samar-samar iaitu daripada maklumat-maklumat tentang waris mereka yang dicatatkan dalam dokumen-dokumen dalam abad ketujuh.²⁶

Sungguhpun orang Cina kekurangan maklumat langsung yang diperolehi sendiri tentang negara-negara kelautan, mereka berasa sungguh yakin tentang fakta berikut: negara-negara ini dipisahkan dari China oleh kawasan laut yang luas. Kepastian mereka mengenai fakta ini dapat dilihat dalam isi kandungan surat yang dipercayai telah dihantar oleh pemerintah negara-negara kelautan kepada Maharajamaharaja Dinasti Liu Sung pada separuh pertama abad kelima, iaitu apabila perjanjian-perjanjian di antara China dengan negara-negara tersebut mula dijalin. Surat-surat ini kadang-kadang mengandungi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pemerintah-pemerintah negara kelautan itu, seperti permintaan perlindungan daripada musuh. Walau bagaimanapun, catatan-catatan Cina tentang tempat-tempat ini menunjukkan bahawa orang Cina berpendapat bahawa tempat-tempat ini terletak di tempat yang jauh, dan adalah amat susah untuk sampai ke tempat-tempat tersebut. Pada tahun 428, pemerintah 'India' telah menulis: 'gunung dan laut memisahkan saya (dari China)'.²⁷ Dalam tahun yang sama, pemerintah Sri Lanka juga menulis perkara yang sama.²⁸ Kerajaan-kerajaan India juga mempunyai anggapan bahawa

laut merupakan penghalang hubungan. Dalam tahun 430, seorang pemerintah Jawa telah menulis: 'gunung dan laut menghalang saya (dari China) dan saya tidak mempunyai keupayaan untuk pergi (ke China) seorang diri'.²⁹ Seorang pemerintah Jawa dalam tahun 435 telah melihat dirinya sebagai 'terpisah oleh laut besar'.³⁰

Istilah yang digunakan dalam perenggan-perenggan ini membayangkan kesan laut yang memisah adalah 'ke', suatu perkataan yang membawa maksud yang laut itu mempunyai ciri tidak selamat. *Ke* (tertutup) adalah berlawanan dengan perkataan *t'ung* (terbuka).³¹ Perkataan *ke* serta *ke-chueh* boleh dilihat dalam sejarah Han untuk menggambarkan kepelbagaian ciri geografi dan keadaan politik yang berbahaya di jalan-jalan perkapalan di Asia Tengah.³² Penggunaan perkataan *ke* pada zaman Dinasti-dinasti Selatan menggambarkan pemisahan kawasan hilir Yangtze dari Sungai Kuning dan Kansu.³³ Sementara itu perkataan *ke* dalam surat-surat daripada pemerintah negara-negara kelautan menunjukkan bahawa laut dilihat sebagai penghalang hubungan. *Tsu*, satu lagi istilah yang menunjukkan halangan oleh laut, telah digunakan dalam sejarah Han bagi menggambarkan ciri-ciri muka bumi yang kadang-kadang digunakan oleh puak-puak tempatan untuk tujuan perlindungan diri.³⁴ Jelasnya bahaya yang digambarkan dalam istilah-istilah Cina menunjukkan masalah-masalah yang dialami dari aspek hubungan laut di Asia Tengah. Pandangan orang Cina tentang ciri-ciri geografi Asia Tengah dan negara-negara kelautan Asia telah disimpulkan oleh Yao Ssu-lien, dalam *Liang-shu*: 'negara-negara orang gasar di laut selatan dan lautan timur dan juga di kawasan utara dan timur diduduki oleh puak-puak yang hidup di had sempadan (dunia). Gunung atau laut yang menarik merupakan sempadan setiap puak'.³⁵

Bahaya hubungan laut mendapat perhatian Dinasti-dinasti Selatan kerana di kawasan barat yang terletak jauh dari China, terdapat kawasan yang kaya dengan barang-barang idaman Maharaja-maharaja Cina.³⁶ Secara amnya kawasan tersebut adalah kawasan barat laut India, Parsi dan Timur Tengah. Sejarah Dinasti Han mencatatkan bahawa barang-barang luar biasa dan berharga terdapat di rantau itu. Penduduk-penduduk rantau ini nampaknya tidak menghadapi sebarang masalah menjalankan perdagangan sesama mereka dan sedia menghantar ufti ke China, asalkan mereka berkeupayaan melakukan perjalanan yang jauh itu.³⁷ Pada zaman Han Timur, *Ta-ch'in* merupakan simbol kekayaan.³⁸ Pada abad kelima dan keenam, orang Cina terus berpegang kepada pendapat bahawa kawasan barat merupakan kawasan di luar negeri

Cina yang terkaya. Walau bagaimanapun 'Parsi' telah menggantikan *Ta-ch'in* sebagai toponim yang dikaitkan kekayaan ini.³⁹

Pemindahan ibu negeri dinasti Chin ke kawasan hilir Yangtze pada awal abad keempat mengakibatkan maharaja-maharaja selatan kehilangan jalan darat yang boleh digunakan bagi menghantar ufti. Oleh itu mereka mempunyai tanggungjawab untuk menggalakkan kapal-kapal supaya singgah di pelabuhan mereka. Dengan cara ini mereka berpendapat kerugian akibat hilang pengaruh di Asia Tenggara dapat diimbangi. Jika tema utama dalam kajian sejarah zaman Han adalah 'orang gasar', maka tema yang sama penting yang banyak dicatatkan dalam sejarah Dinasti Selatan, terutamanya dalam bab tentang orang gasar laut, adalah 'hubungan' (*t'ung*).⁴⁰ Walau bagaimanapun, Dinasti Selatan lemah dan tidak banyak mempunyai sumber kekuasaan dalam bentuk persenjataan dan tentera. Untuk melindungi perdagangan, mereka hanya dapat menjatuhkan hukuman ke atas perampas-perampas harta Lin-yi di kawasan selatan Tongking.⁴¹ Dalam abad pertama permulaan abad era agama Kristian, hanya dua utusan telah dihantar ke luar negeri, dan kedua-duanya tidak berasal dari Dinasti-dinasti Selatan.⁴² Usaha pelayaran pertama orang Cina di kawasan selatan telah dibuat dalam zaman Han (116 - 111 S.M.); beberapa garisan (pasukan tentera) didirikan di selatan Cina dan Tongking. Penyusun *Liang-shu* melihat peristiwa ini sebagai perkembangan jalan yang digunakan untuk menghantar ufti.⁴³ Akan tetapi sebenarnya Orang Cina hanya berjaya memperolehi jalan masuk ke kawasan laut di selatan.

Ahli-ahli sejarah Dinasti-dinasti Selatan, telah melihat cara lain bagaimana Cina dapat menambah pengaruh mereka bagi menggantikan kekurangan kuasa tentera laut dan darat. Kepercayaan umum di sini adalah bahawa pengasas-pengasas dinasti baru mempunyai 'kuasa moral' ("moral power") (*te*), iaitu yang membolehkan mereka mengukuhkan kewibawaan. Orang-orang gasar dan orang-orang Cina akan bertindak terhadap *te*, dan Confucius sendiri menyatakan: jika orang yang tinggal di kawasan jauh tidak tunduk kepada pemerintahan dalam negara yang begitu teratur (iaitu China), pemerintah-pemerintah (China) mesti menarik perhatian mereka dengan menggunakan martabat (*te*) serta kebudayaan yang bertaraf tinggi; dan selepas ia berjaya menarik perhatian mereka, ia mesti memastikan bahawa mereka berasa puas hati. Apabila pergolakan tidak berlaku, di situlah wujudnya kepuasan'.⁴⁴

Catatan-catatan *Hou Han-shu* tentang kejayaan 'kawasan barat',

membincangkan hal *te*. Akan tetapi sejarah pada abad kelima dan keenam menerangkan bahawa penghantaran rombongan-rombongan oleh pemerintah menggambarkan martabat (*te*) di Raja (imperial). Berita penabalan Liu Sung dan pemulaan Dinasti Ling menyebabkan rombongan-rombongan tiba dari Sri Lanka.⁴⁵ Pemerintah *Kan-t'o-li* mengetahui tentang martabat Liang Wu-ti dalam satu mimpi yang luar biasa.⁴⁶ Tema yang biasa terdapat dalam kenyataan diraja tentang pemerintah-pemerintah negara-negara kelautan pada abad kelima dan keenam adalah kecekalan hati mereka dalam menghadapi bahaya-bahaya laut bagi menghantar ufti demi untuk menyanjung martabat (*te*) diraja.⁴⁷ Dalam tahun 449 Maharaja Liu Sung berasa amat gembira kerana tiga kerajaan Indonesia menunjukkan kesetiaan mereka dengan menghantar ufti.⁴⁸

Rombongan-rombongan yang dihantar untuk mengumpulkan ufti merupakan pengiktirafan kuasa *te* bagi memastikan jalan laut terbuka untuk perkapalan. Walaupun laut memang merbahaya, kapal-kapal luar negeri seringkali datang ke negeri China kerana jalan laut sentiasa terbuka. Ini seterusnya membuktikan kesan *te* dalam dunia pelayaran. Dalam tahun 428, seorang pemerintah India menghantar utusan bersama-sama dengan barang-barang berharga terpilih dari negaranya dengan pesanan bahawa ia dapat terus menghantar utusan-utusan ke China dari semasa ke semasa tanpa sebarang gangguan. 'Apa sahaja barang berharga yang diperlukan oleh Maharaja China mesti dihantarkan kepadanya sebagai hadiah'.⁴⁹ Catatan-catatan *Hou Han Shu* tentang pemerintah *Ta-ch'in* juga adalah mengenai pemerintah yang menghantar utusan-utusan ke China, walaupun telah dihalang daripada berbuat demikian oleh Parthia.⁵⁰ Penghantaran ufti dilihat sebagai satu tanda yang menunjukkan bahawa jalan perkapalan adalah terbuka. Shen Yueh dan Hsiao, penyusun *Sung-shu* dan *Nan Ch'i-shu* yang hidup dalam zaman Dinasti Selatan,⁵¹ menegaskan bahawa perdagangan yang menguntungkan berlaku apabila rombongan-rombongan itu mula datang. Semasa zaman pemerintahan Liu Sung, 'kapal singgah bertali arus dan pedagang serta utusan bergaul mesra antara satu sama lain'.⁵² Dalam zaman pemerintahan Nan Ch'i, "Tongking dan Kuangtung kaya dan mempunyai bekalan barangan yang banyak. Barangan itu disimpan dalam perbendaharaan diraja Bukankah ini merupakan kesan terhasil apabila *te* digunakan di tempat-tempat yang jauh?"⁵³

Dalam abad kelima dan keenam orang Melayu mencuba sedaya upayanya membawa perdagangan 'Parsi' merentasi Laut Cina Selatan. Di antara tahun 441 hingga 563, *Kan-t'o-li* juga menghantar rombongan

dagangnya ke luar. Pada masa ini walaupun orang Cina berminat kepada barangan hasil keluaran Asia barat, mereka diperkenalkan dengan barang-barang keluaran Sumatera seperti benzoin dan kapor dari Sumatera.⁵⁴ Menjelang abad keenam, pandangan umum di kalangan *literati* Cina adalah bahawa Maharaja-maharaja merupakan sebab utama orang lain berhubung dengan China, sementara kapal-kapal laut itu sendiri sedia mengambil risiko untuk belayar ke situ.

Apakah pandangan orang Cina tentang faedah yang dinikmati oleh pemerintah-pemerintah ke atas kepatuhan mereka, selain anugerah yang telah dikurniakan kepada setengah-setengah daripada mereka?⁵⁵ Selain pertambahan pedagang beratus kali ganda di *Kan-t'o-li* apabila pemerintah menghantar rombongan melawat Dinasti Ling⁵⁶ yang baru, catatan-catatan dalam abad kelima dan keenam tidak menyebut tentang kuasa ekonomi bangsawan Melayu yang kian bertambah. Akan tetapi sedikit maklumat yang sampai ke istana Cina sudah tentu menghuraikan tentang faedah yang dinikmati oleh negara-negara naungan China. Orang Cina mencatatkan bahawa pemerintah *Ho-lo-t'o* telah memohon bantuan untuk menentang jirannya, dan juga apabila menghadapi cabaran seorang pemberontak.⁵⁷ Pemerintah Funan pula meminta pertolongan menentang Lin-yi.⁵⁸ Dalam mimpinya, pemerintah *Kan-t'o-li* telah diberi amaran bahawa jika beliau tidak membayar ufti wilayah-wilayah tidak akan aman.⁵⁹ Kita tidak mengetahui sama ada hubungan berdasarkan ufti ini membantu mengekalkan kedudukan pemerintah-pemerintah, tetapi kajian mengenai *Kan-t'o-li* menunjukkan bahawa perbendaharaan Diraja hanya bertambah semasa perdagangan dijalankan dalam abad-abad tersebut. Sudah tentu Maharaja-maharaja Cina mempunyai alasan-alasan sendiri yang membuat mereka percaya bahawa pemerintah-pemerintah itu cukup kuat untuk dijadikan agen diraja yakni yang akan mengekalkan keamanan di luar negeri. Dalam semua hal, orang Cina berasa puas hati asalkan negeri-negeri itu sedar akan kewujudan empayar China, iaitu yang merupakan sumber semua kemurniaan politik dan pelindung umat manusia.

Kesan *te'* perlu untuk mententeramkan perairan yang sebelum ini tidak dapat dilalui. Ini dibuktikan oleh keadaan yang dahulunya penuh huru-hara iaitu seperti yang telah diperhatikan oleh orang Cina. Mereka mendapati tidak ada negara lain yang lebih kecoh daripada sebuah negara Cham, iaitu yang dikenali sebagai Lin-yi. 'Mereka dapat bergantung kepada jarak dan kedudukan mereka yang merbahaya'.⁶⁰ Lin-yi merupakan kuasa laut tunggal yang dapat mengancam wilayah China di Tongking. Orang Cham juga dapat mengancam hubungan

antara China dan negara-negara kelautan lain. Dalam zaman Nan Ch'i (479 S.M.-502 S.M.), Cham menghalang Funan menghantar ufti.⁶¹ Satu lagi faktor yang menyebabkan Maharaja Cina memerlukan negara naungan ialah sebab terdedahnya jalan-jalan perkapalan kepada para lanun. Selain itu adalah diharapkan negara itu dapat menjaga keamanan di lautan bagi pihak Maharaja Cina.

Dengan itu, kita dapat simpulkan pengalaman yang dihadapi oleh Dinasti-dinasti Selatan. Maharaja-maharaja itu tahu bahawa orang gasar terletak di kedua belah tepi lautan besar dan dipisahkan jauh daripada negeri China. Akan tetapi setengah-setengah pemerintah terpikat dengan pengaruh moral maharaja, dan dengan itu wilayah selatan China menikmati hubungan perdagangan dengan kawasan-kawasan jauh di perairan Asia.

Benarkah orang Cina percaya bahawa *te'* dapat mengatasi semua masalah yang berhubung dengan jarak (ruang) secara amat berkesan, atau mungkinkah mereka begitu bongkak tentang kebudayaan mereka hinggakan tidak perlu mengakui bahawa maharaja-maharaja tidak berkeupayaan untuk menguatkuasakan kuasa militari mereka di luar negeri?⁶² Mungkin kepercayaan kepada diri sendiri seperti yang diajar oleh Confucius merupakan asas kehidupan di kalangan pegawai dan pemilik harta di China Selatan dalam abad kelima dan keenam, dan kejayaan 'memperbaharui adat' orang gasar yang hidup di kalangan mereka, telah memberi *literati* (para cendekiawan) Dinasti Selatan suatu keyakinan dalam pengaruh kebudayaan Cina. Selain itu mereka juga percaya bahawa permintaan memohon bantuan daripada pemerintah di kawasan perairan laut ('rulers in the ocean') dan kemasukan barang-barang berharga diakibatkan secara tidak langsung oleh *te'* Maharaja Cina.⁶³

Sekarang kita mesti perhatikan fasa terakhir dalam perkembangan (evolusi) pemikiran (dogma) Cina yang menyakini bahawa negara-negara kelautan mempunyai keupayaan untuk mengikut arahan Maharaja iaitu dengan memastikan jalan perkapalan terus dibuka. Dalam fasa ini, yang kebetulannya merupakan tahun-tahun permulaan Dinasti Tang, yang kuat iaitu yang ditandai oleh pengesahan pendapat semasa Dinasti-dinasti Selatan yang lemah. Ini seterusnya membantu dalam menjalin hubungan dan kedamaian dengan negara-negara yang terletak di Lautan Selatan. Pemahaman pemerintah Dinasti Tang mengenai dasar-dasar terhadap orang gasar di kawasan kelautan telah menghuraikan teori hubungan China, iaitu di antara Maharaja-maharaja China dengan Maharaja Srivijaya-Palembang. Dasar ini kemudiannya

diterima sebagai satu pengajaran sejarah oleh pengasas Dinasti Ming pada separuh kedua abad keempat belas.

Yao Ssu-lien, yang melengkapkan tulisan ayahnya *Liang-shu*, dan Li Yen-shou penyusun *Nan-shih*, telah menulis pada awal zaman T'ang, iaitu pada bahagian pertama abad ketujuh. Walaupun huraian mereka tentang negara-negara kelautan mengandungi bahan-bahan rekod-rekod abad kelima dan keenam, pengenalan serta bahagian-bahagian akhir bab yang ditulis tentang 'negara-negara di laut selatan' membayangkan pemikiran intelek zaman mereka.

Jelasnya, mereka percaya bahawa mereka telah mengkaji satu zaman kejayaan dalam sejarah kelautan China. Yao Ssu-lien menganggap zaman Liang (502-557 S.M.) sebagai era terbaharu yang teragung sekali dalam sejarah China sejak zaman Han.⁶⁴ (Liang) Kao-tsu yang menggunakan *te'* ke atas orang-orang gasar mengakibatkan rombongan yang membawa ufti datang ke China setiap tahun. Yao juga seolah-olahnya membayangkan bahawa belum pernah terdapat begitu banyak pengetahuan tentang orang gasar sebelum itu.⁶⁵ Li Yen-shou juga menurut perspektif sejarah Yao.⁶⁶ Beliau membandingkan hubungan yang terputus di antara China dengan orang gasar di utara dan di barat, dan hubungan terbuka di antara kawasan selatan dengan orang gasar di sebelah timur; keadaan menguntungkan ini hanya tamat apabila pemberontakan Hou Ching terhadap Liang berlaku.⁶⁷ Menurut Li *te'* menarik orang-orang gasar; apabila cara pemerintahan yang murni (tao) tidak lagi diamalkan, orang gasar meninggalkan mereka.⁶⁸

Selain menyusun *Nan-shih* dan *Pei-shih*, Li Yen-shou juga berkhidmat di bawah T'ai-tsung (626 - 649 S.M.), dan juga di bawah maharaja seterusnya, iaitu Kao-tsung. Oleh itu ia dapat menggambarkan keadaan istana semasa awal Dinasti Tang.⁶⁹ Tugas-tugas Yao Ssu-lien diletak di bawah pengawasan Wei Cheng,⁷⁰ penasihat T'ai-tsung. Seperti Wei Cheng, Yao tidak teragak-agak untuk menyatakan pendapatnya apabila ia berpendapat bahawa Maharaja tidak mentadbir kerajaannya dengan baik.⁷¹ Li dan Yao berasa amat jijik terhadap dasar-dasar Sui terutamanya tentang wang yang berlebihan dalam tangan Sui Yang-ti (604 - 18 S.M.), iaitu Maharaja Sui kedua dan yang terakhir. Profesor Wright menghuraikan tentang cara yang digunakan oleh T'ai-tsung dan penasihat-penasihatnya berazam untuk mengesahkan dinasti baru itu dengan menggelar Yang-ti sebagai "pemerintah terakhir yang buruk".⁷² 'Seorang hilang kemurniaannya dan seluruh dunia ikut runtuh'.⁷³ Seperti kata Wei, 'dia dicaci oleh seluruh dunia'.⁷⁴

Te', merupakan alat kuasa tunggal yang ada pada Dinasti Selatan yang lemah, dan ini telah menjadikan idaman penasihat-penasihat Confucius yang menasihati maharaja T'ang. Bagi mereka *te'* merupakan alat sesuai untuk menjalinkan hubungan dengan orang-orang gasar. Dalam suasana inilah Maharaja Srivijaya-Palembang menghantar rombongannya yang pertama antara tahun 670 dan 673 S.M.⁷⁵

Penggunaan *te'* dalam menentukan hubungan diraja antara orang-orang gasar mungkin banyak dipengaruhi oleh Wei Cheng (580-643 S.M.), yang mengawasi secara keseluruhannya kerja-kerja Yao Ssu-lien. Kami diberitahu bahawa T'ai-tsung kerap kali bertanya Wei tentang perkara-perkara yang berhubung dengan kerajaan yang baik,⁷⁶ dan Wei tidak segan mengkritik maharaja apabila ia berpendapat peraturan-peraturan Confucius telah diabaikan.⁷⁷ T'ai-tsung meratapi kematian Wei Cheng. Pada 645, ia mengeluh: 'jika Wei hidup, dia tidak membenarkan saya bertindak sedemikian'.⁷⁸ Pengulas Sung, Lu Tsu-Ch'en, percaya bahawa kerajaan pada masa *Chen-kuan* (627-50 S.M.) mungkin merupakan hasil tunjuk ajar Wei Cheng.⁷⁹

Nasihat Wei tentang orang gasar dapat dilihat dalam kenyataan Maharaja pada 633. T'ai-tsung mengimbas kembali bahawa apabila beliau menaiki takhta, Wei Cheng merupakan pegawai tunggal yang menasihatnya supaya jangan menggunakan kekerasan, sebaliknya kebudayaan, kuasa moral dan perbuatan baik perlu digunakan. Dengan ini negara China akan menikmati keamanan, dan orang dengan sendirinya akan datang dari jauh dan akan tunduk kepada Maharaja China. Maharaja China mengakui bahawa beliau menggunakan nasihat itu, dan ini mengakibatkan ketua-ketua orang gasar, dari kawasan-kawasan yang tidak pernah dihubungi oleh China, datang ke China membawa ufti.⁸⁰ Catatan *Chen-kuan* pada zaman itu, kadang-kadang merujuk kepada orang gasar yang mengakui kuasa Maharaja secara sukarela iaitu hanya akibat pengaruh *te'*.⁸¹ Kaedah yang disyorkan oleh Yang-ti, iaitu peperangan, sudah tentu membawa kegelisahan ke dalam negara tersebut. Oleh itu dasar tersebut ditentang oleh mereka yang mengesyorkan keamanan.

Wei Cheng membenci satu lagi tindakan yang diambil oleh Yang-ti, iaitu menggunakan kekerasan untuk memperolehi 'barang berharga dari kawasan-kawasan yang jauh demi untuk menambah kekayaannya'.⁸² Wei mengetahui bahawa kawasan Barat Jauh merupakan kawasan yang sangat kaya.⁸³ Akan tetapi beliau nampaknya tidak berminat untuk menambah pendapatan diraja yang dapat dicapai melalui perdagangan asing. Walau bagaimanapun beliau pernah men-

cadangkan orang Cina yang tinggal berdekatan dengan sempadan supaya dapat menambah pendapatan mereka dengan menjual bekalan-bekalan kepada utusan yang datang dari luar negeri.⁸⁴ Semasa menolak cadangan Yang-ti, beliau menyebut bahawa kekayaan akan datang China dengan sendirinya apabila kerajaan yang baik wujud. Ini merupakan pendapat yang sama seperti pendapat pada zaman Dinasti Selatan dahulu. Oleh itu apabila T'ai-tsung menghantar utusan ke kawasan barat, dalam tahun 641, untuk membeli kuda, Wei Cheng mengkritik tindakan tersebut. Sebab, maharaja belum lagi menerima dengan sah pemerintah Turki sebagai salah satu daripada negara naungan; oleh itu orang gasar mungkin berfikir bahawa orang Cina lebih mementingkan keuntungan daripada keadilan. Wei mengimbas kembali bahawa apabila Wei Wen-ti cuba memperolehi mutiara-mutiara dari kawasan barat, Su-tse, telah berkata bahawa jika Maharaja dikenali kerana sikap pemurahnya di keempat-empat laut, sudah tentu tidak perlu untuk mencari mutiara; mutiara itu akan sampai ke China dengan sendirinya.⁸⁵

Pandangan Wei tentang cara kekayaan patut sampai ke China mengukuhkan yang dilalui oleh Dinasti-dinasti Selatan. Satu contoh jelas yang menunjukkan bahawa maharaja dapat menarik barang-barang berharga jelas dapat dilihat apabila seorang pemerintah India bersedia menawarkan apa sahaja yang dikehendaki oleh Maharaja sebagai ufti, dalam tahun 428.⁸⁶ Beginilah sistem ufti dilaksanakan dalam abad kelima dan keenam, dan Wei mengesyorkan bahawa cara ini merupakan cara terbaik.

Berdasarkan nasihat Wei Cheng, T'ai-tsung sekurang-kurangnya dalam kenyataan-kenyataan umumnya, mengikut dasar *te* dalam menadbir kerajaan hingga mengakibatkan rombongan dari luar negeri datang ke China.⁸⁷ Namun demikian, semasa pemerintahannya, peperangan terhadap orang Turki dan penawanan sebahagian Asia Tengah berlaku. Perbandingan yang telah dibuat oleh beliau dalam tahun 648, di antara 'penenteraman melalui penggunaan *te* ('pacification through *te*') dengan kempen-kempen Han Wu-ti yang membazir, sebenarnya tidak berasa.⁸⁸ Orang-orang gasar di utara dan barat terus membawa 'malang' kepada China. Akan tetapi sememangnya, orang Turki mwengakibatkan kerugian terbesar yang belum pernah dialami oleh China.⁸⁹

Kita mesti ingat bahawa kita sedang mengkaji dokumen-dokumen yang membincangkan pandangan pengkaji-pengkaji yang sependapat dengan Wei Cheng. Walaupun ajaran-ajaran Wei Cheng

selalu dikritik, T'ai-tsung, maharaja terkuat sekali sejak beberapa abad lalu, telah menerima dengan baik cadangan-cadangan belaiu berbanding penasihat-penasihat lalu yang menentang peperangan. Semasa pemerintahannya, selepas kematian Wei Cheng, keinginan maharaja untuk menyerang dan menghukum pemberontakan di Korea, telah membangkitkan perbincangan yang menggambarkan sejauh mana pendapat mengenai sifat *te* diteruskan.⁹⁰ Semasa T'ai-tsung menolak cadangan-cadangan yang di cadangkan kepada beliau oleh rakyatnya, beliau menyedari akan kebaikan yang terkandung dalam pendapat pengkritik-pengkritiknya. Dari pendapat-pendapat yang diterima kita dapat tahu bahawa negara-negara yang kurang penting secara bandingan boleh dikenal pasti di luar sempadan China. Ch'u Sui-lang, timbalan presiden di pejabat kedutaan China,⁹¹ telah memberi amaran tentang kesan buruk yang menimpa China jika kempen-kempen menentang Korea gagal. Beliau mendakwa bahawa Maharaja telah dipesongkan oleh menteri-menteri yang lain.⁹² Seorang menteri, Fang Hsuan-ling, walaupun uzur, berpendapat bahawa adalah tugasnya untuk membangkang tindakan tersebut dan beliau menyatakan bahawa orang Korea hanya merupakan 'suatu bangsa yang hina (rendah)',⁹³ kekerasan hanya patut digunakan apabila amat perlu. Jelasnya, pandangan Wei cheng tentang orang kasar juga diketengahkan pada awal pemerintahan T'ang.⁹⁴

Selain Lin-yi, perbincangan yang tercatat dalam *Chen-kuan cheng-yao* tidak menyebut langsung tentang sebarang negara di lautan selatan. Lin-yi dibincangkan kerana Lin-yi sahaja berkeupayaan mengancam wilayah-wilayah China di Tongking. Negara ini dikenali sebagai suatu negara yang tidak patut diserang.

Pada tahun 630, satu cadangan telah dibuat supaya Lin-yi patut diserang kerana tidak mahu tunduk kepada Maharaja China. Jawapan T'ai-tsung adalah seperti berikut:

Peperangan merupakan suatu kecelakaan dan kita mesti berperang hanya apabila sangat perlu. Kuang-wu berkata: apabila angkatan tentera dihantar untuk membuat ekspedisi, rambut dan janggut saya bertukar menjadi putih'. Dari masa-masa awal lagi, penggunaan kekerasan yang berlebihan selalunya merugikan. Fu Chien bergantung ke atas kekuasaan militarnya untuk merampas Chin (empayar). Dia mengumpulkan sejuta askar dan semuanya terkorban sekaligus. Pemerintah Sui telah cuba merampas Korea (iaitu di antara 612-14). Setiap tahun wujud beban akibat perkhidmatan militari. Rakyat tidak lagi dapat menahan kebencian mereka dan pemerintah mereka telah mati diibunuh oleh seorang rakyat

biasa. Hsieh-li (ketua orang Turki Timur) pula telah menyerang tanah kita berkali-kali dan akhirnya puak-puak itu menjadi leteh untuk berperang dan telah lenyap sama sekali. Bagaimanakah saya, selepas melihat kesemua ini, dapat menghantar tentera merentasi genting-genting gunung (ke Lin-yi) suatu kawasan yang mengeluarkan wap-wap beracun yang boleh membunuh? Kalau askar-askar saya jatuh sakit, walaupun mereka berjaya menewaskan orang gasar *Man* dan melemahkan mereka bagaimanakah saya dapat menerima faedah daripada kesemua ini?⁹⁵

Walaupun Lin-yi merupakan negara kelautan tunggal, yang disebut dalam *Chen-kuan*, huraian sedemikian tentang negara-negara di pinggir laut yang lain juga terdapat di dalam *Sui-shu*. *Sui-shu* merupakan hasil tulisan tuduhan-tuduhan Wei Cheng terhadap Yang-ti. Wei tidak melawat negara-negara ini, sebaliknya bergantung kepada catatan-catatan Dinasti Selatan dan Dinasti Sui, iaitu yang dikaji semasa beliau hidup. Beliau sendiri menulis bab-bab pengenalan dan bahagian-bahagian akhir dalam buku ini.⁹⁶ Ini telah membolehkan kita mengkaji semula pandangan beliau tentang orang gasar. Pegawai T'ang ini (Wei Cheng) sebenarnya cuba menjelaskan pengalaman-pengalaman Dinasti Selatan yang lemah. Dalam abad kelima dan keenam, semua maklumat tentang dunia kelautan mengesahkan teori Confucius tentang daya tarikan *te*; dalam zaman T'ang awal, teori Confucius tidak sesuai digunakan untuk menghurai keadaan sebenar di kawasan Asia Tengah. Namun demikian Wei Cheng berpendapat teori itu dapat digunakan untuk menghurai keadaan yang diketahuinya tentang di lautan selatan.

Walaupun beliau tahu bahawa orang gasar selalunya membawa kecelakaan, terutamanya yang berasal dari utara,⁹⁷ beliau berpendapat negara-negara kelautan lebih sesuai menjadi sasaran Yang-ti⁹⁸ dan bukan negara-negara kecil orang gasar di sebelah timur. Pandangan beliau tentang mereka dapat dilihat dalam istilah 'Seratus Yueh' di selatan China yang telah digunakan dalam zaman Han. Pada permulaan bab *Sui-shu* tentang '*Man* Selatan' iaitu yang mengandungi rekod-rekod tentang Asia Tenggara, beliau menulis:-

Mereka tidak mempunyai ketua. Mereka hidup dalam gua-gua di kawasan pergunungan. Mereka merupakan orang Seratus Yueh sejak dahulu lagi. Mereka menggunting rambut dan mentato kulit badan. Mereka suka berperang antara satu sama lain. Oleh itu mereka merupakan negara-negara yang lemah dan telah menghantar ufti dari semasa ke semasa, ke negeri China untuk mengakui kebesarannya.⁹⁹

Huraian tentang status politik mereka yang rendah adalah melampau. Huraian itu didasarkan pada satu komen yang dibuat oleh Maharaja Nan Ch'i tentang Lin-yi: 'tamadun Cina masih merupakan satu yang baharu (untuk Lin-yi), dan kesalahan mereka masih tidak dihapuskan lagi'.¹⁰⁰ Catatan Liang-shu menyebut bahawa adat-adat *Kan-t'o-li* adalah sama seperti adat-adat yang terdapat di Lin-yi dan Funan.¹⁰¹ Sebaliknya, pengkaji sejarah Dinasti-dinasti Selatan menyimpulkan bahawa negara-negara ini sedia menerima ajaran Buddha. Mungkin perasaan prasangka orang China terhadap orang gasar di selatan mulai menjadi kukuh pada abad ketujuh.

Yang-ti tidak memberi peluang kepada '*Man Selatan*' untuk bertindak secara semula jadi terhadap *te*. Sebaliknya beliau menghantar utusannya Ch'ang Chun ke luar negeri dari tahun 607 hingga ke tahun 610. Rombongan itu dihantar kerana maharaja ingin 'membuka rantau yang terpencil'.¹⁰² Kritikan terhadap matlamatnya serta cara-cara yang telah digunakan untuk mencapai matlamat ini telah menjadi tema utama bab-bab yang ditulis oleh Wei Cheng tentang orang gasar. Tema ini menjadi satu pengajaran sejarah yang dibaca oleh pembaca-pembaca *Sui-shu*, termasuk pengasas Dinasti Ming. Pengajaran yang terkandung hanya menyatakan bahawa kekerasan tidak perlu digunakan dalam perdagangan ufti di antara negara-negara kelautan.

Negara-negara kelautan lemah. Akan tetapi Yang-ti begitu kejam hinggakan ia telah menghantar ekspedisi yang kuat menentang Farnosa dan ekspedisi-ekspedisi lain untuk menentang Lin-yi kerana ia ingin memperolehi barangan berharga dan jarang dijumpai, iaitu yang dimiliki oleh orang gasar yang berada jauh.¹⁰³ Catatan mengenai Lin-yi menyatakan bahawa menteri-menteri memberitahu Yang-ti bahawa negara ini memiliki banyak kekayaan.¹⁰⁴ Maharaja China gembira membaca catatan P'ei Chu mengenai kekayaan di kawasan barat.¹⁰⁵ Mungkin juga lawatan Ch'ang Chun ke Semenanjung Tanah Melayu dan Gugusan Kepulauan Indonesia merupakan satu lagi usaha mencari harta yang tidak senonoh.¹⁰⁶ Yang-ti dilaporkan berasa amat gembira apabila Ch'ang Chun sanggup pergi ke luar negeri.¹⁰⁷ Berdasarkan stereotaip Maharaja T'ang beliau biasanya tidak berasa gembira jika cuba mencapai matlamat-matlamat yang benar-benar penting. Sebaliknya, beliau suka mengambil inisiatif untuk mengejar barang-barang berharga.

Kritikan Wei terhadap ekspedisi yang dianjurkan oleh Yang-ti adalah berdasarkan sebab-sebab yang sama, iaitu seperti yang ia gunakan semasa membangkang langkah-langkah T'ai-tung yang men-

cuba memperolehi kuda dari Asia Tengah. Mengikut Wei cara yang betul untuk menggalakkan hubungan yang baik dengan negara-negara luar adalah dengan melaksanakan kerajaan yang baik di negara China. Pemikir-pemikir sezaman dengan Wei Cheng yang juga merupakan ahli sejarawan Dinasti-dinasti Selatan, sedia memberinya bukti yang cukup, yakni yang dapat mengesahkan bahawa *te* menyebabkan kapal-kapal datang ke negeri China. Pada bahagian akhir bab dalam *Sui-shu* berkenaan dengan 'kawasan barat', Wei telah perhatikan bahawa hubungan yang dijalinan dengan orang gasar yang berada jauh merupakan satu pencapaian bagi pegawai-pegawai yang berjasa. Cara yang mereka gunakan boleh berbeza, tetapi pencapaiannya berpunca daripada pemerintah yang dikaitkan dengan kemasyhuran 'menarik orang yang berada jauh (iaitu dengan memperkayakan martabat serta kebudayaan mereka)'.¹⁰⁸ Wei Cheng sudah tentu bersetuju bahawa barang-barang berharga yang 'diingini' oleh maharaja-maharaja Liu Sung¹⁰⁹ banyak diperolehi akibat wibawa Maharaja¹¹⁰ dan tindakan yang diambil terhadap negara-negara kelautan di Asia Tenggara, terutama semasa pemerintahan T'ai-tsung. Antara negara-negara yang menghantar ufti itu ialah kerajaan Melayu-Jambi. Rombongan itu tiba pada tahun 644.¹¹¹ T'ai-tsung memerintah sebelum kebangkitan kerajaan Srivijaya- Palembang. Satu contoh yang menunjukkan bahawa kuasa laut Melayu tidak bersatu dapat dilihat daripada rombongan yang telah datang dari sebuah pelabuhan kempor, iaitu Barus, yang terletak di utara Sumatera, semasa pemerintahan T'ai-tsung.¹¹²

Dalam perkembangan pemikiran China berkenaan perdagangan laut, episod peristiwa Yang-ti, iaitu yang dihuraikan oleh Wei Cheng, menjadi jambatan penghubung era perdagangan menguntungkan pada abad kelima dan abad keenam, sehinggalah Srivijaya muncul dan berkembang pada bahagian kedua abad ketujuh. Tanggapan awal tentang hal ini masih ada dan bertindih dengan peristiwa yang berlaku pada seratus tahun pertama empayar Srivijaya. Begitu juga dengan rekod-rekod T'ang yang berterusan hingga abad kelapan. Keduanya mengandungi ciri-ciri yang sama.

Orang China secara relatifnya melihat negara-negara kelautan sebagai negara yang lemah. Menurut *Hsin T'ang-shu* 'berbagai-bagai orang gasar *Man* di pinggir laut tidak memiliki kawasan yang luas atau bandar-bandar besar yang perlu dilindungi'.¹¹³ Maharaja-maharaja awal T'ang juga menerima layanan pemerintah-pemerintah negara-negara kelautan. Pada tahun 628, T'ai-tsung menghantar ucapan tahniah kepada pemerintah-pemerintah Kambodia (*Chen-la*) dan Lin-yi kerana

telah menghantar rombongan-rombongan iaitu selepas terpaksa menghadapi berbagai-bagai cubaan (rintangan) dalam perjalanan darat dan laut.¹¹⁴ Mengenai Lin-yi Maharaja Hsing-tung (713 – 56) menulis: 'Lin-yi menyerupakan sebuah negara lautan selatan yang menjalin hubungan dengan kami dari jauh, iaitu dengan menghantar kami ufti'.¹¹⁵ Maharaja yang sama mengulas tentang rombongan-rombongan yang telah dihantar kepadanya. Katanya, 'demikianlah kuasa yang terdapat pada *te* Maharaja-maharaja Dinasti T'ang'.¹¹⁶ Ini merupakan sesuatu yang telah diulangi sejak abad-abad sebelum itu apabila *te* diiktiraf oleh rombongan-rombongan laut yang merentasi lautan luas. Sekali lagi *Chiu T'ang-shu* (yang disusun pada awal zaman Sung) dalam bab penutup tentang orang gasar *Man* selatan dan tenggara, menyatakan: 'sama juga dengan orang gasar *Jung*, apabila mereka bencikan kami, mereka memberontak; apabila mereka sukakan kami, mereka berhubung dengan kami. Adalah amat perlu untuk menggunakan *te* supaya mereka menghormati kami'.¹¹⁷ Pada tahun 1082, rombongan Jambi pertama datang ke negara China, iaitu selepas Jambi menggantikan Palembang sebagai ibu negeri Melayu. Pegawai-pegawai Canton yang menerima rombongan itu menyatakan: 'apa yang kami hendak buat adalah untuk pergi ke tempat-tempat jauh (bersama-sama dengan *te* yang ada pada kami) supaya barang-barangan akan datang dari negara luar'.¹¹⁸ Yao Ssu-lien dan Wei Cheng sudah pasti bersetuju dengan pendapat ini.

Menjelang abad kesebelas, hubungan dengan kerajaan Melayu yang berdagang berasaskan cadangan bahawa *te* Maharaja China mendatangkan peluang ekonomi ke China tidak lagi dipersoalkan. Pengekalan urusan perdagangan dengan orang gasar di selatan dapat ditunjukkan dengan lebih jelas oleh kelakuan Maharaja-maharaja China pada awal Dinasti Sung iaitu apabila kita mengkaji tindak balas mereka terhadap negara Vietnam. Maharaja-maharaja Melayu juga terletak di bawah penguasaan Maharaja-maharaja China. Sikap maharaja-maharaja China terhadap Vietnam secara amnya seakan-akan membayangkan sikap mereka terhadap dunia luar, amnya.

Sejak berabad-abad lagi Vietnam merupakan wilayah di bawah China, dan ia hanya mencapai kemerdekaannya apabila Dinasti T'ang runtuh pada awal abad kesepuluh. Selepas kematian Maharaja Sung pertama pada tahun 976, Dinasti Sung bertambah lemah kerana pengganti-penggantinya tidak mempunyai cita-cita ketenteraan atau jentera penggerak tentera. Ini dilemahkan lagi oleh kuasa Khitan dan juga ketakutan terhadap 'warlordisme'.¹¹⁹ Walau bagaimanapun

pemerintah Sung mungkin telah mengkaji kemungkinan untuk menegakkan semula kuasa orang Cina di Vietnam iaitu yang telah hilang semasa Dinasti T'ang. Akan tetapi selepas menawan Canton pada 971, pengasas Dinasti Sung tidak menyerang pemerintah Vietnam, Dinh Bo Linh. Semasa pemerintahan T'ai-tsung, tentera-tentera Cina campur tangan dalam peperangan saudara Vietnam iaitu selepas Dinh Bo Linh dibunuh dalam tahun 976. Akan tetapi nampaknya usaha untuk menyerang ini datangnya daripada seorang pegawai yang tidak berpuas hati di Kuangsi. Beliau berharap beliau dapat memperolehi faedah selepas berjaya memujuk Maharaja supaya menyerang Vietnam.¹²⁰ Kempen yang dilaksanakan antara tahun 980 dan 981 itu gagal. Pada zaman ini, kenyataan bertulis mengenai peristiwa tersebut dan bangkangan terhadap sesuatu tindakan pemerintah mesti dibuat melalui ketua menteri atau melalui seorang pegawai yang bernama T'ien Hsi. T'ien Hsi sendiri telah didorong supaya membuat suatu dakwaan am terhadap kerajaan.¹²¹ Sebahagian aduannya merujuk kepada kempen menentang Vietnam. Beliau menegaskan bahawa peperangan amat membazirkan dan pemerintah-pemerintah sepatutnya cuba menambah *te*, dan bukan meluaskan sempadan mereka. Kerajaan yang baik akan mengakibatkan negara lain tunduk dengan sendirinya dan kekuatan militari sememangnya tidak boleh digunakan. Lagipun, Vietnam bukanlah negara subur. Memiliki kawasan itu adalah sama seperti memiliki 'padang berbatu'. Beliau menyebut tentang serangan sia-sia T'ai-tsung terhadap Liao-tung yang seterusnya mengakibatkan kempen menentang Korea, iaitu yang telah ditentang oleh Ch'u Sui-lang dan Fang Hsian-ling.¹²² Pandangan Hsi tentang kerajaan dan peperangan yang tidak bertanggungjawab adalah sama seperti pandangan Wei Cheng.¹²³

Peperangan antara tahun 980 dan 981 ini berakhir dan Vietnam tidak lagi dikacau, sehinggalah Wang An-shih menaiki takhta. Pada 1006 Sung Chen-tsung enggan menaruh minat terhadap 'tempat bermaut' ini. Beliau menyatakan bahawa nenek moyangnya telah berpuas hati dengan melindungi kawasan mereka yang luas dan enggan membazirkan tenaga tentera mereka untuk memperolehi wilayah yang tidak berguna.¹²⁴ Pada tahun 1010, maharaja yang sama mengkritik pemberontakan pemerintah Ly yang pertama di Vietnam dan beliau berpendapat bahawa negara tidak ada gunanya untuk memburukkan adat 'orang gasar' itu.¹²⁵

Pemerintahan awal Dinasti Sung percaya bahawa pandangan-pandangan tentang kedamaian ini boleh digunakan dalam konteks Vietnam. Tidaklah menghairankan juga bahawa pandangan-pandangan yang

sedemikian terus menjadi ideologi asas maharaja-maharaja China terhadap Maharaja-maharaja Srivijaya, iaitu pemerintah orang gasar yang dianggap tinggal jauh dan begitu berbeza daripada orang Cina hinggalah mereka pasti bahawa orang-orang ini tidak mungkin mengancam atau mengganggu China.¹²⁶ Pemerintah Sung mungkin sehingga satu tahap tertentu telah cuba menyembunyikan kelemahan ketenteraannya iaitu dengan menunjukkan bahawa mereka menggunakan doktrin-doktrin Confucius, dalam hal-ehwal politik di empayar tersebut. Ahli-ahli sejarah Dinasti-dinasti Selatan, pada abad kelima dan keenam, juga telah cuba melindungi nama baik maharaja mereka dengan menyatakan bahawa *te* Maharaja China dapat menjamin pengaruh orang China di luar negeri. Perkara yang perlu diingati di sini adalah bahawa pengalaman-pengalaman lalu membuktikan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh orang Cina, adalah akibat oleh orang-orang yang berada di tengah dan di utara Asia dan tidak dijangkakan timbul di lautan selatan. Sebaliknya, pada awal abad ketujuh, pemerintah Cina berasa puas hati kerana daya tarikan kebudayaan Cina telah dapat menghuraikan hubungan laut. Mungkin idea ini telah dihuraikan oleh *literati* (para cendekiawan) Confucius, tetapi perasaan hormat terhadap negeri China yang sebenarnya telah dirasakan oleh sebahagian besar jumlah penduduk dan bandar.¹²⁷ Pelawat Asia Tenggara yang datang ke China biasanya melawat negara-negara yang mempunyai jumlah penduduk yang kecil, iaitu yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan hidup mengembara. Di dalam negara-negara ini semangat kedaerahan adalah kuat dan masalah-masalah geografi bertambah banyak kerana tidak cukup pengawasan daripada kerajaan. Keadaan ini berbeza dengan keadaan di negara China, dan apabila keadaan di China stabil, kewibawaan Maharaja China terbangun pada mata pelawat-pelawat.

Pengalaman China dengan 'laut selatan' telah diabadikan dalam dokumen-dokumen. Isi kandungan dokumen-dokumen ini sepatutnya tidak dianggap sebagai bukti pendapat orang Cina tentang rantau ini pada sesuatu masa tertentu. Akan tetapi pengaruh keseluruhan tentang pengalaman yang dialami oleh maharaja-maharaja dan pegawai-pegawai tidak boleh dipandang ringan. Sejarah China dipercayai mengandungi pengetahuan tentang 'lautan selatan' iaitu sebelum pedagang-pedagang Cina dalam zaman Sung Selatan telah membawa balik sebarang maklumat. Maklumat yang dibawa balik itu pula tidak banyak mengandungi bahan berfaedah bagi pihak istana. Walau bagaimanapun sudah tentu ada pengajaran sejarah yang dapat dipelajari. Segala pengalaman yang mereka perolehi telah menentang penggunaan

tentera untuk memperolehi harta dari negara-negara kelautan; walaupun mereka kemudiannya memiliki kuasa laut.¹²⁸ Had usaha menjelajah yang diambil terhadap kawasan selatan Tongking adalah menghantar utusan-utusan khas untuk memperkenalkan permulaan dinasti baru.¹²⁹ Langkah yang seterusnya dianggap tidak perlu kerana orang Cina menganggap bahawa kerajaan luar negeri akan dapat melindungi hubungan strategik bagi pihak mereka. Satu contoh anggapan ini dapat dibayangkan dalam satu kenyataan luar biasa yang dibuat oleh penyusun *Ming-shih*. Katanya Srivijaya yang dahulunya dikenali sebagai *Kan-t'o-li*,¹³⁰ merupakan kerajaan di bawah naungan China yang menghantar rombongan ke Dinasti-dinasti Selatan dari tahun 441 hingga tahun 563. Penyusun yang menulis sejak awal zaman Ch'ing, hanya mengimbas kembali satu fakta terkenal dalam sejarah Cina mengenai hubungan laut: sejak abad kelima lagi satu pusat perdagangan wujud di sesuatu tempat di barat Indonesia, iaitu sebagai tempat punca kapal-kapal sarat bekalan belayar ke China.

Penyimpangan dalam sejarah China mempunyai implikasi-implikasi penting dalam sejarah Melayu. Keyakinan orang Cina tentang lautan selatan menjadi satu dogma yang telah diakibatkan oleh pelayaran-pelayaran putera-putera Melayu dalam abad kelima dan keenam.¹³¹ Selain itu ia berkait dengan mereka mengekalkan dan melindungi pelabuhan yang 'mengadap China' untuk semua kapal, iaitu yang telah menjayakan sistem ufti. Orang Melayu berbuat demikian bukan kerana mereka ingin menjadi pengikut setia, walaupun mereka tahu tentang institusi naungan yang di praktikkan di kawasan-kawasan 'pengaruh India' di Asia Tenggara. Mereka sedia membenarkan orang Cina memandang mereka sebagai negara naungan bagi sebab-sebab tertentu.¹³² Perdagangan dengan China merupakan salah satu sumber kekuatan mereka. Maharaja-maharaja China berpendapat bahawa mereka memanipulasikan negara-negara di bawah naungan mereka melalui penguasaan secara tidak langsung; negara-negara naungan ini memanipulasikan perdagangan China (suatu realiti terhadap perdagangan "ufti") sebagai cara untuk mengumpul kekayaan sebelum mengenakan kuasa ke atas masyarakat yang berpecah belah dan gelisah, seperti yang dihuraikan dalam bab lalu. Oleh kerana mereka ingin memperolehi kuasa, mereka terpaksa memperolehi kerjasama daripada Maharaja-maharaja. Penyerahan formal kepada Maharaja-maharaja China merupakan syarat tunggal yang dikenakan oleh orang Cina, bagi memperolehi kerjasama. Oleh itu Maharaja sedia untuk menerima pertolongan Maharaja China yang seringkali digunakan bagi me-

ngukuhkan martabat mereka di kalangan pedagang-pedagang Asia.

Oleh itu kita mesti mengkaji bukan sahaja sikap orang Cina terhadap orang Melayu, tetapi juga sikap orang Melayu terhadap orang Cina. Apabila pedagang Cina berfungsi di bawah sistem naungan, pembesar-pembesar Melayu mempunyai harapan untuk memperolehi faedah hasil hubungan tersebut. Mereka tidak berfikir bahawa mereka mungkin ditinggalkan apabila dinasti yang baru bermula atau apabila dinasti lama menjadi lebih kuat. Mereka mendengar tentang kekecohan di negeri China, daripada buah mulut di Canton, dan ini membawa kesan terhadap minat mereka. Mereka meyakini ajaran Confucius yang menyatakan bahawa keamanan di luar negeri bergantung kepada keamanan di China.

Apakah tahap penglibatan kedua-dua pihak dalam hubungan China-Melayu? Adalah tidak benar jika kita menganggap bahawa pemerintah China dan Melayu terus berfikir tentang satu sama lain. Rombongan tidak selalu dihantar ke China walaupun pada kemuncak pelaksanaan sistem ufti, dan Maharaja China terpaksa menumpukan perhatian mereka ke atas hal-hal lain yang lebih penting daripada empayar laut Melayu; sememangnya erti catatan (utusan) Wei Cheng adalah bahawa sambutan penduduk di negara-negara kelautan terhadap Maharaja dapat diramalkan. Maharaja lebih berminat untuk melindungi perdagangan entrepot mereka daripada musuh-musuh tempatan.

Hanya apabila pengaruh politik mereka memurun akibat dari penghentian sementara sistem ufti, barulah Maharaja-maharaja sedar tentang faedah yang diperolehi daripada hubungan mereka dengan maharaja-maharaja China. Mereka kemudiannya ingat bahawa pendatang-pendatang asing yang berdagang dengan China dan bukan orang Cina yang berdagang di luar negeri China, dan ini telah menjadi sebahagian besar daripada kehidupan orang Melayu.

Syarat-syarat yang diperlukan dalam hubungan China-Melayu, harapan bersama Maharaja China dan Maharaja Melayu telah membentuk satu rentak baru dalam sejarah Melayu. Dari abad ketujuh hingga abad ke sebelas, sistem ufti berkembang, dan hubungan yang menguntungkan ini hanya terhenti apabila maharaja tidak mampu menjalankannya. Puncanya ialah masalah dalam negeri yakni usaha untuk menguasai Canton. Dalam abad-abad ini, kita dapat lihat imbasan rekod-rekod Cina tentang negara-negara naungan Melayu yang patuh, tetapi hasil tulisan pedagang-pedagang negara lain yang berdagang dengan China membayangkan kepada kita kedudukan sebenar Maharaja-maharaja. Masudi membayangkan Ibn Khurdadhbih sebagai salah

satu maharaja yang teragung di dalam dunia.¹³³ Menurutnya raja itu memerintah jumlah penduduk yang ramai dan mengetuai beberapa angkatan tentera.¹³⁴ Kemudiannya, untuk 250 tahun, sistem naungan ini terhenti; Maharaja China tidak lagi memerlukan Maharaja-maharaja Melayu. Pada tahun 1178, Maharaja Jambi, iaitu pengganti kepada Maharaja Srivijaya-Palembang, telah diberitahu, bahawa mengikut arahan Maharaja Sung Hsiao-tung, utusan-utusan tidak boleh datang lagi ke ibu kotanya; sebaliknya mereka mesti berlabuh di Ch'uan-chou.¹³⁵ Tidak ada utusan yang datang dari empayar Melayu-Jambi pada zaman Sung.

BAB 4

CORAK SEJARAH MELAYU

Apabila pengembara Cina, I-Ching belayar ke pelabuhan Palembang dalam perjalanan ke India pada tahun 671, empayar Srivijaya-Palembang telah pun merupakan satu pusat perkapalan penting. Perpecahan dunia laut Melayu mulai berakhir iaitu selepas keghaiban *Kan-t'o-li*.¹ Oleh itu masa ini hingga abad kedua belas, (apabila Palembang tidak lagi merupakan ibu-kota Melayu), Maharaja-maharaja Cina amat memerlukan Maharaja-maharaja Melayu. Bukti dalam berbagai-bagai sumber, walaupun bukan sumber Melayu, menjelaskan bahawa Maharaja-maharaja dapat meneruskan hubungan mereka dengan China.

Salah satu tugas Maharaja-maharaja adalah menghapuskan perlanunan. Ukiran Canton yang diukir dalam tahun 1097, memberitahu kita bahawa selepas Maharaja membaiki rumah berhala Tao di situ, kapal-kapalnya 'belayar menuju destinasi mereka tanpa berasa takut tentang bahaya-bahaya yang mereka alami dulu'.² Seorang lanun tempat menyerbu Canton dalam tahun 1052 dan orang Melayu mulai berasa bimbang tentang keganasan yang berleluasa dekat dengan jalan masuk ke Canton. Walau bagaimanapun, tidak ada cerita tentang perlanunan dalam hasil penulisan Arab pada abad kesembilan dan kesepuluh dan ini boleh dilihat sebagai satu pujian atas dasar-dasar Maharaja yang amat berkesan.³ Martabat *negara* Melayu dan pemberian dari pihak pemerintah telah memberi peluang kepada mereka yang bakal menjadi lanun, untuk berkhidmat di bawah Maharaja. Dengan cara ini rakyat yang berani merosakkan perdagangan Cina berkurang.

Orang Cina mula mengaitkan orang Arab dengan kekayaan yang terdapat di kawasan barat, iaitu yang dahulunya dikenali sebagai *Ta-ch'in* dan Parsi.⁴ Pada tahun 724, rombongan Arab ke China membawa kapor, dan ada kemungkinan rombongan tersebut datang dari Sumatera.⁵ Menjelang tahun 785, banyak orang Arab mengambil bahagian dalam perdagangan Cina. Antaranya ada juga yang melakukan perdagangan gelap di Canton.⁶ Seorang penulis Arab dalam abad kesepuluh, membayangkan sifat kosmopolitan masyarakat pedagang, yang dilindungi di Palembang, apabila beliau menyebut tentang burung nuri yang dapat bertutur dalam berbagai-bagai bahasa.⁷ Walau bagaimanapun, burung nuri di situ tidak tahu bertutur dalam bahasa Cina, dan ini mungkin kerana orang Cina jarang sekali datang ke Palembang. Senarai pelawat-pelawat yang datang ke jam seperti yang diukir di atas batu pada abad kesepuluh dan kesebelas ini tidak menyebut tentang orang Cina.⁸

Maharaja-maharaja yang ingin melihat perdagangan China berkembang, rela kehilangan kedudukan mereka sebagai pelindung, telah cuba mempengaruhi Maharaja-maharaja Cina supaya membangkang pentadbir 'buruk' di Canton, iaitu yang dapat menghalang kejayaan perdagangan antarabangsa. Pada tahun 722, Maharaja-maharaja menghantar utusan dengan aduan tentang kelakuan 'pegawai-pegawai sempadan'.⁹

Tanggapan Maharaja terhadap Maharaja-maharaja Cina merupakan satu lagi tema yang timbul apabila kita meneliti bukti-bukti. Hubungan Cina-Melayu merupakan satu hubungan yang diketahui banyak dalam perdagangan Asia. Pedagang-pedagang yang ingin berjaya dalam perdagangan di China, dengan gembiranya bersedia untuk menerima perlindungan Srivijaya. Pada separuh kedua abad ketujuh, seorang Maharaja memastikan supaya mubaligh-mubaligh di pelabuhannya menerima penghormatan lebih jika mereka datang dari 'negara Anak Syurga T'ang yang Agung'.¹⁰ Dalam abad sebelas, dua contoh sikap ini dapat dilihat. Pada tahun 1003, utusan-utusan memberitahu Chen-tsung bahawa sebuah rumah berhala sedang dibina di Palembang sebagai tempat untuk berdoa supaya usia Maharaja dilanjutkan. Malah Maharaja Cina tersebut telah dipelawa untuk mencadangkan nama bagi ruma berhala itu.¹¹ Pada tahun-tahun sebelum 1079, iaitu tahun apabila Palembang tidak lagi merupakan ibu negeri, Maharaja bersedia membiayai segala perbelanjaan untuk membaiki rumah berhala Tao, dekat dengan Canton, dan mengurniakan tanah di situ untuk memastikan penjagaannya.¹²

Idrisi, yang menulis dalam abad kedua belas, telah menggabungkan maklumat yang diperolehi lebih awal menyebut bahawa utusan telah dihantar ke China dari sebuah pusat perdagangan yang mengendalikan perdagangan China. Sudah tentu pusat ini adalah Palembang.¹³ Berikut adalah gambaran tentang hubungan antara dua negara itu.¹⁴ Keangkuhan orang Cina akibat daripada sistem ufti dibayangkan dalam upacara-upacara besar yang diadakan di istana apabila utusan sampai ke China, telah menjadi satu kebiasaan bagi orang Melayu. Penyusun *Sejarah Melayu*, berasa sungguh malu apabila menghuraikan hal negeri Melaka pada abad kelima belas, kerana Sultan terletak di bawah penguasaan negara China, dan beliau telah membangkang keadaan ini.¹⁵ Walau bagaimanapun penerimaan status Melaka secara formal sebagai sebuah negara naungan China, akibat daripada keuntungan yang diperolehi daripada perdagangan Cina, telah menjadi sebahagian sejarah Melayu.¹⁶

Apabila kerajaan China kuat dan kuasa pembesar-pembesar Melayu bertambah hasil perdagangan Cina, Maharaja-maharaja Cina percaya bahawa kuasa moral merekalah yang membawa keamanan di kawasan perairan yang jauh.¹⁷ Usaha tunggal yang diambil oleh Dinasti-dinasti Selatan menghukum Cham adalah Cham dikatakan kerana membahayakan jalan laut ke China. Tugas tunggal yang terpaksa dilaksanakan oleh Maharaja-maharaja T'ang dan Sung adalah untuk memastikan perbendaharaan Cina memperolehi keuntungan hasil perdagangan luar. Langkah pertama bagi mencapai tujuan tersebut telah diambil dalam abad kelapan apabila seorang penguasa Perkapalan Perdagangan telah dilantik di Canton. Penguasa memainkan peranan penting dalam menjaga kepentingan kewangan Maharaja-maharaja.¹⁸

Tidaklah menghairankan jika Maharaja-maharaja Cina telah memberi pertolongan kepada Maharaja-maharaja. Pemberian formal yang diberikan kepada Maharaja-maharaja adalah dalam bentuk anugerah pangkat ketenteraan. Hsuan-tung telah diberi kurnia tersebut pada tahun 724 dan pada tahun 742¹⁹ – pada tahun 742 Maharaja telah mendahului penganugerahan Raja-raja Melaka itu dengan menghantar puteranya bersama-sama suatu rombongan ke China: langkah ini kemudiannya telah dilaksanakan dengan giat oleh Sultan-sultan Melaka. Pada tahun 904, apabila Dinasti T'ang hampir tamat, seorang utusan Melayu telah dikurniakan gelaran.²⁰ Utusan-utusan juga diberikan penghormatan pada zaman Sung. Pada tahun 1028, Jen-tsung merungut tentang merosotnya bilangan kapal luar negeri di Canton. Tidak lama kemudian suatu rombongan Srivijaya sampai, dan utusan-

utusannya diberi pemberian-pemberian lumayan. Ini seakan-akan menunjukkan bahawa kerajaan Sung melihat bahawa rombongan ini sebagai satu kebangkitan semula perdagangan luar.²¹ Pada 1077, Maharaja menerima gelaran, dan Shen-tsung menghuraikan langkah ini sebagai satu adat diraja yang dianggap sebagai balasan kepada mereka yang setia dan tertarik kepada negeri China.²²

Corak dalam sejarah Melayu yang dibentuk dengan pelaksanaan perdagangan ufti adalah lebih bermakna daripada kekayaan Maharaja yang berubah dari semasa ke semasa, yakni akibat pergolakan yang berlaku dalam dunia Melayu. Catatan-catatan dalam *Chiu T'ang-shu* menyatakan bahawa zaman kejayaan 'sistem naungan' T'ang berlangsung dari tahun 627 hingga ke tahun 742.²³ Seperti yang disebut oleh Wang Gungwu,²⁴ sejarah Kuangtung dan wilayah-wilayah yang memisahkan Canton dari ibu negeri China, boleh memberitahu kita tentang era-era dalam sejarah perdagangan Melayu dalam zaman Tang, iaitu dengan melihat masa apabila pasaran di China Utara tidak terbuka kepada barang import luar negeri. Huru-hara di China selepas pemberontakan An Lushan (165) dan serangan lanun di pantai Tongking dan Champa, yang berlaku serentak seakan-akan menunjukkan kita bahawa perdagangan yang semakin merosot mengakibatkan beberapa Maharaja menambah kekayaan mereka melalui rampasan-rampasan.²⁵ Pada tahun-tahun awal abad kesembilan, iaitu semasa pemerintahan Hsien-tsung, perdagangan laut bertambah baik buat seketika,²⁶ tetapi keadaan di China selatan semakin merosot selepas itu. Pemerintah Jambi dapat menghantar rombongan-rombongan dalam tahun 853 dan 871,²⁷ iaitu pada tahun apabila Sailendra Balaputra, yang dibuang negeri dari Jawa menjadi Maharaja Palembang. Mungkin keselarasan bukti ini dapat menyembunyikan kesan ke atas kuasa Maharaja akibat kemerosotan sementara perdagangan China, iaitu yang telah membebaskan Jambi daripada penguasaan China buat seketika.²⁸ Kita sepatutnya tidak terlalu banyak menekankan hal keselarasan bukti ini. Akan tetapi sebaliknya pergantungan masyarakat Melayu ke atas suasana perdagangan adalah perkara yang perlu diingat. Sumber kekayaan dan kuasa maharaja telah berkurang dengan banyak pada tahun-tahun akhir dinasti T'ang.

Sebaliknya, masa di antara kejatuhan dinasti T'ang dan kebangkitan dinasti Sung, iaitu pada separuh pertama abad kesepuluh, perdagangan telah berjalan giat di antara kerajaan Fukien, iaitu Min dengan kerajaan Kungtung yang kaya, iaitu Nan Han.²⁹ Sudah tentu Palembang telah menikmati faedah hasil perkembangan perdagangan

China pada tahun-tahun awal dinasti Sung.

Akan tetapi apakah yang berlaku selepas itu? Pergantungan Dinasti Sung ke atas laut untuk semua perdagangan asing dan pendapatnya menunjukkan bahawa berlakunya perkembangan dalam perdagangan laut orang Cina. Hal ini telah memulakan corak yang merugikan dalam sistem hubungan yang berpusat ke atas perdagangan entrepot di tenggara Sumatera.³⁰ Menjelang tahun 1178, kapal-kapal dari Canton telah berlabuh di Lamuri, yang terletak di Utara Sumatera, pada musim sejuk.³¹ Pada 1225 Chao Ju-kua menulis tentang perdagangan-perdagangan Cina yang melawat Jawa dan Teluk Siam.³² Kesan pelayaran orang Cina ini adalah pengagihan barang-barang tembikar Sung dan Monggol di Utara Sumatera. Kawasan ini tidak seperti kawasan selatan Sumatera kerana ia tidak mempunyai sebarang barang keluaran T'ang.³³ Lagipun, menjelang abad kedua belas, bukan sahaja pedagang Cina yang datang melawat pusat-pusat pengeluaran di barat Indonesia. Ini merugikan perdagangan entrepot (di tenggara). Pedagang-pedagang Tamil dan Yahudi dari Kaherah membeli kapor dari pantai baratdaya Sumatera.³⁴ Walau bagaimanapun keadaan perdagangan telah merosot dalam zaman pemerintahan Mongol (1279 - 1368). Walau dasar-dasar Yuen seringkali berubah,³⁵ pedagang-pedagang Cina terus pergi ke luar negeri, dan Wang Ta-yuan menyatakan bahawa pada tahun 1330 mereka telah berada di Lautan Hindi.³⁶ Terdapat banyak pelabuhan yang dapat dikunjungi oleh pedagang Cina. Palembang serta Jambi hanya merupakan dua daripada pelabuhan yang dapat digunakan oleh pedagang-pedagang Cina.

Perubahan politik telah berubah di bahagian tengah empayar yang terletak di tenggara Sumatera dan ibu negeri Jambi telah ditubuhkan di antara tahun 1079 dan 1082 (iaitu Jambi menggantikan Palembang sebagai ibu negeri dalam tahun 1079-p).³⁷ Permusuhan di antara Palembang dan Jambi merupakan satu tema yang telah lama wujud dalam sejarah Sumatera. Iaitu sejak abad ke tujuh lagi.³⁸ Pertandingan tersebut berlaku apabila ekonomi mula merosot dan ini di jangka akan dapat menambah pemusatan pengaruh dalam dunia Melayu.

Perpecahan yang berlaku dalam dunia Melayu melemahkan Maharaja-maharaja Malayu-Jambi. Ini dapat digambarkan oleh kebangkitan sebuah kerajaan kecil di pantai timur Sumatera iaitu yang juga terletak di hujung utara Selat Melaka. Dalam abad kedua belas, kekayaan dan kuasa bangsawan mulai merosot. Ketegangan di antara kerajaan Melayu yang ditubuhkan pada abad ketujuh mulai berlaku dalam abad kedua belas iaitu apabila kekayaan dan kuasa pembesar-

pembesar mulai merosot. Keadaan ini berlaku sekali lagi dalam abad kelima belas iaitu apabila kerajaan Melaka yang baru ditubuhkan telah menjadi kuasa terbesar, di dunia Melayu.

Kerajaan baru itu menurut Chao ialah *Chien-pi* iaitu yang mempunyai persamaan dengan Kampe di *Nagarakrtagama* pada abad keempat belas.³⁹ Kedudukannya dilukis dalam peta *Mao K'un*, iaitu yang terkandung dalam *Wu-pei chin*. Selain itu hal ini diselaraskan dengan maklumat-maklumat tentang pelayaran-pelayaran yang diperolehi daripada pelayaran-pelayaran semasa Dinasti Ming pada abad kelima belas. Kedudukan Kampe juga dilukis dalam peta tersebut. Ia terletak di antara Sungai Deli dan Perlak, dekat Titik Berlian di hujung pantai timur Sumatera.⁴⁰ Nama tersebut masih digunakan pada hari ini tetapi sebagai 'Kompal' (Kampai (?)), iaitu nama sebuah pulau kecil di Teluk Aru. Menurut Chao Ju-kua, pelayaran di antara Kampi dan Lamuri, yang terletak dekat Kota raja di Aceh, mengambil masa lima hari pelayaran. Ini mungkin merupakan nama Cina zaman Dinasti Sung kepada Ham atau Tamiang, yang terletak berdekatan dengan Pulau Kompai. Tome Pires menyebut Aru, yang dipisahkan dari Pasai yang terletak di pantai utara Sumatera oleh Bata;⁴¹ Bata adalah sama dengan *Pa-t'a* yang disebut oleh Chao Jukua. di bawah nama 'Haru', Aru dicatatkan di dalam *Nagarakrtagama* dan *Pararaton* yang menguraikan empayar Majapahit pada abad keempat belas,⁴² dan ia terletak tidak jauh dari selatan Pulau Kompai. Tamiang merupakan nama sungai yang mengalir ke dalam Selat Melaka, dan ia terletak ke utara Kompai. Di dalam *Nagarakrtagama* Tamiang disebut sebagai Tuminang. Fei Hsin, dalam *Hsien-ch'a sheng-lau* yang ditulis pada 1436, menyebut Tamiang terletak di sebelah Haru, dan pelayaran dari situ ke Melaka mengambil tiga hari.⁴³

Abad kedua belas dan ketiga belas merupakan zaman hubungan antarabangsa yang giat di kawasan pantai timur laut Sumatera. Chao Ju-kua menyatakan bahawa Kampe menjadi negeri naungan Srivijaya, yang pada masa itu dikenali sebagai Malayu-Jambi. Akan tetapi Kampe' memperoleh kemerdekaan melalui kekuatan senjata - Banyak kapal dagang berlabuh di sini, dan kapal-kapal Kampe sendiri belayar ke selatan India.⁴⁴ Rombongan yang membawa ufti dari Sumatera berhenti pada akhir dinasti Sung - walaupun begitu pemerintah dinasti Mongol menuntut negara-negara luar supaya tunduk kepada mereka, secara formal. Sungguhpun *Yuan-shin* tidak menyebut tentang Kampe, Haru dan Tamiang dikenali ramai dalam tahun-tahun akhir abad ketiga belas. Ini seakan-akan membayangkan bahawa Kampe yang

disebut oleh Chao Ju-kua, merupakan salah satu daripada dua kerajaan ini. Pada tahun 1282, Haru terpaksa tunduk kepada Kublai Khan.⁴⁵ Apabila sepasukan kapal Mongol berlayar ke Jawa, kerajaan-kerajaan Sumatera dipaksa tunduk;⁴⁶ Tamiang merupakan salah satu kerajaan ini, dan utusannya dihantar balik dari China dalam tahun 1294.⁴⁷ Akhirnya, pada lewat tahun 1295, kedua-dua pemerintah Tamiang dan Haru menghantar saudara-saudara lelaki mereka ke China dengan ufti.⁴⁸

Kawasan Teluk Aru memperolehi kemerdekaan semula daripada pembesar-pembesar Melayu Sumatera. Kedudukan Teluk ini terletak di jalan perdagangan di antara Lautan Hindi dan China. Selain itu pedalamannya kaya dengan hasil keluaran hutan, termasuk kapor kayu baru). Air segar Sungai Tamiang merupakan satu faedah yang dapat dinikmati oleh pelaut-pelaut.⁴⁹ Peluang-peluang yang terhasil akibat kedatangan pedagang-pedagang Cina ke Laut selatan amat menguntungkan. Oleh itu tidaklah menghairankan apabila Kampe menolak status untuk menjadi negara naungan Cina. Menurut Chao Ju-kua, Kedah menghantar kapal-kapalnya ke selatan India. Ini merupakan satu lagi contoh yang dapat membuktikan kemerosotan kuasa pembesar Melayu dalam menguasai Selat Melaka.⁵⁰ Bukti-bukti catatan Mongol mengesahkan kepentingan kawasan pantai timur-laut Sumatera, dan pada suatu ketika di antara akhir abad ketiga belas dan permulaan abad keenam belas, kawasan Tamiang-Haru ditakluki oleh pemerintah Haru.⁵¹

Catatan tentang sejarah kawasan Sumatera ini telah wujud lebih awal dari abad kedua belas dan ketiga belas. Pemulihan kemerdekaannya pada masa itu dan perang-perang yang seterusnya dengan Melaka, hanya merupakan fasa-fasa tertentu dalam hubungan yang telah dijalin sejak dahulu dengan pembesar-pembesar Melayu.

'Kampe' dinyatakan dalam *Hsin T'ang-shu*.⁵² Negeri ini dihalkan telah menghantar rombongan ke China dalam tahun 662.⁵³ Huraian tentang kedudukan negara itu memberitahu kita bahawa ia terletak di 'laut timur' dan di barat Champa; ia diperintah oleh ketua puak yang tinggal di sebuah kubu dengan lima ribu askar. Walaupun begitu Kampe bukanlah negara tunggal di timur laut Sumatera yang menghantar rombongan ke China pada pertengahan abad ketujuh. Pada tahun 642 dan 669, *P'o-lo*, yang terletak di pinggir pantai yang sama dikatakan juga berbuat demikian.⁵⁴ Sebelum abad ketujuh, pantai ini diketahui ramai kerana kekayaan hasil semula jadinya;⁵⁵ dan rombongan-rombongan tahun 642, 662 dan 669 merupakan rombongan perdagangan luar dua negara jiran ini. Tahun-tahun ini merupakan masa

empayar Srivijaya-Palembang berjaya menguasai Selat Melaka. Menjelang akhir abad itu, Kampe', *P'o-lo*, Kedah dan semua kerajaan di Selat Melaka menjadi negara naungan Maharaja. Kampe', *P'o-lo* dan Barus yang terletak di utara Sumatera,⁵⁶ telah berdagang dengan China dalam abad ketujuh. Pantai Sumatera yang menghadapi Selat Melaka dan bukan kawasan pinggir pantai Semenanjung Tanah Melayu patut dianggap sebagai kawasan saingan perdagangan dengan Palembang. Oleh itu kawasan ini terpaksa dikuasai.⁵⁷ Pada abad kesebelas, Jambi menjadi pusat kuasa tetapi tidak lama selepas itu, seperti yang kita lihat, perubahan corak perdagangan memberikan Kampe peluang dan sokongan untuk membebaskan dirinya, dari pakatan tersebut.

Tuntutan semula negara-negara naungan itu terhadap hak kebebasan berdagang seperti yang dilakukan oleh Kampe menjelaskan kita mengapa Chou ch'u-fei (11/8) dan Chao Ju-kua (1225) menyatakan bahawa *san-fo-ch'i* (Malayu-Jambi) memaksa kapal-kapal berlabuh di pelabuhannya melalui cara kekerasan.⁵⁸ Pelabuhan-pelabuhan yang dahulunya terletak di bawah naungan Maharaja China kini dapat berdagang dengan bebas. Pada masa ini penulis-penulis Arab menulis tentang perlanunan. Pada abad kedua belas Idrisi terdengar tentang lanun-lanun di sekitar kepulauan Karimata,⁵⁹ dan Ibn Said pada Abas seterusnya menulis tentang lanun-lanun di Bentan. Kita dapat membuat ramalan bahawa pada masa itu beberapa datu dan pengikut-pengikut mereka lebih suka bebas membuat keputusan sama ada hendak menyambut atau merompak kapal-kapal yang datang dari luar negeri. Penguasaan dari ibu negeri menjadi kurang berkesan dan sejarah Melayu tidak lagi merupakan sejarah sebuah *nagara* sahaja. Akibatnya jumlah askar yang dapat dikumpulkan oleh Maharaja-maharaja Malayu-Jambi menjadi kurang.

Oleh itu apabila Kertanagara dari Singasari, di timur Jawa, menyerang Melayu pada tahun 1275, ia tidak menghadapi tentangan sepenuhnya daripada orang-orang Melayu.⁶⁰ Hal ini dimungkinkan juga oleh pengaruh Thai di Semenanjung Tanah Melayu. Kesannya perpecahan semakin bertambah.⁶¹ Mengikut Prapanca, yang menulis dalam tahun 1365, Jambi dan Palembang senantiasa 'mengambil berat' tentang orang Jawa Majapahit. Jambi dan Palembang merupakan tempat-tempat pertama yang dinyatakan terletak 'dalam negara Melayu', dan penyair itu menganggap negeri naungan Jawa di Melayu sebagai 'negara-negara utama' di antara 'pulau-pulau' yang patuh kepada pemerintah Majapahit.⁶² Kita tidak perlu menganggap bahawa empayar Jawa diawasi dengan rapi. Penguasaan ke atas negara-negara

naungan merupakan satu pencapaian, dan usaha tersebut menunjukkan bahawa kuasa pemerintah di luar negeri bukan sahaja telah berjaya membawa masuk kekayaan dalam bentuk ufti tetapi juga bertujuan meningkatkan martabat pemerintah di negara-negara yang martabat itu bertambah melalui penggunaan ilmu sihir. Kawasan tenggara Sumatera merupakan kawasan kemenangan diraja, iaitu yang rantaunya tidak memungkinkan adanya martabat setara di antara jiran-jiran.⁶³ Dalam masa pengaruh Jambi di dunia Melayu, jika perkara itu berlaku, hal tersebut mungkin merupakan zaman apabila pelaut Melayu, terutamanya mereka yang setia kepada Palembang, memandang balik kepada sejarah Palembang dengan penuh perasaan kebanggaan dan kepuasan. Malayu-Jambi tidak mempunyai peluang untuk menambah pengaruhnya di kalangan orang Melayu. Palembang dan bukan Jambi, merupakan ibu negeri pada zaman kegemilangannya empayar tersebut.

Walau bagaimanapun Jambi dan Palembang tidak lesap. Pengendalian tempat-tempat ini sebagai pusat perdagangan dan pusat politik perlu diingati apabila kita memikirkan hal yang berlaku pada bahagian kedua abad keempat belas. Pada tahun 1202, Marco Polo mendengar hal pusat perdagangan Malaiur dan rempahnya.⁶⁴ Palembang, yang disebut oleh Chao Ju-kua pada tahun 1225, dan 'Pelabuhan Lama' oleh Wang Ta-yuan di antara tahun 1349 dan 1350, juga terus wujud. Mungkin berfaedah untuk kita mengetahui bahawa apabila Wang ingin menghuraikan hal kekayaan Bengal, ia mengatakan bahawa jumlah kekayaan Bengal adalah lebih besar daripada kekayaan yang terdapat di Pelabuhan Lama atau Jawa.⁶⁵ Walaupun pelabuhan itu mempunyai kurang kekayaan dari Bengal, Wang menggunakan pelabuhan ini sebagai perbandingan kepada Bengal. Ini menunjukkan bahawa Palembang agak kaya juga.⁶⁶

Bandaraya-bandaraya ini berjaya kekal daripada segi kepentingan politik walaupun proses menjadikan Jambi sebagai sebahagian empayar Minangkabau tidak diketahui. Catatan-catatan pada awal zaman Mongol membuktikan kewujudan pelabuhan-pelabuhan yang dimiliki oleh kerajaan yang bebas di utara Sumatera seperti Samudra, Lamuri, Perlak, Tamiang dan Haru. Akan tetapi kita tidak boleh memberi terlalu banyak penekanan ke atas rombongan-rombongan yang dihantar bagi tujuan menunjukkan bahawa kerajaan-kerajaan perdagangan di tenggara Sumatera digantikan oleh kerajaan-kerajaan ini. Kita telah lihat bahawa tekanan pihak Mongol menjadikan Tamiang dan Haru negara-negara naungannya. Rombongan dari Samudra dalam tahun 1282, dihantar hanya apabila utusan Mongol yang dalam perjalanan baliknya dari

selatan India, berhenti di Samudra. Oleh itu pemerintah mengambil peluang ini untuk menjalinkan hubungan dengan dinasti baru di China.⁶⁷ Malayu-Jambi telah pun menghantar rombongan ke China pada awal tahun 1281.⁶⁸ Rombongan tahun 1293 dihantar atas permintaan orang Mongol.⁶⁹ Sementara itu rombongan-rombongan tahun 1299⁷⁰ dan 1301⁷¹ dihantar secara sukarela. Rombongan terakhir yang menghadap pemerintah dinasti Yuan dari Sumatera ialah dari Melayu, sebuah kerajaan selatan, dan bukan kerajaan-kerajaan kecil kawasan utara pulau Sumatera. Walaupun begitu, satu rombongan Mongol nampaknya dihantar ke Palembang pada tahun 1309.⁷² Tamiang dan Haru diarahkan supaya menghantar rombongan. Sementara itu rombongan-rombongan Melayu selepas kemangkatan Kublai Khan dibuat tanpa seorang paksaan. Rombongan-rombongan ini dihantar oleh seorang pemerintah yang mengetahui bahawa rombongan ini akan mendatangkan faedah, sama ada dalam bentuk perdagangan ataupun dalam bentuk perlindungan.⁷³

Wang Ta-yuan cuba menyatakan bahawa perbezaan wujud di antara pelabuhan-pelabuhan aman di tenggara Sumatera dengan pantai yang penuh dengan kegiatan perlanunan di kedua pinggir Selat Melaka.⁷⁴ Orang Melayu, pada masa itu, cuba menumpukan perhatian mereka di antara perdagangan dan di selatan Sumatera dan serangan-serangan yang dilakukan ke atas kapal-kapal yang melalui Selat Melaka. Walaupun pemerintah Melayu menganggap dirinya sebagai kuasa terbesar di Sumatera, Palembang masih mempunyai 'ketuanya' sendiri.⁷⁵ Demikian menurut pengaruh Wang Ta-Yuan Jawa ke kawasan ini mungkin dapat ditunjukkan hanya apabila pemerintah Jawa ingin berbuat demikian. Akan tetapi kerajaan yang menjalankan pentadbiran harian di selatan Sumatera, masih tetap terletak pada tangan orang Melayu. Orang Melayu di Palembang berpendapat bahawa pemerintah Minangkabau dan Jambi tertakluk kepada Jawa dan ini merupakan salah satu sebab martabatnya menjadi kurang.⁷⁶ Akan tetapi pemerintah-pemerintah Malayu-Jambi dan Palembang sudah tentu sedar bahawa faktor utama yang menyebabkan kelemahan mereka adalah kerana orang Cina dan pedagang-pedagang lain yang merayu mengikut suka hati mereka ke pelabuhan-pelabuhan lain. Ini merupakan satu situasi yang tidak dapat dihalang oleh orang Melayu.

Beginilah corak pengalaman orang Melayu pada abad-abad yang dilihat sebagai sejarah 'Srivijaya'. Pindahan ibu negeri dari Srivijaya-Palembang ke Malayu-Jambi secara kebetulan berlaku pada masa yang sama dengan perubahan dalam corak perdagangan laut Asia,

iaitu yang tidak dapat dikawal oleh pembesar-pembesar baru. Oleh itu empayar mereka tidak boleh dihuraikan sebagai lemah kerana ketinggalan zaman atau mundur. Kerajaan Malayu-Jambi yang diperintah oleh seorang pembesar dari kawasan pedalaman Sumatera, dapat digulingkan kerana ia menjadi lebih lemah daripada jiran-jirannya. Perkara ini berlaku ke atas Angkor, iaitu apabila negara Thai mulai memerintah kerajaan Mon lama yang terletak di Lavo. Keruntuhan Srivijaya juga tidak diakibatkan oleh kematangan politik negara-negara naungannya. Di sini kita tidak membincangkan hal jenis empayar yang bangkit dan kemudiannya jatuh. Suasana yang dikaitkan dengan keruntuhan Srivijaya, oleh ahli sejarah berkait dengan pengabaian Palembang dan Jambi oleh pedagang-pedagang. Palembang dan Jambi yang dahulunya pelabuhan entrepot menikmati keistimewaan monopoli ke atas penawaran dan ini menjadi asas kekuasaan pemerintah. Dengan itu Maharaja-maharaja kehilangan sumber kekayaan dan kepimpinan dalam dunia Melayu. 'Srivijaya' tidak lagi menjadi tumpuan kegiatan-kegiatan orang Melayu dan ia juga kehilangan kesetiaan rakyatnya. Pembesar-pembesar Melayu dan pedagang-pedagang asing mula meninggalkannya; buat sementara waktu tidak ada sebuah negara pun yang dapat menjamin keselamatannya.

Akan tetapi kejayaan dinasti Ming, yang meluas ke China Selatan pada tahun 1368, seakan-akan memulihkan keadaan tersebut, terutamanya selepas orang Melayu mendengar berita bahawa utusan-utusan dari China mengumumkan pemulihan semula sistem perdagangan ufti dan larangan pelayaran-pelayaran China ke luar negeri. Khabar-khabar ini mungkin telah memberi harapan kemakmuran kembali di bawah pembesar-pembesar Jambi dan Palembang. Persekitaran luar yang telah dapat membantu dalam pembentukan sejarah Melayu sekali lagi bertanggungjawab ke atas kemunculan pemimpin baru dalam dunia Melayu. Kita sekarang akan mengkaji peristiwa-peristiwa dalam bahagian kedua abad keempat belas, iaitu masa ketika 'Srivijaya' telah dipercayai runtuh.

BAB 5

PENGASAS DINASTI MING DAN ORANG-ORANG MELAYU

Maharaja *Hung-Wu*, T'ai-tsu (1368 – 98 S.M.), pengasas dinasti Ming telah memulihkan semula sistem ufti dengan cekapnya. Sekali lagi perdagangan luar negeri terpaksa dibawa masuk ke China oleh orang luar, dan hanya negara naungan sahaja dibenarkan berbuat demikian. T'ai-tsu berpendapat bahawa perdagangan ufti hanya boleh dilaksanakan apabila ufti dibawa bersama. Semua urusan perdagangan peribadi, sama ada di China atau di luar negeri, di antara rakyat China dengan 'orang kasar' dilarang.

Dasar-dasar T'ai-tsu, yang berbeza daripada dasar pada akhir dinasti Sung dan dasar-dasar yang digubal oleh Maharaja-maharaja Yuan, sepatutnya sesuai untuk putera-putera Melayu, dan kita akan dapat lihat bahawa mereka bertindak balas terhadapnya dengan segera. Akan tetapi perkara yang menakjubkan tentang tempoh masa tiga puluh tahun pada akhir abad keempat belas, ialah Maharaja China yang mengemukakan penabalannya ke dunia luar hilang minat dalam perdagangan dengan negara naungan di Sumatera, malah pada masa yang sama juga beliau mula mengamalkan dasar pengecualian dan bersikap bermusuhan terhadap dunia luar. Peraturan-peraturan dasar perdagangannya menyembunyikan hasrat beliau yang sebenar. Secara senyap beliau membangkitkan semula harapan di tenggara Sumatera hanya untuk menghampakan orang Melayu. Dan ini telah mengakibatkan orang Melayu berasa kecewa dan agresif. Bagi mereka Maharaja yang begitu berkuasa hingga dapat mengalahkan orang Mongol,¹ menggambarkan

pengasas dinasti baru yang berjaya, namun begitu beliau sanggup memalingkan muka kepada dunia luar. Sudah tentu mereka tidak faham corak pemikirannya dan perbuatan-perbuatan yang beliau telah lakukan secara tidak langsung, terutama perbuatan-perbuatan yang membawa kesan buruk. Tindakan T'ai-tsu terhadap orang Melayu perlu diambil kira apabila menghuraikan perasaan orang-orang Melayu pada akhir abad keempat belas.

Perkara yang menghairankan lagi tentang keadaan ini adalah orang Melayu semasa permulaan pemerintahan T'ai-tsu juga sedar akan keadaan pada masa lampau, kerana beliau telah membebaskan negaranya daripada 'orang gasar,'² dan mencadangkan pemulihan 'corak pemerintahan raja-raja sebelum itu,'³ supaya negara China dapat memperoleh semula identiti kebudayaannya, selepas rasuah berleluasa di bawah pemerintahan Mongol selama hampir satu abad.

T'ai-tsu bukan sebarang orang.⁴ Beliau merupakan seorang pemerintah zalim yang selalu mengesyaki bahawa takhtanya akan dirampas dan kedudukan autokrasinya akan ditandingi. Oleh itu beliau diberi gelaran 'pemerintah Cina yang paling zalim (tiran) dan kejam dalam sejarah China'.⁵ Beliau juga merupakan seorang yang berkeupayaan dan rajin bekerja. Kajian ini hanya meliputi sebahagian kecil sahaja pemerintahan beliau. Bagi orang Melayu pula, pemerintahan beliau telah diinterpretasikan oleh para sejarawan sebagai permulaan peristiwa ke arah 'kejatuhan Srivijaya'.

T'ai-tsu nampaknya telah mengikut pandangan orang Cina jiaitu mempercayai bahawa sejarah meninggalkan pengajaran yang ada kena mengena dengan dasar-dasar yang berjaya dan yang gagal.⁶ Beliau telah mempelajari dasar-dasar tradisional terhadap negara-negara kelautan di Asia Tenggara. Pada 30 Oktober 1371, T'ai-tsu telah mengeluarkan satu risalah sebagai panduan kepada pegawai-pegawainya:

Negara-negara di luar negara orang gasar yang mengganggu kita mesti ditentang, tetapi jika mereka tidak menimbulkan sebarang masalah, kita tidak boleh menyerang mereka. Kata orang-orang tua: memiliki tanah yang luas tidak bererti yang ia akan membawa keamanan. Jika rakyat terpaksa bekerja terlalu kuat, kekecohan akan timbul. Oleh itu Sui Yan-ti telah mengumpul tentera-tentera dan menyerang Famosa dengan membabi buta. Beliau membunuh dan mencederakan orang gasar. Beliau membakar rumah-rumah mereka dan menangkap beberapa ribu orang lelaki dan wanita gasar. (Tetapi) wilayah yang diperolehinya tidak cukup besar untuk membekalkan (angkatan-angkatan tenteranya) makanan.

sementara orang yang ditawannya terlalu mundur untuk mengikut arahan-arahannya.⁷ Ini merupakan satu contoh apabila China mengalami kesan buruk, yang patut dicatat dalam buku-buku sejarah sebagai suatu pengalaman yang melucukan, dalam abad-abad yang akan datang. Pendapat kita adalah negara orang-orang gasar merupakan negara-negara kecil. Mereka dipisahkan daripada kita oleh kawasan berbukit dan lautan; dan mereka terlalu jauh. Jika mereka tidak mengganggu kita, kita sudah tentu tidak akan menyerang mereka. Dalam abad-abad yang lalu hanya orang gasar *Hu* dan *Jung* di kawasan timur-laut sahaja telah mengganggu China dan kita mestilah berjaga-jaga. Biarlah pegawai-pegawai kita mengingati kata-kata ini dan mengetahui hasrat-hasrat kami.⁸

Nampaknya T'ai-tsu mengetahui benar tentang idea-idea yang terdapat dalam zaman Chen-kuan (627-50 S.M.), yang sebenarnya merupakan pengalaman-pengalaman awal Tang semasa Dinasti-dinasti Selatan. Penolakan T'ai-tsu terhadap cadangan untuk menyerang Lin-yi juga adalah berasaskan alasan-alasan yang sama.⁹ Pada tahun 631, apabila beliau menerima penyerahan Samarkand, T'ai-tsu memerhatikan ramai pemerintah di masa yang lampau telah cuba memperoleh nama baik dengan meluaskan kawasan wilayah mereka, walaupun rakyatnya terpaksa menanggung penderitaan akibat daripada tindakan-tindakan mereka. Jika beliau menghantar angkatan tentera ke kawasan yang jauh, rakyatnya akan menderita dan beliau tidak ingin memburukkan nama baik (reputasi) beliau dengan berbuat demikian.¹⁰ Huraian T'ai-tsu tentang Yang-ti juga merangkumi sebuah kutipan daripada catatan *Sui-shu* tentang serangan Yang-ti ke atas Farnosa.¹¹ Beliau cuba menjauhkan diri daripada ejekan-ejekan para sejarawan yang menurut Wei Cheng merupakan takdir Yang-ti.¹² Akhirnya, perbandingan di antara negara-negara kelautan yang lemah dengan negara-negara yang merbahaya di Asia tengah juga telah dihuraikan dalam bab-bab tentang orang gasar dalam *Sui-shu*, hasil karya Wei Cheng.¹³ T'ai-tsu percaya bahawa orang Mongol juga merupakan pemerintah-pemerintah yang telah memberi layanan tidak adil terhadap orang-orang gasar.¹⁴

Kelakuan orang gasar di negara-negara kelautan membimbangkan beliau semasa pemerintahannya tetapi beliau berpegang kuat kepada prinsip-prinsip amnya dalam kenyataan yang telah dibuat pada tahun 1371. Beliau terus menganggap orang gasar sebagai negara yang kecil dan terletak jauh; malahan Champa (Lin-yi) juga dianggap sebuah negara yang hampir tidak dapat dikunjungi.¹⁵ Pengetahuan beliau

tentang geografi (daripada sumber-sumber kuno) dihuraikan dalam bahasa yang telah digunakan sejak zaman dinasti Selatan, membolehkan beliau membezakan di antara negara-negara yang terletak jauh dengan negara yang dekat. Pengetahuan tentang perbezaan ini seterusnya digunakan sebagai asas dalam menentukan betapa kerapnya rombongan ufti harus dihantar. Semua negara Asia Tenggara termasuk dalam senarainya di bawah kategori 'negara-negara yang terletak jauh'.¹⁶ Dalam beberapa abad sebelum ini, para sejarawan telah menegaskan kepercayaan mereka bahawa kuasa moral (*te*) mampu sampai ke tempat yang paling jauh sekalipun; T'ai-tsu juga mempercayai dogma ini. Menjelang tahun 1374, beliau dapat memuji dirinya sendiri meskipun pada zaman sebelumnya, orang gasar di kelilingi oleh keadaan-keadaan yang merbahaya dan telah menolak arahan-arahan diraja; kini, mereka tetap menghantar ufti kepada pemerintah, walaupun mereka tinggal jauh atau dekat. Beliau mengakui bahawa pencapaian itu telah dicapai dengan *te* yang ada pada dirinya.¹⁷

Konsepsi fakta-fakta deopolitik T'ai-tsu, walaupun telah ketinggalan zaman disebabkan hubungan yang rapat antara negara China dan negara kelautan menyediakan asas-asas ideologi untuk membentuk satu rangka yang memperkenalkan semula sistem perdagangan ufti. Walau bagaimanapun, suatu penekanan baru dan bermakna harus berserta dengan prejudis yang lama. Semasa dinasti Selatan, orang Cina telah sedar bahawa orang gasar di kawasan kelautan seringkali berkelahi antara satu sama lain dan T'ai-tsu belum cukup bersedia untuk membantah sebarang peristiwa perkelahian apabila beliau mengetahui tentangnya. Beliau berasa berang terhadap peristiwa-peristiwa tersebut bukan kerana pedagang-pedagang yang tidak bersalah akan menderita tetapi sebarang peristiwa tidak senonoh dan tidak terkawal adalah bertentangan dengan 'prinsip mulia (ketuhanan)'¹⁸ dan sebarang pelanggaran terhadap kuasa-kuasa diraja akan mengakibatkan pihak tersebut terhapus dengan sendirinya ('selfdestruction').¹⁹ Maharaja China merupakan pemerintah seluruh dunia, yang bertanggungjawab untuk bertindak terhadap keadaan huru-hara dengan cara yang betul.²⁰ Semasa pemerintahannya T'ai-tsu seringkali diingatkan bahawa negara-negara Asia Tenggara kerap kali berperang antara satu sama lain.²¹ Orang Cham dan Vietnam berperang sesama sendiri dan ini mengakibatkan gugusan Kepulauan Indonesia tidak aman.²²

Keinginan T'ai-tsu memperjuangkan 'prinsip mulia (ketuhanan)' juga memberi beliau kesedaran baharu akan pentingnya keperluan untuk menjalin hubungan antara negara China dan dunia orang gasar.

Hubungan menjadi penting untuk China bukan hanya daripada aspek apa yang dapat masuk ke dalam negara China tetapi apa yang dapat keluar dari negara tersebut. Pengaruh moral yang berfaedah telah disebarkan kepada orang gasar. Oleh itu, beliau ingin mengumumkan pembentukan dinasti barunya dan berusaha menghantar berita tersebut ke 'kawasan-kawasan yang terletak jauh'; tentang hasrat beliau untuk mengamalkan semula sistem kerajaan yang telah dipraktis oleh Maharaja-maharaja yang memerintah pada masa dahulu.²³ T'ai-tsu juga menghantar, peraturan-peraturan yang mengandungi banyak nasihat yang baik kepada pemerintah-pemerintah luar negeri. Beliau tidak menggalakkan pemerintah asing berdagang dengan China, tetapi sebaliknya, beliau telah menasihatkan mereka supaya memerintah rakyat mereka dengan baik, menjalin hubungan baik di antara negara-negara jiran dan menghormati sempadan negara masing-masing.²⁴ Satu lagi implikasi pemahaman beliau yang mulia tentang keberkesanan hubungan antara China dan orang gasar, adalah jika beliau mengesyaki pemerintah-pemerintah yang 'pandai menipu'²⁵ ini menghantar ufti untuk mencapai matlamat-matlamat yang tidak mulia,²⁶ beliau lebih sedia menolak ufti tersebut.²⁷ Sebagai contoh, beliau tidak akan mencrima ufti daripada perampas-perampas harta.²⁸

T'ai-tsu berpegang teguh kepada interpretasi tentang sistem ufti walaupun tindakan beliau telah mengakibatkan perdagangan ufti bertambah kurang. Nyatalah, beliau tidak mengutamakan matlamat untuk menjadikan negara-negara luar sebagai sumber kekayaan diraja dan dasar anti perdagangan beliau menguasai dasar pemerintahan negara China.²⁹ Pandangan T'ai-tsu sangat berbeza daripada pandangan para sejarawan dinasti Selatan, yang menggalakkan kapal-kapal datang ke China sebagai satu pengesahan atas kuasa *te* Maharaja China. T'ai-tsu menuntut pengesahan yang paling bermakna. Beliau berpuas hati hanya apabila terdapat bukti bahawa negara-negara naungan yang menerima bimbingan moralnya, tidak lagi berkelahi antara satu sama lain.

Kita cuba mencapai penjelasan mengapa dasar-dasar T'ai-tsu terhadap negara-negara kelautan begitu pasif, dibandingkan dengan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh anaknya, Maharaja *Yung-lo*. Tidak dapat disangkalkan lagi beliau mempunyai perasaan benci orang Cina terhadap orang asing yang telah wujud akibat kekacauan dalam negara China sejak zaman Sung. 'Kebudayaan' Ming menghuraikan sikap prejudisnya terhadap Asia Tenggara.³⁰ Kita juga mesti ingat bahawa semasa pemerintahannya, beliau ingin mengembalikan keamanan di China dan menghapuskan kuasa Mongol di kawasan utara, yang

terletak di bawah penguasaan tamerlane, iaitu pemerintah sezaman dengan T'ai-tsu.³¹ 'Malapetaka' yang berlaku di Asia Tengah merupakan satu fakta yang menggemparkan dalam kehidupan orang Cina. Lagipun, beliau kurang berminat terhadap perdagangan dan ini menunjukkan beliau lebih cenderung dengan pemikiran tradisional bahawa pertanian merupakan asas kekayaan sebenar empayar itu. Akhirnya, walaupun beliau telah mengeluarkan kenyataan dalam tahun 1371, salah satu bahagian dunia kelautan telah menghadapi kekecohan semasa pemerintahannya. Kawasan yang mengalami kekecohan itu merupakan kawasan pinggir laut T'ai-tsu yang seringkali diserang oleh lanun-lanun Cina; dan lanun-lanun Jepun terus-menerus menyusahkan beliau.³² T'ai-tsu mengaitkan perlanunan Cina dengan satu lagi masalah lain. Apabila perdagangan ufti dimulakan dan orang-orang Cina dilarang belayar ke luar negeri, rakyatnya yang tinggal di kawasan pinggir pantai berasa berang terhadap larangan ke atas kegiatan yang telah menjadi sumber kekayaan sejak dua abad sebelum itu.³³ Masalah ekonomi merupakan sebab utama pedagang-pedagang Cina melanggar peraturan Maharaja dan menjalankan perdagangan di luar negeri. T'ai-tsu mungkin berpendapat bahawa perdagangan haram yang dijalankan membentuk pakatan haram di antara orang Cina yang tidak setia dengan orang asing yang menentang pemerintahan dinastinya.³⁴

Pandangan Maharaja yang sofistikated tentang sistem ufti membawa kesan-kesan buruk kepada orang Melayu. Apabila T'ai-tsu mempercayai bahawa prinsip moral beliau telah dilanggar oleh negara naungannya, beliau tidak menghukum negara tersebut tetapi menolak negara sebagai negara yang tidak layak menerima nasihatnya. Kita dapat lihat bahawa antara tahun 1377 dan 1380, maklumat-maklumat yang kurang menyenangkan dari Indonesia Barat sampai kepada T'ai-tsu dan beliau memulau rantau ini untuk beberapa tahun dan tidak mengambil sebarang inisiatif untuk menggalakkan orang Melayu di Sumatera menghantar rombongan perdagangan kepadanya. Tetapi menjelang tahun 1377 orang Melayu baru sahaja memulakan semula perdagangan ufti dan memerlukan masa memulihkan kekuatan dan menyatukan diri mereka untuk menentang ancaman dari Jawa. Tindakan negatif T'ai-tsu terhadap peranan orang Melayu dalam perdagangan menghalang mereka memperolehi semula kuasa ekonomi, seperti yang telah dijangkakan. Beliau mengambil tindakan tersebut kerana beliau, seperti juga maharaja-maharaja sebelumnya, enggan percaya bahawa negara kelautan Melayu yang kuat dapat menyediakan keperluan perdagangan China. Walau bagaimanapun, andaian tunggal beliau

dalam sejarah Melayu merupakan kebangkitan semula 'Srivijaya' (San-to-chi, kini bererti Melayu) iaitu nama kerajaan Sumatera, yang beliau sedia terima sebagai negara naungan pada awal pemerintahannya.³⁵ Kepentingan sejarah 'Srivijaya' tidak bermakna kepada China kerana beliau tidak minat terhadap perdagangan asing.

Jika orang Melayu memahami pemikiran Maharaja tersebut, sudah tentu mereka akan beranggapan bahawa sistem perdagangan ufti beliau tidak tulen. Walau bagaimanapun, pengendalian semula sistem tersebut pada permulaan pemerintahan beliau nampaknya tulen dan mengalakkan.

Maharaja yang mengasas dinasti ini sedar bahawa kewajibannya adalah untuk mengembangkan semula pengaruh moral China di seluruh dunia. Oleh itu beliau mesti mengumumkan di merata-rata tempat bahawa orang Mongol telah ditewaskan dan beliau bersedia menghantar rombongan ke Eropah demi mengembangkan pengaruh moral China.³⁶ Pada 3 Februari 1369, rombongan-rombongan telah dihantar ke negara jiran China yang paling dekat iaitu Korea dan Vietnam.³⁷ Beberapa minggu kemudian rombongan-rombongan diarah pergi ke Jepun, Champa, Jawa, dan 'negara-negara di lautan barat'.³⁸ Pada 14 Mac 1369, satu rombongan Cham sampai ke Nanking; mengesyorkan bahawa Maharaja telah memperkecilkan keupayaan perdagangan asing membawa revolusi pembaharuan kepada dinasti Cina.³⁹

Pada akhir tahun 1369 Maharaja Cina membentuk peraturan-peraturan lengkap tentang upacara penerimaan utusan-utusan negara asing, sebagai reaksi dari suatu tindakan terhadap kenyataan 'Lembaga Pengelola Upacara' ('Board of Rites'); lembaga tersebut mengumpulkan upacara-upacara yang diamalkan sejak permulaan sejarah China lagi.⁴⁰ Peraturan-peraturan ini telah diterbitkan pada 20 Oktober 1369. Pada bahagian akhir peraturan tersebut, terdapat satu pernyataan iaitu rakyat boleh mengiringi rombongan-rombongan luar negeri dan berdagang dengan pedagang-pedagang Cina. Keputusan juga diambil iaitu mereka hanya perlu membayar cukai sebanyak 6%, kalau tidak barang-barang mereka akan dijual tanpa cukai.⁴¹ Tindakan T'ai-tsu amat berbeza daripada pemerintah-pemerintah Sung dan Yuan sebelumnya, kerana mereka cuba memperolehi keuntungan daripada segi kewangan hasil import luar negeri.⁴²

Maharaja Cina mula menunjukkan sikap berkecualinya terhadap aspek ekonomi dalam sistem ufti. Satu lagi sikapnya ialah keraguan beliau dalam memilih pelabuhan-pelabuhan masuk yang boleh digunakan oleh rombongan-rombongan dari negara asing. Beberapa hari

sebelum zaman pemerintahan *Hung-wu* diumumkan antara 22 Disember 1367 dan 19 Januari 1368) seorang Penyelia Perdagangan telah dilantik⁴³ dan tidak lama kemudian pelabuhan-pelabuhan T'ai-tsang dan Huang-tu yang masing-masing terletak di Kiangsu dan Anhwei telah dibuka di bawah pengawasan penyelia-penyelia Perdagangan.⁴⁴ Akan tetapi kedua-dua pelabuhan ini telah ditutup pada 12 Mac 1370.⁴⁵ Pada akhir tahun tersebut, iaitu pada 3 September, Maharaja diberitahu bahawa kapal pedagang-pedagang yang membawa rempah-rempah harum dari Hainan ke ibu negeri, telah mengalami nahas laut dan beliau dengan murah hati mengecualikan barang-barang milik pedagang-pedagang yang lemas itu dari sebarang cukai.⁴⁶ Ch'i Shoa-nan, penyusun risalah tambahan *Hsu wen-hsien t'ung-k'ao*, setelah menyebut tentang nahas kapal laut tersebut menyatakan bahawa Pelabuhan-pelabuhan Perdagangan dibuka semula di Minchou, Ch'uan-chou, dan Canton; Canton merupakan pelabuhan khas untuk kapal-kapal dari negara-negara di Asia tenggara.⁴⁷ Mungkin selepas mendengar tentang nahas kapal laut itu beliau sedar bahawa kemudahan-kemudahan asas pelabuhan amat diperlukan oleh kapal-kapal yang datang dari luar negeri. Tarikh keputusan telah diambil untuk membuka semula tiga pelabuhan tersebut tidak diketahui, tetapi ada kemungkinan bahawa pelabuhan-pelabuhan tersebut dibuka beberapa tahun selepas dinasti itu diasaskan.⁴⁸

Tujuan disebalik mengadakan semula jawatan Penyelia Perdagangan adalah jelas. Menurut *Ming-shih*, negara-negara naungan dibenarkan membawa barang-barang untuk berdagang dengan China, dan pegawai-pegawai ini dilantik untuk menunjukkan kemurahan hati Maharaja China terhadap pendatang-pendatang asing dan juga untuk menguatkuasakan peraturan tentang urusan perdagangan yang tidak sah.⁴⁹ Barang-barang kurang bermutu yang dibawa masuk oleh rombongan tetapi tidak sesuai dijadikan ufti atau barang dagangan di ibu negeri, boleh dijual kepada pedagang-pedagang Cina tetapi hanya di bawah pengawasan Penyelia-penyelia Perdagangan.⁵⁰ Walau T'ai-tsu sedia menerima rombongan-rombongan yang berniat baik, semasa pemerintahannya beliau lebih kerap melarang hubungan antara rakyatnya dengan orang asing. Seawal 22 Januari 1372 lagi, beliau mengingatkan pegawai-pegawai wilayahnya bahawa beliau melarang sebarang hubungan antara penduduk di wilayah pinggir pantai dan orang kasar. Walau bagaimanapun, beliau telah merungut, pegawai-pegawai di Fukien secara senyap menghantar orang ke luar negeri untuk berdagang.⁵¹ Pada 14 Oktober 1374, tiga Pelabuhan Perdagangan

ditutup.⁵² *Ming-shih* tidak memberitahu sebabnya tetapi Hsia Hsien, penyusun *Ming T'ung-chien* menyatakan kerajaan takut bahawa rakyat yang tinggal di kawasan pinggir pantai, termasuk pegawai-pegawai, akan mengadakan urusan perdagangan secara senyap dengan orang luar.⁵³ Tidak syak lagi kegiatan orang Jepun merupakan unsur utama yang membimbangkan Maharaja. Seawal 1369 lagi T'ai-tsu memarahi kerajaan Jepun kerana telah menyerang pinggir laut China⁵⁴ dan beliau agaknya takut bahawa pedagang-pedagang Jepun dan Cina, dua kumpulan yang cuba menguasai sistem ufti akan bersuhabat. Tidak lama kemudian semasa pemerintahannya, beliau dapati bahawa pelayaran-pelayaran Cina yang tidak sah telah menggalakkan orang asing melakukan kegiatan perlanunan. Ini menambahkan lagi jumlah kegiatan yang tidak sah di laut dan juga risiko kepada ekspedisi-ekspedisi pelayaran di pinggir pantai China.⁵⁵ Tetapi pedagang-pedagang Cina yang telah biasa menjalankan perdagangan dengan bebas selama dua ratus tahun, membantah arahan-arahan baharu dan kerap kali tidak mengendahkan peraturan-peraturan itu. Satu contoh langkah-langkah yang sanggup diambil oleh orang Cina dicatatkan pada tahun 1373 dalam memorial dari Raja Cham, menyatakan bahawa dia telah menawan dua puluh kapal Cina yang diketuai oleh general-general Cina yang palsu (*self-styled*). Tawanan telah mengumpulkan banyak kayu 'sapan'.⁵⁶

Perdagangan ufti, walaupun sah, menyediakan peluang-peluang selanjutnya dalam hubungan antara orang Cina dan orang asing. Pada tahun 1374, utusan-utusan dari Ayudnya sampai ke Nanking, dan mereka menerangkan bahawa kapal mereka telah dilanda ribut berdekatan Hainan, maka barang dagangan mereka, termasuk rempah-rempah aromatik telah dirampas. T'ai-tsu hairan kerana utusan-utusan tersebut tidak membawa sebarang memorial bersama-sama mereka. Oleh itu, beliau telah meragui kebenaran cerita mereka tentang kemalangan kapal tersebut dan mengesyaki bahawa mereka itu sebenarnya pedagang-pedagang dari negara asing.⁵⁷ Orang Thai adalah di antara penduduk di Asia tenggara yang lebih berminat untuk berdagang dengan China daripada menghantar ufti ke negara China. *Shu-yu chou-tzu lu* menyatakan bahawa pada tahun 1375, Maharaja memerhatikan bahawa apabila Champa dan Jawa menghantar ufti, pedagang-pedagang yang datang bersama-sama seringkali didapati bersalah kerana kegiatan-kegiatan curang mereka. Mungkin pedagang-pedagang asing mengikut rombongan-rombongan ini supaya dapat menjalankan perdagangan secara haram dengan pedagang-pedagang Cina.⁵⁸

Pada 1375, iaitu beberapa tahun selepas dasar perdagangan ufti dimulakan semula, Maharaja berasa was-was tentang cara negara-negara naungan dan rakyatnya memanipulasikan sistem tersebut. Seawal 16 November 1372, beliau mengulang semula peraturan lama yang menyatakan negara-negara jauh hanya sekali-sekala sahaja perlu menghantar rombongan ke China, dan negara-negara Asia Tenggara termasuk dalam kategori 'negara-negara jauh'.⁵⁹ Surat kenyataan beliau menyatakan tentang kemusykilan yang dihadapi oleh negara-negara ke lautan apabila mereka menghantar rombongan-rombongan ini tetapi hasrat sebenar beliau adalah untuk mengurangkan kegiatan-kegiatan haram antara utusan-utusan dan pedagang-pedagang di China.⁶⁰ Rombongan dari Ayudnya dalam tahun 1374, yang disyaki oleh beliau, mempengaruhi untuk mengambil keputusan; rombongan⁶¹ hanya perlu dihantar sekali-sekala sahaja. T'ai-tsu kini mula memperlihatkan prasangka beliau terhadap perdagangan asing, walaupun sistem ufti masih dijalankan, dan peristiwa dengan utusan-utusan Thai menyebabkan beliau memberitahu negara-negara naungan tentang perkara sebenar yang dikehendakinya; dan perkara yang diingini adalah 'kejujuran' dan 'kejujuran' yang dimaksudkan ialah dengan menunjukkan penghormatan mereka dan juga mengamalkan kelakuan yang baik.

Tetapi orang Melayu yang masih ingat akan perdagangan ufti dahulu, mempunyai harapan yang berlainan apabila sistem itu dipulihkan semula. Dari tahun 1371 hingga 1377, rentetan rombongan-rombongan yang mengkagumkan kerap kali dihantar dari pelabuhan-pelabuhan di tenggara Sumatera tanpa sebarang penentangan daripada Maharaja China. Maharaja China menerima rombongan-rombongan dari 'negara-negara jauh' bukan disebabkan oleh kekerapan rombongan tersebut. Jelasnya putera-putera Melayu percaya bahawa masa depan yang cerah terbentang di hadapan mereka.

Selama tujuh tahun tersebut (1371-1377) tidak ada sebarang rombongan dari Pasai yang terletak di utara Sumatera, sementara Jawa hanya menghantar empat rombongan. Rombongan Jawa yang pertama sampai di negeri China pada 6 Oktober 1370,⁶² iaitu selepas dua rombongan dari China sampai ke Jawa.⁶³ Rombongan-rombongan Jawa yang seterusnya sampai pada 20 Februari 1372 dengan cap mohor kerajaan Yuen,⁶⁴ pada bulan Februari 1375,⁶⁵ dan pada 9 Disember 1377.⁶⁶ Tetapi pelabuhan-pelabuhan yang dikaitkan dengan rantau *San-fo-ch'i* ('Srivijaya') oleh orang Cina, menghantar sekurang-kurangnya enam rombongan dalam tempoh tersebut. Catatan-catatan Sumatera menjustifikasikan keputusan yang diambil oleh Maharaja

pada tahun 1375; iaitu untuk juga gunung-gunung serta sungai memasukkan 'Srivijaya' dan Jawa dalam peta negara China.⁶⁷ 'Srivijaya' dianggap sebagai sebuah negara bebas hubungannya dengan Majapahit belum lagi timbul lagi menimbulkan sebarang masalah.

San-fo-ch'i ('Srivijaya') yang kini bermakna Malayu-Jambi, tidak tergolong dalam negara-negara di Asia Tenggara, yang T'ai-tsu isytiharkan penubuhan dinastinya. Keputusan untuk menghantar Chao Shu sebagai utusan tidak diambil sehingga 12 September 1370.⁶⁸ Ketibaan beliau memang ditunggu-tunggu oleh orang Melayu. Chao Shu tinggal di Sumatera selama hampir setahun dan sudah tentu beliau berkesempatan melihat pemerintah Malayu-Jambi bertindak sebagai pemerintah yang bebas. Beliau juga sudah tentu berpeluang untuk menerangkan dasar-dasar Maharaja China kepada mereka. Apabila Chao Shu balik ke China pada tahun 1371, pemerintah Melayu menghantar utusannya sendiri beserta ufti dan telah dipersembahkan kepada Maharaja China pada 19 Oktober.⁶⁹ Ufti itu datang dari *Ma-ha-la-cha-pa-la-pu*, dan Groeneveldt, dalam tahun 1876, menghuraikan semula nama tersebut sebagai 'Maharaja Prabhu' dan nama itu terus kekal.⁷⁰ Utusannya adalah *Yu-ti-li-ma-han-i-li-ya-ssu* dan di antara barang yang dihantar sebagai ufti adalah rempah-rempah yang harum baunya. Maharaja dilayan seperti pemerintah negara naungan yang lain, dan pemerintah-pemerintah yang lain, Maharaja dihadiahkan dengan sebuah kalendar Cina. Maharaja Cina mementingkan keesahan dan beliau yakin bahawa Maharaja itu merupakan pemerintah yang bebas (sah). Kemesraan Maharaja China juga dapat dilihat apabila beliau melaksanakan pengecualian cukai terhadap rombongan yang membawa barang-barang ke Ch'uan-chou.⁷¹

Jambi merupakan pelabuhan milik pembesar Melayu sejak bahagian kedua abad kesebelas. Dan Maharaja Prabhu adalah Adityavarman, yang prasastinya dijumpai di Minangkabau antara tahun 1347 hingga 1375.⁷² Dalam prasastinya pada tahun 1347, beliau dikatakan 'berminat terhadap kebajikan Malayapura'.⁷³

Pada 5 Februari 1374, satu lagi rombongan telah sampai dari *San-fo-ch'i*. Pemerintahnya adalah *Ta-ma-lai-sha-na-a-chin*, yang menghantar utusan khususnya *Pa-t'i* (Patih) *tsu-kan* dan beberapa utusan lain, termasuk penterjemah-penterjemah untuk menghantar ucapan tahun baru kepada Maharaja China.⁷⁴ Pemerintah yang sama mungkin telah menghantar utusan yang sampai pada bulan Februari atau Mac 1375.⁷⁵ Maharaja Palembang tidak mungkin menghantar utusan itu kerana rombongannya baru sampai antara 8 Oktober dan 4 November

1374⁷⁶ dan beliau tidak mungkin menghantar satu lagi utusan sebegitu cepat. Di antara teks-teks Ming yang menyebut tentang rombongan tahun 1374 ialah *kuo-ch'ao hsien-cheng lu* dan *Ming-shih* (tambahkan *-lai* dalam prasasti yang mencatatkan nama pemerintah, dan kemungkinan tulisan asal itu mengandungi perkataan 'Melayu'.⁷⁷ *Ming-Shin* mencatatkan bahawa *Ta-ma-sha-na-a-chih* meninggal dunia pada tahun 1376.⁷⁸ Pada 13 September 1377, pengganti beliau *Ma-nachin-wu-li* menghantar utusannya iaitu *Sheng-a-lien-tsu-chien* yang mengutarakan kehendak beliau supaya ditabalkan sebagai pemerintah baru.⁷⁹ Kita tahu bahawa Adityavarman mempunyai nama *yuvaraja*⁸⁰ dan gelaran *Rajendramaulimani*, merupakan gelaran Adityavarman sendiri,⁸¹ dan kesemua ini nampaknya digambarkan dalam tulisan *wu-li-Mauli*.⁸² Kita boleh mempercayai bahawa rombongan pada tahun 1371, 1374, 1375 dan 1377 semuanya dihantar oleh pemerintah Sumatera yang menguasai Jambi.

Pelayaran Chao Shu pada tahun 1370 juga telah membawa konsekuensi yang berlanjutan kerana kita dapati bahawa dalam tahun 1374, rombongan juga datang dari Palembang. Gelaran yang digunakan oleh pemerintah tersebut adalah 'seorang maharaja *San-fo-ch'i*', iaitu Maharaja Palembang.⁸³ Ramai penterjemah mengikuti rombongan tersebut. Maharaja China menghadiahkan sebuah kalender dan lain-lain hadiah kepada utusan dari Palembang dan menunjukkan bahawa beliau tidak meragui kesahan pemerintah itu.

Istilah Cina '*San-fo-ch'i*' yang digunakan untuk penghuraian tentang Palembang dan Jambi hanya merupakan istilah yang senang digunakan untuk menghuraikan kedudukan geografi tempat tersebut. Pada tahun 1079, mereka mengidentifikasikan Jambi sebagai '*San-fo-ch'i-Jambi*' apabila merujuk kepada 'Jambi di wilayah 'Srivijaya'.⁸⁴ Tidak ada makna khas yang berbau politik dalam penggunaan istilah ini. Penyusunan *Ming-shih* memerhatikan bahawa *kan-t'o-li*, yang wujud pada abad kelima dan keenam, merupakan nama lama bagi '*San-fo-ch'i*'⁸⁵ hanya merujuk kepada kawasan perdagangan di pantai tenggara Sumatera, yang telah lama muncul dalam sejarah Cina. Penggunaan semula nama itu adalah apa yang dapat dijangka oleh seseorang, daripada catatan-catatan yang terhasil semasa awal pemerintahan Ming.

Walaupun bagaimanapun, ketibaan rombongan dari dua pelabuhan yang terletak begitu dekat (jiran) dengan Sumatera selatan membangkitkan banyak pertanyaan tentang keadaan politik di kawasan pusat Srivijaya. Perenggan dalam *Ming-shih* yang ditulis sebaik sahaja

ketibaan rombongan dari Malayu-Jambi dalam tahun 1374, mengelirukan lagi keadaan tersebut kerana perenggan *Ming-shih* mencatatkan bahawa 'pada masa itu terdapat tiga raja dalam negara tersebut'.⁸⁶ Kenyataan ini yang diterjemahkan oleh Groeneveldt telah menimbulkan beberapa pandangan. Krom menulis tentang keadaan 'antimaharaja' dan 'penuh dengan huru-hara'.⁸⁷ Moens pula menulis tentang 'perpecahan' Srivijaya.⁸⁸ Sir Richard Winstedt mengkaji kemungkinan bahawa gelaran keturunan pengasas Melaka, Sri Tri Buana atau 'Tuan Tiga Dunia', yang dicatatkan dalam *Sejarah Melayu*, berasal daripada tiga kerajaan Srivijaya 'yang dirujuk dalam Laporan Ming ('Ming chronicles')'.⁸⁹

Pendapat bahawa kawasan di tenggara Sumatera telah mula mengalami keruntuhan politik tidak dapat disokong daripada rekod-rekod Ming. Bab berkenaan 'Srivijaya' dalam *Ming-Shih* hanya merupakan catatan yang disunting dan disusun daripada rekod-rekod bersejarah semasa pemerintahan Ming, yang sebenarnya telah dikumpulkan dalam zaman Ch'ing apabila penyunting-penyunting menyatukan maklumat-maklumat untuk menghasilkan satu bahan bacaan. Bab ini adalah berasaskan kepada bukti yang diperolehi pada masa itu. 'Tiga maharaja' tidak dinyatakan dalam *Ming-shih-lu* dan kenyataan-kenyataan yang terkandung dalam *Ming-shih* hanya merupakan huraian penyunting tentang keadaan tiga rombongan yang datang daripada tiga Raja *San-fo-ch'i* dengan nama yang berlainan, selepas rombongan dari Jambi yang dihantar pada tahun 1374. Penyusun *Ming hui-yao* memberi keterangan tentang keadaan ini apabila beliau menyatakan bahawa 'negara itu mempunyai tiga raja; dan mereka telah membawa ufti satu demi satu'.⁹⁰ Bukti ini bukanlah bermakna bahawa '*San-fo-ch'i*' telah terbahagi kepada tiga kerajaan yang berasingan; sebaliknya ia hanya bermakna bahawa tiga raja menghantar ufti. Mereka tidak semestinya datang dari tiga tempat yang berlainan.

Ketiga-tiga maharaja yang menghantar utusan mengikut giliran tersebut adalah 'Maharaja Palembang'. Seorang yang dikenali sebagai *Seng chia-lien-yu-lan* menghantar menteri yang bernama *T'an-meng-ma-ho-ma* ke negeri China, serta mempersembahkan ufti pada 24 Oktober 1375.⁹¹ Maharaja yang kedua adalah *Ma-na-chin-wu-li*. Beliau pengganti Maharaja Malayu-Jambi dan menghantar rombongan pada tahun 1377.

Identiti *Seng chia-lien-yu-lan* menimbulkan masalah. Beberapa perkara membantu kita dalam membuat rumusan bahawa beliau adalah wakil kepada bangsawan Adityavarman di Jambi. Prasasti Adityavar-

man yang terakhir sekali dijumpai dalam tahun 1375. *Seng-chia-lien-yu-lan* dikaitkan dengan *San-fo-ch'i* dan kemungkinan besar beliau tinggal di pelabuhan Jambi atau Palembang: iaitu dua pelabuhan yang diketahui oleh orang Cina dan telah disamakan oleh mereka dengan *San-fo-ch'i*. Beliau menghantar utusannya hanya kerana utusan dari Cina, P'u-la telah singgah dalam perjalanan balik dari Eropah. Dalam kata-kata *Shu-yue e.g chou-tzu P'u-la lu*, 'melalui kawasan ini'.⁹² P'u-la mungkin mengambil bekalan dari sebuah pelabuhan yang diketahui oleh beliau dan Jambi merupakan pelabuhan penting yang pertama muncul apabila beliau melalui Selat Melaka. Oleh itu ada kemungkinan bahawa rombongan Sumatera tidak dirancangkan terlebih dahulu dan lawatan utusan Cina memberi peluang untuk menambahkan perdagangan dengan China di bawah sistem ufti. Penterjemah telah mengikuti rombongan ini dan ufti dihadiahkan tetapi tidak ada surat kenyataan yang diberikan. Walau bagaimanapun pemerintah Ming tidak mengesyaki bahawa beliau mengadakan hubungan perdagangan dengan seorang penyamar.

Sebab utama untuk mempercayai bahawa 'pemerintah' tersebut tinggal di Jambi dan bukan Palembang adalah apa yang tertera pada namanya. Walaupun orang Cina menghuraikan beliau sebagai 'raja', perkataan 'Maharaja' tidak terdapat pada gelaran beliau seperti yang digunakan oleh Maharaja Prabhu pada tahun 1371 dan juga digunakan oleh puteranya pada tahun 1377. Manakala gelaran 'Maharaja' dipakai Maharaja Palembang pada tahun 1374, dan juga digunakan oleh pemerintah Lambang yang dikenali sebagai Sri Maharaja dan beliau menghantar rombongannya pada tahun 1376.⁹³ Seorang pemerintah bebas yang bercita-cita untuk berkuasa di Sumatera, dikehendaki menggunakan gelarannya dengan meluas kerana gelaran tersebut biasanya menunjukkan martabat yang tinggi di pulau tersebut.⁹⁴ Sebaliknya, gelaran pengirim utusan pada tahun 1375 merupakan gelaran kepunyaan seorang pegawai, kerana *Seng-chia-lien* merupakan nama utusan yang telah mengikuti rombongan Jawa ke China dalam tahun 1325.⁹⁵

Status *Seng-chia-lien-yu-lan* sebagai wakil tempatan seorang pembesar Minangkabau adalah selaras dengan barangan yang dibawa oleh rombongannya yang lebih mirip sebagai sebuah rombongan perdagangan. Pegawai-pegawai Cina berpendapat bahawa adalah tidak penting untuk mengetahui identifikasi geografi bandar asal beliau dengan tepat. Sebagaimana yang diperlakukan ke atas rombongan Palembang pada tahun 1374, dipersoalkan dengan begitu teliti. Ini

menunjukkan bahawa pemerintah Cina percaya bahawa rombongan itu dihantar oleh pemerintah *San-fo-ch'i* yang dikenali oleh China dan yang telah menghantar beberapa rombongan sebelum itu. Keterangan tentang status beberapa rombongan sebelum itu. Keterangan tentang status 'raja' pada tahun 1375, juga menjelaskan mengapa beberapa penulis Ming, tidak mencatatkan nama beliau. Sebaliknya mereka mengandaikan bahawa negara asalnya adalah sama dengan negara yang menghantar rombongan pada tahun 1371, 1374 dan 1377.⁹⁶

Di antara tahun 1371, dengan 1377, mungkin terdapat hanya dua raja, termasuk seorang pemerintah Lampung, yang mempunyai kewibawaan di kawasan tenggara Sumatera. Salah seorang dari raja tadi mempunyai istana di Pagar Ruyung di kawasan tanah tinggi pedalaman dan Jambi merupakan jalan sungai ke dunia luar. Raja yang lain pula memerintah di Palembang, keturunan 'ketua' (chief) yang disebutkan oleh Wang Ta-yuan. Rombongan dari kedua-dua tempat ini yang dihantar pada tahun 1374 adalah sama seperti rombongan dari Palembang dan Jambi pada tahun 1079⁹⁷ atau rombongan Cina ke Palembang pada tahun 1309 yang dihantar lapan tahun kemudiannya selepas rombongan Melayu dihantar ke China.⁹⁸ Walaupun pembesar-pembesar Melayu Sumatera berkuasa, kuasa pemerintah diraja Palembang masih tidak tergugat. Apa yang patut diberi perhatian kedua-dua pemerintah ini berpendapat bahawa adalah menguntungkan mereka jika mereka mengadakan hubungan dengan pemerintahan Ming. Pemerintah Malayu-Jambi menghantar rombongan ke China hampir setiap tahun dan ini menjustifikasikan komen Maharaja China dalam tahun 1377 iaitu beliau menyatakan bahawa *San-fo-ch'i* mengakui statusnya sebagai negara naungan untuk beberapa tahun.⁹⁹ Rombongan dari Palembang dalam tahun 1374 adalah sangat penting kerana rombongan ini menunjukkan bahawa pemerintah juga sedar akan pemulihan sistem ufti dan mengambil keputusan untuk menyokong sistem tersebut. Rombongan dari Lampung pada tahun 1376 dan dari Pahang pada tahun 1378¹⁰⁰ juga merupakan bukti yang menunjukkan betapa besarnya kesan dasar-dasar awal T'ai-tsu. Kesemua pelabuhan-pelabuhan ini, terutama Palembang dan Jambi, mempunyai prospek untuk menjadi lebih kaya dan berkuasa.

Skala perdagangan semasa rombongan-rombongan ini dihantar tidak tercatat. Larangan ke atas perdagangan mengurangkan jumlah barangan yang dijual di China tetapi menambah nilai perdagangan. Malayu-Jambi menghendahkan rempah-rempah yang beraroma kepada Maharaja China pada tahun 1371 dan 1377, dan ufti yang dihantar pada

tahun 1377 mengandungi lada hitam, bunga cengkih, buah pelaga dan kapor. Sedikit maklumat tentang jumlah barang yang dibawa oleh rombongan ke negeri China diperolehi daripada rombongan dari Ayudnya dalam tahun 1392. Rombongan itu membawa lebih 170 000 kati atau 38 tan rempah yang beraroma.¹⁰¹ Pada tahun 1157, Malayu-Jambi menghadihkan sebanyak 111 615 kati narwastu ('trankincense') dan cendana ('sandalwood').¹⁰² Kepentingan perdagangan rempah-rempah beraroma jelas jika dilihat daripada kenyataan tentang dua puluh kapal lanun China yang ditawan oleh orang Cham pada tahun 1373, yang mengandungi sebanyak 70 000 kati 'sapanwood'.¹⁰³ Saiz kargo ini hanya kurang sedikit dari kargo yang datang dari rombongan Jawa pada tahun 1382, yang membawa sebanyak 75 000 kati lada hitam.¹⁰⁴ Sudah tentu utusan dari Asia Tenggara diikuti oleh beberapa pasukan amada.

Dua perkara timbul kini. Kita telah lihat bahawa 'Srivijaya' bertindak dengan cepat dan kuat terhadap pemulihan perdagangan ufti, dan kita tidak melihat sebarang bukti yang menyatakan tentang keruntuhan kewibawaan (kuasa) politik di kawasan pantai. Tidak ada sebarang tanda yang dijumpai yang memberitahu kita tentang kesan akibat daripada serangan-serangan Jawa pada abad ketiga belas atau awal abad keempat belas. Orang Jawa tidak menghancurkan keupayaan putera-putera untuk mengesan dan memainkan peranan penting mereka semula dalam perdagangan China iaitu apabila keadaan luar mengizinkan mereka berbuat demikian. Pada tahap ini kita melihat permulaan zaman baru dalam kepentingan perdagangan di rantau ini yang mungkin mengakibatkan pergelutan antara Malayu-Jambi dan Palembang, untuk menjadi pemimpin dalam dunia Melayu.

Tetapi perubahan tidak berlaku dengan serta-merta. Pemerintah Malayu-Jambi yang memohon untuk ditabalkan sebagai pemerintah dalam tahun 1377, telah mengakibatkan orang Jawa bertindak balas. Komen yang dibuat oleh Maharaja bahawa pemimpin ini tidak berani menggantikan ayahnya tanpa izin Maharaja China adalah benar.¹⁰⁵ Lawatan utusan China ke Brunei pada tahun 1370, yang merupakan satu lagi negara naungan Majapahit, juga mengakibatkan pemerintah Brunei membebaskan diri dari penguasaan Jawa.¹⁰⁶ Raja Minangkabau, pada tahun 1377, berpendapat bahawa masanya telah tiba untuk beliau menegaskan kebebasan beliau yang sebenar.¹⁰⁷

Utusan Jawa kebetulan berada di Nanking apabila T'ai-tsu memikirkan tentang permintaan petisyen Sumatera dan bercadang untuk menghantar rombongan yang membawa cap mohor ke *San-fo-ch'i* dengan pernyataan undang-undang bahawa 'semua negara orang

gasar' yang beliau terima merupakan negara naungan beliau.¹⁰⁸ Berita ini sampai ke Jawa dengan begitu cepat sekali tetapi maklumat tentang tindakan yang berikutnya tidak diketahui. Rombongan Jawa ke China pada 4 Mei 1378¹⁰⁹ telah disebut dengan baik tetapi rombongan yang tiba pada tahun 1379 tidak disambut dengan baik dan utusan-utusan rombongan itu telah ditahan.¹¹⁰ Maharaja Jawa sudah tentu tahu bahawa sesuatu telah berlaku kepada utusan-utusannya dan menghalang mereka kembali. Beberapa hari kemudian satu lagi rombongan tiba.¹¹¹ Akhirnya, pada 17 November 1380, Maharaja China menolak ufti yang tiba dari Jawa dan sekali lagi menahan utusan-utusan Raja Jawa tadi. Pada masa itu Maharaja menyatakan bahawa beliau sedar yang orang Jawa menahan dan membunuh rombongan yang telah dihantar untuk upacara penabalan dalam tahun 1377.¹¹² Menurut *Huang-ming shih-ta lu*, 'rombongan Cina ditahan dan dibunuh dalam perjalanan mereka'.¹¹³ Dengan kata lain, rombongan Cina yang sedang belayar ke Sumatera telah dipaksa supaya menukar haluannya ke Jawa, di mana utusan-utusan Cina telah dibunuh. Ini bermakna rombongan Cina itu tidak ditawan oleh orang Jawa apabila ia telah pun sampai di Sumatera.

Apa yang sebenarnya telah terjadi? Apa yang kita ketahui adalah pada tahun 1380, T'ai-tsu mendakwa bahawa orang Jawa telah membunuh utusannya. Catatan dari Jawa tidak menyebut apa-apa pun tentang perkara tersebut¹¹⁴ dan penterjemahan *Ming-shih* oleh Groeneveldt menjadi asas kajian zaman ini dalam sejarah pantai tenggara Sumatera.¹¹⁵ Kita mesti ingat bahawa catatan *Ming-shih* mengenai *San-fo-ch'i* dan Jawa merupakan catatan yang disunting dalam abad kelapan belas dan tulisan yang asal berada di arkib-arkib Ming. Untuk menganalisis kandungannya, makna teks perlu disemak dengan kandungan teks-teks yang lain dan jika boleh, ia juga perlu disemak dengan catatan-catatan awal daripada sumber asal. Dua kenyataan yang terkandung dalam *Ming-shih* perlu dikaji dengan cara ini.

Kenyataan yang pertama adalah mengenai keputusan penabalan oleh Maharaja China pada tahun 1377:

Pada masa itu Jawa teguh. Jawa telah pun melemahkan *San-fo-ch'i* dan menjadikannya sebuah negara yang bebas.¹¹⁶

Semuanya bergantung kepada makna di sebalik 'pada masa itu'. Penyelidik cenderung untuk membuat kesimpulan bahawa ungkapan ini merujuk kepada serangan Jawa ke atas *San-fo-ch'i* sebaik sahaja permohonan untuk penabalan tersebut dilakukan.¹¹⁷ Tetapi selain 'pada

masa itu Jawa teguh' dan 'telah pun melemahkan *San-fo-ch'i*'. *Ming-shih* tidak menyebut tentang perkara lain.¹¹⁸ *Perkara mengenai 'melemahkan'* boleh terjadi pada bila-bila masa suatu ketika dahulu. *Ming shih-lu* tidak menerangkan tentang perkara tersebut tetapi dua teks yang ditulis sebelum itu menyatakan bahawa penaklukan (serangan) berlaku sebelum tahun 1377. *Huang-Ming shih-fa lu*, oleh Ch'en Jen-hsi yang meninggal dunia pada tahun 1636, memerhatikan bahawa 'pada mulanya' *san-fo-ch'i* ialah sebuah negara jajahan,¹¹⁹ sementara *shu-yu chou-tzu lu* yang ditulis oleh Yen Ts'ungchien pada tahun 1574, menerangkan dengan lebih jelas bahawa *San-fo-ch'i* 'pada asalnya merupakan negara jajahan Jawa'.¹²⁰ *Sui-shu* menggunakan perkataan yang sama (*pen*) untuk menghuraikan hubungan antara *Chen-la* dan Funan; *Chen-la* pada asalnya' merupakan negara Vietnam di bawah jajahan Funan sebelum ia memberontak dan membebaskan diri pada abad keenam.¹²¹ Huraian 'pada masa itu' yang terkandung dalam *Ming-shih* mungkin merujuk kepada penguasaan Jawa yang berlaku lebih kurang pada tahun 1377. *Ch'en Jenhsi* dan Yen Ts'ungchien faham akan kepentingan penggunaan arkib-arkib dalam menentukan sama ada penguasaan Jawa ke atas *San-fo-ch'i* berlaku sebelum persoalan mengenai penabalan resmi itu timbul. Perenggan dalam *Ming shih* juga bererti yang *San-fo-ch'i* telah lama menjadi negara di bawah jajahan Jawa.

Mengapakah kewibawaan kuasa Jawa ke atas Sumatera disebut dalam teks ini? Satu penerangan dijumpai dalam rekod-rekod yang digunakan dalam perenggan *Ming-shih* iaitu menyebut tentang kemarahan orang Jawa terhadap Maharaja China kerana beliau memberi layanan yang sama ke atas pemerintah Jawa dan *San-fo-ch'i*. Karya-karya lain selain *Ming-shih* juga menyebut tentang kemarahan orang Jawa ke atas kesamaan taraf akibat daripada permohonan penabalan tersebut.¹²² Di sini kita sedang mengkaji beberapa bukti dokumentar yang mengandungi keterangan tentang utusan Jawa yang dihantar pada tahun 1379 atau 1380, apabila mereka terpaksa memberi alasan kepada T'ai-tsu untuk menjustifikasikan layanan yang diberi kepada utusan-utusan yang dihantar oleh Maharaja China tersebut. Pada tahun 1377, utusan Jawa menyedari bahawa pemerintah Malayu-Jambi cuba memperoleh pengiktirafan daripada Maharaja China. Oleh itu utusan-utusan ini telah melaporkan perkara tersebut secepat mungkin. Akibatnya utusan Cina dipujuk untuk datang ke Jawa.¹²³ Utusan itu mungkin telah dibunuh pada tahun 1378. Pada tahun 1379 dan 1380 orang Jawa cuba mempertahankan diri mereka dengan mengatakan

bahawa Jawa telah lama dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai kuasa tertinggi di selatan Sumatera¹²⁴ dan tindakan yang diambil oleh T'ai-tsu dengan menabalkan pemerintah *San-fo-ch'i*; seolah-olah telah menyamakan taraf kedua-dua negara dan tindakan tersebut tidak dapat diterima oleh orang Jawa yang menguasai negara itu. Biasanya Maharaja Majapahit tidak campur tangan dalam hal-ehwal Malayu-Jambi, tetapi persetujuan negeri jajahan beliau menerima penabalan dari negara asing, merupakan satu kesalahan yang paling serius yang tidak dapat diterima. Orang Jawa menekankan bahawa Adityavarman berada di bawah penguasaan mereka dan tindakan yang diambil oleh penggantinya adalah bersifat memberontak.¹²⁵

Oleh itu kita boleh mempercayai bahawa penyusunan *Ming-shih* memperoleh maklumatnya daripada wakil-wakil Jawa dan perkara-perkara ini tidak dicatatkan dalam *Ming shih-lu*. Bahagian kemudiannya hanya berkisar mengenai keterangan yang diberikan oleh Maharaja China.¹²⁶

Pada tahun 1380, penjelasan orang Jawa tidak dapat menyelamatkan utusan mereka dari dipenjarakan oleh China. Akan tetapi pada tahun 1397, T'ai-tsu mulai faham hubungan yang wujud antara Jawa dan *San-fo-ch'i*. Mengapakah perkara ini tidak disebut dalam *Ming shih-lu* apabila rombongan dari Jawa tiba dalam tahun 1379 atau 1380? Mungkin sebarang keterangan akan dapat menunjukkan kepada kita kesilapan T'ai-tsu apabila beliau sedia menabalkan seorang pemerintah di bawah penguasaan pemerintah Jawa. T'ai-tsu gagal mematuhi peraturan yang dibuatnya sendiri tentang pengiktirafan pemerintah-pemerintah bebas sebagai negara-negara naungan dan ini telah memalukan beliau. Oleh itu beliau cuba melupakan perkara tersebut.¹²⁷ Pada tahun 1397, peristiwa *San-fo-ch'i* sekali lagi membangkitkan kemarahannya dan beliau menyalahkan ketua menteri ke atas kesemua peristiwa yang berlaku antara tahun 1377 dan 1378.

Kenyataan kedua dalam *Ming-shih* yang perlu dijelaskan adalah mengenai kenyataan T'ai-tsu bahawa beliau tidak akan menghukum Jawa. "Negara itu (*San-fo-ch'i*) menjadi semakin lemah dan rombongan membawa ufti telah berhenti". Perenggan yang sama juga dijumpai hanya di dalam *Ming hui-yao*¹²⁸ dan ia hanya perlu dilihat sebagai satu komen rencana pengarang berdasarkan situasi teristimewa yang diperlihatkan dalam peristiwa 1397. Pada tahun 1397, perhatian T'ai-tsu tertumpu kepada kesan akibat dari penghentian perdagangan rombongan dari *san-fo-ch'i* ke negeri China. Kenyataan yang dinyatakan itu hanya merupakan bahan yang digunakan oleh penyunting untuk

menyambung catatan-catatan di antara tahun 1377 hingga 1397, kerana mereka tidak mempunyai bahan lain dalam rekod mereka.

Adalah baik jika kita tidak terlalu menekankan komen yang menyatakan bahawa *San-fo-ch'i* menjadi semakin lemah'. Tidak ada bukti mengenai keadaan-keadaan ini sebenarnya. Sebagai contoh, satu ekspedisi Jawa telah dihantar untuk menghukum Melayu. Pembunuhan ke atas utusan Cina menunjukkan yang orang Jawa tidak bergurau apabila mereka menegaskan bahawa pemerintah Melayu masih terletak di bawah penguasaan mereka. Orang Jawa sedar bahawa pemulihan perdagangan ufti mungkin akan mengakibatkan pemulihan semula perpaduan Melayu di bawah seorang pemerintah di kawasan tenggara Sumatera dan mereka ingin menghalang perkara ini daripada berlaku. Larang ke atas rombongan dari Palembang atau Jambi dikenakan kerana pemerintah-pemerintah kawasan tersebut ingin mendapat pengiktirafan kebebasan dari maharaja China serta menambah kekayaan mereka daripada perdagangan dengan China. Larangan tersebut dikuatkuasakan dan embargo yang dikenakan sudah tentu membawa kesan yang buruk. Oleh kerana semasa pemerintah T'ai'tsu semua usaha perdagangan sah dengan China terpaksa dilaksanakan melalui rombongan yang menghantar ufti, Jambi dan Palembang, dalam tahun-tahun 1370-an, kehilangan peluang untuk menambah kekayaan mereka. Mereka berharap agar pedagang-pedagang Cina persendirian akan menentang perintah Maharaja China dan belayar ke Sumatera untuk memperoleh barang mentah. Palembang yang terletak di pinggir laut dan bukannya Melayu yang mempunyai ibu negerinya di kawasan pedalaman, menanggung kesan buruk akibat keadaan kemerosotan ekonomi yang berpunca daripada permohonan formal Melayu untuk kemerdekaan dalam tahun 1377.

Walau bagaimanapun, keadaan selepas tahun 1377 tidak boleh dianggap telah memburukkan lagi status politik kerajaan ini yang dimulakan pada separuh pertama abad keempat belas, oleh Gajah Mada.¹²⁹ Tidak ada sebarang tindakan mendadak yang diambil oleh pihak Jawa untuk menunjukkan kekuatan mereka sebagai pemimpin. Sumber-sumber Cina menunjukkan bahawa peristiwa yang berlaku dalam tahun 1377-78 bukan merupakan satu *coup de grace* (pengambilalihan kuasa tanpa pertumpahan darah-p) bagi kawasan tenggara Sumatera tetapi sebaliknya merupakan satu gangguan terhadap pemulihan yang bermula dalam tahun 1371. Sementara itu, sejumlah kecil perdagangan dari Lautan Hindi dapat dilihat di pelabuhan-pelabuhan utama Palembang dan Jambi.

Sekarang kita mesti mengkaji peranan T'ai-tsu dalam sejarah Melayu dalam tahun-tahun akhir pemerintahan beliau. Krom memerhatikan bahawa Maharaja China telah meninggalkan mereka.¹³⁰ Tidak ada sebarang rombongan yang datang dari Palembang atau Melayu, dan *Ming-shih* juga tidak menyebutkan tentang orang Melayu sehingga tahun 1397. Walau bagaimanapun, satu rombongan dari Jawa sampai pada tahun 1382. Sambutan baik yang diberikan kepada rombongan itu menunjukkan bahawa Maharaja China bersedia melupakan peristiwa-peristiwa pahit yang terlalu berlalu.¹³¹ Tidak ada rombongan yang datang dari Jawa sehingga tahun 1393.¹³²

T'ai-tsu mungkin menganggap peristiwa *San-fo-ch'i* sebagai satu daripada peristiwa-peristiwa yang malang, yang melibatkan perhubungan dengan dunia kelautan. Pada tahun 1387, hubungan China dengan Jepun telah diputuskan sama sekali.¹³³ Di tanah besar Asia Tenggara peperangan Cham-Vietnam terus-menerus menentang prinsip yang dipegang kuat oleh T'ai-tsu yang menyatakan bahawa sempadan-sem-padan negara patut dihormati.¹³⁴ Perkara yang menghairankan ialah beliau menganggap hanya terdapat dua negara yang mempunyai rekod yang tidak dicemar; iaitu Ayudhnya dan Kambodia. Akan tetapi kedua-dua negara ini juga telah berperang semasa pemerintahan beliau.¹³⁵

Akibat daripada pengalaman pahitnya dengan 'orang gasar' iaitu beliau kerap kali enggan menerima rombongan-rombongan yang membawa ufti kerang 'tipu helah' pemerintah-pemerintah yang menghantarnya. Rombongan ufti dari Jawa pada tahun 1380 telah ditolak berdasarkan alasan di atas. 'Tipu helah' orang Vietnam juga mengakibatkan rombongan yang dihantar pada tahun 1382 ditolak oleh Maharaja China.¹³⁶ Pada tahun 1383, pemerintah Korea telah dicela kerana 'tiup helahnya' dan disuruh supaya jangan menghantar ufti terlalu kerap.¹³⁷ Pemerintah yang sama juga telah diingati sekali lagi dalam tahun 1389 bahawa beliau tidak perlu menghantar ufti begitu kerap.¹³⁸ Ufti dari Vietnam telah ditolak pada tahun 1390.¹³⁹ Rombongan dari Cham pada tahun 1391 ditolak kerana pemerintahnya adalah seorang pemberontak.¹⁴⁰ Rombongan dari Vietnam dan Korea yang menghantar ufti pada tahun 1394 dan 1397, juga ditolak.¹⁴¹

Tahun-tahun akhir pemerintahan T'ai-tsu bukan sahaja merupakan satu zaman pengecualian diplomatik. Malah, hubungan antara orang Cina dan orang asing dilarang dan beliau juga mengemukakan penghantaran rombongan Cina ke negara-negara di tanah besar Asia Tenggara. Pada tahun 1383, sistem 'pasport' diperkenalkan

sebagai satu langkah untuk menghalang orang yang tidak berkuasa keluar dari China.¹⁴² Pasport-pasport itu juga membantu dalam membezakan rombongan yang tulen dan palsu dari luar negeri;¹⁴³ Rombongan yang palsu biasanya terdiri daripada pedagang-pedagang yang menyamar sebagai duta-duta luar negeri. Tetapi Maharaja China lebih mengesyaki pedagang-pedagang Cina dan mereka dilarang mengadakan sebarang urusan sesama mereka dan juga dengan 'orang gasar' dari luar negeri.¹⁴⁴

Keunikan keadaan ini perlu dihuraikan. Perdagangan swasta China-Asia Tenggara adalah perdagangan haram. Mekanisme alternatif perdagangan luar China, iaitu sistem ufti, telah disalahgunakan. Percubaan untuk memencilkan China yang dilakukan oleh pengasas dinasti baru itu tidak pernah dialami oleh pedagang-pedagang asing, dan orang Melayu merupakan bangsa asing yang paling banyak menerima kesan daripada perbuatan tersebut. Selepas tahun 1377, mereka hanya menunggu isyarat daripada Maharaja untuk menunjukkan minat beliau terhadap keupayaan (potensi) perdagangan yang sememangnya ada pada diri mereka.

Walau bagaimanapun sedikit perdagangan ufti diteruskan. Kini, Ayudhnya dan Pasai mempunyai peluang untuk mengisi vakum akibat daripada rombongan-rombongan yang dihentikan penghantarannya dari pelabuhan-pelabuhan di tenggara Sumatera. Pada tahun 1383 Pasai, yang terletak di utara Sumatera, menghantar rombongan tunggal mereka semasa pemerintahan T'ai-tsu, dan rombongan tersebut membawa berbagai-bagai rempah yang beraroma.¹⁴⁵ Ayudhnya menghantar banyak kargo rempah dalam tahun 1388 dan 1392.¹⁴⁶ Namun demikian, rombongan-rombongan ini tidak dapat menghalang berlakunya kekurangan bekalan barangan asing di negara China. Sejak tahun 1374, tiga Pelabuhan Perdagangan di selatan China ditutup. Oleh itu, tidak ada sebarang kemudahan perdagangan untuk utusan-utusan asing dan pedagang-pedagang Cina. Pada tahun 1388, penduduk wilayah Yung-chai di daerah Wen-chou telah didakwa kerana membeli kayu 'gaharu' daripada rombongan yang datang dari Ayudhnya. Akan tetapi Maharaja China telah mengampunkan mereka kerana mereka tinggal di laluan jalan ke Nanking yang digunakan oleh utusan-utusan dan oleh itu, tidaklah didapati bersalah kerana mengadakan urusan dengan pedagang-pedagang asing.¹⁴⁷ Akan tetapi pada tahun 1390, beliau meluluskan satu lagi peraturan yang melarang sebarang perdagangan swasta. Beliau merungut bahawa penduduk-penduduk Kuangsi, Kuangtung, Fukien dan Kiangsu terus-menerus berdagang dengan

orang asing.¹⁴⁸ Bukti yang paling jelas yang dapat menunjukkan kekurangan barangan dari luar negeri, termasuk rempah yang beraroma, dapat dilihat daripada pengakuan Maharaja pada tahun 1394, iaitu apabila Maharaja menyatakan bahawa beliau melarang kedatangan orang asing yang membawa ufti, kecuali beberapa kumpulan pedagang-an asing,¹⁴⁹ kerana orang gasar ini seringkali menipu. Akibatnya, penduduk China yang tinggal di kawasan pinggir pantai pergi ke negara-negara luar secara bersendirian untuk memperoleh rempah-rempah dan lain-lain barangan.¹⁵⁰ Kegiatan ini terpaksa dihentikan dan penduduk di kawasan pinggir pantai telah diarah untuk menggunakan kayu-kayu beraroma dari negeri China sendiri, untuk menyembah nenek moyang mereka.¹⁵¹

Undang-undang yang digubal oleh T'ai-tsu pada tahun 1394, merupakan bukti yang dapat menunjukkan kesan yang dialami akibat daripada penamatan perdagangan ufti.¹⁵² Akan tetapi, hanya dengan jumlah rempah yang berkurangan dapat kita kaitkannya dengan keadaan di tenggara Sumatera. Mengikut pandangan T'ai-tsu, kemelesetan perdagangan luar China berkaitan dengan keadaan di kawasan tenggara Sumatera dan ini telah dibuktikan oleh profesor Wang Gungwu.¹⁵³

Pada 18 September 1397, semasa musim pelayaran dari Asia Tenggara, Lembaga Upacara ('Board of Rites') iaitu badan yang menguruskan perhubungan di antara negeri China dengan negara-negara yang menghantar ufti, melaporkan kepada Maharaja bahawa 'utusan dan rombongan perdagangan dari luar negeri tidak lagi datang ke China'.¹⁵⁴ Kenyataan ini telah membangkitkan kemarahan T'ai-tsu. Beliau menyatakan bahawa pada permulaan pemerintahannya, negara-negara luar termasuk *San-fo-ch'i* tidak berhenti-henti menghantar rombongan dan 'pedagang-pedagang mengambil kesempatan daripada keadaan ini'.¹⁵⁵ Pada tempoh tersebut tidak kurang dari lapan rombongan telah datang, termasuk rombongan dari Lampung pada tahun 1376, selatan Sumatera pada tahun 1371 dan 1377. Dan surat kenyataan T'ai-tsu merupakan pengakuan yang menyatakan bahawa sistem ufti sebenarnya berfungsi sebagai alat perdagangan. Beliau kemudian mendakwa bahawa *San-fo-ch'i* mengeksploitasi pengkhianat-pengkhianat di China, yang telah berhubung dengan Hu Wei-yung iaitu dengan cara menghantar pengintip-pengintip untuk memujuk rombongan Cina pada tahun 1377. Menurut ulasan baru beliau mengenai peristiwa yang berlaku pada tahun 1377-78, orang Jawa menasihatkan *San-fo-ch'i* agar memberi rombongan itu layanan yang baik dan

menghantarnya kembali ke negeri China. Tidak ada sebarang keterangan tentang pembunuhan utusan-utusan Cina oleh orang Jawa. Selepas itu, rombongan dan pedagang tidak lagi datang ke China. Oleh itu, Jawa tidak lagi dipersalahkan dan sebahagian daripada tanggungjawab peristiwa itu diserahkan kepada Hu Wei-yung, ketua menteri China pada tahun 1377, dan juga kepada *San-fo-ch'i*.

Faktor penting dalam ulasan Maharaja yang baru ini adalah mengenai pernyataan beliau bahawa kemelesetan dalam perdagangan China adalah akibat daripada peristiwa pada tahun 1377-78. Kerugian diakibatkan oleh penghentian penghantaran utusan dari selatan Sumatera selepas tahun 1377. Lembaga Upacara (Board of Rites) hanya menyediakan laporan yang am sahaja tentang keadaan tersebut tetapi Maharaja dengan segeranya memberi keterangan tentang sebab utama yang beliau percaya telah menyebabkan keadaan tersebut. Beliau mengakui bahawa beberapa negara (Vietnam, Champa, Kambodia, Ayudhya dan Rayu-kyu) masih merupakan negara naungan yang setia. Walau bagaimanapun, rombongan yang dihantar oleh mereka itu tidak dapat menghalang rungutan-rungutan. Berikut adalah komen ke atas penilaian beliau tentang inisiatif yang diambil oleh *San-fo-ch'i* antara tahun 1371 dan 1377, dalam menjayakan sistem ufti sebagai satu sistem perdagangan dengan China.

Cara yang digunakan oleh T'ai-tsu untuk membebaskan dirinya daripada menanggung tanggungjawab peristiwa tersebut adalah amat menarik. Pada tahun 1370-an, beliau menganggap bahawa pemerintah-pemerintah Melayu dan Palembang sebagai pemerintah yang bebas. Menjelang tahun 1380, beliau mungkin menyedari yang beliau telah membuat anggapan yang salah tentang status mereka. Pada tahun 1397, beliau mula mengambil berat tentang masalah-masalah Melayu dan beliau meletakkan tanggungjawab peristiwa tersebut ke atas bekas ketua menterinya, Hu Wei-yung, yang lupa akan hak orang Jawa di Sumatera dan telah mengakibatkan berlakunya peristiwa malang yang seterusnya.

Tidak ada seorang pun yang tahu tentang apa yang disyaki oleh T'ai-tsu berkenaan urusan yang dijalankan oleh Hu Wei-yung dengan pemerintah Melayu.¹⁵⁶ Akan tetapi, keadaan yang seterusnya dalam tahun 1377 menunjukkan yang Hu Wei-yung mungkin bertanggungjawab ke atas peristiwa tersebut. T'ai-tsu mungkin teringat kembali cara ketua menteri itu memperoleh jawatan tersebut beberapa minggu sebelum permohonan untuk penabalan itu diluluskan. Permohonan itu telah dikemukakan pada 13 September 1377.¹⁵⁷ Pada 28

Oktober, Hu Wei-yung sekali lagi menjadi ketua menteri.¹⁵⁸ Dan pada 30 November, permohonan penabalan itu diluluskan dan beberapa orang pegawai telah dilantik sebagai utusan, untuk membawa keputusan tersebut ke Sumatera.¹⁵⁹ Pada tahun 1397, T'ai-tsu mengaitkan peristiwa pembunuhan utusan itu dengan jawatan yang dipegang oleh Hu Wei-yung. Mungkin beliau telah dahulu lagi melihat perkaitan di antara pembunuhan utusan itu dengan Hu Wei-yung. Pada tahun 1382, T'ai-tsu menyambut dengan baiknya kedatangan rombongan dari Jawa.¹⁶⁰ Perubahan sikap beliau menunjukkan bahawa pendapat beliau tentang pihak yang bertanggungjawab ke atas peristiwa yang berlaku pada tahun 1377 itu telah berubah. Ini juga dapat menerangkan sikap dingin beliau terhadap *san-fo-ch'i*. Mungkin pada awal tahun 1397 lagi, beliau telah mula mengubah sikap beliau. Satu teks mencatatkan bahawa pada 4 November 1379, Maharaja membandingkan kelakuan baik jorang Cham dengan kelakuan orang Jawa yang penuh dengan tipu helah.¹⁶¹ Perbezaan ini tidak tercatat dalam *Ming shih-lu* tetapi mungkin dibuat akibat laporan tentang sambutan dingin Hu Wei-yung terhadap utusan dari Cham yang baru tiba; dakwaan ini mengakibatkan menteri itu dilucutkan pangkatnya dan dijatuhkan hukuman bunuh, pada awal tahun 1380. Jawatan sekretariat juga dihapuskan untuk melindungi kuasa Maharaja.¹⁶² Mungkin pada masa itu T'ai-tsu telah mengesyaki cara menteri beliau menguruskan hubungan dengan negara-negara yang menghantar ufti. Sebelum 4 November 1379, iaitu apabila beliau mengetahui tentang peristiwa berhubung dengan sambutan orang Cham, beliau mempunyai alasan untuk memenjarakan utusan-utusan Jawa. Mungkin setelah beliau berasa marah terhadap Hu Wei-yung akibat daripada peristiwa dengan orang Cham itu, beliau mula mengaitkan pembunuhan utusan-utusan beliau dengan permohonan untuk penabalan oleh sebuah negara di bawah jajahan orang Jawa di *San-fo-ch'i*. Dan akhirnya, mengaitkan kedua-dua peristiwa ini dengan cara Hu Wei-yung menguruskan hubungan dengan negara-negara yang menghantar ufti.¹⁶³ Keterangan yang diberikan oleh orang Jawa tidak mendatangkan sebarang faedah kepada utusan-utusan itu tetapi sudah tentu keterangan itu membantu dalam menjatuhkan Hu Wei-yung.

Syak wasangka T'ai-tsu terhadap pengkhianatan menterinya kian bertambah selepas tahun 1380. Profesor Mote telah menulis tentang 'bahaya-bahaya yang tidak terkira banyaknya dan terselindung' dalam perkhidmatan awam semasa pemerintahan Maharaja Ming yang pertama, yang merupakan 'seorang tuan yang kejam'.¹⁶⁴ Mungkin T'ai-tsu beranggapan bahawa Hu Wei-yung ingin ingin mendapat sokongan dari

luar negeri untuk menentang dinasti tersebut.¹⁶⁵ Beliau mengatakan bahawa Maharaja, menerima nasihat yang buruk tentang penabalan tersebut pada tahun 1377. Mungkin pada akhir hayatnya, beliau masih tidak dapat menerima hakikat peristiwa tersebut secara rasional kerana ia merupakan satu kegagalan dalam dasar luar negeri beliau.

Peristiwa pada tahun 1377 merupakan tindak balas orang Melayu terhadap pemulihan sistem perdagangan dan sistem ufti. Kita tidak mengetahui sama ada Maharaja China dipengaruhi oleh perkara-perkara lain atau telah menggalakkan pemulihan semula rombongan dari kerajaan-kerajaan yang terletak di bahagian selatan Sumatera. Namun demikian, apa yang ketara di sini adalah Maharaja tidak mencuba untuk memulihkannya sehingga semuanya sudah terlambat. Sebelum beliau sempat memulihkan minat ke atas rantau ini, satu perubahan politik yang besar telah berlaku.

Dalam tahun 1397, lebih kurang dua puluh tahun selepas peristiwa tersebut, beliau telah mengkaji semula hal-ehwal Sumatera dan menghantar sepucuk surat kepada Raja Jawa melalui raja Ayudhnya. Rombongan raja Ayudhnya tiba di Nanking beberapa hari sebelum laporan daripada Lembaga Upacara dikemukakan.¹⁶⁶ Beliau meluahkan perasaan tidak puas hatinya dalam surat itu dan menyuruh Raja Jawa serta ketua tempatan memberitahu putera-putera *San-fo-ch'i* tentang perasaan Maharaja China dan menyuruh Raja Jawa mengubah kelakuannya.¹⁶⁷ Matlamat yang dikehendaki oleh Maharaja tidak jelas. Sudah tentu beliau tidak cuba memulihkan penghantaran rombongan dari Sumatera kerana beliau mengetahui yang putera-putera *San-fo-ch'i* dikuasai oleh pihak Jawa. Mungkin Maharaja berasa marah dan tidak menyedari implikasi daripada amaran yang dikeluarkan oleh beliau. Akan tetapi keadaan di Palembang kini tidak lagi dapat dikuasai oleh beliau. Setelah merujuk kepada surat-surat yang dihantar oleh Maharaja, perkara-perkara berikut tercatat dalam *Ming-shih*:

Pada masa itu, Jawa telah pun menghancurkan *San-fo-ch'i* dan mengambil alih pemerintahan kawasan tersebut, lalu menukar namanya ke 'Pelabuhan Lama'. Seterusnya *San-fo-ch'i* merupakan negara yang telah dibinasakan. Keadaan menjadi huru-hara dan Jawa tidak dapat menguasai seluruh negara tersebut.¹⁶⁸

Ming-shih juga mengandungi maklumat tentang kebangkitan orang Cina di Palembang dan perlantikan Liang Tao-ming sebagai ketua kampung.

Kenyataan ini memerlukan penjelasan. Penyamaan di antara *San-fo-ch'i* dengan 'Pelabuhan Lama' adalah tidak tepat. Semasa pemerintahan Ming, *San-fo-ch'i* merujuk kepada kerajaan di selatan Sumatera yang diperintah oleh Melayu, sementara 'Pelabuhan Lama' pula merupakan nama yang telah digunakan oleh Wang Ta-yuan, yang mengembara lebih kurang pada tahun 1330, untuk mengenal pasti Palembang. Keduanya, tidak ada sebarang rekod Ming yang memberi tahu kita bila Jawa membinasakan Palembang. Satu keterangan lanjut tentang arahan Maharaja seterusnya, iaitu yang dikeluarkan pada tahun 1397, dihuraikan dalam *Shu-yu chou-tzu lu*, dan didapati bahawa minat pada masa itu tertumpu kepada Palembang dan bukan Melayu. Bahagian akhir teks ini menghuraikan tentang arahan T'ai-tsu kepada raja Ayudhya; iaitu Raja Ayudhya disuruh menghantar arahan tersebut kepada orang Jawa, dan ia menyatakan:

Selepas ini Jawa telah menyerang *San-fo-ch'i* dan menghapuskan (? identiti lain) negara itu. Pelabuhan Lama terletak di negara ini. Kapal-kapal dagang berkumpul di situ. Jawa melantik seorang ketua untuk menguruskan perdagangan (di Pelabuhan Lama). Pedagang dari Nan-hal, Liang Tao-ming, telah meninggalkan kampung halamannya (di China) dan datang serta tinggal di sini untuk beberapa tahun. Orang ramai telah berkumpul dan menjadikannya ketua kampung.¹⁶⁹

'Selepas ini' di sini bermakna 'selepas arahan dari Maharaja'. *Ming hui-yao* mencatatkan perkara ini dengan lebih teliti kerana alam catatan tersebut dinyatakan tarikh serangan orang Jawa, iaitu pada tahun 1397.¹⁷⁰ Rujukan kepada 'ketua kecil' yang dilantik di Palembang juga terdapat di dalam *Huang-Ming shih-fa lu*¹⁷¹ dan *Ssu-i kuang-chi*,¹⁷² dan juga dalam *Tsui-wei lu*.¹⁷³

Sekarang kita dapat menerangkan perenggan dalam *Ming-shih* seperti yang dinyatakan di atas. Kenyataan bahawa negara itu 'hancur' dan berada dalam keadaan huru-hara seperti yang terkandung dalam *Shu-yu chou-tzu lu*, sudah tentu diperoleh oleh penyunting *Ming-shih*. Fakta-fakta ini menghuraikan mengenai kegagalan orang Jawa untuk menguasai keadaan tersebut dan seterusnya mengakibatkan kebangkitan orang Cina. Maklumat yang digunakan oleh penyunting sudah tentu mengandungi fakta-fakta yang menyebabkan berlaku huru-hara dan peristiwa yang terjadi selepas huru-hara tersebut. Menurut *Ming-shih*, Jawa telah pun menghancurkan *San-fo-ch'i*. Maklumat-maklumat ini tidak diperoleh di negara China dalam tahun 1397. Apabila Maharaja

China menghantar arahan beliau kepada raja Jawa, Maharaja China mengandaikan bahawa masih terdapat putera-putera *San-fo-ch'i* yang dapat dipengaruhi oleh raja Jawa. Fakta tentang keadaan sebenar Palembang dalam tahun 1397, sampai ke China hanya selepas tahun 1397, dan kita akan mencadangkan kemudian nanti orang yang merupakan sumber maklumat mereka.

Apakah yang telah terjadi kepada Palembang menjelang tahun 1397?

Orang Jawa, atas desakan T'ai-tsu, mengintepretasikan arahan beliau sebagai perintah untuk bertindak di Palembang dan bukan di Melayu. Minat mereka menunjukkan yang satu keadaan luar biasa wujud di tempat yang suatu ketika dahulu merupakan pusat perdagangan yang penting. Keadaan ini tidak dapat dihuraikan oleh kelemahan perdagangan akibat daripada penamatan penghantaran rombongan yang membawa ufti kerana Palembang hanya menghantar satu rombongan iaitu pada tahun 1374. Negara itu mungkin menjadi kian lemah, seperti yang dijangkakan oleh penyunting-penyunting *Ming-shih*. Akan tetapi perlu diingatkan bahawa perdagangan sah China di rantau Asia Tenggara dan Lautan Hindi, yang menarik sedikit perdagangan haram dari China dapat mengekalkan pelabuhan-pelabuhan utama ini. Keadaan yang wujud juga tidak boleh dikatakan akibat daripada penjajahan orang Jawa yang berterusan. Walau bagaimanapun selepas tahun 1377, Palembang mengalami kesan buruk akibat daripada kemarahan orang Jawa terhadap Melayu, hinggan tidak ada sebarang rombongan perdagangan yang dibenarkan datang ke pelabuhan tersebut. Bukti yang ada pada orang Cina tidak dapat menyokong pendapat yang orang Jawa telah menduduki Palembang selepas serangan yang dilakukan oleh mereka pada tahun 1377. Lagipun, teks Cina menyatakan dengan jelas bahawa serangan orang Jawa yang diikuti dengan perlantikan wakil mereka, berlaku hanya selepas undang-undang yang dikeluarkan oleh pemerintah pada tahun 1397. Oleh itu 'kemusnahan' Palembang dan keadaan huru-hara selepas itu tidak diakibatkan oleh perdagangan ufti yang tergendala atau oleh kemerosotan politik akibat daripada serangan Jawa pada tahun 1377.

Huraian tentang apa yang berlaku menjadi jelas apabila kita mengkaji maklumat yang terkandung dalam *Shu-yu chou-tzu lu* mengenai perlantikan 'ketua kecil' (little chief) oleh orang Jawa dalam tahun 1397. Tidak ada sebarang teks Cina yang menyatakan bahawa pemerintah asal telah dihalau supaya orang Jawa boleh melantik pegawai mereka sendiri. Satu lagi keterangan yang diperoleh daripada

bukti-bukti yang wujud adalah walaupun orang Jawa tidak menyerang Palembang sebaik sahaja selepas tahun 1377, mereka berbuat demikian beberapa tahun sebelum tahun 1397. Akibatnya, kerajaan pemerintah telah berakhir dan mewujudkan vakum daripada segi pentadbiran dan menghancurkan pelabuhan tersebut. Oleh itu, orang Jawa yang menerima utusan-utusan T'ai-tsu telah melantik ketua mereka sendiri.

Bukti-bukti lain juga dijumpai dan menyokong bukti-bukti yang diperolehi oleh orang Cina. Tome Pires menyatakan bahawa pengasas Melaka telah dibuang negeri dari Palembang, beberapa tahun sebelum akhir abad keempat belas.¹⁷⁴ Ini sudah tentu peristiwa yang disebut secara tidak langsung dalam *Ming-shih*, iaitu 'pada masa itu (lebih kurang 1397) Jawa telah pun menghancurkan *San-fo-ch'i*'. Apabila T'ai-tsu menarik kenyataan daripada Lembaga Upacara, beliau telah lama tidak mendengar khabar tentang hal-chwal Melayu. Oleh itu, beliau membuat suatu kesimpulan yang salah. Beliau berpendapat bahawa keadaan di *San-fo-ch'i* diakibatkan oleh pemerintahan di bawah seorang pemerintah yang kejam, dan ini dapat dilihat dengan jelas daripada peristiwa yang berlaku dalam tahun 1377-78. Sebenarnya beliau memikirkan tentang Melayu dan bukan Palembang. Pengimportan rempah beraroma Cina dipengaruhi oleh embargo pihak Jawa ke atas rombongan dari kawasan tenggara Sumatera selepas tahun 1377. Menjelang tahun 1397, suatu keadaan yang amat berlainan wujud tetapi T'ai-tsu tidak mengetahui tentangnya. Di Palembang, tidak lagi wujud seorang pemerintah untuk menerima amaran yang dihantar oleh T'ai-tsu. Oleh kerana tidak ada pemerintah lagi di tempat tersebut, orang Jawa telah melantik seorang wakil untuk menjaga pelabuhan itu. Wakil orang Jawa itu juga dilantik untuk melindungi kepentingan mereka jika mereka menerima sebarang rungutan dari Maharaja China.

Dalam bab yang terakhir, kita akan melihat bahawa pemerintah Palembang dihalau beberapa tahun sebelum tahun 1397. Teks Cina tidak menghuraikan peristiwa ini dengan mendalam tetapi catatan-catatan yang seterusnya selepas tahun 1397 menghuraikan tentang kekecohan yang timbul diakibatkan oleh pemerintah Palembang yang menghilangkan diri.

Palembang merupakan pusat perdagangan haram Cina dan dalam tahun-tahun sebelum 1397, pedagang-pedagang Cina mengalami kerugian. Kerugian yang dialami menentukan tindakan yang diambil oleh pedagang-pedagang Cina seterusnya. Pedagang-pedagang Cina tidak percaya kepada ketua Jawa yang dihantar untuk memerintah mereka. Oleh itu, mereka terus melantik Liang Tao-ming sebagai ketua

mereka. Menurut *Shu-yu chou-tzu lu*, beribu-ribu orang Cina mengambil bahagian dalam pilihanraya tersebut.¹⁷⁵ Cara Palembang memulihkan semula kestabilan melalui kerajaan asingnya adalah selaras dengan pandangan bahawa orang Cina mengalami keadaan yang dan mereka berharap keadaan tersebut tidak akan berlanjutan. Pada awal zaman pemerintahan *Yung-lo* iaitu permulaan abad kelima belas, seorang komander pertahanan yang bernama Sun Hsuan, melawat Asia Tenggara dan bertemu dengan anak lelaki Liang Tao-ming.¹⁷⁶ Pegawai tersebut begitu tertarik dengan cerita-cerita mengenai Palembang hinggakan beliau membawa balik anak Liang Tao-ming ke negeri China. Di China, Sun Hsuan menyoal anak Liang Tao-ming tentang Palembang. Maharaja *Yung-lo* seterusnya mengambil keputusan untuk menghantar satu rombongan khas di bawah penyeliaan T'an Sheng-shou ke Palembang pada 20 Februari 1405. Keterangan anak Liang mungkin merupakan sumber Cina yang utama yang menghuraikan tentang perlantikan ketua orang Jawa, pilihanraya yang diadakan untuk melantik Liang Tao-ming sebagai ketua dan juga tentang kemusnahan Palembang serta peristiwa-peristiwa yang membawanya ke China.¹⁷⁷ T'an kembali ke Palembang dan membawa Liang Yao-ming ke negara China pada 13 Disember 1405. Liang telah diberikan berbagai-bagai hadiah oleh Maharaja China. Baginda begitu gembira dengan kejayaan rombongan tersebut hinggakan baginda melantik T'an Sheng-shou sebagai Pesuruhjaya Tinggi Pengawasan untuk seluruh kawasan Chekiang.

Satu lagi peristiwa yang menunjukkan bahawa pelabuhan itu telah dijaga supaya sentiasa aman ialah apabila Liang melantik seorang penolong iaitu Shih Chin-ch'ing, untuk menjaga keamanan tempat tersebut sebelum beliau berangkat ke China.¹⁷⁸ Lanun yang dikenali dengan nama Ch'en Tsui-i tidak mengganggu kawasan ini sehingga selepas Liang bertolak ke negara China dalam tahun 1405. Shih Chin-ch'iang, pemerintah sah pada masa itu berpeluang memberitahu Cheng Ho yang dalam perjalanan balik dari pelayarannya yang pertama, tentang gangguan tersebut sebelum beliau sampai. Lanun tersebut dan pengikutnya dihapuskan dalam suatu pertempuran yang berlaku dalam tahun 1407 dan Shih dilantik sebagai ketua resmi kawasan tersebut. Campur tangan T'ai-tsu yang lambat, iaitu pada tahun 1397, mengakibatkan keadaan di Palembang bertambah baik dan orang Cina yang tinggal di luar negara China memperoleh banyak faedah darinya. Selepas itu pelabuhan tersebut menikmati perdagangan yang selesa untuk beberapa tahun. Pelabuhan itu dapat menarik

pedagang-pedagang dari tempat-tempat jauh seperti kepulauan Ryukyu.¹⁷⁹

Satu percubaan telah dibuat untuk membangunkan semula sejarah di kawasan selatan Sumatera pada bahagian kedua abad keempat belas. Hasil yang diperoleh daripada perdagangan ufti semasa pemerintahan T'ai-tsu menjadi asas untuk mengintepretasikan kepentingan bukti tersebut. Kesimpulannya adalah di antara tahun 1371 hingga 1377, pelabuhan-pelabuhan Jambi dan Palembang mengalami proses untuk menambahkan kepentingan perdagangan masing-masing. Walau bagaimanapun dua dekad selepas tahun 1377, kerajaan lama Palembang telah berakhir dan orang Melayu yang tinggal di pantai tenggara Sumatera berasa kecewa. Harapan terhadap prospek ekonomi antara tahun 1371 dan 1377 tidak berhasil. Mereka tidak boleh disalahkan atas sikap tidak mengambil peduli T'ai-tsu terhadap perdagangan asing, tindak balas negatif beliau terhadap huru-hara di luar negeri atau terhadap pemusatan kuasa rantau tersebut dalam tangan Hayam Wuruk. Rujukan Prapanca terhadap utusan-utusan asing yang menghadiri upacara tahunan di Majapahit dapat menerangkan mengapa jiran-jiran Jawa 'minat' terhadap pemerintahan raja yang berjaya.¹⁸⁰ Dan catatan mengenai Sumatera dalam tahun-tahun akhir hayat Hayam Wuruk, menjustifikasikan keyakinan penyair tersebut bahawa Jawa merupakan kerajaan yang teragung sekali dalam gugusan kepulauan ini. Tidak dinafikan bahawa Hayam Wuruk sedia menggunakan kuasanya apabila negara-negara di bawah jajahan beliau tidak menghiraukan haknya ke atas mereka. Jawa di bawah pemerintahan beliau merupakan negara yang agung kerana beliau berjaya menyatukan bahagian-bahagian negara itu dengan kekuatan peribadinya, diperkuatkan lagi oleh upacara 'tantric' dan campur tangan beliau apabila pertolongannya diperlukan. Orang asing, termasuk utusan dari Sumatera yang melawat istana mewah, beliau melihat stabiliti Jawa sebagai akibat daripada sifat pemerintah tersebut yang benar-benar luar biasa. Tidaklah menghairankan apabila keagungan Majapahit sentiasa diingati pada abad-abad seterusnya di pulau-pulau berdekatan dan juga di Jawa.

Sebaliknya, perdagangan ufti yang berjalan lancar dalam abad sebelum itu dan harapan untuk memperoleh lebih banyak kekayaan telah membuka peluang kepada putera-putera yang bercita tinggi, untuk memulihkan peluang entrepot Sumatera dengan meluaskan pengaruh mereka di kalangan orang Melayu kawasan kelautan. Kecenderungan untuk mematuhi kuasa pusat negara kelautan yang lama tidak dijalankan, dihidupkan semula di bawah kepemimpinan yang baik.

Harapan yang timbul pada tahun-tahun 1370-an masih wujud; harapan tersebut ditangguhkan sehingga perdagangan ufti dipulihkan semula. Sementara itu, sistem perdagangan ufti ini seperti yang diperakui oleh pedagang-pedagang haram Cina, masih merupakan sebahagian daripada dasar resmi Ming. Orang Melayu juga bimbang tentang sifat kuasa diraja di Jawa yakni semuanya bergantung kepada kebolehan peribadi pemerintah.¹⁸¹ Lambat-laun nanti T'ai-tsu dan Hayam Wuruk akan meninggalkan dunia, dan selepas itu perubahan yang pesat mungkin berlaku. Pada bahagian kedua abad ketujuh, Srivijaya-Palembang yang bertindak terhadap prospek perdagangan yang wujud pada abad pertama dinasti T'ang, berjaya memperoleh sokongan tempatan dalam masa yang singkat. Dengan pemulihan keadaan persekitaran luar, sebuah kerajaan di rantau yang sama, yang menunjukkan martabat serta mengalami pertambahan daripada segi kekayaan akan memperoleh sokongan tentera laut dari pulau-pulau di sekitar kawasan itu dan ini mungkin dapat menjangka kejayaan yang dicapai oleh Melaka pada abad kelima belas. Kedua-dua pesaing yang cuba meluaskan pengaruh Melayu mereka adalah pemerintah Malayu, yang beribu negeri di kawasan pedalaman Minangkabau dan pemerintah Palembang.

Kajian yang seterusnya akan cuba menghuraikan dengan terperinci tindak balas Melayu terhadap peristiwa selepas 1377 yakni menggunakan lebih daripada sumber-sumber Cina. Kita juga akan menumpukan perhatian terhadap kekayaan yang diperolehi oleh keluarga diraja Palembang, yang telah menghantar utusan-utusan lengkap ke negara China dalam tahun 1374. Teks Cina menunjukkan bahawa berlakunya perubahan kuasa di Palembang, menjelang tahun 1397. Kita juga telah perhatikan bahawa Tome 'Pires yang disokong oleh anak d'Albuquerque, menyebut tentang pemerintah Palembang yang telah dihalau.¹⁸² Menurut Pires, pada akhir abad keempat belas (tarikh tepat tidak dicatatkan), seorang putera Palembang yang tidak lagi setia kepada Jawa telah melakukan serbuan dan seterusnya meninggalkan Jawa bersama-sama sebilangan kecil pengikutnya untuk mengadu nasib di tempat yang lain iaitu di Melaka.

Satu lagi sumber mencatatkan tentang pengunduran seorang putera dari Palembang. Sumber tersebut adalah salah satu salinan *Sejarah Melayu* yang dikenali sebagai *Raffles MS. 18*. Sungguhpun penulisnya berbeza daripada Pires dan tidak menerangkan sebab di sebalik pengunduran tersebut, kepentingan peristiwa tersebut telah diberi penekanan. 'Nampaknya laut dipenuhi dengan kapal sahaja'.

Pasukan kapal begitu besar hinggakan kita tidak perlu menghitungnya; tiang-tiang layar kapal seolah-olah menyerupai rimba yang dipenuhi dengan pokok; panji di semboyan dan bendera panjang dan kecil seakan-akan awan yang berlalu dan payung diraja menyerupai awan sirus.¹⁸³

Walau bagaimanapun, pengunduran ini tidak dilakukan oleh pengasas Melaka tetapi oleh Sri Tri Buana dari keturunan keluarga di raja Melaka. Sumber yang sama memberitahu kita bahawa Sri Tri Buana merupakan putera yang pertama dan Iskandar Shah, pengasas Melaka, hanya merupakan putera yang kelima. Keturunan di raja telah menuju ke Temasik, yang kini dikenali sebagai Singapura, beliau dan keturunannya hidup bahagian untuk hampir satu abad.

Bab ini telah membincangkan tentang beberapa peristiwa Melayu yang bertarikh dan latar belakang ekonomi peristiwa tersebut. Maklumat ini dikumpulkan daripada sumber-sumber yang berlainan dan tidak hanya daripada rekod-rekod Cina, yang banyak mengkaji tentang orang Melayu. Seterusnya, kita akan mengkaji tentang tradisi sejarah yang berlainan dan kita akan tumpukan perhatian kita kepada perspektif Melayu serta melihat bagaimana manusia mengkaji zaman silam untuk mempelajari lebih banyak perkara dan bukan sekadar sejarah yang berdasarkan ekonomi sahaja.

BAB 6

SRIVIJAYA-PALEMBANG, PALEMBANG-MELAKA, 'GELANG KAKI'; KEDAULATAN

Sang Utama ('yang tertinggi'), ahli keluarga kerabat diraja Melaka merupakan keturunan Raja Iskandar Zulkarnain (Alexander the Great), seorang penakluk agung, yang dilumuri minyak dalam acara peng-anugerahan di Palembang dan diberi gelaran Sri Tri Buana. Begitulah catatan yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* dan catatan yang seterusnya berbunyi begini. Setelah memerintah buat seketika di Palembang, beliau mengambil keputusan untuk 'melihat laut' dan menjumpai sebuah ibu negeri.¹ Demang Lebar Daun, seorang menteri yang setia dan memerintah Palembang sebelum kedatangan Sri Tri Buana, menyediakan satu pasukan kapal laut.² Setiap menteri dan ketua pertahanan mempunyai kapal mereka sendiri.³

Perkara seterusnya yang dilaksanakan oleh Sri Tri Buana adalah penting. Tumpuan pertama beliau merupakan Pulau Bentan di gugusan kepulauan Riau, Maharani pulau tersebut memberinya sambutan yang meriah dan secara yang biasa diberikan kepada seorang raja dan mengistiharkan beliau sebagai penggantinya yang akan 'memukul gendang kedaulatan'.⁴ Beliau sudah tentu menerima sambutan yang baik kerana beliau dikenali sebagai seorang daripada keturunan Iskandar. Sri Tri Buana mendapat peluang untuk meneliti kekuatan laut Bentan dan beliau menganggarkan bahawa tentera laut Bentan 'pada masa itu' terdiri daripada empat ratus kapal laut.

Gugusan kepulauan Riau terletak di tengah-tengah kawasan lanun laut⁵ dan Bentan bukanlah kerajaan rekaan. Dalam abad ketiga belas, Ibn Said menyatakan bahawa tempat tersebut merupakan pusat lanun yang ganas.⁶ Marco Polo yang belayar dekat dengan kawasan itu pada abad yang sama menyatakan bahawa tempat tersebut merupakan pusat perdagangan rempah dan lain-lain barangan.⁷ Oleh kerana kepentingan Bentan bergantung ke atas kuasa laut, lawatan Sri Tri Buana merupakan langkah pertama untuk menambah kekuatan kuasa laut beliau demi mencapai rancangannya untuk mencari ibu negeri yang baru. Dalam *Sejarah Melayu*, Bentan mungkin merupakan tempat penemuan ketua-ketua Melayu yang setia kepada pemerintah Palembang. Teks ini menyediakan gambaran yang kabur tentang sumber-sumber yang boleh digunakan oleh seorang pemerintah Melayu yang bercita-cita tinggi untuk memastikan penguasaannya di kawasan laut selatan Selat Melaka. Jika kronologinya tepat, cerita mengenai Sri Tri Buana, adalah selaras dengan keadaan yang wujud pada akhir abad keempat belas. Kepentingan Bentan dalam dunia Melayu mungkin bertambah apabila kuasa dan perdagangan diagihkan dari Jambi yang merupakan sebuah ibu negeri, akibat daripada kegiatan pedagang Cina di luar negeri pada zaman akhir dinasti Sung dan Ming.⁸ Walaupun Pires tidak menyebut tentang lawatan putera Palembang ke Bentan, catatan beliau yang berbunyi 'betapa besarnya kuasa yang dimiliki oleh putera tersebut ke atas pulau-pulau berhampiran yang terletak di bawah bidang kuasa abang iparnya' adalah mencukupi untuk menunjukkan bahawa beliau (putera Palembang) sedia memberontak dan menentang ketua Jawa.⁹ Anak Pires dan juga anak d'Albuquerque mencatatkan bahawa pengikut-pengikut putera tersebut bertambah selepas beliau melarikan diri dari Palembang. Akhirnya, keadaan huru-hara di Sumatera antara tahun 1377 dan 1397 dapat menghuraikan tindakan seorang putera Palembang apabila beliau cuba mengatur negerinya dengan memohon bantuan daripada orang Melayu dari Bentan. Penyatuan semula kuasa di bawah seorang maharaja Palembang yang bermartabat merupakan satu kemungkinan yang besar. Catatan-catatan yang terkandung di dalam *Sejarah Melayu*, walaupun ditulis dengan bahasa kiasan, merupakan satu sumber yang agak tepat.

Walau bagaimanapun Temasik, yang dinamakan semula sebagai 'Singapura' dan bukan Melaka merupakan ibu negeri Sri Tri Buana yang tetap apabila beliau melarikan diri daripada Palembang. Melaka tidak diasaskan oleh beliau tetapi oleh pemerintah Singapura yang kelima. Menurut *Sejarah Melayu*, di bawah pemerintah pengganti Sri

Tri Buana, Singapura menjadi:

sebuah bandar yang agung yang dikunjungi oleh orang asing hinggalah kemasyhuran bandar itu dan keagungannya diketahui di merata-rata dunia.¹⁰

Hampir tidak ada sebarang maklumat tentang Temasik abad keempat belas. Nama tempat tersebut timbul di antara nama negara naungan Majapahit, yang dinyatakan oleh Prapanca dalam tahun 1365.¹¹ Nama tempat tersebut juga terkandung dalam senarai negara *pararaton* dan Gajah Mada bersumpah dalam tahun 1331 yang beliau akan menakluk negara-negara tersebut untuk Majapahit.¹² Pulau itu mungkin merupakan negeri naungan Jawa buat seketika dalam abad keempat belas. Pengesahan nama tersebut tercatat dalam tulisan Wan Ta-yuan yang bertajuk *Tan-ma-hsi* sebagai tempat tinggal penduduk *Lung-ya-men*.¹³ Profesor Wheatley mengidentifikasikan *Lung-ya-men* sebagai 'selat yang berbentuk seperti gigi naga' (dragon-teeth Strait), dengan laluan sempit dekat Pelabuhan Keppel yang terletak antara pantai selatan Pulau Singapura dan Belakang Mati.¹⁴ *Lung-ya-men* yang tertarik dengan rombongan dari Mongol pada tahun 1320 untuk membawa balik gajah jinak¹⁵, telah menghantar rombongan yang membawa surat dan ufti ke China pada tahun 1325.¹⁶ Dalam tulisannya tentang *Hsien* (the Thai), Wang Ta-yuan menceritakan bahawa 'dalam tahun-tahun kebelakangan ini', orang Thai menyerang *Tan-ma-hsi*. Bandar itu dikepong selama sebulan dan kemudiannya suatu utusan dari Jawa (yang mungkin dalam perjalanannya ke China) melalui tempat itu.¹⁷ Apabila orang Thai mendengar tentang perkara ini, mereka menyembunyikan diri dan kemudiannya melarikan diri melalui 'Selat'.¹⁸ Rombongan Jawa yang terakhir ke kawasan Mongol China, sebelum tahun 1349-50 seperti yang tercatat dalam buku Wang, mungkin datang ke China pada tahun 1332.¹⁹ Tetapi dalam tahun 1320-an, beberapa rombongan telah datang ke China.²⁰ Wang Ta-yuan sendiri berada dekat dengan pantai Sri Lanka pada tahun 1330. Sudah tentu apabila beliau menulis 'dalam tahun-tahun kebelakangan ini', beliau merujuk kepada masa sebelum tahun 1332,²¹ iaitu apabila kenangan tentang serangan negara Thai ke atas Temasik masih diingati ramai di Selat Melaka.

Wang sendiri mengalami tindakan berjaga-jaga yang diambil oleh pelaut-pelaut Cina untuk mempertahankan diri mereka daripada lanun-lanun *Lung-ya-men*,²² dan tidak ada sumber yang lain, selain *Sejarah*

Melayu yang mengiktiraf kemasyhuran Temasek sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Perkara yang nyata berdasarkan sejarah tempat tersebut dalam abad keempat belas adalah akibat daripada pengurangan kuasa kerajaan di tenggara Sumatera, bandar pelabuhan ini mulai membangun di bawah pemerintah yang memperoleh kekuasaan mereka dengan menjalankan kegiatan perdagangan dan perlanunan.²³ Kehadiran orang Cina di *Lung-ya-men*, yang disebut oleh Wang Ta-yuan, merupakan bukti yang cukup untuk membuktikan bahawa *Lung-ya-men* atau Temasik merupakan bandar yang 'agung'. Dan menurut *Sejarah Melayu* tempat itu 'dikunjungi oleh ramai orang asing'.

Hanya Linehan yang sedia menerima, sekurang-kurangnya berdasarkan hipotesis, bahawa *Sejarah Melayu* mengandungi bukti-bukti sejarah yang benar.²⁴ Beliau berkata bahawa jika tarikh yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* dan juga di dalam *Ming-shih*,²⁵ iaitu 1413 merupakan tarikh sebenar kemangkatan pengasas Melaka iaitu Iskandar Shah; dan jika jangka masa pemerintahan Singapura adalah betul, kita boleh membuat anggapan bahawa Sri Tri Buana membuka Singapura pada tahun 1299.²⁶ Menurut hujah ini, orang Jawa menyerang Singapura di antara tahun 1375 dan 1376.²⁷ Raja kelima Temasik, iaitu pengasas Melaka, merupakan seorang raja dari Palembang, yang menawan Temasek dan membunuh ketua tempatan di situ. Pemberontakan beliau, yang dinyatakan di dalam catatan-catatan Portugis tetapi tidak disebut di dalam *Sejarah Melayu*, mengikut Linehan berlaku di antara tahun 1388 dan 1389.

Namun demikian, Linehan membuat dua andaian. Andaian pertamanya adalah mengikut cadangan Wilkinson yang menyatakan bahawa toponim 'Temasik' adalah sama seperti gaya pemerintah *San-fo-ch'i* yang menghantar rombongan ke China, pada tahun 1374.²⁸ Sebaliknya, *Ming shih-lu* menyatakan bahawa gaya pemerintahnya adalah sama dengan *Ta-ma-lai-sha-na-achih* dan bukan *Ta-ma-sha*, yang merupakan satu ungkapan yang merujuk kepada Melayu tetapi bukan Temasik.²⁹ T'ai-tsu, pada tahun 1370, sudah tentu menghantar Chao Shu ke sebuah kerajaan terkenal *San-fo-ch'i* yang terletak di Sumatera dan bukan ke kerajaan yang bukan sahaja tidak dikenali malah dipercayai terlibat dalam kegiatan perlanunan. Kajian semasa pemerintahan Ming ke atas rekod-rekod sejarah menunjukkan bahawa nama *San-fo-ch'i* digunakan hanya untuk merujuk kepada Jambi dan Palembang, tetapi tidak pernah digunakan untuk merujuk ke sebarang kawasan lain dalam rantau ini.³⁰

Andaian Linehan yang kedua menyatakan bahawa penyusunan

Sejarah Melayu sebenarnya cuba memberi huraian yang tepat tentang Temasik dalam abad keempat belas. Beliau hanya mengubahsuaikan fakta-fakta yang terdapat apabila hendak membuktikan bahawa Temasik sememangnya memainkan peranan dalam pembukaan Melaka. Untuk menyokong Linehan, kita boleh menyatakan bahawa sudah tentu pegawai-pegawai Melayu pada tahun 1612 mengetahui tentang peristiwa yang berkaitan dengan pembukaan Melaka. Lebih kurang seratus tahun sebelum itu, Tome Pires dan anak lelaki d'Albuquerque dapat menceritakan tentang pembukaan Melaka daripada khabar angin yang didengari daripada penduduk tempatan.

Tetapi benarkah penyusun sejarah tersebut merupakan seorang sejarawan yang ingin menulis laporan yang benar berdasarkan fakta-fakta Hg peristiwa-peristiwa yang berlaku pada abad keempat belas? Mungkin beliau cuba membentuk suatu latar belakang yang gemilang untuk kaum kerabat Melaka dan bukan untuk kaum kerabat Temasik, yang merupakan sebuah kerajaan kecil yang sudah tentu tidak penting kepada Melaka. Jika niat beliau adalah sedemikian, sudah tentu 'cerita tentang Singapura' tidak akan dapat menghuraikan sejarah sebenar warisan keluarga diraja Melaka. Catatan-catatan beliau mungkin palsu dan hanya digunakan untuk menghurai dengan lebih lengkap perkara-perkara yang beliau anggap penting. Jika beliau berbuat demikian, beliau sudah tentu mengetahui fakta-fakta berkenaan dengan Temasek-Singapura. Namun demikian, bentuk sejarah beliau yang tidak mengandungi fakta-fakta yang benar, terpaksa digunakan demi untuk melaksanakan tanggungjawabnya yang utama. Tanggungjawab yang dimaksudkan di sini adalah tanggungjawab yang ditanggung oleh beliau untuk menjustifikasikan tuntutan keluarga diraja Melaka ke atas teraju kepimpinan di seluruh dunia Melayu.

Penulis ini membuat kesimpulan bahawa penyusunan tersebut sebenarnya merupakan pakar pengkaji salasilah keluarga. Kajian-kajian beliau seterusnya digabungkan di dalam versi terawak *Sejarah Melayu* iaitu *Raffles MS. 18*. Pakar pengkaji salasilah keluarga itu berusaha untuk menjustifikasikan dua tuntutan bagi pihak keluarga diraja Melaka. Tuntutan pertama, seperti yang dikenal pasti oleh para sejarawan, adalah berkaitan dengan Iskandar Zulkarnain (Raja Iskandar Shah) yang merupakan penaung agung dan juga dipercayai merupakan nenek moyang keluarga diraja Melaka.³¹ Tetapi alasan-alasan yang digunakan untuk menunjukkan bahawa keluarga diraja Melaka adalah keturunan 'Iskandar Zulkarnain,' juga membentuk satu rangka baru untuk membuktikan satu lagi tuntutan, iaitu tuntutan yang bercorak

Melayu. Pengkaji salasilah keluarga cuba membuktikan bahawa pengasas agung Melaka dan pengganti-penggantinya dilantik sebagai pengganti kerajaan teragung yang pernah diketahui oleh orang Melayu, iaitu 'Srivijaya': negara agung, iaitu Srivijaya-Palembang, berkembang dalam abad ketujuh hingga kesebelas. Dan pada abad kesebelas, Malayu-Jambi mengambil tempat Srivijaya-Palembang. Jika pendapat pengkaji salasilah keluarga ini adalah betul, bahagian awal *Sejarah Melayu* yang dicatatkan dalam *Raffles MS. 18*, perlu dikaji dengan tujuan bukan untuk membuktikan sejarah sebelum pembukaan Melaka tetapi untuk mengetahui pendapat orang Melayu tentang pencapaian mereka atau pembukaan Melaka. Catatan tersebut juga boleh dikaji untuk melihat peristiwa penting yang membolehkan mereka menikmati pencapaian tersebut. Sebaliknya, 'sejarah Singapura' mungkin direka untuk menyembunyikan zaman yang memalukan, iaitu apabila Malayu-Jambi menggantikan Srivijaya-Palembang. Cerita Singapura pula adalah semata-mata untuk memberi bukti tentang cara kedaulatan Melayu diwakili oleh keluarga yang memerintah Palembang dan kemudiannya Melaka.

Latar belakang peristiwa yang membentuk semula *Sejarah Melayu* akan dibincangkan dalam bab yang akan datang. Dalam bab-bab yang seterusnya kita akan cuba mengenal pasti dan menghurai peristiwa yang dianggap oleh orang Melayu Melaka memainkan peranan yang penting dalam pembukaan Melaka. Dalam bab ini kita akan cuba mengenal pasti tema-tema dalam *Raffles MS. 28* yang membincangkan sejarah sebelum pembukaan Melaka. Perkataan 'para pengkaji salasilah keluarga' (genealogist) yang akan digunakan sebenarnya merujuk kepada orang yang mula-mula sekali menyusun susunan raja yang memerintah dan ibu negeri Melayu, demi untuk membuktikan bahawa pembesar-pembesar Melayu semuanya berasal daripada keluarga yang sama. Identiti pengkaji salasilah keluarga semasa beliau menulis *Sejarah Melayu* dan kaitan beliau dengan hasil karyanya akan dibincangkan kemudian.

Semua catatan berkenaan dengan pengasas Melaka dibincangkan daripada aspek nenek moyang keluarga diraja. Nenek moyang diraja bukan orang biasa. Profesor Teeuw memberi kita amaran supaya jangan menggunakan *Sejarah Melayu* sebagai teks sejarah, dalam erti kata sejarah hari ini.⁵² Beliau mencadangkan supaya teks tersebut patut disamakan dengan sastera Jawa yang bercorak sejarah. Beliau juga mencadangkan bahawa teks yang dikarang ini bukan untuk menghibur pemerintah tetapi untuk menyokong pemerintah tersebut sebagai suatu

kuasa kudus dalam alam ini. Pada pendapat ahli salasilah keluarga, dunia Melayu merupakan alam. Oleh itu tugas terpenting penulis di istana penulis bagi pihak pemerintah) adalah untuk menghubungkaitkan pemerintahnya dengan nenek moyang yang masyhur di dalam dunia Melayu. Pengenal kepada *Raffles MS. 18* menerangkan bahawa karya tersebut 'cuba menunjukkan tali persaudaraan antara raja-raja Melayu'.³³ Dan oleh kerana bahagian pertama teks tersebut menghuraikan salasilah keluarga yang menjadi sumber kedaulatan, kita percaya bahawa huraian ini memenuhi keperluan istana Melayu. Jika kita mengeneipkan huraian berkenaan dengan salasilah dalam bahagian pertama *Raffles MS. 18*, kita juga akan mengeneipkan perkara-perkara yang dianggap begitu penting oleh pemerintah Melayu, hinggan telah tersemat dalam tradisi istana Melayu.³⁴ Penulis ini juga percaya bahawa tuntutan berdasarkan salasilah keluarga yang terkandung di dalam *Raffles MS. 18* begitu penting kerana ia dapat membuktikan hak pemerintah untuk menjalankan pemerintah. Pengkaji salasilah keluarga memainkan peranan sebagai jurucakap yang menghuraikan tuntutan diraja dan bukan sebagai seorang yang mereka cerita palsu. Pernyataan beliau tidak boleh dianggap sebagai cerita dongeng. Sebaliknya pernyataan beliau perlu dianggap sebagai kenyataan yang memainkan peranan penting dalam politik *Sejarah Melayu*. Percintaan dimasukkan di dalam karya tersebut untuk mencapai tujuan yang penting, yang seterusnya perlu dikaji oleh para sejarawan.

Bukti-bukti salasilah yang menjustifikasikan kuasa pemerintahan seorang pemerintah tidak perlu selaras dengan penggunaan bukti-bukti salasilah keluarga untuk mengesahkan fakta-fakta sejarah. Sebaliknya jika peristiwa masa lampau yang penting masih diingati dan dicatatkan dengan baik, peristiwa-peristiwa itu dapat memainkan peranan yang penting dalam membuktikan keturunan seorang putera yang seterusnya dapat menguatkan tuntutan beliau terhadap teraju pemerintahan Melayu. Sejarah mungkin diubahsuaikan tetapi pengubahsuaian fakta yang sistematik adalah lebih mudah dipercayai daripada pengubahsuaian yang dilakukan sewenang-wenangnya. Orang Melayu mempunyai sejarah yang kaya dan ciri-ciri utama pada masa dahulu tidak boleh diketepikan secara langsung. Jika peristiwa-peristiwa ini diketepikan, salasilah keluarga yang dihasilkan akan menyerupai sesuatu yang disediakan untuk putera Paruenu.

Sejarah Melayu dipercayai menyediakan catatan-catatan tentang beberapa peristiwa bersejarah. Dan kita akan mencadangkan beberapa sebab yang mungkin dapat menunjukkan bahawa peristiwa-peristiwa

benar dimanipulasikan oleh pengkaji salasilah keluarga, untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu. Perkara yang penting di sini bukanlah kerelaan beliau menolak perkara yang kita anggap sebagai benar tetapi cara beliau memperguna perkara-perkara ini. Nampaknya beliau ingin mengekalkan faktor-faktor penting dari zaman silam. Akibat daripada tindakan-tindakan beliau, zaman silam muncul dalam bentuk yang jelas dan tidak dihapuskan. Namun demikian, bab-bab awal *Sejarah Melayu* menunjukkan kesedaran penulis bahawa jika beliau ingin mencapai matlamatnya, beliau terpaksa mengekalkan beberapa perkara penting dalam *Sejarah Melayu* dalam zaman Srivijaya dan Jambi.

Kajian kita tentang kandungan sejarah di dalam *Sejarah Melayu* membawa kita balik ke abad kesebelas, apabila orang Tamil Cola masuk campur dalam hal-ehwal Melayu. Para sejarawan telah lama menyedari bahawa seorang orang India dalam abad kesebelas meninggalkan kesan ke atas bahagian awal teks ini.³⁵ Sebelum kita mengkaji huraian pengkaji salasilah keluarga berkenaan dengan serangan tersebut, kita mesti mempersoalkan tujuan beliau memperkenalkan orang Tamil dalam sejarah Singapura, yang hanya dibuka beberapa tahun selepas serangan tersebut. Huraian beliau di sini adalah berkaitan dengan salasilah keluarga. Huraian yang dimaksudkan di sini adalah tentang perkahwinan di antara Raja Muda, anak kepada pemerintah kedua Singapura yang juga merupakan cucu Sri Tri Buana, dengan seorang puteri Tamil daripada dinasti Cola. Puteri tersebut amat jelita dan ramai yang telah melamarnya. Tetapi ayahnya menolak semula lamaran yang diterima atas sebab berikut: 'Kedudukan mereka tidak sama dengan kedudukan saya',³⁶ Tetapi apabila utusan daripada pemerintah Singapura datang meminang bagi pihak Raja Muda, Raja Tamil tersebut tidak menolak lamaran tersebut, malah menerimanya dengan gembira. Jelaslah kedudukan keluarga diraja Singapura adalah cukup tinggi untuk Raja Tamil itu.

Berdasarkan kronologi Singapura, berasaskan masa pemerintahan oleh lima pemerintah yang tamat dengan pemerintahan di bawah pengasas Melaka, perkahwinan tersebut berlangsung pada pertengahan abad keempat belas. Tetapi dinasti Cola telah pun lenyap menjelang akhir abad ketiga belas. Jika begitu, mengapakah penulis yang begitu mementingkan salasilah keluarga, bersusah payah menguraikan cerita tersebut? Alasan atas perbuatan beliau dapat dilihat dalam catatan-catatan beliau tentang sejarah Raja-raja Tamil dan juga Raja-raja dari Singapura. Kita akan dapat lihat bahawa kedua-dua keturunan ini memberi beliau peluang untuk menghuraikan hak Raja Melaka ke atas

pertuanan Melayu.

Raja Shulan, pemerintah alinga (Tamil-land), merupakan seorang penakluk yang agung, yang meluas empayarnya hingga ke kawasan 'yang terletak di bawah angin'. Mengikut *Sejarah Melayu* dua bandar telah jatuh ke tangan beliau di kawasan tersebut.³⁷ Bandar pertama adalah Gangga Shah Nagara, yang terletak di atas bukit. Bandar yang kedua dikenali sebagai Lenggui:

Dalam zaman silam, Lenggui merupakan bandar yang masyhur kerana kubunya, yang dibuat daripada batu hitam, yang kukuh. Nama asal tempat tersebut adalah Glang Gui, yang bererti 'peti harta karun' yang dipenuhi dengan permata: 'tetapi oleh kerana orang Melayu tidak dapat menyebut nama itu dengan tepat, nama tempat itu berubah menjadi 'Lenggui'.³⁸

Pemerintah Glang Gui, iaitu Chulin juga merupakan seorang raja yang berkuasa dan gagah. Dengan perkataan lain, kesemua raja dari negeri di bawah angin, dunia kelautan di barat Indonesia dan Selat Melaka adalah rakyat beliau. Kerajaan Glang Gui jatuh ke tangan Shulan. *Sejarah Melayu* menyatakan juga Gangga Shah Nagara terletak 'di Dinding, iaitu di seberang sungai Perak (di bahagian Semenanjung, Selat Melaka) dan kotanya masih lagi terdiri dengan teguhnya'. Akan tetapi, kedudukan Glang Gui/Lenggui tidak ditunjukkan, sedangkan Glang Gui/Lenggui adalah bandar raya yang penting pada bahagian awal *Sejarah Melayu*.

Ahli sejarawan menyetujui yang peringatan terhadap Rajendra Cola, raja Tamil yang menyerang Srivijaya dan negeri-negeri di bawah taklukan beliau, digambarkan melalui Raja Shulan. Prasasti Tamil mengenai Tanjore dengan sendirinya menyanjung kemenangan serta kejayaan Rajendra, akan tetapi tekanan Tamil ke atas Srivijaya pada tahun-tahun di awal abad kesebelas mungkin harus dipertimbangkan. Dalam tahun 1028. Maharaja Sung menyatakan yang 'diwaktu kebelakangan ini, perkapalan luar negeri jarang-jarang datang ke Canton'.³⁹ Pedagang-pedagang yang mempunyai perasaan takut mungkin berasa cemas terhadap pergolakan yang disebabkan oleh angkatan laut Tamil dan kerosakan yang dilakukan ke atas kemudahan entrepot.

Oleh itu, Gangga Shah Nagara dan Glang Gui adalah di antara pelabuhan yang diserang oleh orang Tamil.

Gangga Shah Nagara hanya bermaksud 'ibu negeri sungai', tidak lebih dari itu.⁴⁰ Penulis menyatakan Gangga Shah Negara terletak di atas bukit, akan tetapi 'walaupun ia kelihatan didirikan pada paras yang

tinggi, sebenarnya ia (bukit tersebut) agak rendah, iaitu di bahagian belakangnya. Bukit tersebut amat berguna dan sesuai sebagai pertahanan terhadap serangan dari sebelah hadapan. Di sini, kita mula memerhatikan persamaan yang luar biasa di antara bahasa pemerian prasasti Tanjore dengan *Sejarah Melayu*. Prasasti Tanjore merujuk Jambi sebagai 'Maliyur kuno' dengan 'gunungnya yang kukuh untuk pertahanan Maliyur'.⁴¹ Namun begitu, prasasti yang sama menggelarkan pemerintah Srivijaya sebagai raja *Kadaram*, iaitu perkataan Tamil bagi 'Kedah' yang terletak hanya di utara sungai Perak dan di situlah terdirinya Gangga Shah Nagara. Oleh itu, bandar raya Gangga Shah Nagara kelihatannya mempunyai dua pertalian: topografi Gangga Shah Nagara adalah serupa dengan topografi Jambi, manakala lokasinya pula serupa dengan lokasi *Kadaram*.

Perhatian yang lebih akan diberi ke atas persamaan dalam hal bahawa kedua-dua teks apabila dilihat dari aspek ibu negeri pemerintah-pemerintah Srivijaya dan Glang Gui. Mengenai ibu negeri bandar raya Srivijaya, iaitu Palembang, prasasti menyebut: 'Srivijaya mempunyai pintu kecil yang diperbuat daripada permata, yang dihias dengan keindahan yang begitu luar biasa dan pintu gerbang daripada permata yang besar-besar belaka'.⁴² Walau bagaimanapun, apabila Shulan membawa kemenangan pada India, beliau menubuhkan ibu negeri baru yang dikenali sebagai Bija-nagara (Vijaya-nagara) dan ibu negeri baru tersebut memiliki pintu gerbang yang emasnya ditukul berserta emas yang bertahtakan belian'.⁴³ Lagipun, penerangan yang diperoleh daripada *Sejarah Melayu* adalah nama asal Lunggu ialah Glang Gui yang 'bermakna "peti harta karun berisi permata"'. Rujukan prasasti tentang kekayaan pemerintah *Kadaram* (Srivijaya) adalah untuk raja yang ditawan bersama-sama 'timbunan harta dan timbunan harta tersebut dikumpul oleh raja itu dengan cara yang adil'.⁴⁴

Dalam konteks mengenai serangan Cola ke atas Glang Gui, konteks berkenaan hanyalah membawa pengertian Srivijaya-Palembang. Galang Gui, di bawah pemerintah Chulin, merupakan tuan kepada kesemua raja dari negeri di bawah angin; dalam tahun 1017, Maharaja Srivijaya menganggap dirinya sebagai 'raja negeri lautan'.⁴⁵ Tambahan pula, ahli salasilah menyatakan kepada kita yang 'dahulunya, (Palembang) adalah sebuah bandar raya yang penting dan masyhur, dan tidak akan ditemui sebarang bandar raya pun seperti Palembang di seluruh Andelas (Sumatera)'. Pernyataan ini lebih menarik perhatian kerana ia muncul dalam *Sejarah Melayu* pada suatu jangka waktu iaitu tidak lewat dari permulaan pemerintahan cucu-cicit

Shulan. Akhirnya, ahli salasilah sedar yang serangan Shulan melibatkan Palembang kerana pemerintah Palembang sebelum kemunculan Sri Tri Buana ialah Demang Lebar Daun. 'juga daripada keturunan Raja Shulan'.⁴⁶ Namun begitu, beliau mengelakkan diri daripada memberitahu kedudukan Glang Gui, meskipun beliau telah mengidentifikasi Gangga Shah Nagara dan juga memberitahu kita yang kota daripada batu hitam 'masih lagi wujud'.⁴⁷

Kita akan kembali semula pada masalah mengenai kepentingan nama 'Glang Gui'. Mula-mula sekali, kita mesti melanjutkan kisah *Sejarah Melayu*. Suatu peperangan yang hebat terjadi di antara Shulan dengan Chulin, pemerintah Glang Gui dan orang Tamil hanya menang setelah menentang berkali-kali. Pemerintah Glang Gui mati dalam keadaan berani dan bandar raya beliau tumpas ke tangan musuh dengan cara yang terhormat. Kemudiannya, suatu peristiwa penting terjadi. Anak perempuan pemerintah yang mangkat, yakni Orang Kiu menjadi isteri kepada perampas negara ayahnya. Akan tetapi, dilihat daripada aspek salasilah, puteri Onang Kiu tidak mengadakan upacara akad nikah yang penuh dengan penghormatan dalam erti kata sebenarnya. Apa yang boleh dinyatakan oleh ahli salasilah bagi pihak nenek moyang Shulan adalah: Beliau merujuk pada sesetengah catatan mengenai keturunan Raja Nushirwan Adil, anak lelaki Raja Kobad Shahriar, Raja di Timur dan Barat. Sama ada ia benar ataupun tidak, hanya diketahui oleh Tuhan Maha Kuasa. Walaupun pada masa lalu, anak perempuan Raja Nushirwan Adil berkahwin dengan keturunan Iskandar Shah, keluarga yang paling agung dalam sejarah,⁴⁸ Raja Shulan sendiri tidaklah merupakan ahli keluarga tersebut. Tidak juga dapat dipastikan yang Shulan adalah daripada keturunan Raja Nushirwan Adil.

Perkahwinan Onang Kiu penting kerana melalui perkahwinan tersebut, anak perempuan beliau boleh membentuk perhubungan di antara Glang Gui dan raja; raja tersebut tidak syak lagi adalah daripada keturunan Iskandar Shah. Puteri tersebut, Chendani Wasis telah dipilih oleh Raja Narsi biradar-ash untuk anak lelaki beliau; raja berkenaan dinyatakan sebagai keturunan Iskandar yang terakhir dan disebut pada penghujung bab pertama *Sejarah Melayu*. Oleh itu, keluarga Glang Gui memperoleh perhubungan keluarga pada kedudukan yang paling atas. Seseorang itu boleh menyatakan yang dalam pemikiran penyusun, status salasilah tentang keturunan keluarga Glang Gui tidak begitu bergantung sangat kepada orang Tamil apabila dibandingkan dengan perkahwinan mereka dengan ahli keluarga penakluk dunia.

Oleh itu, keluarga Glang Gui memperoleh perhubungan keluarga pada kedudukan yang paling atas. Seseorang itu boleh menyatakan yang dalam pemikiran penyusun, status salasilah tentang keturunan keluarga Glang Gui tidak begitu bergantung sangat kepada orang Tamil apabila dibandingkan dengan perkahwinan mereka dengan ahli keluarga penakluk dunia.

Selepas kemangkatan Raja Shulan, beliau digantikan oleh cucunya yang bernama Raja Chulan, iaitu anak lelaki puteri Chen dari Wasis. Daripada segi warisan, Chulan merupakan watak yang utama. Daripada semua aspek, beliau sudah tentu diterima di Glang Gui. Neneknya merupakan puteri Glang Gui, ayahnya adalah daripada keluarga Iskandar Zulkarnain, sedangkan perkahwinannya sendiri mempunyai unsur-unsur yang luar biasa. Beliau masuk ke dasar laut, dan beliau berkahwin dengan anak raja di situ. Raja Chulan memperoleh tiga putera hasil daripada perkahwinan itu, dan apabila beliau meninggalkan tempat tersebut beliau bertitah: 'apabila putera-putera saya dewasa, tolong hantar mereka ke dalam dunia supaya dapat melanjutkan kerajaan Raja Iskandar Zulkarnain dan kerajaan itu tidak akan luput'. Przuluski menyediakan keterangan yang dapat menghuraikan perjalanan beliau ke dalam laut.⁴⁹ Di Asia, dalam zaman kuno, bukan sahaja orang Tamil yang menganggap laut sebagai sumber kesuburan, kekayaan dan kekuasaan; dan kedaulatan bukan sahaja terletak di bawah penguasaan wanita tetapi juga diwariskan oleh kaum wanita. *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa pemerintah laut menyambut Raja Chulan dan menempatkan beliau di atas teraju kedaulatan'. Metos yang hampir sama dijumpai di lain-lain negara, yakni kuasa ditunjukkan dengan menggunakan simbol-simbol ular dan naga. Przuluski menyatakan cerita Raja Chulan dalam senarai metos-metos yang sedemikian rupa. Beliau juga memerhatikan bahawa dalam kenyataan yang ditulis oleh Chao Ju-kua, pemerintah ingin memahami cara yang digunakan oleh orang Melayu apabila menyusun semula sejarah lampau mereka.⁵⁰ Susunan tersebut dapat dilihat melalui warisan Chulan dan perkahwinan beliau dengan seorang wanita daripada keturunan Iskandar Zulkarnain di India. Chulan digantikan di Bijanagara yang merupakan ibu negeri Shulan yang dibina oleh datuknya, oleh anaknya Adiraja Rama Mudaliar, yang dilahirkan di India. Anak perempuan Jambuga Raja Mudaliar dilamar untuk berkahwin dengan Raja Muda, yang merupakan cucu Sang Utama dan anak kepada Paduka Sri Pikrama Wira dari Singapura. Oleh itu mengikut jadual warisan Sang Utama, atau Sri Tri Buana, dianggap sebagai anak

kepada Raja Chulan:

<i>Bija-nagara</i>	Temasik
Chulan	(Chulan)
Adiraja Rama Mudaliar	Sri Tri Buana
Jambuga Raja Mudaliar	Paduka Sri Pikrama Wira
Princess Talai Puchudi	Raja Muda (yang menjadi pemerintah Temasik yang ketiga)

Jadual di atas menerangkan kerelaan Jambuga raja Mudaliar menerima Raja Muda sebagai anak menantu. Kedua-dua keluarga merupakan keluarga yang mempunyai martabat yang tinggi dalam sejarah dunia; namun demikian keluarga Singapura itu mempunyai status yang lebih tinggi kerana dapat dinyatakan juga bahawa mereka adalah daripada keturunan puteri laut.

Sri Tri Buana merupakan pemerintah yang ketiga, iaitu selepas Shulan dan Chulan. Kita akan mengkaji kesan tiga zaman ketiga pemerintah tersebut berhubung dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam abad kesebelas, iaitu zaman berlakunya campur tangan orang Tamil dalam hal-chwal *Sejarah Melayu*. Kita akan lihat bagaimana sejarah diubahsuaikan untuk membuktikan salasilah keluarga.

Ukiran yang diukir di antara tahun 1030 dan 1031 menunjukkan bahawa Rajendra Pertama (1012-1044) menyerang empayar di bawah Maharaja *Kadaram* pada tahun 1025. Dan ukiran yang terdapat di atas batu itu memuji kejayaan beliau.⁵¹ Maharaja Sangramavijayottungavarman ditawan. Pengkaji-pengkaji tidak menyoalkan sama ada Srivijaya berasa ragu atas peranan yang dimainkan oleh Srivijaya dalam serangan tersebut dan kejayaan yang dicapai oleh orang Tamil merupakan bukti tradisi *Sejarah Melayu* yang menghuraikan kejayaan yang dicapai oleh Shulan apabila beliau menawan Glang Gui. Shulan digantikan oleh cucunya iaitu Chulan. Emak Chulan merupakan anak perempuan Shulan, iaitu Chendani Wasis, yang merupakan anak kepada Onang Kiu dari Glang Gui. Chulan mengembara ke timur hingga beliau sampai ke Temasik dan beliau hidup di dalam laut selama tiga tahun; beliau kembali ke India tetapi jangka masa pemerintahan beliau tidak dinyatakan. Pengganti beliau adalah anaknya, Sri Tri Buana. Beliau masih muda apabila beliau ditabalkan sebagai pemerintah Palembang. Chulan meramalkan bahawa anak lelakinya akan tiba setelah beliau dewasa. Walaupun Sri Tri Buana memerintah 'buat seketika', beliau masih muda apabila beliau mengetuai rombongan yang berundur ke

Bentan; catatan-catatan tentang aktiviti beliau menyatakan bahawa beliau 'masih sangat muda', dan Maharani Bentan menganggap dirinya sebagai 'emaknya'. Oleh itu kita dapat membuat anggapan bahawa penyusun berpendapat bahawa pemerintahan Sri Tri Buana yang berlangsung selama empat puluh lapan tahun, belum lagi bermula apabila beliau meninggalkan Palembang.

Catatan *Sejarah Melayu* tentang Palembang dan Glang Gui menggambarkan tempoh masa dua pemerintah dan sebahagian daripada tempoh pemerintahan yang ketiga, yang memakan masa sepanjang empat generasi. Kita tidak dapat bukti kronologi nyata yang dapat menganggar jumlah tahun yang terkandung di dalam tempoh ini. Huraian berkenaan dengan tempoh masa yang disediakan oleh ahli salasilah keluarga mungkin dapat dipercayai kerana pada masa itu perkahwinan dilangsungkan apabila pengantin-pengantin masih muda lagi. Tidak lama kemudian anak akan dilahirkan. Oleh itu puteri Chendani Wasis, anak perempuan Shulan dan Onang Kiu dari Glang Gui, dilahirkan sebaik sahaja selepas Glang Gui ditawan dan dalam masa dua puluh tahun, dia melahirkan Chulan. Chulan berusia lebih kurang lima belas tahun apabila beliau menggantikan datuknya, Shulan. Keterangan tentang pemerintahan awal Chulan tidak disediakan tetapi tidak lama selepas menaiki takhta, beliau mengambil keputusan untuk menawan China. Semua negara lain mengakui kekuasaan beliau yang diturunkan kepadanya daripada Iskandar Zulkarnain dan *Sejarah Melayu* tidak mencatatkan tentang sebarang peperangan yang terpaksa dijalankan oleh beliau untuk menentang mereka. Pakar salasilah keluarga menggunakan ketaatan mereka sebagai bukti untuk menunjukkan warisan Chulan yang agung; hanya China yang enggan tunduk kepadanya. Chulan mengembara ke timur sehingga beliau sampai ke Temasik, dan beliau menghabiskan masanya selama tiga tahun di dalam laut sebelum anak bongsunya dilahirkan. Anak beliau kemudiannya dikenali sebagai Sri Tri Buana. Anak tersebut 'mencapai kematangan' apabila berusia lima belas tahun dan beliau memerintah di Palembang. Dua atau tiga tahun setelah beliau menaiki takhta, iaitu ketika beliau masih muda lagi, beliau mengetuai satu rombongan pengungsian keluar dari Palembang. Ini merupakan suatu yang luar biasa. Pahlawan-pahlawan terdiri daripada orang muda dan mereka mati semasa mereka masih muda. Ibu bapa yang sudah berusia, yang mungkin dapat melanjutkan zaman ini, telah dibunuh/dihalau. Shulan, daripada generasi pertama menjadi datuk apabila beliau meninggal tetapi generasi kedua beliau diwakili oleh anak perempuannya. Shulan

meninggal dunia selepas cucunya, Chulan, cukup besar untuk memerintah. Chulan menghilangkan diri di India apabila anaknya cukup besar untuk memerintah. Keremajaan perwira yang dijelaskan oleh Sri Tri Buana, menunjukkan bahawa keempat-empat generasi itu berlaku dalam jangka masa yang singkat dan anggaran kronologi dapat dihuraikan dengan cara berikut:

Tahun 'X'	tawanan Glang Gui, perkahwinan Shulan dan Onang Kiu, kelahiran Chendani Wasis berlaku tidak lama kemudian.
Menjelang 'X'+ 20	Kelahiran Chulan, anak lelaki Chendani Wasis dan Raja Suran Padshah daripada keluarga keturunan Iskandar Zulkarnain.
Menjelang 'X'+40	Chulan menggantikan datuknya, Shulan, dan sampai ke Temasik.
Menjelang 'X'+ 43	Sri Tri Buana dilahirkan.
Menjelang 'X'+58	

Sri Tri Buana menjadi 'dewasa' dan diiktiraf sebagai pemerintah Palembang. Beliau meninggalkan Palembang apabila beliau 'masih muda' lagi.

Jika kita menggunakan tahun 1025, iaitu tahun orang Tamil menyerang Srivijaya-Palembang,⁵² untuk mewakili tahun 'X', maka pengunduran dari Palembang berlaku di antara tahun 1079 hingga 1082. Dan kita mengetahui daripada sumber-sumber Cina bahawa peristiwa-peristiwa yang penting berlaku di Srivijaya dalam masa tersebut.⁵³ Pada tahun 1079, Srivijaya-Palembang dan Jambi menghantar rombongan ke China tetapi pada tahun 1082, hanya Jambi yang berhubung secara resmi dengan kerajaan Sung.

Jambi merupakan ibu negeri dalam tahun 1225, iaitu apabila Chao Ju-kua menghuraikan Palembang sebagai negara naungan 'Srivijaya': orang Cina menggunakan nama 'Srivijaya' untuk merujuk kepada empayar perdagangan Sumatera. Selepas tahun 1082, 'Jambi' tidak lagi disebut dalam catatan-catatan berkenaan dengan rombongan. Rombongan terakhir yang dihantar oleh 'Srivijaya' dalam zaman Sung ialah pada tahun 1178. Ada kemungkinan besar bahawa rombongan itu dihantar oleh anak pemerintah yang menghantar rombongan pada tahun 1157. Pemerintah tersebut meninggal dunia sama ada pada tahun 1168 atau 1169. Ibu negeri mungkin dipindahkan ke Jambi semasa pemerintahan beliau; walau bagaimanapun 'Jambi' tidak dinyatakan berkaitan

dengan rombongan yang dihantar dalam tahun 1157. Rombongan selepas rombongan yang dihantar pada tahun 1082, dihantar pada tahun 1084 dan 1095 dan rombongan-rombongan tersebut dipercayai dihantar oleh Raja Jambi yang menghantar rombongan pada tahun 1082. Beliau dipercayai berasa gembira dan terus mengambil inisiatif untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan China. Di antara tahun 1089 dan 1890, maharaja Cola dipujuk oleh utusan-utusan Melayu supaya meluluskan surat kebenaran ('charter') untuk membiayai penjagaan sebuah rumah berhala di selatan India, yang didirikan beberapa abad dahulu oleh keluarga Sailendra dari Srivijaya-Palembang. Permohonan utusan Melayu tersebut menggambarkan dasar-dasar baru pemerintah Sumatera yang cuba mengambil alih tanggungjawab keagamaan 'nenek moyangnya'.⁵⁴

Pemindahan ibu negeri dari Palembang berlaku di antara tahun 1079 dan 1082. Ini bukan sahaja menghuraikan sebab mengapa Palembang dikenali sebagai negara jajahan 'Srivijaya' dalam tahun 1225. Akibat daripada pemindahan tersebut Maharaja Ming pertama menghantar chao Shu ke 'Srivijaya' dan bukan ke Palembang pada tahun 1370. Tetapi Palembang menghantar rombongan ke China dalam tahun 1374. Ming yang menggunakan sistem penamaan yang ditetapkan oleh empayar Sung, menghuraikan Malayu iaitu kerajaan Sumatera yang lebih penting lagi. Malayu menguasai Jambi, yang dikenali dengan nama 'Srivijaya', walaupun ibu negeri tersebut tidak lagi ditempatkan di Palembang. Menjelang abad ke sebelas, Palembang terletak di kawasan penguasaan Jambi dan Jambi pula diperintah dari kawasan pedalaman Minangkabau.

Kepentingan 'Singapura' dalam *Sejarah Melayu* kini menjadi jelas. Dalam tempoh tersebut huraian *Sejarah Melayu* sejak serangan orang Tamil hingga ke masa pembukaan Melaka, adalah merupakan zaman apabila Palembang tidak lagi menjadi ibu negeri di kawasan tenggara Sumatera. Huraian yang lain tentang sejarah pada zaman ini tidak dapat diterima, daripada segi kajian tentang Palembang. Akhirnya, tempoh 'zaman Singapura' yang berlangsung kurang daripada satu abad, tidak boleh diterima sebagai tempoh masa yang mewakili jangka masa Palembang yang tidak lagi dianggap sebagai kuasa tertinggi. Penyusunan hanya menggunakannya untuk menggantikan keadaan sebenar. Keselarasan antara pemindahan ibu negeri Sri Tri Buana dan pengurangan pengaruh Palembang tidak mungkin hanya satu kebetulan sahaja.

Jika kita percaya bahawa penyusunan *Sejarah Melayu* yang

menumpukan usahanya untuk membuktikan salasilah keluarga pemerintah Melaka untuk menunjukkan kuasa pemerintah, pengurangan pengaruh Palembang dalam abad kesebelas moyang mereka, sudah tentu akan dianggap sebagai peristiwa yang memalukan bagi beliau. Lagi pun adalah amat menghairankan kerana beliau tidak memberi sebarang alasan yang menghuraikan pengunduran dari Palembang, bandar yang dihuraikan oleh beliau sebagai bandar yang teragung di Sumatera. Sri Tri Buana ingin 'menjelajah kawasan laut' dan mencari kawasan yang sesuai untuk membina sebuah ibu negeri. Martabat putera ditunjukkan lagi apabila Maharani Bentan mengambil keputusan untuk mengiktiraf beliau sebagai penggantinya, ketika maharani tersebut mendengar bahawa putera daripada keturunan Iskandar Zulkarnain berada dalam perjalanannya ke Bentan. Huraian tentang pengunduran tersebut digunakan oleh penyusun untuk menunjukkan permulaan pemerintahan Sri Tri Buana. Permulaan pemerintah Sri Tri Buana berlaku apabila Srivijaya-Palembang tidak lagi merupakan 'negara' Melayu. Sejarah kegemilangan Singapura yang dilawati oleh Chulan digunakan oleh beliau untuk menyembunyikan penyusutan pengaruh Jambi, yang berlaku sebelum abad keempat belas. Beliau menolak tempoh masa ini supaya dapat mengekalkan martabat keluarga diraja Melaka.

Semasa pengunduran tersebut iaitu dalam abad kesebelas menunjukkan bahawa Palembang tidak lagi berkuasa sebagai ketua. Peristiwa ini diingati oleh orang Melayu dan baik. Dalam bab yang akan datang, kita akan mengkaji sebab mengapa ingatan mereka diracuni. Kita juga akan berusaha untuk mengenal pasti bilakah ingatan mereka diracuni. Walaupun tidak ada sebarang rekod bertulis, keupayaan mereka mengingati sesuatu adalah amat baik. Pemerintah Jawa dan Khmer mengingati peristiwa-peristiwa penting pada zaman silam yang berkaitan dengan dinasti.⁵⁵ Lagipun zaman ini juga penting kerana kedatangan pedagang-pedagang Cina dari luar negeri menghancurkan peluang entrepot Sumatera untuk berdagang dengan China. Pemulihan semula perdagangan ufti dalam tahun 1370 disambut dengan cepat dan ini menunjukkan putera Melayu yang bercita-cita tinggi faham tentang kepentingan cara-cara perdagangan yang berlainan dengan China. Penyusutan pengaruh Palembang tidak mungkin dilupakan dan dapat mengidentifikasikan/menentukan peristiwa-peristiwa lain yang berlaku pada zaman itu. Serangan orang Tamil berlaku lebih kurang lima puluh tahun sebelum perampasan Jambi. Tetapi peristiwa ini tidak begitu penting dan mungkin terselit di dalam *Sejarah Melayu* hanya untuk

menunjukkan tahun-tahun akhir Palembang mengadakan persediaan untuk kebangkitan Singapura dan Melaka. Perampasan Jambi merupakan peristiwa yang mengubah sejarah dan pembentukan kerajaan Singapura yang mewah terpaksa ditonjolkan demi untuk menyembunyikan keruntuhan Palembang.

Fungsi 'sejarah Singapura' dibentuk semula dengan menghubungkan isi kandungan *Sejarah Melayu* dan tulisan prasasti Tanjore dan juga catatan-catatan Cina. Tidak ada sebarang usaha diambil untuk menerangkan semula sejarah sebenar Srivijaya antara tahun 1025 dan tempoh di antara 1079 dengan 1082. Walau bagaimanapun Profesor Paranavitana memperoleh bukti-bukti yang menakjubkan daripada tulisan prasasti orang Sinhalese (dari Sri Lanka - p).⁵⁶ Beliau yakin bahawa pemerintah-pemerintah Suvarnapura, atau Srivijaya mempunyai hubungan kekeluargaan (antara keluarga) dan hubungan politik yang baik dengan Anuradhapura di Sri Lanka dalam abad kesepuluh dan kesebelas. Beliau menghuraikan kekayaan yang terlibat dalam hubungan ini.

Bukti yang diperoleh oleh beliau merupakan tulisan yang halus daripada prasasti dan ia amat luar biasa. Tulisan ini akan mengelirukan para sejarawan dalam tahun-tahun yang akan datang tetapi satu keselarasan antara bukti ini dan tulisan di dalam *Sejarah Melayu*, seperti yang dihuraikan di atas, perlu diperhatikan.

Profesor Paranavitana menghuraikan rentetan pemerintah di Srivijaya. Kejayaan penawanan Rajendra Pertama mengakibatkan Samara Vijayottunga datang menghadap beliau, sebagai pemerintah sebuah negara naungan Cola. Pemerintah ini memerintah dengan baik buat suatu tempoh masa yang panjang dan beliau digantikan oleh anak lelakinya, Manabharana selepas tahun 1070. Tidak lama kemudian seorang putera yang bernama Suryanarayana mengambil alih pemerintahan di Suvarnapura dan beliau dijadikan Maharaja. Bukti-bukti Sinhalese menyatakan bahawa perampas tersebut adalah daripada keluarga diraja Malayapura, yang diidentifikasikan oleh Profesor Paranavitana sebagai Malayu atau Jambi.⁵⁷ Suryanara yang merupakan seorang pemerintah yang sezaman dengan Vijayabahu dari Sri Lanka (1055-1100), dan pemerintahan beliau meliputi tahun-tahun di antara 1079 dan 1082, yang dikenal pasti sebagai tempoh masa apabila pemindahan kuasa dari Palembang ke Jambi berlaku. Oleh itu jika Suryanarayana dari Malayapura melakukan perampasan, walaupun perampasan itu menjejaskan Manabharana, satu keselarasan dalam rentetan pemerintah mungkin wujud di antara bukti-bukti Sinhalese dan

di dalam *Sejarah Melayu*. Zaman pemerintahan Shulan dan Chulan diwakili oleh Samara Vijayottunga dan Manabharana. Pemerintah ketiga pula memerintah pada masa yang sama seperti pemerintah Malayapura, iaitu Suryanara yang dan putera Palembang, Sri Tri Buana. Dengan itu sudah tentu penyusun akan melihat Sri Tri Buana sebagai pembangkang terhadap perampasan yang dilakukan oleh Jambi.

Walaupun bukti-bukti Sinhalese wujud dalam bidalan yang rumit, bukti tersebut adalah selaras dengan bukti-bukti Cina berkenaan dengan tempoh masa antara tahun 1079 dan 1082. Dengan itu, dapatlah kita memahami tindakan Chao Ju-kua, pada tahun 1225, apabila beliau menyatakan bahawa Palembang merupakan negara naungan 'Srivijaya'. Pada abad ketujuh dan kesembilan Jambi dan Palembang merupakan negara yang bersaing dan oleh itu kewujudan persaingan dalam abad kesebelas tidaklah menghairankan. Sebab-sebab khusus yang meruntuhkan Palembang dalam abad kesebelas tidak diketahui. Mungkin tekanan Cola ke atas Palembang begitu teruk hinggalah Maharaja kehilangan martabatnya.⁵⁸ Rajendra pertama menawan Maharaja. Lagipun prosasti tentang Cola Virara Jendra dalam tahun 1068 menyatakan bahawa beliau memberi bantuan kepada raja *Kadaram*, atau Kedah, apabila raja itu meminta bantuan beliau. Raja tersebut juga kadang-kadang dikenali sebagai pemerintah Srivijaya. Puisi Tamil *Kalingatupparani* yang disusun oleh Jayangondar semasa akhir pemerintahan Kulottunga I (1070–1120) menyebut tentang pemusnahan ke atas *Kadaram* oleh raja tersebut, sedangkan inskripsi Kulottunga mendedahkan tentang ufti dari negara luar. Walaupun Profesor Nilakanta Sastri tidak begitu dikaitkan dengan bukti-bukti ini,⁵⁹ prestij Kulottunga di istana Sung pada tahun 1077 digunakan kerana dua bentuk kemudahan protokol mengiringi utusannya pada tahun tersebut. Utusan orang Melayu pada tahun 1079 dan 1088 berjaya memperoleh kemudahan yang sama seperti utusan Tamil pada tahun 1077.⁶⁰

Penyelidikan masa depan akan menambahkan pendedahan kekalutan dalam perhubungan antara bangsa di kalangan India, Sinhalese, dan empayar Asia Tenggara dalam abad kesebelas.⁶¹ Dalam hal ini, pemimpin tetap mencari pengikut dan perlindungan daripada musuh-musuh mereka yang boleh dinaikkan semangatnya untuk memberontak. Tidak memeranjatkan jika kita lihat ini terjadi dalam keadaan terganggu kejayaan kemunculan puteri Jambi yang mendapat kedudukan pertuanan di Sumatera selatan.

Cerita tentang Singapura tidak akan mencatitkan maruah Melayu yang setia kepada tradisi Palembang. Jambi, sebaliknya pula di-

ketepikan. Putera sulung Raja Chulan di "angkat oleh penduduk Andelas ke negaranya dan dijadikan Raja Menangkabau (Malayu)".⁶² Ini kerana Malayu-Jambi tidak pernah dianggap sebagai ibu kota yang sah.

Teks *Sejarah Melayu* yang ditulis dalam tahun 1612 hanya merupakan satu lagi salinan teks yang dikarang dalam abad kesembilan belas. Dengan itu kita mesti ingat tentang kesalahan yang mungkin berlaku semasa salinan itu dibuat.⁶³ Ada kemungkinan besar bahawa kesalahan berlaku dalam ejaan nama-nama tempat yang mungkin tidak diketahui oleh orang yang membuat salinan tersebut. Lagipun, ada kemungkinan juga bahawa beliau sedar yang teks tersebut mengandungi nama-nama kuno dan menghuraikan nama tempat yang tidak lagi wujud adalah lebih susah.⁶⁴

Setelah mengetahui akan hal tersebut, kita mesti mengkaji masalah erti di sebalik 'Galang Gui', iaitu dalam bentuk rumi yang digunakan oleh Sir Richard Winstedt dan Mr. C. C. Brown. Pada muka surat sembilan dalam skrip jawi daripada manuskrip yang terdapat di London, kita akan dapat lihat K/L/NG/K/W atau U atau O/I atau E atau Y tertulis.⁶⁵ Oleh itu perkataan itu mungkin 'Klang Kui'. Walau bagaimanapun kita akan menganggap bahawa penyusun menulis 'Glang Gui'.⁶⁶ Pada tahun 1925, Blagden yang memeriksa skrip tersebut memerhatikan bahawa 'G' biasanya ditulis sebagai 'K'.⁶⁷ Orang yang membuat salinan tersebut juga tidak menggunakan 'G' dan 'K' dengan seimbang walaupun beliau sedang mengeja satu perkataan yang sama. Perkataan yang kita sedang bincangkan kini merupakan salah satu perkataan yang tidak dieja dengan seimbang. Dalam muka surat 35, kita akan dapat lihat *gelang-gelang* dieja sebanyak tiga kali dengan huruf 'G' dan sebanyak tiga kali dengan huruf 'K'; pada muka surat 36, perkataan yang sama ditulis dua kali dengan huruf 'K'.

Soalan yang seterusnya adalah sama ada kita harus cuba mengidentifikasi 'Glang Gui' dengan tempat yang mempunyai nama yang sama di Asia Tenggara. Usaha untuk mencari tempat tersebut di Johor, setelah membaca tentangnya dalam teks *Sejarah Melayu*, gagal.⁶⁸ Tidak ada tempat yang dikenali sebagai 'Glang Gui' dalam kawasan Palembang. Perkataan itu juga tidak dapat dikesan daripada bahasa Sanskrit atau Tamil.⁶⁹ Oleh itu, kita mungkin tidak mengkaji tentang sejenis toponim yang sebenar; mungkin penyusun sengaja mereka nama tersebut.

Kita dapat melihat bahawa beliau sedar tentang nama tersebut dan ini dapat dilihat daripada dua komen yang dibuat oleh beliau tentang

perkataan tersebut. Beliau mengatakan bahawa orang Melayu tidak dapat menyebut perkataan tersebut dan akhirnya perkataan tersebut diubahsuai hingga menjadi 'Lenggui'.⁷⁰ Kemudian, beliau mengatakan bahawa 'Glang Gui' membawa erti 'peti harta karun berisi permata':

Pada masa dahulu, Lenggui merupakan bandar yang agung dan kubunya yang diperbuat daripada batu hitam masih kekal. Nama asal tempat tersebut Glang Gui, membawa erti 'peti harta karun berisi permata'; tetapi oleh kerana kita tidak tahu menyebut nama tersebut dengan betul, nama tersebut menjadi 'Lenggui'.⁷¹

Dahulu kala (Lenggui) negeri itu negeri besar, kotanya batu hitam, datang sekarang lagi ada kota itu. Ada pun asal namanya Glang Gui, ertinya perbendaharaan permata; kerana kita tiada tahu menyebut dia, jadi Lenggui.⁷²

Tetapi sudah tentu orang Melayu dapat menyebut perkataan 'Glang Gui'. Kemusykilan yang mereka hadapi mungkin erti perkataan tersebut: 'gelang tangan/gelang kaki (=E)L(A)NG) - (GU) - I (= satu perkataan iaitu kata nama *gelang-gu* menjadi kata kerja transitif)'. Mungkin dengan memberitahu mereka bahawa *nenek-moyang* mereka tidak dapat menyebut perkataan itu, penyusun cuba memberi amaran kepada orang Melayu supaya tidak menterjemahkan Glang Gui, dan ini menjadikan bandar tersebut penuh dengan misteri. Beliau cuba menunjukkan bahawa nama asal tempat itu berlainan dan seseorang itu tidak seharusnya terkeliru sama ada nama itu merupakan terjemahan perkataan demi perkataan. Beliau mungkin juga cuba menunjukkan bahawa beliau sendiri hanya dapat memberi satu gambaran yang hampir sama dengan nama asal tempat itu.

Kita akan mengkaji sama ada pakar salasilah keluarga itu cuba mengelak daripada mengkaji nama itu dengan lebih teliti setelah kita mengambil kira tentang komen kedua beliau mengenai nama Glang Gui yang membawa makna bahawa 'kepentingannya' merupakan 'peti harta karun berisi permata'. *Sejarah Melayu* yang ditulis selepas itu mengemukakan nama Glang Gui tetapi cuba menghuraikan bahawa 'Glang Kiu' atau 'Ganggaju', iaitu bentuk lain nama itu, merupakan satu perkataan Thai.⁷³ Perkataan 'Glang' adalah hampir sama dengan perkataan Thai 'Khlng', atau 'perbendaharaan'. Sedangkan perkataan 'kiu' pula mungkin dapat dikaitkan dengan perkataan 'kaew', atau 'permata', merupakan perkataan Thai yang digunakan untuk merujuk kepada 'Tiga Permata' ajaran Buddha.⁷⁴ Tetapi salinan *Sejarah Melayu* yang ditulis pada tahun 1612 menyebut tentang gui dan bukan kiu.

Dalam konteks ini peristiwa yang berlaku dalam abad kesebelas, penggunaan perkataan Thai sudah tentu merupakan sesuatu yang boleh dianggap sebagai ketinggalan zaman. Ada juga kemungkinan bahawa penyusun cuba menyembunyikan nama bandar tersebut dengan menggunakan perkataan daripada bahasa Thai. Sebaliknya, selain cerita tentang Pasai semasa pemerintah keempat Singapura, orang Thai tidak disebut dalam salinan *Sejarah Melayu* yang ditulis pada tahun 1612, sehingga pengulas membincangkan tentang pembukaan Melaka. Hanya penyunting dalam abad kelapan belas mengkaji bahasa Thai untuk mencari penjelasan kepada toponim yang ganjil itu. Kesungguhan ingin tahu mereka yang dipelajari daripada orang Bugis mendesak mereka mengidentifikasi tentang kawasan jajahan di semenanjung dan akhirnya mereka dapat juga mengetahui kedudukan bandar itu iaitu di negeri Johor.⁷⁵

Idea tentang kenyataan bahawa 'Glang Gui' membawa maksud 'peti harta karun berisi permata' boleh juga dicari di tempat yang lain. Huraian yang dicadangkan hanya merupakan satu andaian, tetapi jika kita mengambil kira erti 'Glang' (gelang) = 'gelang tangan/gelang kaki', ia adalah selaras dengan kekayaan yang dimiliki, yang wujud pada awal zaman Asia Tenggara dan juga di dalam *Sejarah Melayu*.

Hadiah yang diperoleh dari Glang Gui oleh Shulan tidak dapat dihitung. Kita dengar segera menganggap bahawa pusat perdagangan Srivijaya-Palembang dikenali kerana kekayaan yang diperolehnya. Perbendaharaan Maharaja dianggap mempunyai usia yang sama seperti yang ditulis di prasasti Telaga Batu, yang pada abad ketujuh.⁷⁶ Namun demikian, tidak terdapat banyak huraian di dalam *Sejarah Melayu* tentang minat terhadap perdagangan walaupun ketika menghuraikan tentang Melaka. Sebaliknya, bab-bab awal mengandungi bukti yang cukup untuk menunjukkan bahawa kekayaan dilihat sebagai suatu unsur yang penting dalam menentukan jumlah keistimewaan yang dinikmati daripada martabat yang dimiliki oleh pembesar-pembesar Melayu.

Apabila Iskandar berkahwin dengan anak perempuan Raja Kida Hindi, raja tersebut menghadiahkan Iskandar longgokan emas dan batu-batu permata. Tetapi penaung dunia tersebut dapat menggunakan harta-harta yang ada padanya dan menghadiahkan Raja Kida Hindi kembali dengan hadiah yang lebih mewah.⁷⁷ Perkara yang lebih penting lagi adalah kekayaan yang dimiliki oleh Raja Chulan, iaitu pemerintah di Glang Gui. Apabila putera tersebut balik dari laut, beliau memerintah supaya suatu jumlah harta yang banyak patut diletakkan di dalam sebuah gua dan beliau bertitah: Pada suatu hari nanti, apabila scorang

putera daripada keturunan saya akan memiliki semua harta ini dan semua negara di bawah angin akan tunduk kepada beliau'. Akhir sekali, kita mesti perhatikan bahawa anak bongsu Chulan, iaitu Sri Tri Buana dikatakan memiliki banyak emas. Pada suatu malam dua janda di Sumatera melihat satu sinaran di atas Bukit Seguntang Mahameru yang terletak dekat dengan Palembang. Dan seorang daripada mereka percaya bahawa sinaran itu merupakan sinaran daripada permata yang terletak di atas kepala seekor ular. Pada keesokan paginya pokok padi kepunyaan janda itu berbuahkan padi-padi emas dan kemuncak gunung itu nampaknya bertukar menjadi emas. Tiga pemuda tiba, pemuda yang ketiga adalah yang muda sekali, iaitu Sri Tri Buana memakai baju diraja dan sebuah mahkota yang penuh dengan batu permata; beliau menaiki seekor gajah putih.⁷⁸ Apabila janda itu menanyakan siapakah gerangan mereka, kedua-dua janda itu diberitahu bahawa mereka adalah daripada keturunan Iskandar Zulkarnain. Janda-janda tersebut masih berasa ragu-ragu tetapi raja yang ketiga menunjukkan bahawa mahkotanya merupakan simbol keturunannya. Beliau seterusnya membuktikan identiti beliau dengan menunjukkan padi-padi emas, daun-daun perak, batang-batang emas dan kemuncak bukit yang bertukar menjadi emas. Janda-janda tersebut mempercayai kata-kata beliau dan mereka menjadi kaya.

Jelas sekali bahawa terdapat hubungan di antara kedaulatan dan kekayaan dan hubungan ini ditunjukkan dengan jelas pada bahagian akhir *Sejarah Melayu*. Setelah menghadaikan kekayaan yang banyak kepada pemerintah Haru, bekas pemerintah Melaka memberitahu menteri-menterinya supaya jangan khuatir walaupun beliau kehabisan kekayaan, kerana menurut beliau: 'Di mana terdapat kedaulatan, di situ wujud emas'.⁷⁹ Kekayaan di sini dianggap sebagai satu lambang kedaulatan.

Kekayaan Iskandar Zulkarnain dan Chulan dilihat dalam bentuk permata. Dalam tradisi kemahkotaan India, permata adalah lebih bererti daripada kekayaan kebendaan. Manikam dan permata mengandungi kuasa-kuasa ajaib yang dapat dinikmati oleh mereka yang memilikinya. Dan untuk raja-raja, manikam dan permata merupakan 'sumber kekuasaan'.⁸⁰ Seorang *cakrartin* dipercayai memiliki tujuh harta. Dan satu daripadanya adalah sebuah permata yang dikenali sebagai *cin-tamani* yang akan memenuhi segala permintaan sebaik sahaja permintaan itu dinyatakan. Permata tersebut dimiliki oleh Jayavarman Pertama, seorang raja dan perwira Khmer dalam abad ketujuh.⁸¹ Pemerintah Glang Gui merupakan seorang raja yang agung, dan kita mungkin

tertanya-tanya sama ada pakar salasilah keluarga mungkin mempunyai maksud yang lain apabila beliau menyebut tentang 'peti harta karun berisi permata' yang merujuk kepada sesuatu yang luar biasa dan bukan kepada perbendaharaan diraja sahaja.

Dalam satu kajian, Mus meneliti konsep iaitu yang sangat popular di 'Asia Monsun' 'kuasa ajaib yang ada pada tanah' sebagai sumber segala kekayaan.⁸² Beliau cuba menyatakan bahawa institusi raja berkembang apabila ketua suatu kumpulan, dalam suatu kawasan tertentu memainkan peranan sebagai seorang paderi yang mengajak kumpulan tersebut memuja jin tanah di tempat tersebut, yakni beliau cuba memperoleh kuasa di dalam tanah bagi pihak kumpulannya.⁸³ Kepercayaan kuno bahawa semua kekayaan terkandung di dalam tanah dan terletak di dalam tangan pemerintah membolehkan kita memahami tanggapan am pada abad kesembilan dan kesepuluh di Kambojia bahawa 'kehandalan memahami tanah', merupakan asas institusi raja.⁸⁴ Hubungan antara kedaulatan dan penguasaan ke atas semua bentuk kekayaan mungkin merupakan satu lagi keterangan yang dapat digunakan untuk memahami tindakan pakar salasilah keluarga apabila beliau menyatakan bahawa 'Glang Gui' bermaksud 'peti harta karun berisi permata'.

Hubungan antara kedaulatan dan kekayaan kini merupakan satu sebab mengapa pakar salasilah keluarga membuat komen/kenyataan tersebut. Kita akan terus melihat pakar salasilah keluarga sebagai seorang yang mewakili idea utama Di Asia Tenggara dengan itu kita jugajuga boleh menganggap bahawa kaki raja sebagai satu simbol kedaulatan beliau ke atas tanah dan kekayaan daripada tanah tersebut.

Kaki dilihat sebagai satu simbol kuasa diraja dan simbol ini masih dilihat dalam bahasa dan kesenian Asia Tenggara. Oleh itu, perkataan *Urah pada*, kaki suci, muncul dalam prasasti di Kambojia dan perkataan itu digunakan untuk menunjukkan bahawa orang itu merupakan seorang raja.⁸⁵ Prasasti Baksei Camkron merujuk kepada Harsavarman dari Angkor pada abad kesepuluh sebagai satu contoh cara kaki diraja diberi penghormatan. Raja tersebut dihuraikan dengan cara berikut:

qui causait la joie de l'univers, et dont les pieds etaient eclaires par le splendeur des guirlandes de rubis couv rant les diademes des rois des quatres points cardinaux.⁸⁶

Terdapat juga banyak kiasan berkenaan dengan kaki diraja dalam bahasa Melayu.⁸⁷

Kaki Dewa Siva diberi penghormatan di Champa dan Kamboja,⁸⁸ tetapi kaki Visnu merupakan simbol yang sesuai untuk kuasa diraja di Asia Tenggara. Di Kamboja pada bahagian kedua abad kelima, tapak-kaki Visnu menandakan tamatnya satu rancangan membina parit.⁸⁹ Tidak lama kemudian tapak kaki seorang penaung dari Jawa yang bernama Purnavarman disamakan dengan tapak kaki Visnu.⁹⁰ Kiasan berkenaan tapak kaki Visnu dapat dilihat dalam catatan-catatan tentang keluarga Sailendra, yang merupakan pemerintah Srivijaya-Palembang dalam pertengahan abad kesembilan. Prasasti Nalanda yang ditulis oleh Balaputra (+860), menyebut tentang 'kaki bunga teratai' ayah dan datuknya di Jawa. Dan 'putera-putera tunduk' di depan kaki Balaputra.⁹¹

Simbol Visnu iaitu tiga langkahnya dipercayai dapat mengumpulkan semua manusia di dunia ini, membawa erti yang lebih mendalam daripada penawanan sahaja. Dewa tersebut merupakan dewa kesuburan dan generasi dan profesor Gonda melihat tiga langkah Visnu sebagai satu resapan tenaga cahaya matahari, dan dengan cara yang sama Indra dibantu membunuh syaitan yang menghalang air daripada menyuburkan tanah.⁹² Raja yang berkongsi sifat-sifat yang ada pada Visnu juga mempunyai kewajiban untuk menghantar hujan supaya tanaman dapat tumbuh subur.⁹³ Beliau juga merupakan pengganti paderi yang mengeluarkan tenaga daripada tanah untuk pengikut-pengikutnya.

Kaki Visnu merupakan satu simbol dari zaman dahulu yang melambangkan kedaulatan dan penambahan kesuburan.⁹⁴ Kepercayaan ini dipegang kuat oleh pengikut-pengikut Visnu tetapi kepercayaan-kepercayaan ini masih juga dapat berterusan walaupun tidak ada kumpulan-kumpulan pengikut Visnu yang tertentu. Krujit yang ditulis pada tahun 1906 memerhatikan bahawa penduduk-penduduk di gugusan itu menganggap air yang digunakan untuk mencuci kaki dan tangan pemerintah itu sebagai mempunyai ciri-ciri yang istimewa. Ini kerana unsur-unsur roh pemerintah terkandung dalam bentuk peluh yang keluar daripada badan keluarga diraja.⁹⁵ Istiadat menandakan tempat yang dipilih untuk mendirikan istana diraja juga merupakan satu lagi contoh yakni kaki diraja memainkan peranan yang penting: pemerintah menuntut haknya untuk memiliki sebarang tanah dengan meletakkan kaki beliau pada had-had simbolik kerajaannya.⁹⁶ Di Sumatera selatan, tapak kaki diraja masih merupakan sebahagian daripada tradisi mereka. Takap kaki Iskandar Shah terdapat di Bukit Seguntang di Palembang, dan 'tapak kaki' Iskandar merupakan nama sebuah gunung dekat Tasik Ranau.⁹⁷

Ciri-ciri ajaib kaki diraja juga terkandung di dalam bab akhir

Raffles MS. 18. Sultan Mansur Shah memberi Maharaja China air yang digunakan untuk membasuh kakinya. Apabila Maharaja China minum air tersebut dan mandi menggunakan air itu juga, beliau sembuh daripada sejenis penyakit yang dihidapinya. Maharaja China seterusnya mengangkat sumpah bahawa beliau tidak akan lagi menganggap Melaka sebagai negara naungannya dan beliau memerintah pengganti-penggantinya supaya bersahabat dengan Melaka dan menganggapnya sebagai negara yang mempunyai tahap yang sama dengan China.⁹⁸

Kedaulatan, kekayaan dan kaki diraja dihuraikan supaya dapat menerangkan tafsiran pakar salasilah keluarga apabila beliau menyatakan yang 'Glang Gui' merupakan 'peti harta karun berisi permata'. Unsur-unsur ini juga membantu kita mempercayai bahawa beliau tidak sahaja berfikir tentang kekayaan di dalam perbendaharaan diraja tetapi mengenai semua bentuk kekayaan yang dapat diperolehi oleh raja yang dianggap sebagai dewa, yang kakinya merupakan simbol kekuasaan yang ada pada beliau.

Dengan tidak melupakan keistimewaan yang ada pada kaki diraja dalam tradisi ini dan juga penghormatan yang diberikan terhadap tradisi ini di dalam *Raffles MS. 18* iaitu apabila peristiwa yang berkaitan dengan kaki Sultan Mansur Shah dicatatkan; kita boleh berbalik kepada toponim 'Glang Gui' dengan mengkaji bahagian nama tempat itu yang paling mudah iaitu 'Glang'.

Tulisan rumi perkataan jawi tersebut di dalam manuskrip adalah K/L/NG. Apabila penyalin hendak menulis *gelang*, beliau menulis G/L/NG dan juga K/L/NG.⁹⁹ Seperti yang dinyatakan oleh Bagden, penyalin seringkali menulis 'K' apabila beliau ingin menulis 'G',¹⁰⁰ dan cadangan dibuat bahawa 'Glang' adalah sebenarnya 'gelang'. Gelang membawa erti 'gelang tangan' ataupun 'gelang kaki'. Oleh kerana gelang kaki dianggap lambang status yang lebih tinggi daripada gelang tangan, seperti yang dicatatkan di dalam *Raffles MS. 18 gelang* dalam perkataan 'Glang Gui' melambangkan 'gelang kaki' dan bukan 'gelang tangan'.

Di dalam *Raffles MS. 18* tercatat bahawa semasa Kesultanan Melaka, gelang diraja dan tapak kaki diraja diberi penghormatan yang tinggi, dan perenggan yang seterusnya terkandung di dalam buku tersebut. Kami diberitahu bahawa semasa pemerintahan Melaka ketiga, adat istiadat upacara diraja diatur dengan peraturan-peraturan sedemikian:

Orang biasa, tanpa mengira kedudukannya, tidak dibenarkan memakai gelang kaki emas: walaupun gelang tersebut mempunyai

bahagian-bahagian yang diperbuat daripada perak, gelang emas hanya dapat dipakai oleh kaum kerabat diraja (atau 'raja Melayu sahaja'). Sesiapa yang melanggar undang-undang ini didapati bersalah melakukan *lese majeste* dan dia akan dihukum mati. Tidak seorang pun yang memiliki emas, tidak kira betapa kaya beliau, dibenarkan memakai gelang kaki kecuali benda emas itu merupakan hadiah daripada Raja (*anugerah*, 'hadiah daripada Raja'),¹⁰¹ dan beliau dibenarkan memakainya buat selamalamanya.¹⁰²

Keistimewaan yang dinikmati oleh pembesar-pembesar yang dibenarkan memakai gelang kaki emas menjadi lebih jelas jika kita mengambil kira bahawa gelang kaki emas tidak pernah dihadiahkan dalam istiadat-istiadat lain, yang diadakan oleh putera-putera dari negara-negara naungan. Hal ini dicatatkan di dalam *Raffles MS. 18*.¹⁰³ Keistimewaan menghadihkan gelang kaki emas merupakan satu tradisi yang diamalkan di negeri Melaka.¹⁰⁴

Memakai gelang kaki emas merupakan salah satu hak istimewa yang dinikmati oleh raja. Orang biasa yang memakai gelang kaki, walaupun gelang itu tidak begitu bernilai dan diperbuat daripada perak, mereka akan dihukum kerana didapati menderhaka kepada raja. Gelang kaki emas merupakan barang perhiasan yang terpenting sekali di antara alat kebesaran diraja yang lain. Mungkin juga gelang kaki emas tidak merupakan salah satu alat kebesaran diraja.¹⁰⁵ Gelang kaki emas merupakan sebahagian daripada alat kebesaran diraja dan tidak sesiapa pun dapat menggunakannya. Ini kerana gelang kaki tersebut digunakan pada kaki beliau yang memiliki kuasa ajaib. Kaki beliau begitu berkuasa hinggakkan air yang digunakan untuk mencuci kaki tersebut dapat menyamakan status Melaka dengan status China.

Kebesaran pemerintah juga dilihat daripada bahan bernilai yang membentuk gelang kaki tersebut. Daripada adat istiadat yang dihuraikan di atas kita dapat memerhatikan bahawa emas hanya dapat digunakan apabila ia dihadiahkan (dianugerahkan) oleh raja.¹⁰⁶ Satu lagi perenggan di dalam *Sejarah Melayu*, yang ditulis di bawah tempoh masa 'Sejarah Singapura' mengaitkan *gelang* dan emas dan pemberian emas merupakan sebahagian daripada adat diraja yang menunjukkan kedaulatannya. Perenggan ini menyebut tentang *gelang-gelang*, sejenis cacing yang mengulungkan diri apabila dipegang.¹⁰⁷ Cacing-cacing ini dijumpai oleh Merah Silau, orang yang kemudiannya mengasaskan (empayar) Samudra-Pasai. Apabila cacing-cacing ini direbus, mereka bertukar menjadi emas. Beliau kemudiannya mengasaskan Samudra

dan menjadi seorang pemerintah yang terkenal.¹⁰⁸ *Gelang-gelang* di sini mewakili kekayaan, kuasa ajaib dan kedaulatan, dan sudah pasti cacing-cacing emas yang bergulung itu digunakan oleh bakal pemerintah Samudra. Walaupun hubungan di antara cerita pendek yang lucu dari Pasai ini dengan *Sejarah Melayu* tidak begitu jelas,¹⁰⁹ makna di sebalik *gelang-gelang* diketahui ramai di rantau ini.

Perkataan gelang sering digunakan di dalam *Sejarah Melayu*. 'Gelang kaki' menggambarkan bahagian badan raja yang teristimewa dan oleh itu gelang kaki tersebut merupakan alat yang istimewa, yang diperbuat daripada bahan yang ajaib dan merupakan satu sumber kuasa. Oleh itu 'gelang kaki' boleh dianggap sebagai lambang kedaulatan. Sekarang kita dapat memahami dengan lebih baik kenyataan pakar salasilah keluarga bahawa 'Galang Gui' merupakan 'peti harta karun berisi permata'. Harta hanya dimiliki oleh pembesar-pembesar.¹¹⁰ Kekayaannya terletak di ibu negeri beliau,¹¹¹ yang digunakan untuk menghadihkan pengikut-pengikutnya. Ibu negeri juga dibina apabila beliau menjejakkan kaki beliau yang bergelang di kawasan itu dan memiliki kekayaan daripada tanah. Perkataan *gelang* pada perkataan 'Glang Gui' mungkin merupakan peringatan yang sesuai untuk mengingatkan kita tentang kehadiran diraja seperti juga kasut Rama, dalam cerita *Ramayana* yang diberi penghormatan kerana melambangkan tapak kaki beliau dan diri beliau sendiri.¹¹²

Pembentukan semula perkaitan perkataan 'gelang', menunjukkan bahawa gelang kaki merupakan sebahagian daripada tradisi dunia tentang salasilah. Rujukan epigraf dinasti Cola bukan sahaja kepada kaki raja tetapi rujuk merujuk kepada gelang kaki juga. Kulottunga III, dalam akhir abad kedua belas 'menjadikan kakinya sebagai lambang mahkota' bagi Raja Pandya, 'yang wujud pada tapak kakinya'.¹¹³ Pemerintah yang sama mengandaikan ini sebagai 'pahlawan gelang kaki'.¹¹⁴ Berdasarkan epigrof Tamil, kaki raja Cola tidak diketahui oleh raja Srivijaya, kerana dalam inskripsi Virarajendra mencatatkan bahawa apabila raja itu menyerahkan Kadaram kepada raja Srivijaya, raja tersebut menyembah kakinya tanpa pergelangan kaki.¹¹⁵

Di Indonesia penggunaan gelang kaki merupakan satu adat lama. Banyak gelang kaki yang diperbuat daripada gangsa, perak dan kuprum dijumpai di Jawa.¹¹⁶ Gelang-gelang kaki disebut muncul di dalam ikonograpi pada zaman pertengahan pemerintahan Jawa, yang dapat dilihat daripada patung-patung yang diukir oleh Dieng Plateau, dan juga di rumah berhala Sailendra Chandi Mendut yang dekat Barabudur.¹¹⁷ Gelang kaki juga biasa digunakan di Sumatera. "Gelang kaki dari

zaman gangsa" dijumpai di Bangkinang di selatan Sumatera.¹¹⁸ Gelang kaki juga dapat dilihat pada gambar-gambar di kawasan Padang Lawas.¹¹⁹ Sebuah gambar Likanatha dari Taponuli yang diukir pada tahun 1024, yang dilukis oleh seorang pelukis Melayu, juga menggambarkan gelang kaki.¹²⁰ Satu gambar *raksasa* dari Solok, Jambi juga menggambarkan gelang kaki.¹²¹ Satu contoh yang menunjukkan bahawa raja-raja memakai gelang kaki dapat dilihat pada patung yang menggambarkan wajah Adityavarman, pemerintah Melayu pada abad keempat belas, yang mempunyai wajah yang sama seperti Siva-Bhairava.¹²² Raja tersebut berdiri di atas kawasan pertapaan iaitu di antara timbunan tengkorak. Beliau memakai gelang tangan dan gelang kaki dalam bentuk ular yang melilit.¹²³

Oleh itu, jika pakar salasilah keluarga ingin menggambarkan kehadiran pembesar-pembesar Melayu di Palembang sebagai orang yang memiliki harta, cara yang paling berkesan adalah dengan menulis kiasan tentang kaki diraja, yang terkandung di dalam perkataan *Glang + gelang* = gelang kaki.¹²⁴ Gelang kaki itu terpaksa diperbuat daripada emas untuk membezakannya daripada barang perhiasan yang digunakan oleh orang biasa. Tetapi, oleh kerana maharaja menggunakan gelang kaki pada kedua belah kakinya, penyusun sepatutnya menggunakan perkataan *gegelang* atau *gelang-gelang*. Sebaliknya toponim tersebut dihuraikan dengan perkataan *Glang Gui = gelang-gu-i*.

Kami sekarang menghadapi masalah dalam mengenali makna di sebalik *gu*, dan kemusykilan yang dihadapi oleh pakar salasilah keluarga perlu dipertimbangkan. Cadangan dibuat bahawa beliau memberi nama yang bererti untuk membayangkan kedudukan kedaualatan Melayu, dan beliau menggunakan perkataan *gelang* = gelang kaki dalam toponim yang diberi oleh beliau. Untuk melengkapkan toponim yang diberikan oleh beliau, beliau sepatutnya menyatakan toponim tersebut sebagai *gegelang* atau *gelang-gelang*, dengan merujuk kepada kedua-dua gelang kaki yang digunakan oleh pemerintah. Tetapi mungkin juga beliau menghadapi masalah menggunakan perkataan berganda ini. *Gegelang* mungkin diidentifikasi sebagai perkataan yang digunakan di dalam cerita Panji awal yang tidak berasal dari Jawa, iaitu satu daripada keempat-empat bandar Jawa yang dikenali sebagai *Gegelang*. Dan bandar ini biasanya tidak disebut dalam konteks yang baik.¹²⁵ Sebaliknya mengikut prasasti yang diukir dalam abad ketiga belas, *gelang-gelang* mungkin dikelirukan dengan kerajaan Jawa timur yang dikenali sebagai Kadiri. Prasasti itu juga mungkin disalah faham oleh mereka yang tidak mengetahui tentang sejarah Jawa dan

dianggap sebagai 'cacing'.¹²⁶ Jika penyusun tersebut ingin menggunakan *gegelang* atau gelang-gelang, beliau sudah tentu berbuat demikian pada masa itu.

Masalah yang dihadapi mungkin merupakan sebab mengapa beliau cuba menegaskan bahawa orang Melayu tidak dapat menyebut nama tersebut. Oleh kerana beliau tidak dapat menggunakan perkataan-perkataan *gegelang* dan *gelang-gelang*, beliau terpaksa mereka satu nama yang baru dan terpaksa mencari helah untuk mengelak pembaca daripada menganalisis erti sebenar perkataan tersebut. Oleh itu beliau menggunakan perkataan *Gelang Gu-i*.

Gu mungkin membawa erti 'yoke' atau ia mungkin juga membawa erti 'sepasang'.¹²⁷ Jika *gu* di tulis di depan gelang, penyusun mungkin ingin menggambarkan 'sepasang gelang kaki'. Tetapi, oleh kerana *gu* ditulis selepas *gelang*, *gu* mungkin membawa erti 'yoke'. Penyusun mungkin mencari perkataan yang dapat menggantikan *gelang* atau *gegelang* dan erti *gu*, iaitu 'yoke' dapat digunakan. 'Yoke' adalah seperti 'gelang' yang berbentuk bulat dan mencengkam sebahagian daripada tubuh.¹²⁸ *Gu* mungkin *gelang* atau sesuatu yang berlainan daripadanya. Dengan menambah -i di belakang *gelang-gu*, penyusun cuba memastikan bahawa tidak ada orang Melayu yang akan cuba menganalisis toponim tersebut.¹²⁹

'Pencemaran' perkataan 'Glang Gui' mungkin berlaku kerana penyusun cuba memikirkan tentang objek-objek yang bulat yang meliputi sebahagian tubuh dan perlu ditutup dengan menggunakan kancing, untuk menukarkan *gelang-gelang* kepada *gelang-gui*. Pengubahsuaian *jawi* adalah *LNGGUI*. *Lunggu (LNGGU)* adalah cara lain menulis *belunggu* atau *belunggu* (BLNGGU), satu lagi perkataan yang menunjukkan objek yang bulat dan menutup sesuatu, seperti 'rantai kaki' yang digunakan untuk banduan.¹³⁰ 'Gelang kaki', 'yoke' dan 'rantai kaki', semuanya mempunyai persamaan. Pakar salasilah keluarga cuba mengubahsuaikan *Gelang-gui* dengan meninggalkan perkataan *gu* daripada perkataan *gelang* untuk menjadikannya *LNGGUI* iaitu pengubahsuaian kepada perkataan *GLNGGUI*.¹³¹ Beliau cuba mencari perkataan yang seerti dengan *gelang* = 'gelang kaki', dan menggunakan perkataan *gu* dan *lunggu* sebagai perkataan yang membolehkan beliau mencapai matlamatnya.

Dengan melihat *Sejarah Melayu* yang ada sekarang, kita tidak dapat memastikan sama ada penyalin dalam abad kesembilan belas memperoleh teks yang asal, menyalin daripada salinan *Sejarah Melayu* yang asal atau menyalinnya dengan betul. Oleh itu tidaklah meng-

hairankan jika nama bandar di bawah pemerintahan Chulan itu merupakan satu rekaan sahaja. Unsur-unsur yang sama seperti 'gelang kaki', 'yoke' dan 'rantai kaki' merupakan bukti yang menunjukkan bahawa nama itu hanya satu rekaan sahaja. Walau bagaimanapun, kita dapat membuat satu kesimpulan, iaitu jika kajian tentang toponim Palembang tidak menyediakan sebarang huraian tentang Glang Gui atau Lunggui/Lenggui, 'Glang Gui' tidak lagi boleh dilihat sebagai nama sebuah tempat yang benar-benar wujud. Sebaliknya ia hanya perlu dikaji sebagai satu simbol yang digunakan oleh pakar salasilah keluarga dalam kajiannya.

Satu kajian mengenai simbolisme Glang Gui dijalankan. Analisis di atas mencadangkan bahawa satu kumpulan kepercayaan wujud dalam *Sejarah Melayu*; kekayaan luar biasa yang terkandung di dalam tanah, kuasa kedaulatan ke atas tanah dan kuasa yang ada pada kaki raja. Sri Tri Buana dilahirkan oleh puteri kesuburan dan apabila beliau pulang ke Sumatera sebagai pembesar, beliau menghasilkan emas dan perak secara ajaib. Beliau dikenali sebagai waris raja-raja di Glang Gui dan juga waris raja-raja Melaka, yang memakai gelang kaki sebagai hak istimewa yang dimiliki oleh mereka, memperoleh status yang sama seperti negara China. Daripada konteks kepercayaan ini, 'Glang' diperoleh daripada perkataan *gelang* atau '*gelang kaki*' yang mempunyai erti yang luar biasa untuk orang Melayu, terutamanya di kalangan mereka yang berada dalam istana. Pakar salasilah keluarga mungkin memilih perkataan tersebut kerana ingin menggambarkan kehadiran raja di ibu negeri. Beliau terpaksa memberi gambaran tersebut kerana beliau tidak ingin menghuraikan mengenai Palembang yang ditawan oleh orang Tamil apabila Shulan menyerang Glang Gui. Beliau begitu hormat kepada nama Palembang hinggakan beliau hanya menyebut tentangannya apabila Palembang sedang pulih setelah ketibaan Sri Tri Buana, iaitu apabila

mengikut bukti-bukti yang kita terima, Palembang yang wujud dahulu adalah sama dengan Palembang yang masih wujud hingga ke hari ini. Dahulunya bandar itu merupakan bandar yang agung yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana bandar lain di negara yang dikenali sebagai Andelas (Sumatera).¹³²

Hak memerintah Sri Tri Buana dengan segeranya diakui oleh waris Shulan, iaitu Demang Lebar Daun.

Daripada bukti-bukti yang diperoleh, kita dapat membuat

rumusan tentang pencapaian pakar salasilah keluarga. Jika beliau menggunakan perkataan 'Glang Gui' kerana perkataan itu adalah daripada perkataan *gelang-gelang* atau gelang kaki, ini menunjukkan bahawa beliau cuba menghuraikan kuasa luar biasa yang dimiliki oleh raja-raja Melayu yang berdaulat sebelum orang Tamil campur tangan. Lagipun, dengan menyediakan bukti-bukti salasilah keluarga tiga pemerintahan iaitu dari Raja Shulan hingga ke Sri Tri Buana, beliau berjaya menggantikan bahagian awal sejarah Singapura dengan permulaan zaman penguasaan Malayu-Jambi. Beliau menunjukkan bahawa kedaulatan terletak di tangan keluarga diraja Glang Gui, iaitu keluarga Chulan dan Sri Tri Buana. Campur tangan orang Tamil hanya menambahkan martabat keluarga tersebut yang seterusnya dihubungkan dengan keturunan Iskandar Zulkarnain. Martabat keluarga itu juga meningkat melalui kelahiran Sri Tri Buana oleh seorang puteri kesuburan. 'Sejarah Singapura' terhasil daripada pencapaian ini.

Pembentukan semula masa silam, berdasarkan analisis ini, bukan merupakan analisis yang berbentuk metos. Peristiwa-peristiwa yang penting dikekalkan dan pakar salasilah keluarga hanya mengubahsuaikan beberapa peristiwa demi untuk mengutarakan mesej yang penting. Mesej tersebut adalah pemerintahan Melaka merupakan daripada keturunan kerajaan Melayu sebelum itu iaitu: Srivijaya-Palembang.

Ciri yang penting dalam analisis ini adalah perasaan dendam, yang digambarkan tetapi tidak dihuraikan. Perasaan ini dirasakan oleh orang Melayu Palembang terhadap pemerintahan Malayu-Jambi.¹³³ Peristiwa yang berlaku pada abad kesebelas mungkin merupakan pemisah yang besar dalam sejarah mereka. Perasaan dendam digambarkan dalam istiadat penabalan Sri Tri Buana. Tiga putera yang dijumpai oleh janda-janda itu dibawa ke Palembang. Anak bongsu Chulan, iaitu Sri Tri Buana, dan anak yang sulung disanjung oleh pembesar-pembesar Melaka sebagai 'raja, bangsawan utama dan pemerintah-pemerintah seluruh kawasan Suvarnabhumi'.¹³⁴ Semua manusia 'dari semua ceruk rantau negara itu datang menyembah beliau'. Putera sulung dibawa balik oleh penduduk Andelas ke negara mereka dan ditabalkan sebagai Raja Minangkabau.

Mengikut pakar salasilah keluarga, status Palembang perlu diperimbangkan lagi. Nama baik bandar itu diselamatkan di bawah nama samaran Glang Gui dan oleh 'sejarah Singapura'. Beliau mengambil berat tentang Palembang kerana tempat tersebut merupakan tempat kesemua pemerintah Melaka memperoleh status kedaulatan mereka.

Oleh itu, bandar tersebut perlu diagambarkan sebagai pusat kedaulatan dunia Melayu.

Keluarga yang sama menikmati kedaulatan yang berterusan, dan ini merupakan tema utama bab-bab awal *Raffles MS. 18*. Pakar salasilah keluarga yang terus setia kepada tema ini cuba mengeneipkan kejadian-kejadian yang memalukan yang berlaku pada abad kesebelas. Suatu masalah yang lebih rumit dihadapi oleh beliau dalam pembentukan semula sejarah Singapura palsu kepada sejarah Singapura yang sebenarnya, yang berlaku di antara tahun-tahun pada bahagian akhir abad keempat belas dan pembukaan Melaka. Dalam tahun-tahun ini, tuntutan ke atas takhta mengelirukan orang Melayu. Pada masa ini juga keluarga diraja Palembang menghadapi krisis yang paling serius sekali. Pandangan pakar salasilah keluarga berkenaan dengan pemerintahan kelima Singapura, iaitu pengasas Melaka, mengakibatkan kemunculan tema berkenaan dengan kedaulatan dalam bab-bab awal *Raffles MS. 18*.

BAB 7

PENGASAS NEGERI MELAKA

Diandaikan peranan cerita Singapura dalam *Raffles MS. 18* ialah untuk menghapuskan ketuanan Malayu-Jambi daripada sejarah Melayu. Jadi, haruskah kita mengandaikan juga bahawa raja Singapura yang kelima, kemudiannya mengasaskan negeri Melaka, semata-mata sebagai suatu bahan dongeng? Haruskah kita mengeneipkan apa yang terjadi kepada Raja Iskandar yang sebenar?

Ahli salasilah tidak menegaskan keterangan Portugis tentang kegagalan pemberontakan raja Palembang terhadap Jawa. Begitu juga dengan perlariannya ke Temasik, di sini raja tersebut membunuh seorang hamba Thai dan kemudiannya diusir dari pulau tersebut oleh orang Thai. Ini akhirnya membawa beliau ke Melaka dan beliau bertemu dengan duta Cina yang bernama Yin Ching pada tahun 1404.¹ Dalam huraian 'sejarah Singapura', adalah benar bahawa keadaan semasa nampaknya lebih penting daripada riwayat. Ahli salasilah seolah-olah ingin mengemaskinikannya berdasarkan kejadian yang berlaku dalam dunia Indonesia untuk selama tiga abad iaitu di antara masa ketuanan Palembang yang lampau dengan masa penubuhan Melaka. Serangan Jawa ke atas Singapura ketika pemerintahan raja Singapura yang kedua mengusulkan penerimaan kekuasaan raja Kertanagara dalam abad yang ke-13: 'setiap raja di bumi Jawa' dan 'separuh daripada raja yang memerintah di Nusantara' pada masa itu adalah tertakluk kepada kerajaan Majapahit.² Kerajaan Perlak bersama-sama dengan perbendaharaannya pula di perkenalkan secara mendadak dalam riwayat tersebut ketika pemerintahan raja Singapura yang ketiga. Namun demikian, kita harus ingat bahawa raja yang ketiga

tersebut mengahwini puteri Tamil. Peristiwa di atas membolehkan ahli salasilah mengesahkan kenyataannya tentang keagungan asal usul kerabat diraja Melaka. Namun demikian, kita harus mengandaikan bahawa ketiga-tiga raja Singapura yang terawal tersebut merupakan watak-watak dongeng.³

Sementara itu, raja Singapura yang keempat pula, iaitu bapa kepada pengasas Melaka, mungkin mempunyai identiti yang benar. Beliau merupakan raja Singapura yang pertama mendapat gelaran Melayu yang diiktiraf iaitu Paduka Sri Maharaya. Ahli salasilah tidak memberi kata-kata pujian kepada beliau. Ini kerana beliau menyebabkan kematian seorang budak kecil yang menyelamatkan Singapura daripada serangan ikan todak.⁴ Singapura menerima padah akibat daripada perbuatan tersebut dengan kekalahannya kepada Jawa ketika pemerintahan raja yang kelima. Nampaknya, pemerintahan raja yang keempat menjadi penganjur kepada pemerintahan raja yang kelima dalam mengasaskan negeri Melaka.

Katakan raja Singapura yang keempat adalah seorang tokoh yang benar-benar bersejarah. Maka menurut Pires, beliau seharusnya dengan 'Sam Agi Palimbao' iaitu bapa kepada pengasas negeri Melaka.⁵ *Sejarah Melayu* menggelar pengasas ini dengan nama yang dibanggakan iaitu Raja Iskandar Shah. Nama tersebut juga akan digunakan dalam kajian ini. Dalam *Suma Oriental* Pires dan catatan Ming, raja ini dikenali pula sebagai 'Parameswara'. Walau bagaimanapun, ahli salasilah dan Pires juga tidak sependapat dalam perkara lain yang lebih penting. Pires menyatakan bahawa Parameswara memulakan pemerintahannya di Palembang. Sementara itu, ahli salasilah pula menyatakan bahawa Raja Iskandar memulakan pemerintahannya di Singapura. Pengarang lain pada abad yang ke-16 seperti Barros dan anak lelaki d'Albuquerque menyetujui pendapat bahawa Parameswara memulakan pemerintahannya di tempat lain selain negeri Singapura. Parameswara dikatakan hanya menguasai Singapura selepas melarikan diri dari negeri selatan.⁶ D'Albuquerque dan Pires juga sependapat bahawa Parameswara diusir dari Palembang oleh orang Jawa. Akan tetapi, ahli salasilah pula berpendapat bahasa orang Jawa bertanggungjawab terhadap pengusiran Raja Iskandar dari Singapura.⁷ Akhir sekali, ketiga-tiga pengarang iaitu Pires, Barros dan d'Albuquerque sama-sama menegaskan bahawa orang Thai yang mengusir Raja Iskandar dari Singapura. Sebaliknya, *Raffles MS. 18* pula mengeneipkan orang Thai ketika pemerintahan Raja Iskandar. Ketidaksamaan di antara kenyataan Melayu dengan Portugis ini mungkin

merupakan alasan yang terbesar dalam menimbulkan keraguan terhadap *Sejarah Melayu* sebagai sumber untuk penyusunan semula asas negeri Melaka.⁸

Terdapat tiga fasa dalam pemerintahan Raja Iskandar yang perlu dipertimbangkan sebelum dalam *Raffles MS. 18* dapat ditolak sepenuhnya sebagai tidak benar. Fasa-fasa tersebut ialah pemerintahan Raja Iskandar selama tiga tahun di Singapura, pelariannya dari Singapura dan pemerintahannya selama dua puluh tahun di Melaka. Namun demikian, perbincangan tentang kronologi Raja Iskandar tersebut tidak dapat diteruskan sehingga tarikh terhampir kemangkatan Raja Iskandar dapat ditentukan. *Ming-shih* menyatakan bahawa waris Parameswara, 'Raja Iskandar Shah', melaporkan kemangkatan Parameswara kepada Maharaja *Yung-lo* pada 5 Oktober 1414.⁹ Sementara itu, Sir Richard Winstedt pula menegaskan bahawa Parameswara masih hidup dalam tahun 1414. Parameswara dikatakan menukar namanya kepada Raja Iskandar Shah setelah memeluk agama Islam. Ini mengelirukan orang Cina yang menyangka bahawa mereka sedang berurusan dengan seorang raja yang baru.¹⁰ Menurut Sir Richard, pengasas Melaka hanya mangkat dalam tahun 1424. Inilah masanya apabila kerajaan Ming merekodkan kemangkatan seorang raja Melaka yang tidak diketahui namanya. Raja ini diganti oleh 'Raja Sri Maharaja'.¹¹ Sir Richard menyetujui kenyataan *Sejarah Melayu* bahawa Raja Iskandar Shah memerintah di Melaka selama dua puluh tahun. Kenyataan ini selaras dengan pemerintahan Raja Iskandar Shah yang bermula dari tahun 1404, pada masa duta Ming yang bernama Yin Ch'ing mengadap Raja Iskandar Shah, dan berakhir pada kira-kira tahun 1424. Mengikut penyusunan ini, Pires dikatakan melakukan kesilapan dalam menghuraikan pengganti Parameswara sebagai 'Raja Iskandar Shah' (*Xaquem Darxa*). *Xaquem Darxa* ialah seorang pengasas juga. Pires menyatakan bahawa *Xaquem Darxa* memeluk agama Islam ketika berusia tujuh puluh dua tahun dan mangkat lapan tahun kemudiannya. Sebenarnya, peristiwa ini juga merujuk kepada pengasas negeri Melaka. Parameswara yang kemudiannya dikenali sebagai Raja Iskandar Shah tentu merupakan seorang raja yang sudah tua menjelang tahun 1424. Jadi, benarlah apa yang dihuraikan oleh pemberitahu Pires sebagai seorang raja yang berusia dalam lingkungan lapan puluhan.¹²

Dr Wake mempertikaikan hujah tersebut. Alasan beliau adalah tidak terdapat sebarang sumber yang menyokong penggabungan pemerintahan raja Melaka yang pertama dengan kedua seperti yang dinyatakan dalam *Ming-shih* dan *Suma Oriental*. Sementara itu,

kenyataan bahawa Parameswara memerintah di Melaka selama dua puluh tahun pula hanya wujud dalam versi *Sejarah Melayu* tahun 1612 dengan kronologi yang tidak dapat dipercayai pula.¹³

Sir Richard Winstedt mempunyai pegangan yang rendah terhadap kebolehpercayaan catatan Cina. Seperti yang dikatakan, 'oleh kerana ahli analisis (Cina) tidak pernah bertemu dengan pengunjung Melayu ataupun memahami kebudayaan Melayu, maka tentu beliau tidak menganggap raja ini (dalam tahun 1414) sebagai Parameswara'.¹⁴ Ahli analisis tersebut hidup pada awal abad yang ke-18 dan hanya merupakan seorang penyusun *Ming-shih*. Gambaran beliau tentang peristiwa yang berlaku dalam tahun 1414 adalah berdasarkan dokumen rasmi yang direkodkan dalam tahun 1414. Dokumen ini digunakan untuk menyusun *Shih-lu* tentang pemerintahan Maharaja *Yung-lo* selepas kemangkatan baginda dalam tahun 1424. Gambaran yang berbeza tentang peristiwa lampau tersebut dalam bahan ini menghasilkan semula gambaran yang betul-betul sama seperti yang muncul kemudiannya dalam *Ming-shih*.¹⁵ Dengan demikian, penilaian kita terhadap kebenaran kenyataan tersebut adalah bergantung kepada kebolehpercayaan yang harus diberikan kepada *Ming-shih-lu*. Teks *Shih-lu* untuk zaman pemerintahan Maharaja *Yung-lo* disalin pada zaman pemerintahan Ming. Jadi, berkemungkinan bahawa penyalinnya melakukan kesilapan.¹⁶ Akan tetapi, adalah sukar untuk dipercayai bahawa penyalin ini sengaja melakukan penyesuaian teks. Ini kerana item tersebut tidak mendatangkan sebarang cabaran politik ketika pemerintahan Maharaja *Yung-lo*.¹⁷ Sesungguhnya, catatan bersejarah yang dikutip dalam *Shih-lu* boleh mengandungi kesilapan yang tidak disengajakan.¹⁸ Katakan dalam tahun 1414, Parameswara dipercayai mangkat. Maka, wujud salah faham di kalangan pegawai-pegawai Cina yang bertemu dengan raja yang disangkakannya pengganti raja pada tahun tersebut.

Salah faham pada tahap ini tentu ganjil. Ini membayangkan ketidakcekapan dalam pentadbiran Maharaja *Yung-lo* yang berurusan dengan orang asing dan tidak selaras dengan sebuah kerajaan yang mementingkan penterjemah yang berkelayakan.¹⁹ Sekalipun tidak terdapat penterjemah yang berkelayakan dalam pentadbiran Ming ketika peristiwa tersebut beberapa pertimbangan yang lain juga memperlihatkan kemustahilan untuk dipercayai bahawa berlakunya kes kesilapan identiti dalam tahun 1414. Parameswara tentu dapat dikenali oleh beberapa orang pegawai Cina hasil daripada lawatan beliau dalam tahun 1411.²⁰ Kita juga harus tahu bahawa dalam sejarah Melaka ketika itu,

perhubungan dengan China adalah amat penting kepada keselamatan kerajaan Melaka yang baru. Dengan demikian, raja Melayu tentu mempunyai alasan yang baik untuk memperkukuhkan identitinya. Utusan pada tahun 1411 terdiri lebih daripada lima ratus orang. Kita dapat memastikan bahawa setiap utusan Melayu termasuk utusan pada tahun 1414, ditemani oleh penterjemah untuk menyampaikan kehendak raja Melaka kepada empayar sekutunya.²¹ Tambahan pula, kenangan mesra kerajaan Ming terhadap Parameswara tentu melahirkan rasa simpati terhadap kemangkatan Parameswara kepada puteranya. Jadi, sukar untuk dibayangkan bahawa Parameswara akan bertoleran dengan tindakan yang menganggap dirinya telah mangkat. Lebih-lebih lagi kalau Parameswara melawat China dalam tahun 1414. Kepada pihak Cina pula, Maharaja *Yung-lo* tentu tidak memberi mandat kepada seorang raja yang baru dalam tahun 1414 tanpa terlebih dahulu mengkaji dengan teliti surat tauliahnya. Maharaja *Yung-lo* seperti bapanya juga iaitu T'ai-tsu mementingkan kebebasan status taklukannya bersama-sama dengan raja Asia Tenggara yang lain. Kenyataan bertulis (tsou) yang dipersembahkan oleh raja Melaka dalam tahun 1414 sudah tentu diperiksa dengan teliti. Hal ini dilakukan sebelum maharaja China membuat keputusan untuk menerima kenyataan tersebut dan menganugerahkan raja Melaka dengan pemberian yang berharga. Akhir sekali, kita harus memperhatikan bahawa maharaja China tetap yakin bahawa beliau sedang berurusan dengan seorang raja yang baru. Dalam tahun 1419, maharaja China sekali lagi bersua dengan raja Melaka yang datang mengadapnya dalam tahun 1414. Dalam surat amarannya kepada raja Ayuthia, maharaja China memperhatikan bahawa raja tersebut juga mempunyai sifat yang setia seperti mendiang bapanya.²²

Dengan yang demikian, tidak terdapat alasan yang baik untuk mempercayai bahawa Parameswara hanya mangkat dalam tahun 1424. Kesilapan pada tahap ini yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Cina, sebenarnya tidak boleh diandaikan semata-mata tetapi memerlukan pembuktian. Sebaliknya, kita dapat memastikan bahawa kemangkatan Raja Iskandarliah yang diumumkan di negeri China pada 5 Oktober 1414.²³ Penggantinya mungkin membuat perjalanan ke negeri China dengan salah sebuah kapal Cheng Ho yang kebetulan tiba di Melaka awal tahun 1414.²⁴ Namun demikian, catatan Cina tidak menyatakan dengan jelas sama ada Raja Iskandar mangkat dalam tahun 1413 ataupun awal tahun 1414.²⁵

Sekarang kita akan mengkaji ketepatan kenyataan *Raffles MS. 18*

yang menyifatkan pemerintahan Raja Iskandar adalah selama dua puluh lima tahun, iaitu sekitar tahun 1413-14. Daripada jangka masa dua puluh lima tahun ini, Raja Iskandar menghabiskan masanya selama tiga tahun di Singapura, dua puluh tahun di Melaka dan dua tahun lagi tidak dijelaskan.²⁶ Semua sumber bukan Melayu tidak memberi jangka masa penuh pemerintahan Raja Iskandar. Sumber Portugis menganggap raja Iskandar sebagai seorang raja yang luar biasa dan berjaya mengasaskan negeri Melaka, hanya anak lelaki d'Albuquerque yang menyatakan bahawa jangka masa pemerintahan Raja Iskandar di Melaka adalah tujuh tahun.²⁷ Sumber Cina pula hanya memberi tumpuan kepada Raja Iskandar selepas tahun 1404 apabila Raja Iskandar menunjukkan sikap setia beliau di Melaka. Catatan Cina yang berkaitan dengan urusan Melayu tidak wujud untuk tahun 1398-1402. Sementara itu, ahli salasilah pula menganggap Raja Iskandar sebagai seorang raja yang amat penting yang menghubungkan sejarah Singapura dengan sejarah Melaka. Setiap tahun daripada pemerintahannya adalah penting walaupun jangka masa pemerintahannya di Palembang dirahsiakan. Itulah sebabnya ahli salasilah memberi jangka masa penuh pemerintahannya sebagai dua puluh lima tahun, meskipun sebenarnya beliau tidak menjelaskan di manakah Raja Iskandar berada untuk masa dua tahun itu. Maklumat beliau tidak semestinya diragui dengan sertamerta. Ini kerana ahli salasilah tidak menyentuh tentang pemerintahan Raja Iskandar di Palembang.

Mula-mula kita akan memperhatikan kemungkinan kronologi yang diberikan oleh ahli salasilah dan juga Tome Pires yang agak selaras. Raja Iskandar dikatakan mangkat sekitar tahun 1413-14. Ini bersamaan dengan jangka masa dua puluh lima tahun pemerintahannya seperti yang dinyatakan dalam salasilah. Dengan demikian, pemerintahan Raja Iskandar bermula pada tahun 1389-90. Pires menyatakan bahawa Parameswara memerintah di Singapura selama lima tahun dan menghabiskan enam tahun dalam perjalanan dari Singapura ke Melaka.²⁸ Katakan Parameswara memulakan pemerintahannya di Melaka selewat-lewatnya dalam tahun 1404 iaitu pada masa Yin Ching mengadapnya. Maka, boleh dikatakan Parameswara meninggalkan Palembang dalam tahun 1393 iaitu selepas pemerintahannya yang singkat di Palembang dan kemudiannya bertempat di Singapura dari tahun 1393 sehingga 1398. Jadi, sama ada tahun 1389 mahupun sebelum tahun 1393 boleh dianggap sebagai masa yang sesuai kepada permulaan pemerintahan Raja Iskandar. Para sarjana menerima tahun 1389 seperti dalam Pararaton sebagai tahun kemangkatan Raja Hayam

Wuruk dan perpecahan Jawa. Mereka percaya bahawa kejadian ini mungkin menjadi asas kepada pemberontakan Palembang terhadap Jawa.²⁹ Pires menghuraikan raja Palembang sebagai 'abang ipar' raja Jawa. Raja Hayam Wuruk mula memerintah dalam tahun 1350 dan boleh jadi satu generasi lebih awal daripada Raja Iskandar. Rujukan kepada 'abang ipar' mengusulkan bahawa pemberontakan tersebut berlaku ketika pemerintahan Raja Hayam Wuruk. Jadi, kekuatan kerajaan Jawa ketika itu adalah terancam. Dengan demikian, masa ini merupakan peluang yang terbaik bagi Raja Iskandar untuk menuntut kemerdekaannya.

Penyusunan semula kronologi Raja Iskandar daripada maklumat dalam *Suma Oriental* pula hanya dapat berdasarkan daripada andaian bahawa Raja Iskandar mula memerintah di Melaka pada permulaan abad yang ke-15. Sementara ahli salasilah pula, tidak seperti Pires, memberi jangka masa penuh pemerintahan Raja Iskandar iaitu bermula dari masa pertabalannya di Singapura. Ini membolehkan kita menghubungkannya kepada tahun terakhir pemerintahan Raja Iskandar pada tahun 1413-14. Dalam kajian kita berkenaan huraian ahli salasilah tentang pemerintahan Raja Iskandar, apa yang penting ialah kita juga perlu menerangkan tujuan beliau ketika beliau menghuraikan sejarah pra-Melaka. Seperti yang kita lihat dalam bab terdahulu, ahli salasilah bertanggungjawab dalam mengkaji semula sejarah pra-Melaka. Kajian ini menunjukkan bahawa keluarga diraja Palembang terus menikmati kedaulatan pada masa ketuanan Malayu-Jambi. Untuk mencapai tujuan kajian semula ini, ahli salasilah harus membuktikan bahawa raja yang bermula dengan Sri Tri Buana, memerintah di Singapura dan bukannya di Palembang. Dalam rancangan ahli salasilah yang teratur, Raja Iskandar tidak boleh memulakan pemerintahannya di Singapura seperti yang dinyatakan dengan jelas dalam *Sejarah Melayu*.³⁰ Jangka masa tiga tahun pemerintahan beliau di Palembang harus dianggap sebagai tiga tahun terakhir dalam dongeng 'sejarah Singapura'. Dengan kata lain, apabila ahli salasilah menyatakan bahawa Raja Iskandar memulakan pemerintahannya di Singapura, ini bermaksud beliau sengaja menyembunyikan asas pemerintahannya di Palembang. Begitu juga dengan peristiwa tiga tahun kemudiannya. Apabila Raja Iskandar diusir dari Singapura, ini bermakna Raja Iskandar diusir dari suatu tempat yang dianggap sebagai pengganti Palembang sejak abad yang ke-11 lagi. Jadi, dalam kajian semula sejarah ini, jangka masa Raja Iskandar berada di Singapura ialah tempoh tiga tahun yang terakhir ketika raja Palembang tinggal di Palembang di bawah kekuasaan

ketuanan Melayu-Jambi.

Pemerintahan Raja Iskandar yang dikatakan bermula di Singapura adalah dongeng yang direka oleh ahli salasilah untuk menggantikan pemerintahan Raja Iskandar yang bermula di Palembang. Dengan demikian, kenyataan ini selaras dengan kenyataan Pires bahawa pengasas negeri Melaka berasal dari Palembang. Kedua-dua sumber ini kini sependapat dalam menerangkan tentang berakhirnya fasa pertama pemerintahan raja ini akibat daripada serangan Jawa ke atas Palembang. Perbezaan yang ketara dalam penjelasan sumber Melayu ini disebabkan oleh tujuan tertentu ahli salasilah dan bukannya kerana kesilapan ingatan.

Raja Iskandar mangkat dalam tahun 1413-14. Pemerintahan beliau yang dianggap oleh ahli salasilah selama dua puluh lima tahun tentu bermula di Palembang dalam tahun 1389-90 dan kemudian disambung di Singapura ketika tahun keempat pemerintahannya, bersamaan dengan tahun 1392-3. Pada penghujung tahun ketiga pemerintahannya (1391-2) bukanlah masa yang tepat untuk mengusir Raja Iskandar dari Palembang, walaupun Pires tidak memberi tarikhnya, namun beliau menyifatkan jangka masa tujuh tahun tersebut adalah di antara masa pengusiran Raja Iskandar dari Palembang dengan masa penubuhan Melaka. Beliau dimaklumkan tentang jarak masa yang agak lama yang memisahkan dua peristiwa tersebut. Lagipun, 1391-2, adalah jarak masa yang tidak terlalu lama selepas kemangkatan Raja Hayam Wuruk dan juga masa yang sesuai untuk berlakunya pemberontakan yang berakhir dengan kehancuran Palembang. Tambahan pula, dalam bab yang lalu, Jawa melantik seorang 'pegawai rendah' dalam tahun 1397 untuk mentadbir pelabuhan Palembang. Ini bermakna wujud kekosongan politik di Palembang pada masa itu dan keterangan mengenai wujudnya halangan perdagangan ataupun serangan Jawa sebaik sahaja selepas tahun 1377 adalah tidak tepat.³¹ Menurut penjelasan daripada sumber Melayu, orang Jawa menarik diri dari 'Singapura' sebaik sahaja menaeklukinya. Oleh kerana ini merupakan keterangan untuk menyembunyikan serangan Jawa ke atas Palembang, maka kekosongan politik itu mungkin berkekalan sehingga lewat tahun 1397. Usaha raja Jawa untuk menghentikan suasana yang tidak tenteram di Palembang mungkin menyebabkan pengusiran Raja Iskandar pada penghujung tahun ketiga pemerintahannya (1391-2). Keterangan ini menambahkan satu lagi bukti. Pada 2 April 1393, utusan Jawa yang terdiri daripada dua puluh lima orang bersama-sama sepucuk surat tiba di Nanking.³² Utusan ini merupakan utusan yang pertama dari

Jawa sejak tahun 1382. Utusan ini datang pada musim pelayaran pertama sebaik sahaja selepas tahun 1392 atau lebih tepat, ia sebenarnya belayar dalam tahun 1392. Bulan April merupakan bulan yang terlalu awal untuk utusan Jawa sampai ke Nanking setelah meninggalkan Jawa pada tahun yang sama. Utusan yang seterusnya sampai pada 29 Disember 1393³³ dan juga 21 Mei 1394.³⁴ Penyambungan semula utusan Jawa ke China secara mendadak mungkin mencerminkan hasrat Jawa untuk mengelak kemurkaan T'ai-tsu jika desas-desus tentang apa yang mereka lakukan sampai kepada pengetahuan maharaja China. Apa yang berlaku selepas tahun 1377, ialah duta Jawa di China ditahan dalam dua kejadian. Ini membuktikan bahawa Maharaja T'ai-tsu akan murka sekiranya negeri takluk beliau salah bertindak. Jadi, raja Jawa ingin mengelak sebarang akibat buruk dengan menjelaskan kepada China mengapa mereka menyerang Palembang.³⁵ Mereka tentu mengaku bahawa mereka menghukum orang bawahan yang tidak patuh. Dalam tahun 1397, T'ai-tsu marah dengan *San-fo-chi*. Maharaja China menyedari bahawa *San-fo-chi* mungkin mendengar amaran beliau sekiranya amaran tersebut datang dari Jawa.³⁶ Akan tetapi, Jawa sebenarnya tidak memberitahu T'ai-tsu bahawa mereka memusnahkan Palembang dan mengusir rajanya. Dalam tahun 1397, T'ai-tsu masih tidak menyedari bahawa perubahan politik yang besar berlaku di selatan Sumatera.

Terdapat satu lagi bukti yang selaras dengan kehancuran Palembang dalam tahun 1391-2. Dalam tahun 1394, T'ai-tsu mengadu bahawa tindakan beliau dalam menyekat utusan jajahan mengurangkan jumlah rempah di China. Ini menyebabkan penduduk kawasan pesisiran pantai mula melawat negara asing.³⁷ Kehancuran kemudahan perdagangan rempah di pelabuhan Palembang memburukkan lagi masalah kekurangan rempah yang diperolehi melalui perdagangan haram. Pedagang-pedagang Cina tentu terdorong untuk mempergiat tentangan mereka terhadap sekatan maharaja China, dalam usaha mereka untuk mencari sumber bekalan yang alternatif.

Katakan Raja Iskandar diusir dari Palembang pada penghujung tahun ketiga pemerintahannya (1391-2). Menurut ahli salasilah, beliau masih mempunyai jangka masa dua puluh dua tahun lagi untuk memerintah. Daripada jumlah ini, dua puluh tahun dihabiskan di Melaka dan dua tahun lagi tidak dijelaskan di manakah Raja Iskandar berada. Masa dua tahun tersebut tidak boleh dianggap sebagai masa pemerintahannya di Palembang kerana tujuan ahli salasilah ialah untuk menggantikan sejarah Sumatera dengan 'sejarah Singapura'. Jadi,

keterangan alternatifnya ialah masa ini merupakan masa pelarian Raja Iskandar dari Singapura dan memberi tempoh masa selama enam tahun untuk kes pelarian tersebut.³⁸ Dalam 'senarai raja' Dr. Roolvink, beliau menyifatkan dua puluh dua tahun untuk pemerintah di Melaka dan bukannya dua puluh tahun seperti yang dinyatakan dalam *Raffles MS. 18*. Kita mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa masa dua tahun ini yang dijelaskan dalam *Raffle MS. 18* diasingkan oleh ahli salasilah kerana masa tersebut mewakili masa pelarian Raja Iskandar dari Palembang. Namun dalam teks Dr. Roolvink, masa dua tahun ini digabungkan dengan masa pemerintahan di Melaka.³⁹

Sekarang cuma tinggal dua puluh tahun lagi menurut anggaran ahli salasilah sebagai jangka masa pemerintahan Raja Iskandar di Melaka. Kita juga harus tahu bahawa ahli salasilah tidak dapat memberi pecahan kepada jumlah tahun; iaitu berapa tahunkah Raja Iskandar sebenarnya memerintah di Singapura. Dongeng 'Singapura' sudah pun melucutkan peranan khas itu daripada ahli salasilah dan beliau tidak boleh menyentuh tentangnya lagi. Dengan demikian, jangka masa dua puluh tahun ini bersamaan dengan dua pecahan masa di antara tahun 1392-3 dengan 1413-14 dan dipisahkan oleh jarak masa dua tahun.

Satu tarikh yang diberi oleh kenyataan Cina mengusulkan masa sebenar pemisahan di antara pemerintahan Singapura dengan Melaka. Pada September 1397, T'ai-tsu mengarahkan Raja Jawa untuk memberi amaran kepada Raja *San-fo-chai*. Ini berlaku apabila beliau menyedari ketidaktenteraman yang berleluasa di kepulauan barat. Jawa bertindak balas dengan merampas Palembang dan melantik calon mereka untuk mengambil alih kuasa yang hilang kepada Raja Iskandar beberapa tahun yang lalu. Orang Jawa sememangnya menerima arahan maharaja Ming.⁴⁰ Duta Ayuthia yang dipertanggungjawabkan dengan mesej T'ai-tsu kepada orang Jawa memang sedar bahawa maharaja China memandang berat akan huru-hara yang berlaku di wilayah tersebut.⁴¹ Pires menganggap orang Thai bertanggungjawab ke atas pengusiran Raja Iskandar dari Singapura.⁴² Dalam bahagian pertama abad yang ke-14 lagi, kapal Thai aktif di persekitaran Temasek.⁴³ Raja Ayuthia mungkin memutuskan bahawa masa tersebut sesuai untuk menuntut bela atas kematian seorang hamba beliau di Temasek-Singapura, Raja Iskandar membunuh hamba tersebut apabila tiba di pulau Temasek sebagai orang pelarian dari Palembang. Raja Ayuthia mengarahkan seorang hambanya di Semenanjung untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Pires mengenal pasti hamba tersebut sebagai 'salah seorang pegawai tinggi Patani.'⁴⁴ Arahan daripada maharaja China dikeluarkan

pada September 1397. Namun demikian, angkatan laut Thai tidak mungkin bergerak dan bertindak sebelum awal tahun 1398. Jadi, awal tahun 1398 merupakan masa yang sesuai berlakunya pengusiran Raja Iskandar dari Singapura. Dua tahun berikutnya dihabiskan dalam pelarian beliau dari Singapura. Dalam tahun kedua belas semasa pemerintahannya (1400-1), Raja Iskandar mengasaskan negeri Melaka. Raja Iskandar mangkat dalam tahun pemerintahannya yang kedua puluh lima (1413-14). Jadi, Raja Iskandar memerintah di Melaka selama empat belas tahun. Namun demikian, ahli salasilah menyifatkan pemerintahan Raja Iskandar di Melaka selama dua puluh tahun. Ini kerana pandangan sejarah ahli salasilah menjadikannya mustahil untuk menyentuh tentang masa pemerintahan Raja Iskandar yang sebenar di Singapura. Kami mengusulkannya sebagai enam tahun (1392-3 sehingga 1397-8). Masa enam tahun ini ditambah kepada tempoh empat belas tahun pemerintahan Raja Iskandar di Melaka.

Kini suatu kronologi sementara tentang pemerintahan Raja Iskandar dapat disusun semula dengan berdasarkan tahun pemerintahan salasilah dan sumber-sumber Ming:

1389-1390	-	1391-1392	tiga tahun memerintah di Palembang
1392-1393	-	1397-1398	enam tahun memerintah di Singapura
1398-1399	-	1399-1400	dalam perjalanan ke Melaka
1400-1401	-	1413-1414	empat belas tahun memerintah di Melaka dan mangkat dalam tahun pemerintahannya yang kedua puluh lima

Kronologi tersebut merupakan kronologi sementara sahaja kerana terdapat ketidakpastian tentang tarikh sebenar kemangkatan Raja Iskandar iaitu sama ada dalam tahun 1413 ataupun 1414. Setelah kita mengkaji huraian salasilah tentang pemerintahan Raja Melaka yang kedua barulah kita dapat memastikan tarikh tersebut.⁴⁵ Namun demikian, buat masa ini, jadual masa pemerintahan yang dikemukakan di atas dapat membantu kita menyusun semula peristiwa utama dalam riwayat hidup Raja Iskandar. Kita juga dapat mengemukakan persoalan selanjutnya yang berkaitan dengan kronologi yang disusun oleh ahli salasilah.

Jadual masa pemerintahan tersebut berdasarkan beberapa pertim-

bangun. Peranan khas yang diberikan oleh ahli salasilah kepada 'sejarah Singapura' mendorong kita untuk menghubungkan pemerintahan Raja Iskandar selama tiga tahun di sana dengan permulaan pemerintahannya di Palembang. Pengunduran Raja Iskandar dari Palembang pada penghujung tahun 1391-2 adalah dalam tahun 1393. Begitu juga dengan kekurangan rempah yang ketara di China dalam tahun 1394. Aduan saudagar Cina kepada Lembaga Tindakan dalam tahun 1397 selaras bukan sahaja dengan akibat daripada kejatuhan Palembang selepas serangan Jawa. Malah, aduan tersebut juga selaras dengan kenyataan Pires bahawa Parameswara tidak mempunyai perdagangan semasa berada di Singapura.⁴⁶ Apa yang dapat dilakukan oleh Raja Iskandar hanyalah merampas barang-barang musuhnya. Tambahan pula, sumber Cina juga menunjukkan ketiadaan kuasa tradisional di Palembang menjelang tahun 1397. Tahun 1398 merupakan masa yang sesuai bagi orang Thai menggunakan pengetahuan mereka tentang kemurkaan T'ai-tsu dengan mengusir Raja Iskandar dari Singapura. Profesor Wang Gungwu juga memberi alasan untuk mempercayai bahawa Melaka mula dikenali sebagai sebuah pusat perdagangan menjelang tahun 1403.⁴⁷ Jadi, penubuhan negeri Melaka dalam tahun 1400-1 ada kemungkinannya benar.

Ahli salasilah yang menulis bab pendahuluan *Sejarah Melayu* merupakan seorang penulis yang berkeupayaan. Seseorang mudah terperdaya dan menganggap setiap kata yang ditulis atau dielaknyakan mesti menyembunyikan keistimewaan yang tertentu. Meskipun demikian, tradisi penulisan dalam istana Melaka berkenaan pemerintahan pengasasnya, tidak semestinya mempunyai kebolehpercayaan yang lebih rendah daripada ingatan pemberitahu maklumat Pires. Harus diketahui bahawa *Sejarah Melayu* ialah satu-satunya sumber kita yang ditulis oleh orang yang menganggap Melaka dan pengasas Melaka sebagai amat penting. Struktur salasilah dalam bab awal teks tersebut berdasarkan pemerintahan dengan unit masa sekitar sejarah penyusunan itu disusun. Semua pemerintahan penting kepadanya sebagai lambang kedaulatan yang tidak terputus sejak dari masa kekuasaan Raja Glang Gui, dan pemerintahan Raja Iskandar tersebut benar. Penghapusan peristiwa pemerintahan Raja Iskandar di Palembang tidaklah bermakna bahawa ahli salasilah bebas untuk mengubah keseluruhan jangka masa pemerintahan Raja Iskandar. Ahli salasilah hanya memindahkan pemerintahan Raja Iskandar selama tiga tahun di Palembang kepada 'sejarah Singapura' dan enam tahun di Singapura kepada sejarah Melaka. Kaedah yang digunakan oleh ahli salasilah tersebut disamakan

dengan kecekapan teknik orang yang dapat mereka dongeng 'Glang Gui'.

Pecahan masa yang dicadangkan untuk jangka masa pra-Melaka selaras dengan maklumat yang diperoleh daripada Suma Oriental dan juga sumber Ming tentang keadaan umum di wilayah tersebut pada tahun 1390-an. Dekad tersebut merupakan masa yang tidak tenteram kepada orang Melayu dan puncak kepada kekacauan yang bermula dalam tahun 1377. Meskipun mereka bosan dan keliru dengan perubahan nasib mereka yang tidak dapat dijelaskan, namun mereka masih berupaya untuk memberi sambutan kepada kepimpinan yang bersemangat. Sambutan mereka kepada Raja Iskandar jelas terbayang dalam ingatan Melaka yang dimaklumkan kepada Pires lebih dari satu abad kemudiannya.

Pires menghuraikan Parameswara iaitu raja Palembang sebagai 'seorang satria yang istimewa dan bersedia untuk berperang'. 'Parameswara menyedari betapa mulia perkahwinannya dan juga betapa tinggi kekuasaannya di pulau berhampiran yang di bawah kekuasaan abang iparnya [raja Jawa]. Lalu Parameswara bangkit menentang ketuanan dan ketaatan [kepada Jawa] ...'.⁴⁸ Prestij Parameswara di kepulauan itu patut diberi perhatian. Pada masa dahulu, ikatan yang sama di antara Palembang dengan kepulauan tersebut merupakan asas kepada kekuasaan kerajaan Srivijaya. Ini merupakan masa ketika ketua 'Harladj' menjadi ketua angkatan tentera Maharaja.⁴⁹ Kemudiannya, Pires menghuraikan serangan balas Jawa dan pengunduran Raja Iskandar dari Palembang ke Singapura. Meskipun demikian, kekalahan Raja Iskandar tidak merendahkan prestijnya kerana beliau terus mempunyai pengikut di pulau itu. Kenyataan Pires tentang pengunduran raja Palembang ke Singapura adalah munasabah. Pulau Singapura berhampiran dengan kepulauan Riau yang merupakan pusat kekuasaan angkatan laut. Wilayah tersebut adalah tapak yang sesuai kepada raja Palembang yang berhasrat untuk membangunkan kekuasaannya.

Nagara Singapura ditubuhkan oleh orang Melayu yang gusar. Dalam suasana huru-hara pada tahun 1390-an, orang Melayu mendapati sukar untuk mencari nafkah hidup melalui perniagaan yang jujur. Sekali lagi, keterangan Pires tentang keadaan mereka pada masa tersebut merupakan huraian yang meyakinkan. Beliau memberitahu bahawa Parameswara 'menguasai terus dan juga pulau itu. Ini kerana melalui perusahaannya barulah Parameswara boleh mendapat dan memperoleh keadilan di pulau itu (?). Parameswara langsung tidak menjalankan perdagangan melainkan pengikutnya menanam padi dan

menangkap ikan serta merampas barang-barang musuh. Parameswara menjalani kehidupannya dalam keadaan tersebut di terusan Singapura'.⁵⁰ Parameswara berada dalam kedudukan yang lemah sebagai pemerintah di pulau tersebut. Atas sebab ini, Parameswara kekurangan sebuah tapak entrepot yang maju.⁵¹ Meskipun demikian, Parameswara terus mengekalkan reputasinya walaupun selepas pengusiran beliau dari Singapura oleh orang Thai dan seterusnya ketika kesukaran beliau sebelum bertapak di Melaka. Keazaman untuk mempertingkatkan perpaduan Melayu dan harapan wujudnya ikatan di antara raja dengan datu yang memberangsangkan, sekarang terlalu kukuh untuk menjadi pudar. Pires memberi gambaran sepintas lalu tetapi jelas akan semangat pada masa tersebut apabila beliau menyentuh tentang amalan lama *anugraha* raja. Beliau menterjemahkannya sebagai 'kebajikan'. Pires memetik kata-kata pengikut Parameswara yang taat. Setelah berjaya sampai ke Melaka, mereka berkata: 'Kami juga tergolong di bawah ketuanan Palembang yang lama. Kami selalu mengikutnya. Sekiranya tanah nampak sesuai, maka seharusnya dipertuan memberi bantuan kepada kami untuk maksud kami yang jujur. Kerja kami tidak akan sia-sia tanpa ganjaran'.⁵² Petikan tersebut tentu sesuai dalam *Sejarah Melayu* yang menunjukkan amalan kemurahan raja dalam banyak keadaan. Pires menggelar pengikut ini sebagai *Celates*. Istilah tersebut mencerminkan kekuatan Melayu di bawah kepimpinan keluarga diraja Palembang. Apabila T'ai-tsu tidak lagi melindungi kepulauan tersebut dalam tahun 1377, penduduknya mempertahankan diri mereka. Kekuasaan pemimpin mereka teruji dengan berjayanya semasa di Singapura dan ketika pelarian ke Melaka.⁵³

Nyatalah bahawa Raja Iskandar Shah merupakan seorang raja yang istimewa. Beliau memiliki reputasi dan kuasa kepimpinan serta berjaya memimpin orang Melayu melalui satu dekad yang amat sukar. Ketepatan kronologi pemerintah Raja Iskandar Shah yang disesuaikan oleh ahli salasilah tidak seharusnya menimbulkan sebarang kehairanan. Apa yang menghairankan ialah nama beliau yang agak kabur dalam *Raffles MS. 18*. Tiada usaha yang khusus dibuat untuk menggambarkan sebagai seorang tokoh yang gagah.⁵⁴ Keterangan Pires tentang Raja Iskandar pula lebih realistik dan dramatik. Tokoh yang benar-benar gagah dan bukannya Iskandar. Penubuhan Singapura oleh Sri Tri Buana dihuraikan dengan kata-kata pujian yang sepatutnya layak diberi kepada pengasas negeri Melaka. Kontras dalam huraian tentang dua orang tokoh tersebut sangat istimewa. Ini memberi alasan kepada kita untuk mempersoalkan sama ada wujud sebarang hubungan yang istimewa di

antara kedua-dua orang raja ini.

Mula-mula kita akan memperhatikan kemungkinan bahawa ahli salasilah memperbesar kisah Sri Tri Buana yang ditiru daripada riwayat hidup Raja Iskandar. Walaupun pengunduran Sri Tri Buana dilakukan dengan rapi dan mulia jika dibandingkan dengan Raja Iskandar, namun kedua-dua raja tersebut mempunyai pengalaman yang sama. Kedua-dua mereka menikmati kelebihan yang sama dari tapak alternatif di kepulauan Riau yang menggalakkan. Kedatangan Sri Tri Buana dijangka oleh Raja Perempuan Bentan. Kepulauan Riau menjadi saksi kepada *pertemuan* yang penting di antara Palembang dengan kepulauan Melayu. Menurut Pires, Raja Iskandar juga mempunyai pengaruh di kepulauan tersebut. Penempatan Raja Iskandar bukannya hasil daripada perancangan jangka panjang. Raja Iskandar sekadar mencari sebuah tapak baru yang sesuai. Penempatan Sri Tri Buana di Singapura selepas meninggalkan Palembang untuk 'melihat laut' juga merupakan kejadian kebetulan. Dalam ekspedisi perburuan, Sri Tri Buana terlihat pulau Singapura secara sepintas lalu buat pertama kalinya. Selepas mendarat dan membuat keputusan untuk menetap di Singapura, maka Sri Tri Buana pun meminta Raja Perempuan Bentan untuk menghantar orang dan binatang kepadanya. Ini kerana Sri Tri Buana bercadang untuk mengasaskan ibu kota barunya di Singapura. Walaupun berlaku pemindahan secara besar-besaran dari Palembang, namun Sri Tri Buana masih memerlukan pengukuhan. Raja Iskandar pula membuat keputusan untuk mengasaskan ibu kota beliau di Melaka bukan disebabkan oleh hasil daripada perhitungan yang rapi. Akan tetapi, sebenarnya Raja Iskandar sedang memburu di sungai Bertam dan tertarik kepada tempat tersebut. Di sini, terdapat kesamaan di antara penjelasan yang panjang lebar tentang ekspedisi Sri Tri Buana dengan peristiwa yang dialami oleh Raja Iskandar. Ini mengusulkan kemungkinan bahawa ahli salasilah mereka dongeng berdasarkan peringatan Raja Iskandar untuk mengesahkan Sri Tri Buana dengan sifat yang tidak dilambangkan kepada Raja Iskandar.

Terdapat persamaan yang seterusnya di antara kedua-dua raja. Kedua-duanya mempunyai hubungan dengan sistem kehidupan pentad-biran. Semasa di Palembang, Sri Tri Buana mengasaskan angkatan sukarela yang terdiri daripada belia bangsawan. Sementara itu, Raja Iskandar di Melaka pula melantik pemuda yang berketurunan daripada keluarga mulia sebagai budak suruhan raja. Dalam pemerintahan pengganti Sri Tri Buana, Singapura sudah mempunyai hierarki pentad-biran yang lengkap termasuk lima orang menteri dan juga bentara. Raja

Iskandar di Melaka pula menyaksikan perlantikan empat orang menteri dan juga bentara. Di Singapura, ketua menteri mengadakan pertemuan rasmi bagi pihak raja. Di Melaka pula, ketika pemerintahan Raja Iskandar, para menteri hadir dalam dewan orang ramai untuk mengadakan soal jawab. Corak penjelasan tentang kedua-dua raja tersebut nampaknya sama.

Kedua-dua Sri Tri Buana dan Raja Iskandar Shah mempunyai prestij yang tinggi di kepulauan. Kedua-duanya meninggalkan Palembang dan memperkukuh kedudukan mereka di Temasik. Kedua-duanya juga mempunyai hubungan dengan institusi susunan pentadbiran dengan ciri yang sama. Dengan demikian, kita mungkin mula meragui bahawa setengah-setengah butir tentang kehidupan dongeng Sri Tri Buana ditiru daripada riwayat hidup Raja Iskandar.

Sekiranya kesangsian ini mempunyai asas yang kukuh, maka aspek seterusnya tentang asas negeri Melaka akan menjadi lebih jelas. Adalah berkemungkinan bahawa Raja Iskandar mencapai kedewasaannya pada bahagian kedua abad ke-14.⁵⁵ Perkahwinan beliau dengan puteri Jawa pada umur yang masih muda lagi, seperti yang dinyatakan oleh Pires, mungkin merupakan perkahwinan politik. Perkahwinan tersebut berlaku ketika tuntutan kekuasaan Jawa ke atas raja Sumatera sedang diperkuatkan. Sekiranya perkahwinan tersebut berlaku, maka ia menjadi alasan kepada tumpuan utama kerajaan Majapahit untuk menjamin ketaatan Palembang. Namun demikian, tahun 1370-an memperlihatkan perkembangan lapangan politik dan ekonomi Palembang. Utusan pada tahun 1374 menunjukkan bahawa raja Palembang berhasrat untuk merebut peluang yang ditawarkan oleh T'ai-tsu dalam usaha memulihkan semula perdagangan ufti. Reaksi Jawa terhadap permintaan raja Melayu ke atas perlindungan Palembang dalam tahun 1377 tidak membawa kepada serangan tentera ke atas Palembang. Sebaliknya pula, kekuasaan memusat dalam masyarakat kelautan Melayu kini mula memihak kepada keluarga diraja Palembang. Jadi, apabila Raja Iskandar menggantikan bapanya, beliau terus menikmati pengaruhnya di kepulauan itu. Pada penghujung tahun pemerintahannya yang ketiga di Palembang iaitu tidak lama selepas kemangkatan Hayam Wuruk, Raja Iskandar membuat keputusan untuk memberontak. Beliau dikalahkan dan diusir dari ibu kotanya. Namun demikian, Raja Iskandar tetap mendapat sokongan daripada pengikutnya. Di bawah kepimpinan Raja Iskandar, orang Melayu berjaya mengatasi kesukaran pada tahun 1390-an. Seperti yang kita usulkan, akhirnya mereka berjaya mendapat tapak perlindungan di Melaka dalam tahun 1400-1. Asas perpaduan

Melayu tertanam. Melaka pula tentu bersedia untuk terus berkembang terutamanya dalam awal abad yang ke-15, apabila Maharaja Yung-lo menunjukkan minat terhadap kerajaan baru ini.

Seseorang dapat mempercayai bahawa riwayat hidup Raja Iskandar diperingati oleh orang Melayu sebagai kejayaan yang amat istimewa. Kehilangan dua ibu kota tidak melenyapkan hasrat beliau untuk membina ibu kota yang ketiga. Jadi, tidak hairan sekiranya penyusun menganggap sesuai untuk meminjam butir-butir pengalaman Raja Iskandar bagi menjadikan watak Sri Tri Buana sebagai seorang tokoh yang berpengaruh dan gagah.⁵⁶ Malah, setengah-setengah butirnya dapat mencerminkan sifat yang ingin dilambangkan oleh penyusun ini kepada Raja Iskandar seperti gambaran yang jelas tentang pengunduran Sri Tri Buana dari Palembang dan catatan perjalanan beliau ke Temasik. Namun demikian, kita harus ingat bahawa pokok perbicaraan dalam bahagian awal *Raffles MS. 18* sentiasa menyentuh kedaulatan moyang Raja Iskandar. Pengesahan kedaulatan tersebut selalunya dibuktikan oleh Sri Tri Buana, Sri Tri Buana yang dikatakan meninggalkan Palembang dan bukannya Raja Iskandar. Beliau meninggalkan Palembang bukan sebagai seorang pelarian. Sebaliknya, Sri Tri Buana pergi melihat laut dan seterusnya mengasaskan ibu kota yang baru.⁵⁶ Beliau membuat keputusan untuk meninggalkan Palembang secara sukarela tidak lama selepas kehadirannya di Singapura. Ini bermakna pengganti Sri Tri Buana di Singapura termasuk Raja Iskandar secara sendirinya mengekalkan kekuasaan mereka ke atas kedua-dua Palembang dan Singapura. Saudara muda kepada Demang Lebar Daun dilantik untuk melindungi Palembang. Keterangan tersebut jelas menunjukkan bahawa penyusun menganggap Sri Tri Buana sebagai ketuanan Palembang dan juga pulau Singapura. Dalam *Raffles MS. 18* Raja Iskandar menikmati kekuasaan yang sama yang dijamin oleh Sri Tri Buana.

Akan tetapi, keadaan Raja Iskandar sangat berbeza. Dalam salasilah, status beliau sama dengan Sri Tri Buana. Namun dalam realiti, pelarian Raja Iskandar merendahkan statusnya kepada seorang ketua pulau yang kecil. Pertentangan amat besar. Dengan demikian, kita mempunyai alasan untuk mempersoalkan maksud yang terselindung di sebalik tajuk kesinambungan kedaulatan. Adakah ia bertujuan untuk menghalang pemerintahan Raja Iskandar daripada menjejaskan kedaulatan yang dinikmati oleh keluarga diraja Palembang? Sebenarnya, penyusun ini boleh menunjukkan bahawa Raja Iskandar yang sebenar di Singapura masih merupakan dipertuan wilayah tersebut

kerana Raja Iskandar daripada keturunan Sri Tri Buana. Dengan demikian, Raja Iskandar juga merupakan dipertuan Palembang dan Singapura meskipun terdapat perampasan kuasa Melayu. Tambahan pula, Raja Iskandar tidak perlu menetap di Palembang untuk memperoleh status tersebut. Jadi, Sri Tri Buana tentu dijemakan sebagai seorang raja yang unggul dalam sejarah Palembang sejak hujung abad ke-11. Dongeng beliau membolehkan Raja Iskandar dilihat sebagai waris terakhir kepada kerajaan Srivijaya-Palembang yang agung. Yang lebih penting ialah Sri Tri Buana melakonkan pemerintahan Raja Iskandar di Palembang. Ini bermakna Raja Iskandar meninggalkan Palembang, didongengkan sebagai 'Singapura', dengan kekuasaan yang setanding dengan Sri Tri Buana apabila Sri Tri Buana meninggalkan Palembang.

Sekiranya tafsiran kepada bab pendahuluan *Raffles MS. 18* betul, maka kita tidak perlu mengandaikan bahawa ahli salasilah cuba mempertahankan reputasi Raja Iskandar demi kepentingan beliau sendiri. Reputasi Raja Iskandar mungkin dipertahankan demi kepentingan kedaulatan raja Melayu yang kemudiannya. Walau bagaimanapun, kelebihan daripada rekaan dongeng Sri Tri Buana agak luas. Pembinaan Palembang oleh Jawa dapat disembunyikan. Buat kali keduanya, penyusun ini dapat mempertahankan reputasi kota Palembang. Ini kerana kita mengusulkan bahawa penyusun ini cuba mengelak daripada menyentuh perampasan kuasa oleh orang Tamil melalui dongeng Raja Glang Gui. Tambahan pula, sebagai seorang ahli salasilah raja Melaka, beliau juga dapat membuktikan bahawa Raja Iskandar tiba di Melaka dengan kekuasaan yang sama dengan Sri Tri Buana. Iaitu, ketika Sri Tri Buana mula memerintah di 'Singapura'. Ini merupakan kelebihan ahli salasilah untuk mereka dongeng. Matlamat dongeng tersebut adalah untuk memperkukuhkan kedudukan pengasas negeri Melaka dan seterusnya pengganti pengasas sebagai raja yang sejati. Dalam *Raffles MS. 18*, kedaulatan selalunya dihuraikan berdasarkan kekuasaan keluarga diraja Palembang. Dengan demikian, boleh dikatakan sudah terlaksana kewajipan ahli salasilah.

Kelebihan ini tentu penting sekiranya kita mempercayai bahawa untuk ahli sejarah raja, salasilah digunakan untuk melahir dan mempertahankan dakwaan raja sebagai seorang pemerintah yang terjamin. Kelebihan tersebut tentu amat penting kepada ahli salasilah yang perlu menerangkan riwayat hidup Raja Iskandar. Ini kerana untuk beberapa tahun, Raja Iskandar jauh untuk menjadi seorang pemerintah yang terjamin.

Sebelum kita menguji kemungkinan tersebut, cuba kita ingatkan semula dua ciri yang nyata dalam teks. Raja Iskandar iaitu pengasas negeri Melaka digambarkan dengan ungkapan-ungkapan ganjil yang kabur. Keduanya, ahli salasilah mengkaji semula *Sejarah Melayu* dari abad ke-11 sehingga penghujung abad ke-14. Ciri pertama ini mungkin membayangkan kebingungan ahli salasilah terhadap nasib Raja Iskandar yang malang. Akan tetapi, ciri yang kedua pula memerlukan kita mengemukakan dua soalan. Bilakah ingatan tentang peristiwa lampau ini dikutip? Mengapakah kajian semula sejarah menjadi suatu tradisi dalam pentadbiran Melayu?

Ahli salasilah hidup di Melaka dalam abad ke-15 atau di Johor dalam abad ke-16. Sebagai usaha menghormati kesusasteraan ahli salasilah, mungkin mencatatkan ingatan lampau melalui kesusasteraan untuk menyembunyikan kedua-dua ketuanan Melayu dan pelarian Raja Iskandar dari Palembang. Sekiranya ini merupakan penjelasan, maka ini bermakna kita berhadapan dengan pengubahan kesusasteraan yang cekap dan bebas oleh ahli sejarah istana. Akan tetapi, penjelasan yang alternatif juga dapat diberi. Pengkajian semula sejarah berkemungkinan membayangkan kecenderungan istana Melayu pada masa Raja Iskandar. Kecenderungan ini kemudiannya diserapkan oleh ahli salasilah ke dalam riwayat tentang masa pra-Melaka. Sekiranya penjelasan yang kedua benar, maka ahli salasilah memang mengetahui bahawa Raja Iskandar yang sebenar menolak ketuanan Melayu. Raja Iskandar juga menegaskan bahawa paksaan pengunduran dari Palembang ke atas beliau tidak mengurangkan kekuasaannya. Jadi, boleh dikatakan bahawa Raja Iskandar sendiri yang membuat dakwaan kepada masa lampau. Ahli salasilah cuma memenuhi dakwaan tersebut dengan mereka dongeng masa lampau yang unggul dalam watak Sri Tri Buana.

Terdapat kemungkinan bahawa watak Sri Tri Buana ditiru daripada Raja Iskandar. Dengan mengambil kira hal tersebut, kita akan mengkaji dengan lebih terperinci tentang peranan Sri Tri Buana semasa berada di Palembang. Peranan beliau di sana terdiri daripada dua fasa yang berbeza. Yang pertama tentang kemunculan beliau dan sambutan rakyat ketika itu terhadapnya sebagai raja mereka. Peristiwa ini membolehkan ahli salasilah mengkaji semula sejarah ketuanan Melayu untuk membuktikan kedaulatan raja Palembang meskipun berlaku peristiwa tertentu dalam abad ke-11. Jelas terbukti bahawa Sri Tri Buana sememangnya seorang pemerintah.⁵⁷ Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna peranannya di Palembang sudah tamat. Sekarang

dengan sendirinya, jelas terbayang yang fasa kedua amat penting. Walaupun sesudah menjadi pemerintah, Sri Tri Buana masih membuat ikatan janji dengan Demang Lebar Daun dan mendapat jaminan ketaatan darinya. Seterusnya, beliau melangsungkan perkahwinannya dan mengadakan upacara besar-besaran. Kemudiannya Sri Tri Buana membuat keputusan 'untuk pergi melihat laut' dan akhirnya mengadakan sebuah ibu kota yang baru. Fasa yang kedua ini amat penting kerana upacara tersebut. Upacara beliau didahului dengan pertunjukan dan penggunaan 'lambang kebesaran'. Ia mencapai kemuncaknya apabila Sri Tri Buana dan pengantin perempuan bersila di atas 'singgahsana bersalut emas'.⁵⁸ Takhta tersebut bukan sebarang takhta. Hanya nenek yang bersifat kedewaan kepada Wuruk Hayam iaitu Rajapatni serta Wuruk Hayam sendiri sahaja yang memiliki takhta tersebut.⁵⁹ Ini merupakan satu-satunya peristiwa dalam *Raffles MS. 18* yang menggunakan istilah *singgahsana*.⁶⁰ Upacara pertabalan yang penuh istiadat ini diserikan lagi apabila mahkota diraja dipakaikan kepada raja dan permaisuri oleh bentara. Kemudiannya jubah kehormatan dianugerahkan kepada pembesar.

Kini, satu lagi persamaan yang penting di antara Sri Tri Buana dengan Raja Iskandar dapat dikaitkan. Pada masa pemerintahan mereka yang singkat di Palembang, kedua-dua raja tersebut ditabalkan sebanyak dua kali sebagai raja. Dalam kedua-dua kejadian tersebut, peristiwa yang kedua lebih penting dan berlaku tidak lama sebelum kedua-dua raja meninggalkan ibu kota. Raja Iskandar menggantikan bapanya sebagai raja tempatan di Palembang. Namun demikian, sudah tentu tidak ada misalan yang menakjubkan menandakan peristiwa tersebut. Tambahan pula, pada hari sebelum keberangkatan beliau dari Palembang, Raja Iskandar seperti juga Sri Tri Buana mengadakan suatu upacara. Maklumat ini diperoleh daripada Pires dan bukannya ahli salasilah. Raja Iskandar memberontak terhadap Jawa dan menukar namanya.⁶¹ 'Penukaran nama' tersebut bukannya suatu perkara yang umum. Upacara *abhiseka* diadakan dengan berlangsungnya istiadat pertabalan dan diikuti pula oleh pemakaian nama baru oleh Raja Iskandar. Nama baru tersebut menghubungkan beliau kepada Tuhan. Persamaan di antara pertabalan kedua-dua raja tersebut yang diikuti pula oleh upacara pertabalan nampaknya terlalu serupa untuk dianggap sebagai suatu kebetulan semata-mata. Kami mengusulkan bahawa upacara *abhiseka* Raja Iskandar mengilhamkan penjelasan yang panjang lebar tentang upacara pertabalan Sri Tri Buana sebelum Raja Iskandar meninggalkan Palembang. Peringatan tersebut disalin ke

dalam sejarah dongeng Sri Tri Buana.

Sekarang kita akan memperluas lagi huraian ringkas riwayat hidup Raja Iskandar seperti yang dicuba dalam bab ini semasa kita berusaha menentukan kronologi pemerintahan Raja Iskandar. Selepas memerintah untuk hampir tiga tahun di Palembang, Raja Iskandar membuat keputusan untuk mengisytiharkan dirinya sebagai dipertuan Melayu. Lalu beliau mengadakan upacara khas untuk maksud ini. Seperti yang dinyatakan oleh Pires, Raja Iskandar bukan sahaja menganggap dirinya sebagai memberontak terhadap Jawa. Malah juga menganggap yang beliau menghidupkan kembali tuntutan kepemimpinan Palembang yang lama terpendam di dunia kelautan. Di Sumatera, kedaulatan merupakan milik yang amat dihargai pada penghujung abad ke-14. Tidak lama dahulu pengganti Raja Adityavarman, meminta perlindungan daripada T'ai-tsu untuk memperkukuhkan kekuasaannya. Raja Majapahit bersedia untuk menentang T'ai-tsu bagi mempertahankan tuntutan beliau terhadap ketaatan Melayu. Apabila orang Jawa mendengar bahawa 'Raja Iskandar menukar namanya', mereka menganggap tindakan Raja Iskandar sebagai suatu pemberontakan dan menolak semua tuntutan musuh termasuk tuntutan Jawa.

Raja Iskandar mengumpukan pengikut Melayu dengan menjanjikan ganjaran untuk mereka yang menunjukkan ketaatan. Ini dilakukan tidak lama sebelum Raja Iskandar diusir dari Palembang. Pada masa itu, Raja Iskandar juga mengadakan suatu upacara yang menakjubkan. Peristiwa tersebut menjadi konteks untuk kita mempertimbangkan rujukan *Raffles MS. 18* kepada orang Tamil tidak lama sebelum kemunculan Sri Tri Buana. Pada masa upacara *abhiseka*, Raja Iskandar sudah tentu menerangkan keadaan sebenar tuntutan raja yang didakwanya pada masa itu. Raja Iskandar perlu merujuk kepada keagungan Palembang kuno sebagai sebab kepada tindakannya. Pengkajian semula sejarah oleh Raja Iskandar dan juga upacara pertabalan beliau dimasukkan ke dalam salasilah. Kemudiannya, rujukan salasilah kepada orang Tamil membolehkan kita mempercayai bahawa tuntutan musuh yang sungguh-sungguh ditolak oleh Raja Iskandar sebenarnya wujud sejak abad ke-11 lagi. Ia juga merupakan hasrat kepada raja Sumatera iaitu pemerintah Melayu yang schaluan. Upacara tersebut dan penolakan kekuasaan masa lampau merupakan titik permulaan kepada cerita Sri Tri Buana. Pemerintahan Sri Tri Buana di Palembang membolehkan ahli salasilah mengabaikan status sebenar Raja Iskandar iaitu seperti pada masa pertabalan Raja Iskandar di Palembang dan akibat yang serta-merta kepada upacara *abhisekanya*.

Apabila orang Jawa mendengar tentang peristiwa yang berlaku, tindakan mereka sama seperti yang dikenakan terhadap raja-raja Melayu yang meminta perlindungan maharaja Ming. Namun demikian, reaksi mereka kali ini lebih tegas lagi, Mereka membinasakan Palembang dan mengusir Raja Iskandar. Situasi Raja Iskandar pada masa tersebut agak istimewa. Keazaman Raja Iskandar untuk mengasas sebuah ibu kota wilayah yang baru di kepulauan tersebut berkeungkinan besar tidak pernah berlaku dalam sejarah Sumatera selatan. Kepulauan itu jauh dari pantai Sumatera yang menjadi tumpuan *Sejarah Melayu* untuk masa seribu tahun. Kini, kita memang mengenali benar empayar Melaka dan Johor di semenanjung sejak dari abad ke-15 sehingga abad ke-17. Akan tetapi, dalam abad ke-14 tentu tidak dapat dibayangkan andaian bahawa sebuah negeri subordinat dalam dunia Melayu, suatu hari nanti akan menjadi pusat kepada pemerintahan Melayu. Lebih-lebih lagi negeri tersebut di bawah pemerintahan seorang raja pelarian. Peranan pulau ini, berlatarkan budaya pedalaman, ialah untuk membekalkan panglima perang dan angkatan laut kepada dipertuan Sumatera yang memberi ganjaran lumayan.

Namun demikian, Raja Iskandar berjaya mengatasi kesulitan tersebut. Dongeng riwayat hidup Sri Tri Buana menunjukkan bagai mana Raja Iskandar berjaya berbuat demikian. Raja Perempuan Bentan dikatakan mengakui Sri Tri Buana sebagai dipertuan atas disebabkan oleh tuntutan. Raja Bentan dalam tahun 1391-2 juga mengetahui upacara keagamaan yang istimewa diadakan di Palembang dan tuntutan yang didakwa oleh Raja Iskandar. Upacara tersebut tentu merupakan peristiwa yang menakjubkan dalam dekad terakhir pada abad ke-14. Walau bagaimanapun, Raja Iskandar terpaksa mengulangi tuntutan beliau dengan lebih tegas untuk mendakwa dirinya sebagai dipertuan wilayah itu dan bukan sebagai ketua pulau Singapura, Raja Iskandar berhasrat menjadikan Singapura sebagai ibu kotanya yang tetap. Ini kerana beliau tidak menjangka bahawa dirinya akan diusir oleh orang Thai. Raja Iskandar juga memerlukan sokongan yang berterusan daripada pengikutnya dari Palembang⁶² dan juga penduduk pulau itu. Dengan demikian, soal kedaulatan pada masa tersebut lebih mendesak dari sebelumnya. Sebagai seorang penulis yang selalu meyakinkan Pires menghuraikan bagaimana Parameswara = Raja Iskandar semasa di Melaka mengurniakan pengikutnya dengan 'anugerah kehormatan' dan kedudukan yang mulia.⁶³ Hanya jubah kehormatan daripada pemerintah yang menjadi harapan sebagai balasan kepada janji terhadap ketaatan. Prospek perlindungan dan memperbanyakkan anugerah merupakan

saluran utama kepada kekuasaan Raja Iskandar buat masa itu. Kita dapat mempercayai bahawa seruan beliau kepada sokongan dan tuntutan yang berasaskan dakwaan boleh dikatakan mencapai segala-galanya dalam dunia kelautan Melayu.

Dakwaan Raja Iskandar kepada sejarah akhirnya diakui dalam bahagian salasilah *Sejarah Melayu*. Cerita tentang Sultan Iskandar Zulkarnain yang terkandung dalam salasilah datang kemudian bersama agama Islam. Akan tetapi, cerita Singapura berdasarkan peristiwa dalam tahun 1390-an. Di antara tahun 1392 dengan 1398, Raja Iskandar yang berada di Singapura berjaya mengatasi krisis pada masa itu. Beliau juga mula menikmati ganjaran daripada keazamannya dengan tidak membiarkan tuntutan dan harapannya dilemahkan oleh kesulitan tersebut. Ini tentu menjadi alasan kepada keputusan ahli salasilah untuk menggunakan saluran 'sejarah Singapura' bagi mempertahankan tajuk kedaulatan yang berterusan.

Pemerintahan Sri Tri Buana di Palembang ditiru daripada pemerintahan Raja Iskandar di sana. Peristiwa utama yang digunakan sebagai asas kepada dongeng ini ialah tentang dua upacara pertabalan Raja Iskandar. Dalam peristiwa yang kedua iaitu upacara pertabalan sebagai dipertuan Melayu, Raja Iskandar membuat dakwaan kepada sejarah. Dakwaan tersebut membangkitkan dongeng pertabalan Sri Tri Buana sebagai memenuhi dakwaan Raja Iskandar dengan menghapuskan cerita perampasan kuasa Malayu-Jambi daripada rekod *Sejarah Melayu*.⁶⁴ Akibatnya, Raja Iskandar menjadi ketua keluarga diraja Palembang yang terakhir sebagai dipertuan pada masa pertabalannya. Tidak perlu ditonjolkan pertabalan Raja Iskandar pada hari sebelum pengusirannya dari Palembang. Peranan beliau diganti oleh Sri Tri Buana yang sesudah itu 'pergi melihat laut' dan seterusnya mengasaskan negeri Singapura.

Terdapat dua persoalan yang masih perlu dipertimbangkan. Dengan mengkaji dongeng Sri Tri Buana, dapatkah kita mengumpulkan maklumat tambahan berkenaan *Sejarah Melayu* yang sebenar pada penghujung abad ke-14? Keduanya, bila dan mengapakah *Sejarah Melayu* abad ke-14 direka semula sebagai asas kepada salasilah raja Melaka supaya dapat diterima? Mula-mula kita akan mengkaji sekali lagi pemerintahan Sri Tri Buana di Palembang. Kita juga perlu mendapatkan seorang raja yang hidup sezaman dengan Raja Iskandar yang kagum dengan upacara pertabalan Raja Iskandar, peringatan yang dihidupkan dalam dongeng Sri Tri Buana. Kepentingan upacara pertabalan Raja Iskandar tersebut kemudiannya akan membolehkan kita

mempersoalkan tentang bilakah masa yang dianggap sesuai oleh ahli salasilah. Ini akan mendorong kita untuk mempertimbangkan status asal salasilah. Adakah ia sentiasa merupakan sebahagian daripada jenis kronologi *Sejarah Melayu* yang termasuk seluruh sejarah Melaka? Alternatifnya, adakah pada asalnya salasilah tersebut merupakan salasilah persendirian yang ditulis untuk raja yang sedang memerintah? Kemudiannya, salasilah tersebut disalin semula ke dalam bahan yang berkaitan dengan sejarah Melaka selepas kemangkatan raja yang mengarahkan penyusunan salasilahnya.

BAB 8

AHLI SALASILAH DAN BODHISATTVA

Upacara permahkotaan Raja Iskandar pada masa pertabalan beliau di Palembang dan upacara pertabalannya pada hari sebelum pengusirannya mengilhamkan dongeng Sri Tri Buana. Seperti yang kita usulkan, dongeng Sri Tri Buana adalah sambutan ahli salasilah kepada dakwaan Raja Iskandar terhadap sejarah dan juga pengganti kepada Raja Iskandar. Untuk memperoleh lebih maklumat tentang Raja Iskandar, kita harus mengkaji dongeng Sri Tri Buana.

Kemunculan Sri Tri Buana merupakan alasan untuk ahli salasilah menyentuh tentang Palembang buat pertama kalinya. Pada ketika itu, Demang Lebar Daun yang berketurunan Raja Shulan sedang memerintah di Palembang. Riwayat tersebut berakhir dengan keterangan tentang keturunan Raja Iskandar Zulkarnain yang agung dan kini, beralih pula kepada kerajaan Sumatera.

Ahli salasilah memberi tumpuan yang utama kepada pengukuhan identiti Sri Tri Buana sebagai raja Sumatera. Ahli salasilah memilih untuk berbuat demikian melalui cara yang istimewa. Mula-mulanya, Sri Tri Buana terjumpa dua orang janda. Beliau membetulkan anggapan kedua-dua janda yang menyangkakannya sebagai seorang jin yang kecil. Sri Tri Buana membuktikan kedudukan beliau melalui mahkotanya iaitu lambang kepada keturunan Raja Iskandar Zulkarnain. Harus diperhatikan bahawa Sri Tri Buana memperkuatkan kenyataannya dengan mengingatkan janda tersebut kepada padi mereka yang kini berbuah emas, berdaun perak dan bertangkai emas serta puncak gunung juga bertukar kepada emas. Keajaiban tersebut berlaku pada malam

sebelumnya dan terdahulu daripada kemunculan Sri Tri Buana. Sinaran keemasan sebegitu terang sehingga menerangi sepanjang malam tersebut dan menakutkan kedua-dua janda ini. Dua petanda kedaulatan Sri Tri Buana yang didakwaanya memadai untuk meyakinkan kedua-dua janda. Selepas peristiwa tersebut, Sri Tri Buana dengan serta-merta diisytiharkan sebagai raja Palembang.

Yang menarik ialah petanda kedaulatan Sri Tri Buana juga merupakan lambang bodhisattva, Raja Avalokitesvara, yang dikenali di tanah Besar Asia Tenggara sebagai 'Lokesvara' iaitu 'Raja Segala Alam'. Dalam *Hikayat Iskandar*, versi Melayu, Sultan Iskandar Zulkarnain memiliki mahkota dua permata.¹ Akan tetapi, ikonografi Raja Avalokitesvara memperlihatkan mahkota permata yang jauh lebih banyak dan pelbagai.² Ini lebih sepadan dengan mahkota Sri Tri Buana yang bertatahkan segala jenis batu permata.³ Namun demikian, alasan yang lebih munasabah untuk mempercayai bahawa ahli salasilah sengaja menimbulkan lambang bodhisattva yang ditunjukkan melalui petanda lain. Sri Tri Buana merujuk kepada petanda ini sehingga akhirnya berjaya meyakinkan kedua-dua janda tersebut. Petanda yang dimaksudkan ialah bumi di atas puncak bukit bertukar kepada warna keemasan yang sebegitu berkilauan sehingga menerangi alam pada malam hari. Sebaik sahaja janda tersebut melihat Sri Tri Buana dan sebelum mereka bercakap dengan beliau, mereka sudah menyangka yang Sri Tri Buana bertanggungjawab terhadap kejayaan tersebut. Namun demikian, setelah mereka bercakap dengannya barulah mereka sedar bahasa Sri Tri Buana bukan seorang jin yang kecil tetapi raja mereka.⁴ Sinaran bercahaya yang diukur daripada segi kekilauan emas merupakan lambang bodhisattva yang umum dalam teks Mahayana. Akan tetapi, sinaran Raja Avalokitesvara tidak bersifat pasif. Menurut *Karandavyuha sutra*, sinaran beliau memancar dari alam nerak yang terindah sehingga menerangi Jetawana.⁵ Teks yang sama juga menggambarkan pancaran sinaran yang lebih hebat lagi. Sekalipun bodhisattva berada di dalam neraka yang terendah, namun sinaran Raja Avalokitesvara dapat menukarkan seluruh kota Sravasti di timur laut India kepada warna keemasan.⁶

Ahli salasilah juga memberi satu lagi persamaan di antara Raja Avalokitesvara dengan Sri Tri Buana. Janda yang lurus hati tersebut semasa memikirkan Sri Tri Buana sebagai *jin*, mempercayai bahawa Sri Tri Buana diturunkan dari syurga. Sri Tri Buana mengakui bahawa dirinya diturunkan di atas bukit itu. Walaupun demikian, rakyat Palembang tertarik dengan penurunannya dari Bukit Seguntang

Mahameru, bukit Palembang. Berita tersebut tersebar dengan pantas dan rakyat ingin sekali mengakui beliau sebagai raja mereka. Jadi sesudah itu, Sri Tri Buana dikenali sebagai raja 'dari Bukit Seguntang'.⁷ Dengan demikian, reputasi beliau bergantung kepada kaitannya dengan Bukit Seguntang. Ini bererti rakyat mengakui Sri Tri Buana sebagai raja mereka bukan kerana keturunannya ataupun asalnya dari laut.⁸ Akan tetapi, ia disebabkan oleh kemunculan Sri Tri Buana dari atas bukit yang lazimnya dianggap oleh rakyat sebagai tempat kediaman raja yang suci. Bukit Seguntang juga merupakan tempat kediaman bodhisattva dan sinaran kedewaannya yang paling terang menyinari seluruh puncak bukit tersebut dengan warna keemasan yang menakjubkan. Kepada penduduk Palembang, bukit Seguntang ialah gunung suci Potal itu tempat kediaman Raja Avalokitesvara sebagai raja. Raja Avalokitesvara memakai lima pita pengikat yang menjadi lambang kekuasaan.⁹ Di atas gunung ini, Raja Avalokitesvara dilambangkan sebagai dikelilingi oleh Jinas lima mata angin utama yang merupakan satu lagi lambang kedaulatan.¹⁰ Apabila Sri Tri Buana yang bersifat kedewaan turun dari istananya, beliau dikatakan menaiki gajah yang merupakan satu lagi petanda cakravartin.

Sri Tri Buana muncul sebagai penjelmaan bodhisattva. Hubungan ini menerangkan satu lagi ciri ketuanan Melayu pada masa depan. Janda tersebut dikatakan terlihat seorang pemuda yang amat lawa dengan memakai pakaian diraja. Utusan Raja Perempuan Bentan menegaskan bahawa mereka terlihat seorang budak lelaki yang 'sangat muda'. Dalam bab yang terdahulu, terdapat andaian bahawa Sri Tri Buana muncul ketika berumur lima belas tahun. Umur tersebut sesuai dengan seseorang yang bermatlamat gagah berani yang dijangka akan memulakan cabaran hidup mereka. Andaian ini menunjukkan bahawa 'sejarah Singapura' bermula ketika Palembang menjadi jajahan Malayu-Jambi.¹¹ Umur Sri Tri Buana dan alasan kepada usia beliau yang muda kini dapat dijelaskan dengan lebih tepat lagi. Di atas gunung Potala, Raja Avalokitesvara yang dikenali sebagai 'Lokesvara', iaitu 'Raja Segala Alam' juga mempunyai 'aspek umur enam belas tahun'.¹² 'Aspek' Lokesvara tersebut diambil untuk pertimbangan dalam penyusunan kronologi bagi tempoh masa yang bersamaan dengan abad ke-11.

Status kesaktian Sri Tri Buana memberi pengertian yang penting kepada *Sejarah Melayu* dalam tahun 1390-an. Watak Sri Tri Buana sebagai seorang raja yang unggul mereka semula masa lampau yang didakwa oleh Raja Iskandar sebagai asas kepada tuntutan kedaulat-

annya. Di samping itu, Sri Tri Buana juga melakonkan pemerintahan Raja Iskandar di Palembang. Peranan tersebut terkandung dalam dua fasa pemerintahan Sri Tri Buana di Palembang. Mula-mula, Sri Tri Buana diakui sebagai raja. Kemudiannya, beliau membuat ikatan janji, melangsungkan perkahwinannya dan mengadakan upacara pertabalan dengan penuh istiadat dan akhirnya meninggalkan Palembang. Dalam fasa yang kedua, kemuncaknya ialah upacara pertabalan. Upacara tersebut lebih penting berbanding dengan keberangkatan beliau yang berikutnya. Jadi, pertabalan kedaulatan Sri Tri Buana yang kedua di Palembang merupakan upacara *abhiseka* Raja Iskandar pada akhir pemerintahannya di Palembang. Peringatan tersebut tercatat dalam *Suma Oriental*. Kesimpulannya adalah ahli salasilah menganggap peristiwa ini sebagai peristiwa yang penting sebelum Raja Iskandar meninggalkan Palembang.

Upacara permahkotaan dewasa pertabalan Raja Iskandar disembunyikan melalui dongeng Sri Tri Buana. Upacara tersebut jauh lebih mengkagumkan daripada pertabalan Raja Iskandar semasa beliau mengambil alih takhta bapanya sebagai taklukan Jawa. Raja Iskandar terpaksa pula meminta perlindungan daripada dipertuan Jawa. Peristiwa yang kedua berlaku pada hari sebelum tindakan yang rumit dan penting diambil iaitu menolak semua tuntutan musuh ke atas kedaulatan Sumatera. Upacara ini sudah pasti diadakan dalam bentuk istiadat keagamaan untuk menyokong pengisytiharan kemerdekaan Raja Iskandar melalui dakwaan kuasa kesaktiannya yang khusus. Ahli salasilah memenuhi dakwaan sejarah Raja Iskandar melalui bodhisatva. Jadi, kita dapat mempercayai bahawa status Raja Iskandar yang baru setanding dengan status yang dilambangkan kepada bayangannya, Sri Tri Buana. Sifat kedewaan Sri Tri Buana diperlihatkan buat pertama kalinya ketika kemunculan beliau yang menakjubkan. Seperti yang digambarkan melalui Sri Tri Buana, singgahsana yang diwarisi pada masa itu oleh Raja Iskandar bukanlah sebarang takhta. Tersebut merupakan suatu benda dalam ikonografi¹³ Raja Avalokitesvara dan juga suatu lambang diraja dari 'petanda tetap yang merujuk kepada simbolisme diraja Raja Avalokitesvara'.¹⁴ Dalam latar belakang kepada upacara Raja Iskandar di Palembang, takhta tersebut adalah takhta Lokesvara.

Kenyataan Pires memastikan bahawa upacara ini merupakan upacara yang amat penting sekali. Beliau menyatakan bahawa orang Jawa menjadi amat marah apabila mereka mendengar yang raja Palembang 'menukar nama beliau dan memanggil dirinya *Mjcura* yang

bermakna "Bebas"'.¹⁵ 'Bebas' mencerminkan apa yang dianggap oleh Pires sebagai keistimewaan upacara pertabalan. Ini bermakna raja Palembang tidak lagi menganggap dirinya terbatas kepada ikatan penjajahan. Akan tetapi, nama *Mjcura* menyembunyikan suatu nama yang berkaitan dengan upacara pertabalan. Nama tersebut mungkin merupakan suatu penyalahgunaan kepada nama Mahesvara', Raja Siva, iaitu 'Raja yang Agung'. Nama *Mjcura* juga merupakan suatu aspek Lokesvara.¹⁶ Berkemungkinan besar bahawa nama tersebut merujuk kepada nama yang dipakai oleh raja Palembang pada masa itu. Sekiranya hal ini benar, maka nama *Mjcura* mungkin merupakan suatu kekeliruan kepada nama 'Parameswara', iaitu 'Raja yang Unggul'. Nama tersebut digunakan oleh Pires untuk pengasas Melaka dan juga oleh Parameswara sendiri dalam hubungannya dengan Maharaja *Yung-lo*.¹⁷ Jadi, tidaklah hairan apabila orang Jawa menyerang Palembang setelah mereka mendengar yang Raja Iskandar menukar namanya. Mereka memang mengetahui bahawa upacara khas tersebut diadakan dan juga benar-benar memahami sifat dan maksud upacara itu.

Nama 'Sri Tri Buana' dan 'Parameswara' merupakan nama-nama Siva.¹⁸ Akan tetapi, lama sebelum kemunculan Raja Iskandar sekalipun, Raja Avalokitesvara iaitu raja bodhisattva dan sumber kecerdasan telah pun menggunakan lambang Siva.¹⁹ Ini merupakan hasil daripada evolusi Mahayana. Istiadat kepada upacara pertabalan Raja Iskandar adalah Sivaite-Buddhis. Raja Iskandar menaiki singgahsana dan mengisytiharkan diri beliau sebagai penjelmaan Raja Lokesvara, 'Raja Segala Alam' dan Lokesvara adalah nama Raja Avalokitesvara yang dikenali di Asia Tenggara. *Raffles MS. 18* menyatakan bahawa sesudah Sri Tri Buana menaiki takhta, suatu tengkolok khas dengan lima perhiasan dipakai atas kepala beliau.²⁰ Tengkolok tersebut mempunyai nama misteri iaitu *sis*. Dalam ikonografi Buddhis, tengkolok tersebut bersamaan dengan *pancacira*. *Pancacira* adalah 'lima jalur pita pengikat' pada patung Raja Avalokitesvara yang tertentu yang melambangkan raja muda bodhisattva dengan singgahsananya. Dalam kesenian Nepal dan Tibet yang kemudian, tengkolok tersebut nampaknya mengambil alih tempat mahkota.²¹ Mahkota asal Sri Tri Buana mungkin merupakan mahkota Raja Iskandar Zulkarnain. Namun demikian, Sri Tri Buana pada masa ini diperlihatkan dengan sepenuhnya sebagai bodhisattva. Jadi, Sri Tri Buana dan Raja Iskandar dipertingkatkan sebagai raja yang bersifat kedewaan. Mahkota Sri Tri Buana tidaklah begitu diperlukan sehingga boleh dibuang ke dalam laut di luar Temasik ketika berlaku ribut taufan untuk meringan beban kapal beliau.

Akan tetapi, keadaan tersebut tidak berlaku kepada *sis* raja yang dianggap sesuatu yang wajib.

Orang yang utama dalam upacara Sri Tri Buana di Palembang ialah Demang Lebar Daun dan anak perempuannya, Wan Sendari, yang menja di pengantin Sri Tri Buana = Raja Iskandar. Gelaran *demang* bersamaan dengan jawatan 'penyelenggara istana' seperti dalam kesusasteraan Jawa pada abad ke-14. *Demang* menyelenggarakan peringkat terakhir dalam istiadat memperdewakan Rajapatni dalam tahun 1362.²² Dalam *Nawanatya*, *demang* mengambil berat terutamanya tentang upacara dan adat istiadat dalam istana Jawa.²³ Dengan demikian, Demang Lebar Daun mungkin juga memainkan peranan yang tertentu dalam upacara Palembang. Peranan Demang Lebar Daun dapat disamakan dengan peranan yang dimainkan oleh *prapatih* Dewa Tuhan Raja Adityavarman dalam upacara tahun 1347. Raja Adityavarman mengadakan upacara tersebut untuk menyucikan semula patung Amoghapasa-Lokesvara yang dihantar ke Sumatera dalam tahun 1286 sebagai menandakan ketuanan Jawa.²⁴ Menurut Moens, watak Dewa Tuhan melambangkan Daksa. Ini kerana Dewa Tuhan memberi kuasa kepada raja Melayu yang baru dan mengahwinkan anak perempuannya untuk memainkan peranan *saksi* dalam upacara.²⁵ Peranan Demang Lebar Daun juga sama. Beliau juga memberi kuasa kepada dipertuan dan mengahwinkan anak perempuannya dengan Sri Tri Buana = Iskandar serta memainkan peranan yang utama dalam upacara pertabalan tersebut.

Anak perempuan Demang Lebar Daun, Wan Sendari, sememangnya bukan sebarang orang. Beliau merupakan perawan yang pertama daripada empat puluh orang perawan yang dapat tidur bersama Sri Tri Buana dan tidak menderita disebabkan penyakit gatal kulit. Namanya mengusulkan Sundari, iaitu 'yang cantik' dan juga nama kepada anak perempuan Daksa.²⁶ Ahli salasilah mungkin melihat beliau sebagai dongeng kepada Tara, isteri Raja Lokesvara.²⁷

Kenyataan tersebut tidak memadai untuk menentukan sifat sebenar upacara Raja Iskandar. Akan tetapi, gambaran Buddhis serta keturunan Jawa dan Sumatera pada masa yang baru kepada mengusulkan bahawa upacara tantrik diadakan. Maksud Raja Iskandar adalah untuk mengasaskan dasar dengan matlamat untuk mengembalikannya semula empayar Srivijaya-Palembang. Oleh kerana maksud sesungguhnya Raja Iskandar ialah untuk menegaskan dakwaannya bahawa beliau daripada keturunan kedewaannya, maka hal ini menimbulkan tindakan yang keras dari Jawa. Dalam sejarah Jawa abad ke-13, terdapat

suatu teladan yang terkenal dalam mempertingkatkan matlamat politik melalui kuasa keagamaan. Raja Kertanagara dikatakan menghubungkan diri beliau dengan Jina-Buddha, Raja Aksobhy. Dalam tahun 1286, Raja Kertanagara menghantar patung Amoghapasa-Lokesvara yang bermuka tiga dan bertangan lapan kepada kerajaan Melayu.

Gambaran yang diberi oleh Buddhis mengenai Sri Tri Buana membolehkan kita memahami kepentingan peristiwa yang berlaku apabila Sri Tri Buana sampai ke Temasik selepas upacara pertabalan beliau ke atas singgahsana Palembang. Demang Lebar Daun dikatakan mengecam seekor binatang yang ganjil sebagai singa. Binatang tersebut berbadan merah, berkepala hitam dan berdada putih. Pentingnya pengecaman tersebut ditegaskan dalam salasilah. Sri Tri Buana dengan serta-merta mengumumkan keputusannya untuk menetap di pulau itu. Beliau kemudiannya menamakan semula Temasik sebagai 'Singapura', iaitu 'kota singa'.

Watak Sri Tri Buana mengambil alih peranan Raja Iskandar. Hanya dengan menganggap penamaan semula Temasik sebagai usaha Raja Iskandar, maka dapatlah nama 'Singapura' dijelaskan dengan munasabah. Dalam bahagian pertama abad ke-14, Wang Ta-yuan mengetahui tentang kewujudan Temasik. 'Tumasik' ialah nama kepada Temasik dalam *Nagarakrtagama* pada tahun 1365. Meskipun demikian, menjelang tahun 1462, nama 'Singapur' muncul dalam risalah pelayaran Ibn Majid.²⁸ Jadi, boleh dikatakan nama baru Temasik wujud di antara tahun 1365 dengan 1462. Hanya pada masa penempatan Raja Iskandar, barulah pulau Temasik menjadi ibu kota kepada seorang raja yang terkenal.²⁹ Sri Tri Buana dikatakan dikebumikan di atas suatu bukit. Raja Iskandar berkemungkinan mengasaskan ibu kotanya yang diberi nama 'Singapura' di atas *Fot Canning hill* yang tidak jauh dari Selat *dragon-teeth*.

Huraian tentang singa yang mempunyai tiga warna tersebut dalam konteks pengalaman luar biasa rajabodhiattva tentunya tidak diberi sebagai butir gambaran. Ahli salasilah mungkin memikirkannya daripada segi lambang Mahayana yang dipuja dalam istana Raja Iskandar. Asas kepada pemujaan Mahayana tidak dapat dipastikan.³⁰ Ahli salasilah memang mengetahui bahawa Raja Iskandar menamakan Temasik sebagai 'Singapura'. Akan tetapi, nampaknya beliau sengaja membangkitkan ciri pemujaan ke atas Mahayana untuk membuktikan bahawa Singapura merupakan tapak yang sesuai kepada ibu kota baru bodhisattva.³¹ Kesimpulannya begini; selepas Raja Iskandar diusir dari Palembang, beliau tetap yakin dengan tanggungjawab kedewaannya

lalu mengukuhkan singgahsana beliau di pulau Singapura. Raja Iskandar menamakan pulau Singapura dengan pertalian nama yang terbit daripada bahasa Buddhis yang berdaulat.³²

Dengan demikian, hak kekuasaan Raja Iskandar yang tertinggi dan alasan kepada mengapa Sri Tri Buana dihuraikan sebagai bodhistva adalah kerana tuntutan Raja Iskandar kepada status kesaktian. Raja Iskandar bertindak mengikut tradisi raja Asia Tenggara apabila beliau mengisytiharkan dirinya sebagai keturunan Raja Lokesvara. Raja Adityavarman Melayu juga mengambil tindakan yang sama tidak lama sebelum itu.³³

Lama sebelum kemunculan Raja Iskandar, Palembang merupakan sebuah pusat Mahayana yang terkenal. Sebilangan kecil daripada prasasti dahulu yang dijumpai di Bukit Seguntang mungkin mengandungi seruan yang ditujukan kepada Buddha yang maha sempurna atau mungkin juga kepada Raja Manjusri atau Raja Avalokitesvara.³⁴ I-ching mengatakan bahawa pada masanya, pengikut Mahayana di Palembang, tidak seperti di kepulauan Melayu, tidak seramai pengikut mazhab Mulasarvastivada.³⁵ Akan tetapi, menjelang masa itu, kedua-dua pemujaan tersebut dipengaruhi oleh fahaman Tantrayana.³⁶ Amalan Tantrayana sudah pasti terkenal di Palembang dalam abad ketujuh.³⁷ Beberapa patung Avalokitesvara dijumpai di Palembang yang melambangkan tempoh masa di antara abad ke-8 dan ke-11.³⁸ Dalam tahun 775, Maharaja Srivijaya membina sebuah kuil di Liogor, Semenanjung Melayu, untuk memuja Buddha dan bodhisattva Avalokitesvara, di bawah nama Padmapani dan Vajrapani.³⁹ Balaputra Srivijaya pula dibina di Nalanda dalam abad ke-9. Keturunannya juga membina sebuah kuil Buddhis di India selatan kira-kira dalam tahun 1005. Menjelang permulaan abad ke-11, kerajaan Srivijaya-Palembang cukup penting sebagai sebuah pusat Mahayana sehingga dikenali di kedua-dua Nepal dan Tibet.⁴⁰ Suatu manuskrip Nepal pada masa itu mencerminkan kemasyhuran patung Lokanatha dalam dunia Buddhis di 'Srivijayapura'.⁴¹

Kaji purba di persekitaran Srivijaya memberi bukti tambahan tentang pengaruh Buddhisme Mahayana. Patung gangsa Raja Avalokitesvara ditemui di kawasan perlombongan di negeri Perak, selatan Semenanjung Melayu.⁴² Catatan pemujaan yang mengkagumi Raja Avalokitesvara pula ditemui di utara negeri Melayu, Perlis. Setengah-setengah daripada catatan tersebut nampaknya dibuat secara tempatan. Berkemungkinan bahawa cap untuk catatan tersebut dibuat di sebuah pusat tempat suci Buddhis di India. Satu daripada catatan tersebut dapat

diberi tarikh, iaitu sehingga selewat abad ke-12.⁴³ Di seberang laut Palembang di Samba, Borneo Barat, ditemui lebih banyak lagi patung bodhisattva yang sedemikian.⁴⁴ Ke utara lagi di Bongkissam, Sarawak baru-baru ini ditemui peninggalan yang ditafsirkan sebagai mencerminkan kepercayaan tantrik itu.⁴⁵

Pada suatu hari, peranan Mahayana dalam sejarah Asia Tenggara mungkin dapat dijelaskan. Dengan demikian, kerajaan Srivijaya-Palembang akan dianggap lebih daripada sekadar sebagai sebuah entrepot yang terkenal. Buat masa kini, kita memang mengetahui kepentingan Mahayana di kepulauan Melayu dan Jawa pada abad ke-14. Ini membolehkan kita mempercayai sepenuhnya bahawa Mahayana juga merupakan suatu pengaruh yang kuat di Palembang ketika pemerintahan Raja Iskandar. Jadi, kenyataan Pires tentang seorang hamba Palembang kepada raja Melaka yang keenam iaitu Sultan Mansur Shah tidaklah menghairankan. Beliau mengatakan tentang hamba Palembang yang memuja pengaruh tantrik 'sehingga penduduk tempatan mengatakan bahawa mereka sedang memimpinnya ke jalan yang benar daripada kekafiran asalnya'.⁴⁶

Kekuasaan politik Raja Iskandar berdasarkan fahaman pra-Islam. Penjelasan tentang nama 'Glang Gui' dengan berdasarkan kekayaan mengusulkan bahawa ahli salasilah melihat daripada segi kekayaan bumi yang dimiliki oleh seseorang raja yang mengawal kuasa kesuburan, Jadi, kita tidak akan beralih kepada set idea yang berbeza ketika kemunculan Raja Iskandar yang dilambangkan oleh Sri Tri Buana. Rujukan kepada 'Glang Gui' dan raja Bodhisattva dalam cerita yang sama selaras sekali dengan gambaran yang berdasarkan daripada gambar timbul Bayon. Gambaran tersebut mengenai Raja Jayavarman VII, iaitu raja Buddha dalam aksi membebaskan seorang kanak-kanak perempuan daripada seekor ikan serta penjelmaan jin kesuburan dalam air.⁴⁷ Lama sebelum abad ke-14, hubungan di antara kedaulatan, kesuburan dan kekayaan dibawa masuk ke dalam pemujaan kedua-dua Raja Siva dan Raja Lokesvara. Hubungan tersebut juga menggabungkan kedua-dua dewa. Ini akibat daripada idea yang berakar-umbi dalam 'Monsoon Asia'. Idea ini dilambangkan oleh Raja Glang Gui dan bodhisattva. Idea tersebut juga digabungkan ke dalam nama pengasas Melaka iaitu 'Parameswara', suatu nama Raja Siva, seperti yang dikenali di China. Pengesahan nama membolehkan dewa Siva digolongkan kepada dewa Lokesvara. Menjelang permulaan abad ke-10, terdapat suatu prasasti yang menggabungkan dua orang dewa tersebut sebagai sumber kekuasaan negara di Champa.⁴⁸ Bukti ikonografi

tentang usah penggabungan dua pemujaan juga dijumpai di Nepal dan Tibet menjelang abad ke-10 dan ke-11.⁴⁹ Tidaklah hairan apabila terdapat suatu teks awal yang merahmati kaki Raja Avalokitesvara yang diletak atas tanah dengan kekuasaan menaburkan intan berlian dan permata.⁵⁰ Menurut teks yang sama, 'apabila bodhisattva berjalan di sekeliling, semua wilayah sepuluh penjuru akan bergegar dan bergetar. Di mana sahaja bumi bergetar, di sana akan muncul lima ratus juta bunga permata ...'.⁵¹ Dalam *Karandavyuha sutra*, kaki Raja Avalokitevara melahirkan dunia ini.⁵²

Kajian tentang Sri Tri Buana membolehkan kita memperoleh beberapa maklumat tentang sejarah Melayu pada akhir abad ke-14. Dalam bab terdahulu, alasan diberi untuk mempercayai bahawa dakwaan sejarah Raja Iskandar ditulis ke dalam salasilah. Kini, kita mengusulkan yang ahli salasilah memang mengetahui bahawa Raja Iskandar mendakwa dirinya sebagai keturunan Raja Lokesvara, bodhisattva untuk sinaran yang gemilang. Ahli salasilah mempunyai pengetahuan yang penting tentang pengasas negeri Melaka. Sekarang, kita akan memperhatikan satu orang yang menyahut dakwaan Raja Iskandar dan juga terlibat dalam peristiwa yang membawa kepada penubuhan Melaka.

BAB 9

AHLI SALASILAH DAN BENDAHARA MELAKA

Kaitan di antara Raja Iskandar Shah dengan Sri Tri Buana mendorong kita untuk mencari persamaan selanjutnya di antara raja Melaka dengan dongeng raja Singapura. Dengan demikian, kita mendapati bahawa raja yang ketiga di kedua-dua buah kerajaan ini merupakan raja yang agung. Raja Singapura yang ketika dikatakan berkahwin dengan keturunan Raja Chulan. Pemerintahan Raja Singapura tersebut menjadi terkenal melalui perjuangannya yang gemilang. Sementara itu, kerajaan Melaka di bawah raja yang ketiga pula diperkenalkan melalui kata-kata pujian. Kemayhuran Melaka pada pertengahan pemerintahan raja Melaka yang ketiga ini ditegaskan pada penghujung bab yang keenam dalam *Raffles MS. 18*.

Adalah disangsikan bahawa ahli salasilah meniru sejarah Singapura berdasarkan beberapa ciri penting sejarah Melaka yang awal. Kesangsian ini diperkukuhkan lagi apabila kita mendapati bahawa terdapat jalinan di antara salasilah raja dengan salasilah subsidiari moyang kepada Bendahara Melaka dalam pemerintahan raja Melaka yang kedua dan ketiga. Bendahara Melaka tersebut menerima gelaran Sri Amar diraja. Moyang kepada Bendahara Melaka ini didapati berkhidmat dan mempunyai ikatan perkahwinan yang rapat dengan raja-raja Singapura. Datuk Bendahara Melaka ini, iaitu Tun Perpatch Permuka Berjajar merupakan Bendahara ketika pemerintahan raja Singapura yang kedua.¹ Bapa Bendahara Melaka ini pula ialah Tun Perpatch Tulus ('yang setia'). Beliau merupakan Bendahara ketika

pemerintahan raja Singapura yang ketiga dan juga bapa mertua kepada Raja Iskandar Shah.² Hubungan Tun Perpateh Tulus dengan keluarga diraja amat rapat. Anak perempuannya bukan sahaja berkahwin dengan Raja Iskandar tetapi juga raja Singapura yang keempat.³ Cucu Tun Perpateh Tulus, iaitu anak perempuan kepada bakal Sri Amar diraja pula berkahwin dengan raja Melaka yang kedua.⁴

Ikatan perkahwinan yang diulangi antara raja Singapura dan raja Melaka dengan ahli keluarga Bendahara menghubungkan dua peringkat diraja ini melalui cara yang amat rapat. Ini membolehkan keluarga Bendahara memainkan peranan yang penting dalam dongeng sejarah Singapura dan juga sejarah Melaka yang sebenar. Warisan jawatan Bendahara dalam golongan keluarga ini terputus buat sementara dengan kematian anak Sri Amar diraja ketika pemerintahan raja Melaka yang kelima. Dengan demikian, usaha untuk mencari persamaan ini sudah tentu tidak dapat diteruskan selepas pemerintahan raja yang keempat. Ini berdasarkan warisan jawatan Bendahara yang tidak terputus. Kebetulan pula, raja yang keempat dalam kedua-dua kes ini merupakan seorang raja yang tidak agung. Di sini, mungkin terdapat persamaan yang sengaja dirancang. Raja Singapura yang keempat membunuh seorang budak kecil dan dipertanggungjawabkan terhadap serangan Jawa ke atas Singapura.⁵ Sementara itu, raja Melaka yang keempat, iaitu Sultan Ibrahim yang tidak popular itu pula dibunuh.⁶ Namun begitu, bapa Raja Iskandar tidak mungkin diberi perlakuan simbolik yang sebegitu keras. Nama beliau dikatakan sebagai Dam Raja yang bermaksud 'Dharmaraja'. Nama tersebut tepat dalam sistem penamaan diraja Palembang dan juga nama kepada bapa Raja Iskandar yang sebenar. Dengan demikian, persamaan di antara pemerintahan Melaka dengan Singapura yang disengajakan ini dihadkan kepada tiga pemerintahan yang terawal.⁷

Lingkungan persamaan tersebut menjadi lebih jelas apabila kita mengkaji dengan lebih mendalam lagi siri ikatan perkahwinan di antara ahli keluarga Bendahara dengan kaum kerabat diraja dalam sejarah Singapura dan sejarah awal Melaka.

Dalam pemerintahan raja Melaka yang keenam, *Raffles MS. 18* memaklumkan bahawa cucu Sri Amar diraja ialah tuan tanah kepada negeri Bentan dan Sri Amar diraja merupakan Bendahara kepada pemerintahan raja Melaka yang kedua dan ketiga.⁸ Jawatan Bendahara yang terputus ini dikembalikan semula kepada cucunya. Walaupun jawatan tersebut dianugerahkan dengan sokongan raja, namun tanah sewaan Bentan tetap menjadi milik turun-temurun keluarga Bendahara.

Dengan demikian, Bendahara pertama yang dinyatakan, iaitu Tun Perpateh Permuka Berjajar ialah moyang kepada keluarga Bentan. Menurut susunan generasi, Bendahara yang pertama ini seharusnya merupakan putera kepada sekutu Sri Tri Buana, iaitu Raja Perempuan Bentan. Bendahara tersebut juga merupakan bapa kepada dua orang cucu Raja Perempuan yang berkahwin dengan dua orang putera Sri Tri Buana. Dengan demikian, kita mendapat butir seterusnya tentang ikatan di antara kedua-dua keluarga tersebut dengan membawa masuk dua orang putera Sri Tri Buana yang terkenal sebagai menantu keluarga Bentan. Kita juga memperhatikan bahawa terdapat seorang lagi ahli keluarga Bentan yang mengahwinkan dua orang anak perempuannya kepada keluarga diraja Singapura. Beliau ialah Tun Perpatch Tulus, iaitu Bendahara kepada pemerintahan raja Singapura yang ketiga. Kedua-dua anak perempuan Tun Perpatch Tulus dikahwinkan dengan bapa Raja Iskandar dan juga Raja Iskandar sendiri. Bendahara Tun Perpatch Tulus, seperti juga Bendahara Tun Perpatch Permuka Berjajar, merupakan tokoh dalam dongeng sejarah Singapura dan kesemua perkahwinan tersebut juga merupakan dongeng semata-mata.

Sejarah Singapura menyatakan dua contoh tentang perkahwinan di antara dua orang anak perempuan bangsawan Bentan dengan kaum kerabat diraja Singapura. Corak ikatan perkahwinan yang aneh ini membolehkan kita menentukan ikatan perkahwinan yang sebenarnya dan yang ditegaskan. Bendahara ketika pemerintahan raja Melaka yang kedua merupakan bapa mertua kepada raja ini. Kita juga difahamkan bahawa raja Melaka yang ketiga mengahwini anak perempuan 'Tun Perpatch Muka Berjajar' yang identitinya tidak dijelaskan. Akan tetapi, Tun Perpatch Muka Berjajar ialah nama Bendahara dalam pemerintahan raja Singapura yang kedua yang mengahwinkan anak perempuannya dengan putera Sri Tri Buana. Dongeng sejarah Singapura mengandungi dua contoh tentang perkahwinan di antara dua orang anak perempuan Bendahara dengan raja.⁹ Sementara itu, Bendahara kepada pemerintahan raja Melaka yang kedua pula mengahwinkan seorang anak perempuannya dengan keluarga diraja. Berdasarkan dua alasan tersebut, kita dapat menyimpulkan bahawa 'Tun Perpatch Muka Berjajar' dalam sejarah awal Melaka ialah nama kepada Bendahara dalam pemerintahan raja yang kedua. Nama tersebut juga merupakan nama kepada Bendahara Singapura dalam pemerintahan raja Singapura yang kedua.¹⁰ Tun Perpatch Muka Berjajar yang pertama mengahwinkan dua orang anak perempuannya dengan dua orang putera Sri Tri Buana, Watak Sri Tri Buana direka berdasarkan Raja Iskandar. Watak

Tun Perpateh Muka Berjajar yang pertama. Beliau dikatakan mengahwinkan seorang anak perempuannya dengan putera Raja Iskandar dan seorang lagi dengan cucu Raja Iskandar. Ini adalah ikatan perkahwinan dengan raja pada generasi yang berlainan menerusi teladan yang diberikan oleh dua orang anak perempuan Tun Perpateh Tulus. Tun Perpateh Muka Berjajar yang pertama tidak mengahwinkan anak perempuannya dengan raja Singapura yang ketiga. Ini kerana raja tersebut berkahwin dengan keturunan Iskandar Zulkarnain untuk membuktikan ketinggian darjat keluarga diraja Singapura. Anak perempuan Tun Perpateh Muka Berjajar yang berkahwin dengan raja Melaka yang ketiga pula bukan merupakan bonda kepada raja Melaka yang berikutnya.¹¹ Kita akan lihat dalam bab yang kemudian bahawa raja tersebut, menurut Pires, juga berkahwin dengan puteri daripada keluarga diraja Pasai. Kedudukan subordinat anak perempuan Bendahara yang kedua di istana mungkin menjadi alasan mengapa bapanya tidak dihuraikan sebagai 'Bendahara'.

Satu daripada tujuan mereka dongeng Singapura berdasarkan sejarah Melaka ialah untuk membolehkan Sri Tri Buana melakonkan peranan Raja Iskandar. Satu lagi tujuan dongeng Singapura yang dapat dipastikan sebagai tujuan subsidiari menjadi kian jelas sekarang. Ahli salasilah dikatakan ingin memastikan supaya aspek yang penting tentang asas dan sejarah awal Melaka ini tidak dilupakan. Aspek tersebut mengenai peranan sebenar Tun Perpateh Muka Berjajar iaitu Bendahara ketika pemerintahan raja Singapura yang kedua dan ketiga. Sesungguhnya, peranan beliau amat istimewa. Bendahara Tun Perpateh Muka Berjajar dapat mengekalkan kemasyhurannya kerana beliau merupakan ketua Bentan yang memiliki tanah sewaan yang berada di tengah-tengah kepulauan Singapura. Tidaklah menghairankan apabila kerajaan Bentan memainkan peranan yang penting dalam riwayat hidup Sri Tri Buana dan demikian juga bagi Iskandar. Raja Perempuan Bentan mengakui Sri Tri Buana sebagai dipertuan dan menghantar bantuan ketenteraan kepada beliau untuk memperkukuhkan Singapura. Ketika pemerintahan Raja Perempuan Bentang, kerajaan Bentang mempunyai empat ratus kapal dan hal tersebut disambut baik sebagai tambahan kepada sumber kekuatan Raja Iskandar. Sri Tri Buana membalas kesetiaan Raja Perempuan Bentan dengan mengahwinkan dua orang puteranya dengan cucu Raja Perempuan Bentan. Pentingnya kerajaan Bentan dalam salasilah adalah nyata dan juga benar. Ahli salasilah terus mengambil peluang ini untuk menyanjung keluarga Bentan. Raja Perempuan dikatakan sebagai 'seorang raja yang agung' dan

merupakan orang yang pertama melaungkan kedaulatan. Bendahara ketika pemerintahan raja Singapura yang kedua melambangkan raja. Sumbangan keluarga Bentan jelas terbayang dalam nama 'Tulus' iaitu 'yang setia'. Bendahara kepada pemerintahan raja Melaka yang ketiga pula mempunyai darjat yang paling tinggi selepas keluarga diraja Melaka.

Melalui ikatan jalinan salasilah di antara keluarga diraja dengan keluarga Bentan, kini dapat dibuat kenyataan terakhir tentang sejarah Palembang pada masa separuh kedua abad ke-14.

Keluarga Raja Iskandar Shah memerintah di Palembang ketika dasar perdagangan maharaja Ming yang awal sedang dilaksanakan. Dasar Maharaja Ming memupuk harapan agar suatu hari nanti sebuah entrepot untuk perdagangan China diperlukan di wilayah Palembang. Raja Palembang menghantar utusan ke China dalam tahun 1374. Ketika itu juga, raja Melayu sedang mengikat suatu hubungan jajahan yang rapat dengan Tai-tsu. Di sini, kita dapat memperhatikan permulaan kepada penghidupan semula persaingan di antara dua pusat kekuasaan di selatan Sumatera.¹² Bagi mendapatkan semula kedudukan penting pelabuhan Palembang seperti yang pernah dialami suatu ketika dahulu, keluarga diraja Palembang berusaha untuk membentuk perikatan wilayah. Lebih-lebih lagi dengan kepulauan Melayu yang sentiasa penting yang merupakan asas kepada kekuasaan kerajaan Srivijaya. Dasar Ming yang awal tersebut mengaktifkan semula kuasa memusat dalam masyarakat kelautan Melayu. Ini merupakan latar belakang kepada kepentingan peranan keluarga Bentan dalam salasilah Palembang. Persahabatan di antara keluarga Palembang dengan Bentan membawa kepada kemungkinan wujudnya kekuatan angkatan laut yang agak besar di Palembang. Raja Iskandar berkeyakinan bahawa suatu era yang baru dalam sejarah kelautan Melayu sedang bermula dan beliau percaya bahawa Palembang juga mempunyai kedudukan yang mantap di laut. Ini menjelaskan kenyataan Pires, iaitu pemberontakan Raja Iskandar terhadap Jawa disebabkan oleh pengaruh beliau di kepulauan ini. Menurut *Pararaton*, Hayam Wuruk mangkat dalam tahun 1389. Kini, pemberontakan terhadap Jawa dapat dilakukan dengan cara mendakwa tuntutan Palembang kuno di Sumatera dalam usaha menentang Jawa; walaupun kerajaan Majapahit merupakan faktor terbaharu dan tidak tergolong ke dalam sejarah Sumatera dan Raja Iskandar memilih untuk mengingati peristiwa yang terjadi lebih dari tiga abad yang lalu. Jadi, pada penghujung tahun pemerintahan Raja Iskandar yang ketiga di Palembang, beliau membuat dakwaan terhadap keangu-

an kerajaan Melayu-Palembang yang lampau. Raja Iskandar mengecam keadaan yang wujud sejak dari penghujung abad yang ke-11 lagi dan peristiwa ini menjadi bahan ilham bagi menghasilkan cerita Sri Tri Buana.

Raja Iskandar diusir dari Palembang dan melarikan diri ke Temasek dan di sini, beliau mengukuhkan semula singgahsananya. Oleh kerana Sri Tri Buana dialu-alukan sebagai pemerintah oleh raja Perempuan Bentan, maka kita boleh mempercayai bahawa Raja Iskandar mendapat perlindungan sementara dan bantuan daripada, sekutu beliau di kepulauan Singapura yang dipimpin oleh Tun Perpatih Berjajar.¹³

Keluarga Bentan mengetahui mengenai tuntutan Raja Iskandar ketika Raja Iskandar mengisytiharkan diri beliau sebagai pelindung orang Melayu awal tahun itu. Orang Melayu dikatakan menunjukkan ketaatan yang sepenuhnya ketika Raja Iskandar menghadapi kesukaran dan mereka juga diberi ganjaran yang paling tinggi.

Kini, Raja Iskandar membuat keputusan untuk memperkukuhkan ikatan beliau dengan keluarga Bentan yang penting. Raja Iskandar mengatur perkahwinan di antara puteranya dengan anak perempuan Tun Perpatih Berjajar. Perikatan tersebut dicerminkan melalui persamaan dalam salasilah di antara masa pemerintahan Singapura dengan Melaka. Ikatan perkahwinan Sri Tri Buana dengan Raja Perempuan Bentan hanya berlaku selepas pengunduran beliau dari Palembang. Dengan demikian, perkahwinan putera Raja Iskandar tentu berlangsung ketika pentadbiran Palembang berpindah ke Singapura. Jadi, menurut perhitungan yang diusulkan lebih awal tadi dalam kajian ini, peristiwa tersebut berlaku lebih kurang di antara tahun 1392 dengan 1398.¹⁴

Namun demikian, persamaan tersebut menunjukkan bahawa ahli salasilah sengaja menekankan ikatan perkahwinan yang berganda di antara dua keluarga itu. Tujuan ahli salasilah menjelaskan persoalan kepada identiti raja dalam *Suma Oriental* Pires. Ini juga menjelaskan tentang peningkatan kemewahan bangsawan Bentan yang kemudiannya menjadi Bendahara Melaka yang pertama.

Pires menyatakan bahawa Parameswara mempunyai seorang putera yang dilahirkan di Singapura dan hampir menjangkau kedewasaannya ketika pemerintahan bapanya di Melaka. Putera Parameswara berkahwin dengan 'anak perempuan sulung seorang ketua pegawai tinggi, juga bekas seorang *Celates*'. Nama putera tersebut ialah *Xaquem Darxa* dan menjadi raja Melaka yang 'kedua'.¹⁵ Namun demikian, Pires hanya menyenaraikan dua orang raja dan bukannya tiga

dalam sejarah awal Melaka. Raja yang dimaksudkan ialah Parameswara dan *Xaquem Darxa*. Buat masa itu, *Raffles MS. 18* pula menyenaraikan tiga orang raja. Sir Richard Winstedt menyelesaikan masalah kekurangan seorang raja dalam senarai Pires, iaitu dengan memberi alasan bahawa Pires menggabungkan pemerintahan raja Melaka yang pertama dan kedua.¹⁶ Dalam perkara sedemikian, penjelasan Melayu yang disokong oleh rekod Ming, tentu lebih tepat daripada kenyataan Pires. Jadi, penyelesaian alternatif dan munasabah ialah pemerintahan raja Melaka yang kedua dan ketiga ini digabungkan.¹⁷ Jadi, putera raja yang dilahirkan di Singapura tersebut bukan merupakan raja Melaka yang kedua. Akan tetapi, puteranya iaitu cucu Raja Iskandar adalah raja Melaka yang kedua dan juga bakal raja Melaka yang ketiga. Bonda bakal raja Melaka ialah anak perempuan Tun Perpatih Berjajar dan beliau dilahirkan dalam tahun 1390-an, iaitu ketika pentadbiran masih berada di Singapura.

Penyelesaian kepada masalah susunan raja Pires membolehkan kita menjelaskan kenyataan Pires tentang putera muda yang mengahwini anak perempuan seorang bekas *Celates* dan juga mengenai bapa mertua putera muda tersebut, iaitu 'ketua menteri' ketika pemerintahan Raja Iskandar. 'Ketua menteri' tersebut ialah Tun Perpatih Berjajar. Beliau merupakan 'bapa mertua' kepada kedua-dua waris Raja Iskandar iaitu bakal raja Melaka yang kedua dan putera kepada waris Raja Iskandar, iaitu bakal raja Melaka yang ketiga. Ikatan perkahwinan berganda ini menjadi alasan mengapa 'sejarah Singapura' mengadakan begitu banyak ikatan perkahwinan berganda di antara kedua-dua keluarga ini.

Akan tetapi, bilakah putera muda yang dilahirkan di Singapura ini melangsungkan perkahwinannya? Mengapa dalam *Raffles MS. 18* tidak terdapat rujukan kepada jawatan Bendahara dalam pemerintahan Raja Iskandar? Meskipun yang sebenarnya kita diberitahu bahawa Raja Iskandar melantik 'empat orang menteri'. Pemerintahan yang bersamaan dalam sejarah Singapura, iaitu di bawah Sri Tri Buana juga tidak merujuk kepada jawatan Bendahara.

Terdapat satu kemungkinan mengapa salasilah tidak membuat rujukan kepada jawatan Bendahara dalam pemerintahan raja Melaka yang pertama. Alasannya ialah Demang Lebar Daun yang mengikat janji dengan Sri Tri Buana, melambangkan bangsawan Palembang yang berkuasa. Demang Lebar Daun bertanding dengan Tun Perpatih Berjajar untuk mendapatkan pengaruh dalam pentadbiran awal Melaka. Di samping itu, keturunan Demang Lebar Daun juga tidak pernah

memainkan peranan dalam sejarah Melaka yang diperlihatkan. Malah, dalam sejarah dongeng Singapura sekalipun, peranan mereka amat terhad. Dalam pemerintahan raja Singapura yang kedua, anak lelaki Demang Lebar Daun dikurniakan pangkat *Perdana menteri* ataupun 'ketua menteri'. Namun demikian, pada masa itu juga terdapat jawatan Bendahara, iaitu yang pertama dinyatakan. Darjat kedua-dua jawatan dikatakan sama tinggi. Akan tetapi, jawatan yang berkekalan ialah jawatan Bendahara yang menjadi warisan keluarga Bentan. Sesudah itu, tidak kedengaran lagi berita tentang keturunan Demang Lebar Daun.

Walau bagaimanapun, politik istana pada bahagian awal pemerintahan Raja Iskandar di Melaka mungkin dirumitkan lagi oleh keadaan bahawa Raja Iskandar mempunyai kewajipan terhadap kedua-dua penyokong Palembang dan Bentan.¹⁸ Dalam *Raffles MS. 18*, bangsawan Palembang diwakili oleh Sri Bija diraja yang dihuraikan secara implikasi, iaitu daripada keturunan keluarga Palembang.¹⁹ Selepas pengusiran Raja Iskandar dari Palembang, beliau terpaksa bergantung lebih banyak lagi kepada angkatan laut Bentan daripada penyokong Palembang. Itulah sebabnya mengapa Raja Iskandar mengahwinkan puteranya dengan anak perempuan Tun Perpateh Berjajar di Singapura. Penglibatan keluarga Bentan dalam urusan Melaka merupakan tajuk yang perlu dihuraikan dengan berhati-hati oleh ahli salasilah. Ahli salasilah juga harus menerangkan mengapa *Raffles MS. 18* tidak menyentuh tentang kenaikan pangkat Tun Perpateh Berjajar dalam istana Melaka dan mengapa mereka tidak menyatakan apa-apa mengenai seorang Bendahara berdasarkan pemerintahan raja Singapura yang pertama. Dengan demikian, Demang Lebar Daun merupakan bangsawan Palembang yang diperkecilkan tarafnya dalam pemerintahan raja Melaka yang pertama.

Namun demikian, kita memperhatikan bahawa peranan Demang Lebar Daun adalah semata-mata daripada segi peradaban. Selalunya beliau menjadi pengiring bodhisattva. Semua peranannya, iaitu dari saat beliau memberi kuasa kepada Sri Tri Buana sehingga mengenal pasti seekor singa di Temasek, nampaknya semua tergolong kepada simbolisme kedaulatan semata-mata.²⁰ Atas alasan ini, kita memilih untuk tidak mengiktirafkan Demang Lebar Daun sebagai seorang bangsawan pada masa pemerintahan raja Melaka yang pertama. Dengan demikian, dapat ditolak sebarang kemungkinan bahawa wujud ketegangan di antara pengikut Palembang dengan Bentan Raja Iskandar. Ini kerana Raja Iskandar tentunya menarik sokongan yang penuh taat setia dari semua pelosok.²¹ Dengan sendirinya alasan yang kurang dramatik ini

menyebabkan ahli salasilah tidak menyentuh tentang jawatan Bendahara dalam pemerintahan raja Melaka yang pertama, meskipun Pires pernah menyentuh tentang jawatan 'ketua menteri'.

Pires menyatakan bahawa dalam adat Melaka, seseorang raja akan turun dari takhtanya apabila raja tersebut mendapat cucu.²² Cucu Raja Iskandar yang merupakan bakal raja Melaka yang ketiga, dilahirkan di Singapura dalam tahun 1390-an. Akan tetapi, pada masa yang genting itu, Raja Iskandar tentunya keberatan untuk turun dari takhta dan melepaskan dirinya daripada urusan negara. Meskipun demikian, Raja Iskandar mengamanahkan segala kewajipan kepada waris beliau menjelang akhir hayatnya, iaitu ketika sudah berumur. Pires menganggap bahawa waris Raja Iskandar yang membuat keputusan untuk menetap di atas bukit yang mengadap laut Melaka pada masa hayat bapanya. Bakal raja ini meninggalkan istana di hulu sungai Bertam dan bapanya terus menetap di sana.

Keputusan ini bermakna yang bakal raja Melaka sudah matang pada masa itu. Meskipun demikian, Pires menyatakan bakal raja ini dilahirkan di Singapura. Di sini, pemberitahu maklumat Pires tentu memberi keterangan yang kabur tentang kejadian yang lampau. Sebenarnya, bakal raja yang diamanahkan dengan kewajipan ialah putera kepada Raja Iskandar dan juga menantu kepada Tun Perpatih Berjajar. Namun demikian, bakal raja tersebut tidak dilahirkan di Singapura. Walau bagaimanapun, bakal raja Melaka tersebut merupakan bapa kepada putera yang juga menjadi menantu Tun Perpatih Berjajar. Putera inilah yang dilahirkan di Singapura.

Pada penghujung hayatnya, Raja Iskandar berkemungkinan membuat tiga penetapan untuk menjamin masa depan negeri Melaka. Raja Iskandar mengambil keputusan untuk melantik puteranya, juga menantu kepada Tun Perpatih Berjajar sebagai waris. Raja Iskandar mempunyai sekurang-kurangnya seorang putera lagi. Ini kerana dalam tahun 1418, ketika pemerintahan raja Melaka yang kedua, suatu utusan yang diketuai oleh abang sulung kepada raja ini dihantar ke China.²³ Raja Iskandar juga membuat keputusan untuk merapatkan ikatan Bentan dengan mengahwinkan cucunya dengan anak perempuan Tun Perpatih Berjajar yang seorang lagi. Menurut Pires, putera raja yang dilahirkan di Singapura 'sudah pun hampir dewasa'. Seharusnya, putera tersebut merupakan cucu dan bukannya putera kepada Raja Iskandar. Akhirnya, Raja Iskandar membuat ketetapan untuk mengamanahkan setengah-setengah kewajipan kerajaan kepada puteranya.

Ketiga-tiga keputusan tersebut mencerminkan prestij keluarga

Bentan.²⁴ Walau bagaimanapun, Pires menggelar bapa mertua kepada bakal raja sebagai 'ketua menteri'. Namun demikian, *Raffles MS. 18* tidak menyentuh tentang Bendahara dalam pemerintahan raja Melaka yang pertama. Penjelasannya begini; meskipun bangsawan Bentan sangat berpengaruh, namun beliau dikaitkan dengan pengiring bakal raja dan bukannya dengan istana raja. Kita akan lihat dalam bab kemudian bahawa kemakmuran ekonomi Melaka tidak datang dengan serta-merta. Pentadbiran yang diasaskan di pelabuhan Melaka pada akhir hayat Raja Iskandar adalah untuk memperuntukkan kawalan pelabuhan yang lebih cekap bagi menarik saudagar asing. Namun demikian, Raja Iskandar terus menetap di istana Bertam dan beliau mangkat di sana.²⁵ Sesungguhnya, terdapat dua pusat pentadbiran; istana Raja Iskandar di Bertam dan istana di kota Melaka, tempat bakal raja serta bapa mertuanya melaksanakan pentadbiran.²⁶ Bakal raja tidak seperti raja kedua yang memerintah kotanya sendiri tetapi tidak secara bebas.²⁷ Pengunduran Raja Iskandar secara tidak menyeluruh daripada pentadbiran, tidak harus dianggap sebagai tanda ketidakcekapannya. Dalam tahun 1411, Raja Iskandar melawat negeri China.²⁸ Akan tetapi, Raja Iskandar sudah berumur ketika itu, sementara keperluan negara pula semakin meningkat. Raja Iskandar juga mengetahui bahawa puteranya dibantu oleh sanak-saudara yang taat, segenerasi dengan Raja Iskandar, serta bapa mertua kepada putera dan cucu Raja Iskandar.

Perlantikan waris Raja Iskandar dan ikatan perkahwinan yang kedua dengan keluarga diraja merupakan peringkat yang penting dalam peningkatan kekuasaan Tun Perpateh Berjajar. Namun demikian, beliau masih belum dilantik sebagai Bendahara. Pangkat Tun Perpateh Berjajar sebagai 'ketua menteri' dalam *Suma Oriental* mungkin merujuk kepada kedudukan beliau dalam istana bakal raja di Melaka dan bukannya istana Raja Iskandar di Bertam. Apabila pemerintahan raja Melaka yang kedua bermula dalam tahun 1413-14, istana di Bertam ditinggalkan. Menurut Pires, raja yang baru tersebut menghantar 'semua pegawai tinggi *Celates* untuk tinggal di lereng bukit Melaka dan bertugas sebagai pengawalnya.'²⁹ Dengan demikian, hanya tinggal satu istana sahaja pada masa itu dan Tun Perpateh Berjajar pula menetap di sana berdekatan dengan raja. Jadi, akhirnya jawatan Bendahara memang sesuai sekali untuk dianugerahkan kepadanya pada masa itu.

Harus diperhatikan tentang perubahan besar yang berlaku dalam corak hidup keluarga Bentan pada penghujung abad ke-14 dan awal abad ke-15. Pires merujuk kepada 'ketua pegawai tinggi yang juga bekas seorang *Celates*'. Penyataan tersebut tepat sekali berdasarkan

kedudukan baru keluarga Bentan. Ahli keluarga Bentan tidak lagi menetap di pulau mereka yang kecil. Sebaliknya, mereka menikmati kemurahan dan kebaikan daripada raja Melaka dan dapat menggunakan pengaruh mereka dalam istana raja. Marco Polo mengenali negeri Bentan sebagai sebuah pusat perdagangan rempah. Raja Bentan juga menghantar suatu utusan ke Mongol China dalam tahun 1323.³⁰ Sekalipun demikian, raja Bentan tanpa ragu-ragu lagi meninggalkan kebebasan politik dan perdagangannya pada masa itu untuk memperkukuhkan kepentingan keluarga diraja Palembang-Melaka. Tindakan tersebut merupakan contoh yang paling jelas tentang berlakunya proses pemusatan kuasa dalam masyarakatan Melayu sejak permulaan dinasti Ming dalam tahun 1368.

Tun Perpateh Berjajar yang hidup sezaman dengan Raja Iskandar Shah ialah saksi utama kepada keadaan baru pada masa itu. Beliau mendapat gelaran Sri Amar diraja dalam pemerintahan raja Melaka yang ketiga. Gelaran tersebut diperoleh ketika beliau masih menyandang jawatan Bendahara. Beliau mempunyai alasan dan peluang yang lebih daripada saksi lain yang hidup pada abad ke-14 untuk menghidupkan peringatan tentang upacara pertabalán serta dakwaan Raja Iskandar. Tun Perpateh Berjajar menghubungkan peristiwa tersebut dengan sambutan yang penuh taat setia daripada keluarganya. Usia beliau yang lebih tua menunjukkan bahawa beliau mempunyai pengetahuan peribadi tentang pengalaman Raja Iskandar yang luar biasa. Tun Perpateh Berjajar tentu menyaksikan kesukaran Raja Iskandar setelah diusir dari Palembang. Butir-butir yang berhubung dengan peristiwa Sri Tri Buana 'melihat laut' tentu disimpan dalam ingatannya.³¹ Jadi, tidaklah hairan apabila 'bapa' Sri Tri Buana digelar 'yang taat' dan Raja Perempuan Bentan pula digambarkan dengan begitu mulia. Salasilah keluarga Bentan yang mengaburi salasilah raja menimbulkan kemungkinan bahawa salasilah tersebut disusun dalam pemerintahan raja Melaka yang ketiga. Ini kerana kekuasaan Bendahara pada masa itu sedang mencapai kemuncaknya.

Bab ini memperlihatkan peranan 'sejarah Singapura' yang tidak terbatas hanya kepada pengganti bagi sejarah Palembang pada masa kekuasaan pemerintahan Melayu. Berdasarkan sejarah Bendahara dan juga raja Singapura dan Melaka yang pertama, dongeng sejarah Singapura sengaja direka berdasarkan sejarah Melaka. Ini mengusulkan bahawa ahli salasilah menetapkan peranan yang kedua kepada sejarah Singapura. Dalam bab yang berikut, kita akan membincang kronologi pemerintahan Singapura dan pemerintahan awal Melaka berdasarkan

salasilah. Analisis ini akan menunjukkan sifat peranan 'sejarah Singapura' yang kedua.

BAB 10

AHLI SALASILAH DAN KRONOLOGINYA

Nampaknya, ahli salasilah mengetahui tentang jangka waktu terhampir pemerintahan Raja Iskandar, meskipun beliau mereka dongeng 'sejarah Singapura'. Buat sementara ini, kita akan menghuraikan pemerintahan Raja Iskandar sebagai meliputi jangka masa dari tahun 1389-90 sehingga 1413-14.¹ Jadual masa pemerintahan Raja Iskandar akan diterangkan daripada segi peranan 'sejarah Singapura' seperti yang kita huraikan sejauh ini. Jadual masa pemerintahan tersebut mempunyai keselarasan yang agak tepat dengan pecahan masa pemerintahan Raja Iskandar yang berbeza. Jadual masa ini dapat disusun semula dengan bantuan sumber-sumber Ming. Perhatikan dongeng Sri Tri Buana yang ditiru daripada Raja Iskandar serta perhitungan 'sejarah Singapura' dari permulaan lagi yang berkenaan dengan ikatan perkahwinan di antara keluarga Bendahara dengan raja. Ini menunjukkan bahawa ahli salasilah menggunakan aspek sejarah awal Melaka sebagai asas kepada dongengnya. Memang jelas bahawa ahli salasilah mengetahui sedikit sebanyak tentang jangka masa pemerintahan Raja Iskandar. Beliau juga memberi tumpuan untuk memasukkan peristiwa yang sebenar ke dalam dongengnya. Sekarang, kita harus mempersoalkan sama ada ahli salasilah ini memberi sebarang kenyataan tentang jangka masa sebenar yang menjadi tumpuan beliau. Kita akan mendapatkan pecahan jangka masa ini daripada huraian beliau tentang pemerintahan raja Melaka yang kedua.

Dalam bab yang lalu, kita mempertimbangkan waris Raja Iskandar daripada segi perkahwinan beliau dengan anak perempuan

Bendahara. Begitu juga perkahwinan puteranya dengan seorang lagi anak perempuan Bendahara. Kita juga memperhatikan bahawa bakal raja Melaka memikul beberapa kewajipan pentadbiran pada akhir hayat bapanya. Meskipun demikian, huraian salasilah tentang pemerintah bakal raja Melaka agak istimewa. Jangka masa pemerintahan raja tersebut dikurangkan kepada dua tahun sahaja, Sesungguhnya pemerintah bakal raja yang sebenar bermula dalam tahun 1413 atau 1414 dan berakhir dalam tahun 1423. Tahun kemangkatan raja Melaka yang kedua diperkukuhkan oleh tindakan puteranya yang menjadi raja Melaka yang ketiga. Putera raja kedua memberi ufti sebagai tanda penghormatan beliau kepada Maharaja *Yung-lo* pada 20 April 1424 dan memaklumkan kepada maharaja tersebut bahawa beliau baru saja menggantikan bapanya.² Raja Melaka yang ketiga tentu meninggalkan Melaka pada masa monsun barat daya, iaitu tahun 1423. Jadi, ini membolehkan beliau sampai ke Peking bersama-sama dengan berita tentang kemangkatan bapanya dan perlantikan beliau sebagai Raja Melaka ketiga seawal bulan April dalam tahun 1424. Katakan kedukacitaan beliau berlaku dalam awal tahun 1424. Maka, tidaklah wajar bahawa putera raja tersebut cuba belayar pada masa angin monsun timur laut sedang bertiup kencang dalam bulan pertama tahun tersebut. Tambahan pula, raja Melaka yang kedua baru sahaja menghantar suatu utusan ke negeri China bersama angkatan laut Ming yang tiba di Peking menjelang 14 Oktober 1423.³ Jadi, Raja Melaka kedua tentu mangkat sebelum musim pelayaran berakhir pada tahun 1423 yang juga membawa penggantinya ke negeri China. Jadi, kesimpulan bahawa raja tersebut mangkat dalam tahun 1423 agak munasabah walaupun tahun kemangkatannya tidak dicatat dalam mana-mana sumber.

Raja Iskandar terbukti masih hidup dalam tahun 1413 apabila suatu utusan dihantar ke negeri China atas namanya.⁴ Dengan demikian, raja Melaka yang kedua sebenarnya memerintah dari tahun 1413 atau 1414 sehingga 1423, iaitu selama sepuluh atau sembilan tahun. Meskipun demikian, pemerintah beliau dikurangkan kepada hanya dua tahun sahaja dalam salasilah. Ini bermakna jangka masa lapan atau tujuh tahun dipindahkan. Huraian ahli salasilah tentang pemerintahan Raja Iskandar membolehkan kita menjelaskan masa dua tahun tersebut yang masih terus dikekalkan dalam salasilah. Begitu juga dengan tahun kemangkatan Raja Iskandar dan permulaan pemerintahan raja Melaka yang kedua.

Kita memperhatikan bahawa Raja Iskandar disifatkan sebagai

memerintah di Melaka selama dua puluh tahun. Ini merupakan gabungan masa enam tahun daripada pemerintah beliau di Singapura, yang tidak boleh dirujuk oleh ahli salasilah, dan masa empat belas tahun di Melaka.⁵ Jangka masa dua puluh tahun tersebut mewakili masa pemerintahan Raja Iskandar di kedua-dua ibu kota, iaitu Melaka dan Singapura, walaupun hanya Melaka yang dapat dinyatakan. Akan tetapi, pemerintahan beliau selepas Palembang sebenarnya meliputi jangka masa dua puluh dua tahun. Masa dua tahun perlawanan Raja Iskandar dari Singapura ke Melaka bukan merupakan masa Raja Iskandar turun takhta. Sesungguhnya, ahli salasilah amat menitikberatkan keutuhan status Raja Iskandar dalam masa dua tahun itu. Beliau tidak mahu nanti wujud andaian bahawa pengganti-pengganti raja Iskandar mempunyai seorang moyang yang terjejas kedaulatannya oleh kekalahan dan juga tidak mempunyai sebuah ibu kota selama dua tahun. Tumpuan untuk menunjukkan kesinambungan kedaulatan dapat dirasakan apabila ahli salasilah mempunyai alasan untuk meletakkan pemerintahan Raja Iskandar menurut susunan pemerintahan raja Melaka, dan juga untuk mereka dongeng bagi membolehkan jangka masa dua puluh dua tahun dalam pemerintahan raja Iskandar selepas Palembang dimasukkan ke dalam kronologi raja yang diperluas. Ahli salasilah menyatakan bahawa Raja Iskandar memerintah di Melaka selama dua puluh tahun. Akan tetapi, jika timbul kesempatan seterusnya; beliau dibenarkan menyelesaikan masalahnya dengan membuat andaian bahawa masa dua tahun dalam perlawanan Raja Iskandar juga merupakan masa dua tahun dalam pemerintahannya di Melaka. Andaian ini ketara dalam Cheritera asal *Raja-raja Melayu punya keturunan*.⁶ Andaian tersebut juga dibayangkan dalam huraian *Raffles MS. 18* tentang pemerintahan raja Melaka yang kedua. Ini merupakan peluang untuk ahli salasilah menunjukkan bahawa Raja Iskandar tetap merupakan pemerintah pada masa dua tahun dalam perlawanannya. Dengan itu, ahli salasilah perlu mengurangkan jangka masa pemerintahan pengganti Raja Iskandar selepas Palembang. Pemerintahan Raja Iskandar harus bermula di ibu kota Melaka bagi menghapuskan sebarang kesangsian tentang status Raja Iskandar pada masa dua tahun tanpa mempunyai ibu kota. Dengan demikian, pemerintahan Raja Iskandar yang sebenar di Melaka selama empat belas tahun ini ditambah dengan lapan tahun lagi. Masa lapan tahun tersebut terdiri daripada enam tahun dalam pemerintah Raja Iskandar di Singapura serta dua tahun dalam perlawanan. Maka, ini bermakna jangka masa pemerintahan raja Melaka yang kedua dikurangkan sebanyak lapan tahun dan bukannya tujuh tahun. Jangka

masa pemerintahan Raja Melaka yang sebenar ialah sepuluh tahun dan tamat dalam tahun 1423. Masa dua tahun kepada pemerintah Raja Iskandar yang terus dikekalkan dalam salasilah bersamaan dengan tahun 1421-2 sehingga 1422-3. Jangka masa lapan tahun yang bertindih itu adalah daripada tahun 1413-14 sehingga 1420-1. Dengan demikian, tahun terakhir pemerintahan Raja Iskandar yang sebenar ialah pada tahun 1412-13. Raja Iskandar masih hidup dalam tahun 1413 yang juga merupakan tahun kemangkatannya. Raja Melaka yang kedua tiba di Peking dalam Oktober 1414 melaporkan bahawa bapanya mangkat pada tahun sebelumnya.

Tahun pemerintahan Raja Iskandar yang kedua puluh lima ialah pada tahun 1412-13 dan bukannya 1413-14. Dengan demikian, pemerintahan Raja Iskandar sebenarnya bermula dalam tahun 1388-9 dan bukannya 1389-90 seperti yang diandaikan dengan mudah dalam bab yang lepas. Sekarang kronologi pemerintahan Raja Iskandar dapat diperbetulkan dengan lebih tepat lagi seperti berikut:

1388-1389	—	1390-1391 tiga tahun memerintah di Palembang
1391-1392	—	1396-1397 enam tahun memerintah di Singapura
1397-1398	—	1398-1399 dalam perlarian ke Melaka
1399-1400	—	1412-1413 empat belas tahun memerintah di Melaka dan mangkat dalam tahun 1413

Raja Iskandar mungkin menggantikan bapanya di Palembang beberapa bulan sebelum kemangkatan Hayam Wuruk dalam tahun 1389. Keputusan beliau untuk menuntut dakwaannya berlaku tidak lama selepas kemangkatan Hayam Wuruk. Upacara keagamaan di Palembang diadakan pada penghujung tahun pemerintah Raja Iskandar yang ketiga (1390-1) dan dengan demikian, upacara tersebut diadakan dalam tahun 1391. Orang Jawa mungkin menyerang Palembang dalam tahun yang sama. Negeri Jawa mengambil tindakan berjaga-jaga dengan menghantar utusan ke negeri China yang berangkat dalam musim pelayaran berikutnya, iaitu pada tahun 1392.⁷ Raja Iskandar memerintah di Singapura daripada tahun pemerintahannya yang keempat sehingga sekurang-kurangnya pada penghujung pemerintahannya yang kesembilan (1391-2 sehingga 1396-7). Tidak mungkin orang Thai

menyerang Singapura sebelum awal tahun 1398, iaitu dalam tahun pemerintahan Raja Iskandar yang kesepuluh (1397-8).⁸ Pecahan masa pemerintahan Raja Iskandar tidak dicatatkan. Sekiranya tepat bahawa dua tahun dihabiskan dalam perlarian, maka Melaka diasaskan dalam tahun 1400 pada tahun pemerintahan Raja Iskandar yang kedua belas (1399-1400). Akan tetapi, sekiranya masa pelarian beliau kurang daripada dua tahun, maka Melaka boleh jadi diasaskan dalam tahun 1399. Kemudiannya, Raja Iskandar terus memerintah di Melaka sehingga kemangkatan beliau dalam tahun 1413. Seterusnya, Raja Iskandar digantikan oleh puteranya yang memerintah selama sepuluh tahun (1413-23).

Penganalisan ke atas kronologi ahli salasilah memperlihatkan bahawa beliau secara tidak sengaja memanipulasikan jangka masa pemerintahan yang sebenar dengan tidak sistematik. Lebih-lebih lagi apabila dua daripada tumpuan muslihat beliau tertonjol. Dua kali beliau mereka kronologi yang menghubungkan tahun penubuhan negeri Melaka (1399-1400) dengan tahun pemerintahan Raja Iskandar yang keempat (1391-2).⁹ Beliau membuat ketetapan untuk tidak mengganggu tahun 1423 yang merupakan tahun sebenar permulaan pemerintahan raja Melaka yang ketiga. Sebaliknya, beliau memilih untuk memendekkan jangka masa pemerintahan raja Melaka yang kedua.

Penghormatan ahli salasilah terhadap tahun pemerintahan Raja Iskandar yang keempat yang bersamaan dengan tahun 1391-2 tidak menghairankan. Tahun tersebut bermula sebaik sahaja selepas bahagian terakhir kepada tahun pemerintahan Raja Iskandar yang ketiga, iaitu pada tahun 1390-1 yang merupakan masa kepada upacara keagamaannya yang diadakan di Palembang. Pada masa itu, Raja Iskandar mengumumkan tuntutan beliau dengan dakwaan kepada masa lampau dan mengisytiharkan dirinya sebagai keturunan Raja Lokesvara. Raja Iskandar mula memperlihatkan kekuasaan yang sebegitu berkesan sehingga beliau dapat mengatasi kesukarannya dan akhirnya, mengasaskan Melaka. Menurut salasilah, Raja Iskandar dikatakan mula memerintah di Melaka dengan status yang setanding dengan yang diperolehnya ketika diadakan upacara pada tahun 1391. Tahun permulaan pemerintahan Raja Iskandar di Melaka merupakan tahun yang paling penting dan dramatik kepada mereka yang mengetahui tentang riwayat hidup beliau. Jadi, ahli salasilah sudah tentu menghubungkan tahun penubuhan Melaka dengan tahun permulaan pemerintahan Raja Iskandar yang keempat. Tahun tersebut bertuah apabila kemurniaan pengasas melindungi dirinya, tuntutannya serta permulaan Melaka.

Terdapat pengertian yang lebih menarik lagi tentang huraian ahli salasilah berkenaan pemerintahan raja Melaka yang kedua. Pengertian yang dimaksudkan ialah kenyataan yang menunjukkan kesungguhan beliau untuk mengabadikan tahun yang bersamaan dengan 1423 sebagai tahun permulaan pemerintahan raja Melaka yang ketiga. Jelas bahawa tahun 1423 tergolong ke dalam lingkungan jangka masa ahli salasilah yang penting. Sebab kepada kesungguhan ahli salasilah untuk mengabadikan masa tersebut akan diselidiki kemudian, iaitu dalam kajian ke atas huraianya tentang dongeng pemerintahan raja Singapura yang kedua dan ketiga. Jangka masa pemerintahan ini bersamaan dengan lima belas tahun dan tiga belas tahun berturutan.

Jangka masa 15 tahun dan 13 tahun yang bersamaan dengan jumlah 28 tahun ini, didapati hanya 20 tahun kurang daripada jangka masa 48 tahun. Kebetulan pula kedua-dua masa 20 tahun dan 48 tahun ini adalah dua unit masa kepada ahli salasilah. Jangka masa 20 tahun ini merupakan tempoh pemerintahan Raja Iskandar di Melaka. Sementara tempoh masa 48 tahun pula adalah tempoh yang luar biasa panjangnya kepada dongeng pemerintahan Sri Tri Buana. Ini merupakan suatu unit masa yang menakjubkan dan setakat ini merupakan tempoh pemerintahan raja Singapura yang terpanjang. Peranan Sri Tri Buana dalam salasilah benar-benar penting untuk membolehkan kita memastikan unit masa ini tidak dikira secara sembarangan. Adakah ahli salasilah sengaja merancang kedudukan bersisian kepada jangka masa pemerintahan yang berikut?

20 tahun	—	pemerintahan Raja Iskandar di Melaka
15 tahun	—	pemerintahan raja Singapura yang kedua
13 tahun	—	pemerintahan raja Singapura yang ketiga
	—	jumlahnya ialah 48 tahun yang merupakan jangka masa pemerintahan Sri Tri Buana

Susunan ini melibatkan satu pemerintahan di Melaka dan dua pemerintahan di Singapura. Gabungan tersebut tidak semestinya merupakan asas kepada dongeng bagi menjelaskan keutamaan jumlah masa 48 tahun itu. Ini kerana persamaan mutlak identiti di antara sejarah Singapura dengan Melaka merupakan suatu ardaian yang berkemungkinan. Cerita bendahara menunjukkan bahawa ahli salasilah menggunakan peristiwa dalam sejarah Melaka sebagai asas kepada setengah-setengah butir dalam sejarah Singapura. Persamaan di antara Sri Tri Buana dengan Raja Iskandar pula disahkan oleh keadaan

bahawa kedua-dua raja tersebut ditabalkan sebanyak dua kali di Palembang. Dalam kedua-dua kes, kedua-dua raja yang ketiga merupakan raja yang agung.¹⁰ Dengan demikian, susunan pemerintahan yang terdiri daripada 48 tahun tersebut mungkin merupakan suatu susunan bersisian yang disengajakan. Ahli salasilah sendiri yang merancangannya apabila beliau mereka kronologi dongeng untuk sejarah Singapura. Sekiranya ini benar, maka ini menambahkan satu lagi contoh kepada kesanggupan ahli salasilah untuk memanipulasi jangka masa pemerintahan raja Melaka yang kedua bagi memenuhi tujuan beliau. Kita memperhatikan yang beliau mengetahui bahawa pemerintahan Raja Melaka yang kedua berlangsung selama sepuluh tahun. Pemerintahan raja Singapura yang kedua pula lima tahun lebih panjang. Namun demikian, tambahan masa lima tahun ini dapat dihubungkan kepada unit masa yang sebenar. Unit masa ini terdiri daripada tiga tahun pemerintahan Raja Iskandar di Palembang dan dua tahun dalam perlariannya. Ahli salasilah tidak ragu-ragu dalam mengurangkan lapan tahun daripada jangka masa sepuluh tahun pemerintahan raja Melaka yang kedua. Masa ini membolehkan beliau memindahkan tahun pemerintahan dari 1391-2 sehingga 1398-9 ke dalam sejarah Melaka. Beliau juga mungkin mempunyai alasan untuk memindahkan masa lima tahun dari jangka masa 25 tahun dalam pemerintahan Raja Iskandar. Masa tersebut dialihkan kepada pemerintahan raja Melaka yang kedua, didongengkan sebagai pemerintahan raja Singapura yang kedua.

Katakan beliau membuat ketetapan untuk berbuat demikian. Jadi, masa 35 tahun dari jangka masa 48 tahun dalam pemerintahan Sri Tri Buana akan melambangkan masa dari tahun 1388 sehingga tahun 1423. Baki tiga belas tahun ialah jangka masa pemerintahan raja Singapura yang ketiga dan baki masa tersebut mungkin melambangkan satu lagi unit masa yang sebenar. Unit masa ini mungkin merupakan jangka masa kepada pemerintahan raja Melaka yang ketiga yang didongengkan sebagai pemerintahan raja Singapura yang ketiga. Dengan demikian, masa 48 tahun itu tentu bermula dalam tahun 1388, yang merupakan tahun Raja Iskandar ditabalkan di Palembang, dan tamat dalam tahun 1436. Akan tetapi, raja Melaka yang ketiga masih hidup dalam tahun 1436.¹¹ Jadi, tahun ini yang berada dalam pemerintahannya yang belum tamat tentu menandakan pengakhiran kepada masa yang diberi kepada ahli salasilah. Ini kerana ahli salasilah perlu mempersembahkan salasilah tersebut kepada raja pada tahun itu.

Akan tetapi, adakah ahli salasilah memang mahu mendongengkan

masa pemerintahan Melaka dengan masa pemerintahan Singapura?

Walaupun kronologi ahli salasilah merupakan suatu dongeng tetapi ia bukan diadakan secara sewenang-wenang sahaja. Ahli salasilah memang mengetahui tentang jangka masa pemerintahan raja Melaka yang pertama dan kedua. Beliau juga berhasrat untuk mengabadikan tahun 1423 sebagai tahun pertabalan raja Melaka yang ketiga. Yang paling penting ialah kita harus tahu apakah yang hendak dicapai oleh salasilah raja Melaka. Ahli salasilah bukan bertujuan menulis bagi pihak raja yang memerintah. Jadi, beliau harus memperlihatkan kedaulatan raja Melaka. Ahli salasilah mereka dongeng 'sejarah Singapura' untuk memenuhi tujuan tersebut. Dongeng ini memper-tahankan kedaulatan Palembang sehingga tahun 1388. Oleh kerana sejarah Singapura adalah satu-satunya kesempatan untuk beliau menegaskan perkara-perkara yang diutamakannya dan Sri Tri Buana merupakan tokoh utama dalam sejarah Singapura; kita harus meng-usulkan bahawa kronologi beliau adalah satu lagi bayangan tentang rasa tanggungjawab beliau terhadap salasilah. Pemerintahan Sri Tri Buana selama 48 tahun dikaitkan kepada sejarah Singapura tetapi sebenarnya merujuk kepada sejarah Palembang-Melaka. Ini merupakan ukuran kedaulatan daripada segi masa yang berjaya diperlihatkan oleh ahli salasilah bagi pihak raja Melaka. Beliau melambangkan pencapaiannya secara tepat dengan menyifatkan pemerintahan Sri Tri Buana benar-benar sama lamanya dengan jumlah masa pemerintahan tiga orang raja Melaka, yang menjadi tumpuan beliau sama ada sudah tamat ataupun belum.

Katakan masa 48 tahun yang disifatkan kepada pemerintahan Sri Tri Buana akan ditafsirkan sebagai suatu tindakan simbolik. Walau bagaimanapun, kita harus menerangkan bagaimana kronologi Melaka disalin ke dalam kronologi Singapura. Begitu juga, bagaimana jangka masa 48 tahun dari tahun 1388 sehingga tahun 1436 bersamaan dengan jangka masa tiga pemerintahan raja Singapura yang terawal. Maka, barulah kita dapat mempercayai bahawa jangka masa 48 tahun tersebut benar-benar penting kepada ahli salasilah untuk dihargai sebagai tempoh pemerintahan Sri Tri Buana. Ahli salasilah bergantung kuat kepada dongeng Sri Tri Buana bagi memenuhi matlamat salasilahnya.

Terdapat kenyataan yang boleh diberi bagi memperkukuhkan persamaan mutlak di antara kronologi Singapura dengan Melaka. Sekali lagi kita harus mempertimbangkan huraian tentang pemerintahan raja yang kedua dalam susunan tiga pemerintahan raja Singapura dan Melaka yang terawal.

Masalah ahli salasilah ialah untuk mengatur suatu pecahan masa yang tepat dari masa 48 tahun ini di antara tiga pemerintahan raja Singapura yang terawal. Beliau tidak dibenarkan mengguna pemerintahan raja yang pertama dan ketiga untuk tujuan manipulasi. Tempoh pemerintahan Sri Tri Buana akan diabadikan untuk alasan simbolik dan permulaan pemerintahan raja Melaka yang ketiga dalam tahun 1423 amat penting kepada ahli salasilah. Jadi, ini bermakna beliau harus berhati-hati dalam memindahkan masa tiga belas tahun yang terawal kepada pemerintahan raja Singapura yang ketiga. Dalam apa juga keadaan, pemerintahan raja yang masih hidup tidak boleh dimanipulasikan. Raja Singapura yang ketiga dikatakan mangkat selepas memerintah selama tiga belas tahun. Sementara itu, raja Melaka yang ketiga pula masih hidup dalam tahun 1436. Namun demikian, huraian yang tidak memuaskan tentang pemerintahan raja Melaka yang ketiga memang tidak dapat dielakkan. Pemerintahan raja Singapura yang ketiga harus diikuti oleh pemerintahan bapa Raja Iskandar untuk membolehkan Raja Iskandar diperkenalkan sebagai raja Singapura yang kelima. Dengan demikian, hanya pemerintahan raja Singapura yang kedua sahaja yang boleh dimanipulasikan sekiranya ahli salasilah hendak memperoleh persamaan mutlak di antara kronologi Singapura dengan Melaka.

Dalam huraian tentang pemerintahan raja yang kedua, kita dapat memperhatikan bahawa sebenarnya kita bukan berhadapan dengan kemungkinan kronologi. Akan tetapi, kita mempersoalkan adakah ahli salasilah sengaja merancang pemerintahan Raja Iskandar serta raja Melaka yang ketiga pada masa beliau memperhitungkan kronologi Singapura.

Ahli salasilah bertanggungjawab dalam menyifatkan pemerintahan Raja Iskandar di Melaka sebagai dua puluh tahun. Ini supaya dapat ditunjukkan bahawa Raja Iskandar mempunyai status yang sama di antara masa ketika beliau mengasaskan negeri Melaka dengan status yang diperoleh dalam tahun 1391-2. Kita memperhatikan bahawa andaian tersebut memerlukan beliau memindahkan masa lapan tahun daripada pemerintahan raja Melaka yang kedua. Ahli salasilah memanipulasikan pemerintahan raja Melaka yang kedua, iaitu didongengkan sebagai pemerintahan raja Singapura yang kedua. Manipulasi tersebut konsisten dengan cara beliau menggambarkan pemerintahan Raja Iskandar di Melaka selama dua puluh tahun. Keselarasana tersebut menjadi nyata apabila kita merujuk kepada dongeng Sri Tri Buana, yang menggantikan peranan Raja Iskandar, yang perlu memulakan

pemerintahan beliau di Palembang. Pada masa pertabalannya di Palembang, Sri Tri Buana mempunyai status sebagai dipertuan Melayu, iaitu status yang diwarisi oleh Raja Iskandar apabila beliau memulakan pemerintahannya selama 'dua puluh tahun' di Melaka selepas meninggalkan 'Singapura'-Palembang. Menurut maksud ahli salasilah yang terselindung, pemerintahan Raja Iskandar bermula dalam tahun 1391-2. Tahun pertama pemerintahan Raja Iskandar ialah di Singapura yang sebenarnya memerintah selama enam tahun di sana dan seterusnya empat belas tahun di Melaka. Meskipun demikian, Raja Iskandar yang sebenarnya juga merupakan seorang pemerintah di Palembang yang memerintah selama tiga tahun dan dua tahun dalam perlarian. Masa lima tahun ini tidak boleh diabaikan sekiranya kronologi Singapura ingin mengekalkan ketepatan ukuran daripada segi masa bagi tempoh penuh kekuasaan Melayu sejak dari tahun 1388. Jadi, harus dicari alasan untuk memasukkan masa ini ke dalam rekod. Bagi masa lima tahun tersebut, alasan yang logik ialah selepas berakhirnya pemerintahan Raja Iskandar selama 'dua puluh tahun' di Melaka. Dalam kronologi simbolik Singapura, masa lima tahun ini dipindahkan kepada pemerintahan yang berikutnya, iaitu pemerintahan raja Singapura yang kedua. Pemerintahan raja Singapura ini direka berdasarkan pemerintahan raja Melaka yang kedua yang tempoh masanya selama sepuluh tahun. Masa pemerintahan raja Singapura dipanjangkan kepada lima belas tahun apabila ditambah dengan masa lima tahun yang dipindahkan itu. Ini merupakan jangka masa pemerintahan yang dilambangkan dalam *Raffles MS. 18* kepada raja Singapura ini. Raja Melaka yang kedua bukan merupakan pengasas Melaka ataupun raja yang sedang memerintah. Dengan demikian, hanya pemerintahan raja Melaka yang kedua ini sahaja yang dapat dimanipulasikan. Hasilnya, pemerintah raja tersebut dimanipulasikan sebanyak dua kali oleh ahli salasilah. Satu kali di Singapura dan satu lagi dalam sejarah Melaka. Dalam kedua-dua kes, tahun yang bersamaan dengan permulaan pemerintahan raja Melaka yang ketiga, iaitu dalam tahun 1423 diabadikan.

Penganalisisan ke atas cara dongeng kronologi Singapura disusun bergantung kepada dua kawalan. Sumber Ming mengusulkan bagaimana pecahan masa ini dapat dibezakan dalam pemerintahan Raja Iskandar yang sebenar. Begitu juga, dalam bentuk apakah pecahan masa ini diselindungi oleh ahli salasilah. Pemerintahan Raja Iskandar selama 'dua puluh tahun' di Melaka seperti yang tercatat dalam *Raffles MS. 18* amat penting daripada segi ini. Keduanya, tahun terakhir pemerintahan dua orang raja Melaka yang terawal, iaitu pada tahun 1413 dan 1423,

dicerminkan dalam rekod Ming. Jangka masa pemerintahan raja Melaka yang kedua (1413-23) yang menjadi tumpuan utama dalam analisis ini pula dapat dihitung. Dengan demikian, pemerhatian dapat ditumpukan kepada jangka masa pemerintahan raja Singapura yang kedua. Namakannya, kronologi raja Singapura yang kedua tersebut memberi kesan tentang seorang penulis yang bertanggungjawab dalam meambangkan pemerintahan Raja Iskandar di Melaka yang dikatakan selama dua puluh tahun. Sudah tentu dapat diandaikan bahawa kronologi Singapura disusun selepas ahli salasilah menetapkan cara untuk merckodkan kronologi Melaka.

Muslihat kronologi yang diperlihatkan ialah mengenai dua pemerintahan raja Melaka yang terawal. Kesimpulannya ialah tiga belas tahun yang pertama dalam pemerintahan raja Melaka yang ketiga (1423-36) sama seperti yang terkandung dalam pemerintahan raja Singapura yang ketiga. Kesimpulan tersebut disokong oleh kesungguhan dalam mengelak kronologi yang memindahkan tahun yang bersamaan dengan tahun 1423. Katakan pemerintahan raja Singapura yang ketiga bersamaan dengan pemerintahan raja Melaka yang belum tamat. Maka, jelaslah tahun 1436 merupakan tahun terakhir kepada masa yang berkaitan bagi ahli salasilah. Tahun tersebut merupakan masa untuk mempersembahkan salasilah kepada raja Melaka yang ketiga, iaitu raja yang memerintah sehingga tahun 1444.

Penganalisan ke atas komponen kronologi ahli salasilah membawa kita kepada satu kesimpulan. Disimpulkan bahawa ahli salasilah ini membuat ketetapan untuk menyusun kronologi sejarah Singapura untuk melambangkan pencapaiannya dalam melindungi kedaulatan raja-raja Melaka. Beliau berbuat demikian dengan cara mengukur jangka masa kedaulatan daripada tiga pemerintahan raja Singapura yang terawal sebagai menggantikan tiga pemerintahan raja Melaka yang terawal. Pemerintahan Sri Tri Buana selama 48 tahun tersebut merupakan tumpuan kepada pencapaian beliau yang terakhir dan amat berjaya.

Kecekapan ahli salasilah ini adalah atas tujuan ketaatan. Raja Iskandar mempunyai dua salasilah pemerintahan; salasilah pemerintahan beliau sendiri yang selama 25 tahun dan salasilah yang mencerminkan sifat kedewaannya selama 48 tahun oleh bodhisattva Sri Tri Buana. Dongeng Sri Tri Buana ialah untuk menjamin status kekuasaan dua keturunan Raja Iskandar di Singapura yang juga merupakan dua pengganti Raja Iskandar di Melaka.¹² Pemerintahan Sri Tri Buana-Raja Iskandar yang selama 48 tahun tersebut bermula di Palembang dalam

tahun 1388. Pemerintahan ini menyatukan dua pemerintahan yang seterusnya kerana ahli salasilah percaya bahawa kedaulatan Raja Iskandar melindungi kedaulatan penggantinya. Hingga ke tahap ini pemerintahan Raja Iskandar dilanjutkan sehingga 1436. Perlindungan yang diberikan oleh Raja Iskandar adalah hasil daripada upacara yang diadakan dalam tahun 1391. Upacara tersebut memberi kuasa kedewaan yang benar-benar berpengaruh dan berkesan untuk melindungi status penggantinya. Di sini, dakwaan ahli salasilah paling tegas terhadap suambangan Raja Iskandar kepada sejarah Melayu. Akan tetapi, beliau tidaklah setegas Prapanca dalam melambangkan sifat kedewaan keturunan Raja Kertanagara kepada Raja Kertanagara.¹³ Namun demikian, cara beliau diberi penghormatan yang sama.¹⁴

Begitu tinggi sekali penghormatan yang diberikan oleh ahli salasilah kepada Raja Iskandar melalui kronologinya. Penghormatan tersebut diberi melalui rekaan dongeng 'sejarah Singapura'. Seperti yang dapat kita perhatikan sekarang, dongeng tersebut membawa dua peranan. Peranan yang pertama didorong oleh tuntutan masa lampau Raja Iskandar dalam tahun 1391, iaitu tentang kekuasaan Melayu yang dilupakan untuk kira-kira tiga ratus tahun. Peranan yang kedua dan yang lebih penting memerlukan ahli salasilah mengabaikan jangka masa pemerintahan raja Melayu yang sebenar. Beliau memasukkan masa 48 tahun ke dalam kronologinya untuk membolehkan beliau melambangkan warisan dakwaan pada raja Melaka dalam tahun 1436 kepada pencapaian Raja Iskandar.

Akan tetapi, sekarang kita harus mengetahui kenyataan yang tidak menyenangkan. Sebenarnya, punca kita untuk menyusun semula prestij Raja Iskandar bukanlah berpandukan Raja Iskandar sendiri tetapi hanya Sri Tri Buana sahaja. Sesungguhnya, ahli salasilah menolak status Raja Iskandar yang kita sifatkan kepadanya. Pengasas Melaka ini, iaitu Raja Iskandar hanya diberi nama Islam sebagai 'Raja Iskandar Shah' lalu diketepikan menerusi latar belakang cerita.

Dua keterangan dapat diberi kepada cara penulisan semula sejarah yang pelik ini. Pertama, kita memperdayakan diri kita sendiri. Sebenarnya, salasilah ini disusun pada masa yang kemudiannya ketika asas dan sejarah awal Melaka hampir luput dalam ingatan istana Melaka dan Johor. Dengan demikian, peristiwa lampau ini mungkin dihuraikan secara sembarangan sahaja dan bersifat khayalan. Alternatifnya ialah keadaan di Melaka pada tahun 1436 sedemikian rupa, iaitu kedaulatan raja Melaka yang sedang memerintah pada masa tersebut harus dilindungi meskipun jaminan itu datang daripada Raja Iskandar.

Penyusunan semula sejarah Melaka dalam tahun 1436 meng-
 usulkan sebab dan cara salasilah disusun dalam tahun tersebut.

BAB 11

MELAKA DALAM TAHUN 1436

Penubuhan negeri Melaka merupakan suatu langkah yang berani. Namun demikian, salasilah bukan sahaja merahsiakan keberanian tersebut, malah juga kenyataan pahit yang menanti Raja Iskandar dan puteranya. Pemulihan semula kekuasaan keluarga Raja Iskandar di Sumatera masih setengah abad jauhnya. Raja Iskandar terus menaruh dendam terhadap kehilangan Palembang. Jadi dalam tahun akhir hayatnya, Raja Iskandar cuba secara agak tidak bijak untuk menakutkan Jawa supaya memulangkan Palembang kepadanya. Raja Iskandar memberitahu mereka bahawa maharaja Ming bersetuju untuk menyerahkan hak Palembang kepadanya.¹ Dalam pada itu, penduduk kepulauan yang taat pula membekalkan sumber angkatan laut kepada Raja Iskandar dan cuma setakat inilah sahaja kekuasaan Melaka. Menurut Pires, daerah pedalaman kota baru itu hanya memiliki bumi yang subur dan binatang dalam jumlah yang banyak sahaja. Kenyataan beliau memang benar.

Tambahan pula, keselamatan Melaka sendiri tidak terjamin. Di seberang Melaka terdapat kerajaan Haru yang terletak di pantai Sumatera. *Suma Oriental* dan *Raffles MS. 18* dalam bab yang terakhir menerangkan bahawa kedua-dua kerajaan tersebut saling bermusuhan. Menurut Pires 'sejak Melaka diasaskan, [raja Haru] sentiasa berperang dengan Melaka dan membunuh ramai rakyatnya ... orang Melayu sentiasa berjaga-jaga terhadap orang Aru kerana perselisihan tersebut wujud sekian lama dan sentiasa berkekalan'.² Jiran negeri Haru, Kampar merupakan sebahagian daripada empayar Srivijaya-Palembang.

Kampar memperoleh kemerdekaannya menjelang abad ke-13 daripada kerajaan Melayu, iaitu pengganti di Palembang.³ Tentu sekali raja Haru tidak mahu melihat pemulihan semula kekuasaan keluarga diraja Palembang.⁴

Walau bagaimanapun, tidak ada negara jiran yang lebih mengancam keselamatan Melaka daripada kerajaan Ayuthia di Thai. Apabila Yin Ching melawat Melaka dalam tahun 1404, beliau mendapati Raja Iskandar membayar ufti kepada Thai.⁵ Dalam tahun 1408, puak keluarga diraja Thai, iaitu Subarnapuri akhirnya berjaya memperkukuhkan kekuasaannya ke atas kerajaan Ayuthia. Kerajaan Angkor sudah pun digulingkan,⁶ kerajaan Thai tentu dapat menumpukan perhatiannya kepada urusan berkenaan lembah Menam dan Semenanjung Melayu. Negeri-negeri di selatan Melayu yang di bawah lingkungan pengaruh kerajaan Ligor dianggap jajahan Thai. Melaka pula merupakan satu-satunya jajahan Thai yang terbaru.⁷ Orang Melayu Melaka tidak dapat mengabaikan ketuanan Thai kerana mereka bergantung kepada Thai untuk mendapat bekalan makanan. Menurut Pires, apabila raja Melaka yang 'kedua' menaiki takhta, raja tersebut menghantar utusan kepada kerajaan Ayuthia untuk memastikan pembayaran ufti dilaksanakan.⁸

Hubungan di antara kedua-dua kerajaan tersebut agak tegang. Dalam tahun 1407, 1419 dan 1431, raja Melaka mengadu kepada maharaja Ming tentang gangguan kerajaan Thai.⁹ Namun demikian, perlindungan dari negeri China kadang-kadang membawa risiko iaitu dalam bentuk pembalasan dari Thai. Dalam utusan pertama beliau ke negeri China dalam tahun 1405, Raja Iskandar segera mengambil tindakan berjaga-jaga dengan mendapatkan pengesahan perlindungan. Namun demikian, Thai mengambil tindakan yang sama cepat pula, iaitu merampasnya.¹⁰ Ikatan dengan negeri China dijamin oleh hubungan jajahan dan ketaatan kerajaan Melayu kuno. Pada masa itu, ikatan ini lebih penting dari masa-masa sebelumnya. Raja Melaka dengan bangga memperakui ikatan ini dengan kerap kali menghantar utusan ke negeri China yang kadang-kadang diketuai oleh raja sendiri.¹¹ Pires menyatakan bahawa raja Melaka yang 'kedua', iaitu cucu Raja Iskandar pergi ke negeri China untuk menghadap maharaja 'yang dipatuhi oleh Jawa, Siam dan Pasai'.¹² Ketundukan kepada negeri China dihargai di Asia Tenggara kerana ia membayangkan kesamaan di antara raja-raja Asia Tenggara. Itulah sebabnya raja Jawa menentang kerajaan Melayu daripada meminta perlindungan dari negeri China dalam tahun 1377. Angkatan laut Ming yang besar kadang-kadang membawa sehingga 37 000 orang askar dan berlabuh di Melaka. Angkatan tersebut berlabuh

di Melaka sekurang-kurangnya sebanyak sepuluh kali pada masa pemerintahan Raja Iskandar dan puteranya. Angkatan ini menggunakan pelabuhan Melaka sebagai pangkalan kepada pelayarannya di Lautan Hindi.¹³ Thai mengetahui bahawa maharaja China mengutamakan kelancaran perhubungan di lautan selatan dan tidak terancam oleh perselisihan di antara 'orang-orang yang tidak bertamadun'. Kekuasaan angkatan laut China ini membantu menstabilkan keadaan antarabangsa bagi pihak kerajaan Melaka yang baru.

Sebaliknya, dasar Ming juga membawa keburukannya. Dasar ini bertanggungjawab kepada prospek yang tidak memberi sebarang harapan serta kabur yang dihadapi oleh dua orang raja Melaka yang terawal.

Masa di antara kemangkatan Tai-tsu dalam tahun 1398 dengan perampasan kuasa Maharaja *Yung-lo* dalam tahun 1402 adalah serentak dengan penubuhan Melaka. Pada masa itu, keadaan di negeri Cina tidak tenteram apabila dasar maharaja yang menentang perdagangan persendirian China diketepikan. Namun demikian, tidak semua pedagang China terpaksa belayar ke negeri asing akibat dasar Tai-tsu tersebut. Mereka itu tentu sekali amat aktif untuk seketika, iaitu pada masa kerajaan China lemah. Jadi, kegiatan mereka membantu dalam menjelaskan mengapa pedagang Muslim memaklumkan kepada Maharaja *Yung-lo* pada permulaan pemerintahan beliau bahawa Melaka ialah sebuah pusat perdagangan.¹⁴ Pada masa itu, angkatan laut Bentan melencongkan kapal-kapal perdagangan dari Singapura yang di bawah kekuasaan Thai.¹⁵ Namun demikian, harapan perkembangan ini berakhir dengan tiba-tiba apabila Maharaja *Yung-lo* memperkukuhkan kekuasaannya. Raja Iskandar pula cepat menyedari bahawa ikatan China hanya akan melindungi Melaka daripada negara-negara jiran. Namun demikian, ikatan tersebut tidak akan memberinya monopoli terhadap perdagangan China, agar dapat menjamin Melaka sebagai negeri yang mempunyai kedudukan perdagangan yang utama di wilayah itu. Latar belakang keadaan dalam tahun 1436 tidak dapat dijelaskan sekiranya kita tidak mengetahui tentang akibat daripada ikatan dengan negeri China.

Maharaja *Yung-lo* seperti bapanya juga, memberi tumpuan dalam menghapuskan perdagangan persendirian China. Namun demikian, pemahaman beliau tentang masalah ini lebih realistik. Peperangan yang dilancarkan oleh Tai-tsu bagi memperkukuhkan dinasti Ming dan perang saudara di antara tahun 1398 dengan 1402 menghabiskan sama sekali perbendaharaan negara. Maharaja *Yung-lo* mengetahui bahawa

kekayaan luar amat diperlukan. Beliau juga mengetahui bahawa saudagar-saudagar China tidak akan mematuhi dasar yang melarang mereka daripada berniaga di luar negeri dan langkang-langkah yang lebih berkesan diperlukan. Dalam tahun 1404, Maharaja *Yung-lo* mengeluarkan arahan, iaitu kapal pelayaran yang digunakan oleh saudagar-saudagar China harus disesuaikan supaya tidak dapat lagi digunakan untuk tujuan tersebut.¹⁶ Walau bagaimanapun, Maharaja *Yung-lo* tidak boleh bergantung kepada pegawai-pegawai di selatan China dalam menguatkuasakan langkah-langkah hukuman. Dengan demikian, beliau mengambil keputusan untuk mengendalikan sendiri pelaksanaan perdagangan ufti, iaitu menerusi angkatan laut yang besar.¹⁷ Seperti duta Maharaja Sui Yang-ti,¹⁸ Laksamana Maharaja *Yung-lo* juga akan menjadi pedagang kerajaan.¹⁹

Cara Maharaja *Yung-lo* menjalankan sistem ufti adalah luar biasa seperti bapanya juga yakni kedua-dua mereka lebih menegakkan ketaatan jajahan daripada pertukaran perdagangan. Pada masa kekuasaan kerajaan Srivijaya-Palembang, perdagangan Asia Tenggara terdiri daripada tiga jenis kargo: iaitu kargo Asia Tenggara, Lautan Hindi dan China. Bagi kerajaan Srivijaya, kargo yang menampung kapal-kapal asing ke negeri China untuk menukar barangan China merupakan utusan yang penting dalam perdagangan tersebut kerana pelabuhan Palembang digunakan oleh kapal yang dalam perjalanan ke negeri China dan balik. Akan tetapi, kesan daripada pelaksanaan dasar Maharaja *Yung-lo* tersebut membolehkan perdagangan China dijalankan di mana-mana pelabuhan yang disinggahi oleh angkatan lautnya. Di kepulauan Asia Tenggara, dasar tersebut membawa dua kesan, Angkatan laut Ming tidak berlayar setiap tahun dan ini bermakna terdapat pengurangan dalam jumlah perdagangan China.²⁰ Keduanya, angkatan laut beliau tidak singgah di setiap pusat pengeluaran tetapi hanya di pusat yang merupakan jajahan maharaja China. Jadi, ini bererti Laksamana Maharaja *Yung-lo* melencong dari pusat perdagangan yang kecil dan sebenarnya, pusat ini berkembang pada akhir zaman pemerintahan Sung, iaitu hasil daripada lawatan saudagar-saudagar China yang mengembara yang menarik minat saudagar lain dalam mencari barangan China. Kini, pusat perdangan kecil tersebut pula mengalami kemunduran ekonomi.²¹

Dasar Maharaja *Yung-lo* memberi kesan yang mendalam kepada pemerintahan awal Melaka. Perdagangan China yang dilaksanakan di bawah naungan maharaja China berserta dengan kesempatan yang boleh diperolehi daripada naungan China yang lain dalam wilayah itu

tidak dapat mempertingkatkan kemakmuran Melaka. Pelabuhan Kampar, Ayuthia, Jawa, Haru, Pasai dan Lambri juga kerap disinggahi oleh angkatan laut Ming.²² Jadi, apa yang mengecewakan Melaka ialah dasar perdagangan sekutu Melaka yang berpengaruh ini menghalang Melaka untuk memperkukuhkan kekuatan dan kekuasaan wilayahnya daripada sumber-sumber perdagangannya sendiri yang timbul daripada monopoli perdagangan China. Melaka kekal sebagai pangkalan angkatan laut Ming. Apabila angkatan laut Ming singgah di pelabuhan Melaka, perdagangan Melaka berjalan dengan cergas. Akan tetapi, perdagangan Melaka tidak tetap dan juga bergantung kepada perkembangan dasar Maharaja *Yung-lo*. Ini bererti perkembangan ekonomi Melaka menjadi terjejas. Jadi, sukar untuk raja Melaka mengharapkan agar status politik dan perdagangan Melaka mencapai tingkat kenikmatan yang diinginkan seperti yang dinikmati oleh raja Palembang ketika kekuasaan Srivijaya.²³

Sementara itu, perdagangan Asia Tenggara dan Lautan Hindi pesat berkembang dan di luar keupayaan Melaka. Terlalu banyak peristiwa yang berlaku di wilayah ini sejak kesulitan Palembang bermula dalam tahun 1377. Melaka sebagai sebuah kerajaan yang baru pula berada dalam keadaan yang merugikan.

Perdagangan seberang laut Jawa berkembang dengan amat pesat dalam abad kebelakangan. Prestij kerajaan Majapahit dalam abad ke-14 memberi dorongan khusus kepada Jawa.²⁴ Kemerosotan secara mengejut dalam perdagangan persendirian China termasuk kegiatan orang tengah di Lautan Hindi dan Asia Tenggara, memberi kesempatan seterusnya kepada Jawa. Kemerosotan kerajaan Majapahit selepas penghujung abad ke-14 menggalakkan pelabuhan di Utara Jawa untuk mengembangkan perdagangan seberang laut, sebagai langkah memperkukuhkan kedudukan mereka berbanding dengan kerajaan Majapahit. Pada masa itu, perdagangan ufti China dikawal oleh Maharaja *Yung-lo* dan hal ini tidak menjadi dorongan untuk menarik orang Jawa ke pelabuhan Melaka selain ke tempat lain. Orang Jawa lebih suka menumpukan aktiviti mereka di pelabuhan yang menawarkan perniagaan yang menguntungkan. Perniagaan yang mereka cari juga memerlukan perkhidmatan saudagar Lautan Hindi yang boleh didapati di Pasai.

Menjelang permulaan abad ke-15, kerajaan Pasai di utara Sumatera mewarisi perkembangan perdagangan ini. Kerajaan Pasai menghantar utusannya yang pertama ke negeri China dalam tahun 1383, iaitu selepas raja Jawa melarang kerajaan Melayu dan Palembang

daripada menghantar utusan seterusnya ke negeri China. Raja Pasai yang memerintah ketika pemerintahan dua orang raja Melaka yang terawal serta separuh pertama pemerintahan raja Melaka yang ketiga ialah Sultan Zainal Abidin. Seperti raja yang sebelumnya, Sultan Zainal Abidin membuat ketetapan untuk mengeratkan hubungan dengan dinasti Ming.²⁵ Angkatan laut Maharaja *Yung-lo* melawat beliau dengan kargo China dan satu ketika menyelamatkan Sultan Zainal Abidin daripada seorang perampas kuasa.²⁶ Negeri Pasai merupakan sebuah kerajaan Islam yang lama. Menurut Pires, dalam awal abad ke-15, Pasai merupakan pelabuhan pertemuan di antara sebilangan besar saudagar Muslim dari barat dengan saudagar Jawa. Saudagar Muslim suka berdagang dengan saudagar Jawa di Pasai untuk mengelak kelewatan pelayaran akibat belayar lebih jauh ke gugusan pulau itu. Keuntungan yang mereka peroleh dari pasaran India dan Asia barat cukup memuaskan. Dengan demikian, mereka tidak perlu membeli barangan dengan lebih murah dari pusat pengeluaran di kepulauan itu. Bagi saudagar Muslim, perkhidmatan saudagar Jawa adalah suatu kemudahan yang dialu-alukan.

Jadi, begitulah keadaan yang tidak menggalakkan ketika pemerintahan dua orang raja Melaka yang terawal. Kerajaan baru ini terjamin dan memperoleh pendapatan perdagangan yang mencukupi untuk kegunaan negara. Pendapatan perdagangan tersebut diperoleh daripada kekerapan lawatan angkatan laut China, pedagang China haram dan pedagang Muslim yang lebih tertarik kepada barangan China daripada barangan Asia Tenggara.²⁷ Namun demikian, pelabuhan Melaka masih belum menjadi sebuah pusat perdagangan yang maju seperti yang disanjung oleh Pires ketika Melaka ditawan dalam tahun 1511.

Dalam tahun 1436, secara tidak disangka-sangka, keadaan yang tidak menggalakkan ini tiba-tiba berubah kepada keadaan yang jauh lebih baik.

Raja Melaka yang ketiga terkandas di negeri China dari tahun 1433 sehingga 1435. Profesor Wang Gungwu mengusulkan bahawa raja Melaka tersebut menyedari yang dirinya tidak dapat lagi menjangkakan maharaja China akan meneruskan dasar luar negerinya yang aktif.²⁸ Raja Melaka tidak mengetahui dengan mendalam tentang alasan kepada perubahan dalam rancangan istana maharaja China.²⁹ Namun demikian, masalah yang dihadapi oleh raja Melaka yang ketiga untuk balik semula ke Melaka tentu meyakinkannya bahawa pelayaran angkatan laut Ming yang agak kerap itu tidak mungkin lagi dilakukan pada masa depan. Angkatan laut Ming selalu mengangkut sekumpulan besar duta asing ke

negeri China dan balik. Akan tetapi, ekspedisi yang membawa raja Melaka ke negeri China dalam tahun 1433 adalah yang terakhir. Masalah pengangkutan yang jarang berlaku timbul ketika itu dan masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh raja Melaka malah juga duta dari sebelas negara yang lain termasuk duta Pasai yang berada di China sejak dari tahun 1433.³⁰ Agaknya terdapat beratus-ratus orang asing yang terkandas di negeri China.³¹ Pada 28 April 1435, Maharaja *hsuan-te* memaklumkan kepada raja Melaka bahawa lapan kapal disediakan di Canton untuk mengangkutnya dan duta-duta yang lain. Raja Melaka dipertanggungjawabkan untuk memastikan yang setiap duta asing tersebut selamat sampai ke nagara asal mereka.³² Sebaliknya, raja Melayu membuat keputusan untuk balik ke Melaka secepat yang mungkin dan beliau tidak mengendahkan arahan maharaja China.³³ Kita tidak mengetahui bilakah sebenarnya raja Melaka yang ketiga sampai ke Melaka. Katakan kapal raja Melaka tersebut belayar dalam monsun timur laut, seperti yang biasa dilakukan oleh angkatan laut Ming. Oleh demikian, beliau tidak akan sampai ke Melaka sebelum penghujung tahun 1435.

Utusan raja Melaka yang ketiga pada tahun 1433 merupakan yang ke-5 sejak pemerintahan beliau bermula dalam tahun 1423.³⁴ Ketika itu, sekurang-kurangnya raja Melaka mengetahui bahawa ekspedisi China belum lagi diperlengkapkan. Ini bermakna untuk beberapa tahun yang akan datang, raja Melaka harus mempertahankan dirinya dari negeri Thai berhubung dengan kesulitan dan ketegangannya.³⁵ Tambahan pula pada masa itu, maharaja China tentu kurang menghargai Melaka sebagai pangkalan untuk angkatan laut Ming bagi ekspedisinya di Lautan Hindi. Dengan demikian, perdagangan yang dibawa masuk oleh angkatan tentera tersebut juga akan hilang. Perdagangan ini merupakan hasil utama ekonomi Melaka. Jadi, apabila raja Melaka yang ketiga balik semula ke Melaka, beliau mula memberi tumpuan utama kepada keadaan tempatan dan antarabangsa Melaka yang membimbangkan. Keutamaan yang diberikan kepada tatatertib dalam melindungi negeri jajahan seperti yang disifatkan dalam *Raffles MS. 18* mencerminkan tumpuan baru raja Melaka. Beliau menuntut ketaatan daripada kerajaan Bruas dan Terengganu yang terletak bertentangan dengan selatan Semenanjung Melayu. Raja Melayu cuba menarik kedua-dua negeri tersebut keluar dari lingkungan pengaruh Thai.

Namun demikian, raja Melaka yang ketiga memerlukan kedua-dua sekutu dan juga jajahan supaya Melaka tidak begitu tersisih dan tidak ada sekutu yang lebih penting daripada Jawa. Mungkin kerana datuk raja Melaka mengalami penderitaan akibat pertuanan Jawa, maka

beliau sentiasa mencari peluang merancang komplot Jawa untuk menerusi perikatan yang dibuat dengan raja-raja di pelabuhan pantai utara kepulauan itu untuk menentang kerajaan pedalaman Jawa. Walau bagaimanapun, raja Melaka tersebut mempunyai alasan yang lebih mendesak untuk mengikat hubungan yang kukuh dan berkekalan dengan Jawa. Sebenarnya, Raja Melaka sangat memerlukan perdagangan orang Jawa-Muslim kerana perdagangan tersebut dapat menggantikan perdagangan yang dahulunya dibawa masuk oleh angkatan laut Ming. Raja Melaka yang memerlukan beras dari Jawa kerana Thai enggan membekalkan makanan kepada Melaka.³⁶

Jadi, cara yang paling mudah untuk mempertingkatkan kedudukan antarabangsa Melaka ialah memajukan perdagangan Melaka dan yang paling penting ialah menarik lebih ramai saudagar Muslim ke pelabuhan Melaka agar saudagar Jawa juga tertarik untuk berdagang di Melaka. Faedahnya dapat diperolehi dengan segera; faedah jangka panjang pula dapat mengayak perbendaharaan Melaka dan membolehkan raja Melaka menawarkan sokongan yang kuat untuk meningkatkan bilangan jajah dalam lingkungan pengaruh Melaka.

Tahun 1436 bukan merupakan sebarang masa di Melaka. Suatu peristiwa yang amat penting berlaku pada masa itu. Peristiwa yang diperlihatkan oleh ahli salasilah dan Pires ialah peristiwa raja Melaka yang ketiga memeluk agama Islam.

Ahli salasilah menghuraikan peristiwa pertukaran agama raja Melaka yang menakjubkan dengan memperlihatkan kehadiran nabi dalam mimpi raja. Pertukaran agama tersebut di antara peristiwa yang dihuraikan oleh Pires dalam pemerintahan raja Melaka yang 'kedua'. Kita memerhatikan bahawa *Suma Oriental* menggabungkan pemerintahan raja Melaka yang kedua dan ketiga. Namun demikian, persamaan mutlak raja Melaka yang ketiga dan kemungkinan masa beliau menjadi Muslim dijelaskan oleh kenyataan Pires. Pires menyatakan bahawa raja tersebut memeluk agama Islam berkahwin dengan puteri Pasai dan mangkat lapan tahun kemudiannya.³⁷ Raja Melaka yang ketiga mangkat dalam tahun 1444.³⁸ Dengan demikian, masa berlaku pertukaran agama tersebut ialah dalam tahun 1436. Pires juga menyatakan bahawa pada tahun 1436, raja Melaka tersebut baru sahaja pulang dari negeri China.³⁹ Ahli salasilah tidak menyentuh tentang puteri Pasai. Namun demikian, kehormatan yang diberikan kepada duta Pasai ditekankan dalam penjelasan tentang istiadat istana yang diadakan selepas raja Melaka yang ketiga mengislamkan duta tersebut. Raja Melaka yang ketiga pada masa itu dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah.⁴⁰

Sumber-sumber China, Portugis dan Melayu memberi keterangan yang jelas tentang peristiwa dalam tahun 1435 dan 1436. Masa yang dapat dipastikan ialah tahun 1435 apabila raja Melaka pulang daripada lawatannya ke negeri China yang dipanjangkan. Tidak dapat disangsikan bahawa pada tahun 1435 dan 1436 merupakan masa ketika raja Melaka mengetahui dan mencari jalan untuk memulihkan kedudukan politik dan perdagangan Melaka yang lemah di Asia Tenggara. *Suma Oriental* mengusulkan bahawa pertukaran agama tersebut berlaku dalam tahun yang bersamaan dengan 1436. Ahli salasilah memberi perhatian kepada tahun yang bersamaan dengan 1423 apabila raja Melaka yang ketiga mula memerintah. Beliau menyatakan bahawa raja Melaka tersebut memerintah 'buat sementara waktu' sebelum berlaku pertukaran agama yang menakjubkan. Keadaan antarabangsa Melaka yang tersisih serta pertukaran agama tersebut memang merupakan faktor yang terpenting dalam tahun 1436. Akan tetapi, apakah sumber-sumber ini dapat menjelaskan mengapa salasilah diperintahkan supaya disusun dalam tahun 1436 yang nampaknya merupakan masa kepada tamatnya penyusunan salasilah.

Mula-mula kita mestilah mempertimbangkan pentingnya pertukaran agama raja Melaka yang ketiga sama seperti yang dianggap oleh istana Melaka dalam tahun 1436. Pada masa itu, raja Melaka tersebut sudah separuh umur dan tidak mungkin raja tersebut didorong oleh pengaruh kedewaan. Namun demikian, raja Melaka tentu sekali kagum dengan sebilangan besar negara-negara Islam dan keutuhan kepercayaan terhadap agam Islam. Akan tetapi, raja Melaka juga pernah bertemu dengan duta raja-raja Muslim pada masa lawatannya ke negeri China yang tidak lancar baru-baru ini. Tidak mungkin perkahwinan raja Melaka dengan puteri Pasai disebabkan beliau mengharapkan bantuan ketenteraan dari Pasai. Pada masa itu, Pasai hanyalah sebuah kerajaan yang kecil dan kemasyhurannya pula bergantung kepada perdagangan dan ulamak Islam. Dan adalah mustahil yang raja Melaka mengharapkan sokongan dari negara Muslim di bahagin Asia yang lain.⁴¹ Jadi, motif raja Melaka berdasarkan sebab yang lain. Pada masa itu, raja Melaka sedang memikirkan suatu cara yang berkesan untuk menarik saudagar Muslim ke pelabuhan Melaka kerana cara ini juga akan menggalakkan orang-orang Jawa serta yang lainnya menggunakan pelabuhan Melaka. Ini merupakan langkah Melaka yang pertama dalam usaha membentuk pertahanan ikatan wilayah.

Menurut Pires, kerajaan Melaka sudah lama memikirkan tentang hal ini. 'Raja' Jawa dijemput berdagang dengan Melaka. Akhir-akhir-

nya, suatu usaha dibuat untuk menarik saudagar Jawa dari Pasai. Raja Pasai menegaskan bahawa syarat yang dikenakan ke atas raja Melaka ialah beliau mesti memeluk agama Islam. Syarat tersebut ditolak dan kedua-dua raja ini bertelingkah. Walau bagaimanapun, kedua-dua raja tersebut berdamai semula. Beberapa orang saudagar Muslim yang kaya di Pasai membuat keputusan bahawa kini, sudah sampai masanya untuk memindahkan perniagaan mereka ke Melaka untuk berdagang dengan orang Jawa.⁴² Ketika itu, raja Melaka yang ketiga dalam perjalanan pulang dari negeri China dan raja tersebut menyedari bahawa galakkan kepada pemindahan ini merupakan satu-satunya usaha yang dapat digunakan pada masa itu sebagai suatu bentuk untuk mempertahankan diri. Raja Melaka memang menyedari tentang penghormatan yang diberikan kepada raja Pasai oleh sarjana Muslim dan pengaruh sarjana ini ke atas orang Muslim asing. Dengan memeluk agama Islam, raja Melaka akan dapat menghapuskan sebarang keraguan untuk datang ke kota Melaka. Di samping itu, raja Melaka juga dapat menikmati prestij yang sama seperti raja Pasai dan mungkin juga boleh memastikan bahawa sekutu Muslimnya yang baru tidak akan mendiamkan diri sekiranya Thai mengenakan tekanan ekonomi atau ketenteraan ke atas Melaka.⁴³

Di Asia Tenggara, kepercayaan agama selalu menyokong kekuasaan politik. Motif raja Melaka tidak harus dilihat sebagai suatu tindakan duniawi semata-mata. Tambahan pula, terdapat presiden di Melaka tentang raja Melaka yang memasuki agama Islam. Menurut sumber-sumber Ming, pengganti Raja Iskandar memakai gelaran Sumatera kuno 'Sri Maharaja' ketika raja tersebut dikenali di kalangan istana Ming. Namun demikian, raja Melaka yang kedua dikenali di negeri China sebagai 'Raja Iskandar Shah'.⁴⁴ Beliau memberi tumpuan yang utama untuk mengembangkan pelabuhan Melaka ketika hayat bapanya. Jadi, mungkin atas sebab tersebut raja Melaka yang kedua dapat melihat kelebihan politik hasil daripada penerimaan agama Islam.⁴⁵ Dengan demikian dapat dikatakan bahawa istana Melaka sudah sedar tentang hubungan di antara kepercayaan raja dengan kemakmuran pelabuhannya.

Keterangan Pires tentang rundingan yang membawa kepada pertukaran agama oleh raja Melaka yang ketiga mencerminkan cara harga diri raja diabadikan. Raja Melaka tersebut bebas daripada penghinaan yang berhubung dengan jajahannya tentang perkara dasar negara. Sebaliknya, pertukaran agama tersebut disembunyikan di sebalik perikatan yang mulia di antara raja melaka dengan Pasai.⁴⁶

Satu-satunya ciri yang meragukan daripada penjelasan ini ialah tentang penerimaan raja Pasai tanpa menyatakan bantahan. Pasai yang dicengkam oleh Melaka rela melepaskan saudagar-saudagarnya dengan tujuan untuk mengislamkan raja yang sehaluan dengannya. Namun demikian, sumbangan raja Pasai kepada urusan perdagangan barangkali pasif kerana faktor latar belakang adalah di luar daripada kawalannya. Pelabuhan Melaka adalah pelabuhan yang lebih terlindung dan dekat dengan kerajaan Jawa. Angkatan laut Bentan menjaga keselamatan laut daripada lanun. Istana Melaka pula mewarisi tradisi lama yang mengakui bahawa pentadbiran yang cekap diperlukan untuk kepentingan saudagar asing. Sebagai tambahan kepada faktor-faktor umum tersebut, terdapat alasan yang penting dan khusus untuk mencrangkan sifat pasif raja Pasai. Ketika itu, Sultan Zainal Abidin sudah terlalu tua dan dalam tahun 1437 beliau memberi alasan tentang ketidakupayaannya dalam menjalankan urusan pentadbiran. Melalui adik bongsunya yang dihantar ke negeri China, Sultan Zainal Abidin meminta keizinan maharaja China untuk membenarkan beliau menyerahkan takhta kerajaan kepada puteranya, Raja Abu Said. Akan tetapi, duta yang dihantar oleh beliau mangkat sebaik sahaja sampai ke Peking dalam tahun 1433. Dengan demikian, permintaan Sultan Zainal Abidin hanya diperkenankan selewat-lewatnya pada 29 April 1435.⁴⁷ Namun demikian, pada hari sebelumnya, raja Melaka yang terkandas di negeri China telah diberitahu bahawa persiapan untuk mmbawanya dan duta yang lain termasuk duta Pasai pulang ke negara masing-masing disediakan. Niat raja Pasai untuk turun takhta tentu sampai kepada pengetahuan raja Melaka ketika raja tersebut terkandas di negeri China. Jadi, raja Melaka yang ketiga tentu sedar betapa pentingnya untuk pulang ke Melaka sebelum Sultan Zainal Abidin yang tidak berupaya tersebut berundur daripada pentadbiran. Ini merupakan motif yang utama bagi raja Melaka untuk mengabaikan permintaan maharaja China supaya beliau menjaga duta yang lain sepanjang perjalanan pulang. Raja Melaka sampai ke Melaka lama sebelum utusan Pasai meninggalkan negeri China, iaitu kira-kira selepas 11 Ogos 1436.⁴⁸ Setelah selamat sampai ke negeri Melaka, raja Melaka ketika itu berhasrat benar untuk membawa perubahan yang besar dalam situasi antarabangsa. Di Pasai, raja Melaka hanya berhadapan dengan sultan Pasai yang sudah berumur dan tidak berupaya untuk menandingi inisiatif lawannya. Penerimaan Islam oleh raja Melaka mula melemahkan ketaatan saudagar Muslim ke atas raja Pasai. Sekiranya kita mengikuti keterangan Pires, didapati bahawa sultan yang saleh ini mesti

membenarkan pertukaran agama Sultan Muhammad Shah dicapai melalui alasan di sebalik perikatan di antara kedua-dua keluarga diraja Pasai dan Melaka.⁴⁹

Raja Melaka yang ketiga, cucu pengasas negeri Melaka yang masyhur, berkeupayaan dalam membuat keputusan yang cepat. Beliau segera pergi ke negeri China dalam tahun 1423 sebaik sahaja bapanya mangkat. Kemudiannya beliau tergesa-gesa balik dari negeri China dalam tahun 1435 sebaik sahaja kemudahan kapal disediakan. Raja Melaka yang ketiga tersebut mengambil tindakan yang cepat dalam memeluk agama Islam, iaitu tidak lama selepas beliau balik dari negeri China. Keputusannya yang terakhir ini membolehkan raja Melaka mengubah masa gelap hasil daripada kehilangan angkatan laut China akibat peristiwa untuk melaksanakan haluan baru dalam kerajaan Melaka. Dijangkakan dalam masa yang singkat, Melaka boleh menjadi suatu wilayah dengan kuasa yang agung. Dalam fasa pertama, sejarah Melaka adalah di bawah naungan pengasas Melaka dan fasa ini memperlihatkan kerajaan Melaka sebagai pusat kekuasaan pemerintah bagi mereka yang mengakui kekuasaan keluarga diraja Palembang. Fasa yang kedua bermula dalam tahun 1436 apabila Raja Melaka membuat ketetapan yang memastikan supaya penggantinya dapat menguasai sumber ekonomi tidak adaandingnya. Ini menyebabkan Pires menghuraikan status Pasai yang terakhir sebagai berikut: '... anda boleh mengasaskan sepuluh buah bandar seperti Pasai dari bandar Melaka ...'.⁵⁰ Masa ketika kebekuan situasi antarabangsa dan pelabuhan yang tidak terkenal sudah berakhir. Hanya satu fasa lagi yang menanti Melaka. Ini merupakan fasa perluasan empayar Melaka. Fasa ini bermula tidak lama selepas pengaruh Thai disingkir dari selatan Semenanjung dan sebahagian daripada empayar Srivijaya-Palembang di Sumatera diperoleh kembali.

Atas alasan ini, maka pertukaran agama tersebut merupakan suatu peristiwa yang amat penting sekali kepada istana Melaka. Ketika itu, harapan yang baru tentu dapat diramalkan. Sekarang kita harus mempersoalkan pula tentang apakah sumbangan salasilah kepada peristiwa dalam tahun 1436.

Salasilah ialah suatu bukti catatan negara dan ia disusun bukan sebagai hasil daripada ingatan terhadap masa lampau tetapi sesungguhnya, disusun untuk membantu segala urusan penting bagi raja yang sedang memerintah. Sekurang-kurang kandungan salasilah harus mencerminkan pandangan dunia dan kedudukan utama raja dalam dunia itu. Dalam tahun 1436, apa yang diutamakan oleh raja yang sedang

memerintah ialah pandangan dunia serta statusnya. Lebih-lebih lagi apabila raja Melaka harus menjelaskan peranannya di wilayah itu pada masa tersebut. Penjelasan ini perlu mengambil kira tentang asal usul raja Melaka, tuntutan semasanya terhadap ketaatan jajahannya serta pandangan raja terhadap masa depan Melaka.

Salasilah dalam *Raffles MS. 18* mencerminkan semua tumpuan ini. Raja Melaka tidak ditunjukkan sebagai seorang raja yang baru berkuasa. Keturunan raja Melaka daripada kekuasaan Sumatera kuno yang gemilang diberi penegasan. Kejadian yang memburukkan Palembang dalam sejarah Palembang pada abad ke-11 dan ke-14 pula dikeluarkan daripada catatan. Asal usul raja Melaka mencerminkan tuntutan ke atas kekuasaan wilayah yang dapat didakwa pada masa depan. Perkara yang terakhir dan yang paling penting ialah menghubungkan raja Melaka dengan keturunan Sultan Iskandar Zulkarnain. Salasilah ini menaruh kepercayaan kepada raja Melaka sebagai pemimpin dan pelindung semua orang Muslim di Melaka dan juga di wilayah itu.⁵¹

Kewajipan ahli salasilah ditetapkan oleh perkara yang diutamakan pada tahun 1436, terutamanya keutamaan terhadap orang Muslim. Salasilah harus memberi pengesahan yang meyakinkan tentang kewajipan raja Melaka ke atas agama Islam. Jadi, tujuan utama salasilah ini ialah untuk mencatatkan gelaran dan nama raja yang sedang memerintah, iaitu sebagai Sultan Muhammad Shah. Riwayat sebelum pemeluk agama Islam harus disusun berdasarkan struktur Muslim. Dalam struktur inilah fakta sejarah Melaka akan dikemukakan. Dengan demikian, moyang raja Melaka yang pertama ialah penjajah Muslim, iaitu Sultan Iskandar Zulkarnain. Keturunan Sultan Iskandar Zulkarnain mengahwini cucu perempuan Raja Glang Gui. Cerita Raja Chulan juga dikemukakan dalam konteks Islam. Prestij daripada keturunan Sultan Iskandar Zulkarnain ditegaskan melalui perkahwinan raja Singapura yang ketiga, didongengkan berdasarkan raja Melaka yang ketiga, dengan puteri yang juga berketurunan Sultan Iskandar Zulkarnain.⁵² Ini kerana ahli salasilah ingin menghubungkan nama yang amat masyhur ini dengan pengasas Melaka seperti yang diperlihatkan melalui raja Melaka yang kedua.⁵³ Namun demikian, pertukaran agama oleh raja Melaka yang kedua diabaikan, supaya dapat diberi penekanan kepada keutamaan penerimaan agama Islam oleh raja Melaka yang ketiga yang dianggap sebagai Nabi.⁵⁴

Teks ini seragam dalam mencerminkan kewajipan istana Melaka terhadap Islam. Contohnya, apabila Sri Tri Buana dan Demang Lebar

Daun sedang membicarakan ikatan perjanjian, Demang Lebar Daun menuntut supaya keturunannya dihukum mengikut undang-undang Islam.⁵⁵ Raja Singapura yang ketiga memiliki *daulat*, istilah Arab untuk 'kekuasaan raja'. Alat kebesaran Raja Iskandar dikenali sebagai alat dalam perkataan Arab.⁵⁶ Namun demikian, bukti yang paling nyata tentang struktur Muslim dalam salasilah tersebut adalah susunannya yang mengikut bab. Menurut Dr. Marrison, susunan tersebut merupakan bentuk kesusasteraan Parsi.⁵⁷ Setiap babnya berakhir dengan seruan Islam. Struktur Islam begitu ketara sehingga seseorang mungkin mempersoalkan sama ada salasilah ini ditulis seawal-awalnya pada tahun 1436. Akan tetapi, kronologi pemerintahan raja Singapura serta dua pemerintahan raja Melaka yang terawal membuktikan kebenaran ini. Kronologi tersebut dengan tegas menunjukkan bahawa tumpuan raja Melaka ialah pada tahun 1436 dan bukannya pada tahun-tahun yang lebih lewat dari tahun 1436, kami usulkan, bertanggungjawab ke atas penyusunan salasilah ini. Dalam tahun 1436, raja Melaka perlu memperlihatkan dirinya sebagai seorang raja Muslim yang meyakinkan. Sarjana Muslim di Melaka yang berkemungkinan dari Pasai pula boleh ditemui untuk menjadikan salasilahnya lebih meyakinkan.

Pertukaran agama merupakan kejadian yang memerlukan salasilah tersebut disusun dan menetapkan keutamaannya. Raja Melaka berhasrat untuk menarik pedagang Muslim ke pelabuhannya. Namun demikian, beliau juga menyedari bahawa pengaruh dan keselamatan wilayahnya juga bergantung kepada sokongan Melayu. Tanggungjawab ahli salasilah termasuk menyediakan kenyataan untuk membuktikan raja Melaka sebagai seorang pemerintah Melayu yang sah dan bahawa pada asalnya, kekuasaan beliau terbit daripada Sultan Iskandar Zulkarnain. Dengan demikian, logik hujah ahli salasilah juga bergantung kepada pertimbangan lain selain keutamaan terhadap soal Muslim sahaja. Tumpuan untuk memperkukuhkan status dalam dunia Melayu menerangkan penekanan yang diberikan kepada kedaulatan Melayu yang berterusan sejak dari zaman dahulukala lagi. Tuntutan keluarga Palembang kuno diperkukuhkan berdasarkan masa dahulukala. Raja Iskandar tidak mengumumkannya dan tidak perlu dipertahankan hal tersebut. Sebaliknya, Raja Iskandar mendapat faedah daripada tuntutan kuno tersebut. Barangkali krisis Raja Iskandar menyebabkan rasa malu sehingga selewat-lewat tahun 1436. Mungkin juga terdapat keraguan yang berpanjangan sama ada hal keluarga diraja Palembang-Melayu ini kelak akan diakui oleh semua kelautan Melayu apabila dasar perluasan wilayah dimulakan. Terdapat juga alasan yang khusus mengapa

pertahanan terhadap kedaulatan tersebut akan memperlihatkan segala kesalahan diletakkan ke atas Raja Iskandar. Sebabnya ialah setengah-setengah fakta dalam kehidupan Raja Iskandar tentu membawa malu kepada cucu beliau dan tidak ada kenyataan yang lebih memalukan daripada kehilangan Singapura, tempat lahir cucu Raja Iskandar. Dalam tahun 1436, Singapura masih lagi diperintah oleh naungan Thai.

Dengan demikian, peranan Raja Iskandar diketepikan oleh latar belakang salasilah dan riwayat hidupnya pula didongengkan ke dalam riwayat hidup Sri Tri Buana. Namun demikian, pada awalnya penerimaan Islam dalam istana Melaka adalah perkara rasmi. Istana tersebut dibanggakan kerana Palembang merupakan tempat kejadian untuk sejarahnya. Krisis Raja Iskandar agak besar. Namun demikian, krisis tersebut tidak menghalangnya daripada mengasaskan Melaka. Mungkin setengah-setengah orang Melayu masih lagi meragui sama ada warisan Raja Iskandar adalah naungan yang sejati. Akan tetapi, dalam istana Melaka yang terdiri daripada Bendahara yang hidup sezaman dengannya, Raja Iskandar sangat dihormati. Jadi, tidaklah hairan jika ahli salasilah sanggup memanipulasikan jangka masa pemerintahan bapa Sultan Muhammad Shah dengan tujuan untuk memuliakan permulaan pemerintahan raja Melaka yang ketiga dan yang serba penting. Detik-detik yang penting dalam kehidupan Raja Iskandar tidak dilupakan: seperti tuntutan beliau terhadap sejarah dan upacara yang diadakan pada hari sebelum pengusirannya dari Palembang dalam tahun 1391. Penubuhan Melaka sengaja dirancang supaya ia berlaku serentak dengan penghujung tahun tersebut dalam pemerintahan Raja Iskandar. Ahli salasilah memuliakan pengasas negeri Melaka dengan nama 'Iskandar Shah'. Beliau juga dapat memuliakan Raja Iskandar dengan menggabungkan tahun 1388 sehingga tahun 1436 ke dalam masa yang bersamaan dengan pemerintahan Sri Tri Buana. Sri Tri Buana, seorang pemerintah yang bersifat kedewaan menggantikan peranan Raja Iskandar. Akan tetapi, ahli salasilah tidak dapat merancang gabungan masa tersebut sekiranya beliau menyatakan bahawa Raja Iskandar memeluk agama Islam dalam tahun pemerintahannya yang ketiga belas. Sekiranya beliau berbuat demikian, maka beliau menolak caranya sendiri dalam menyifatkan pemerintahan raja Singapura yang ketiga, iaitu selama tiga belas tahun. Begitu juga dalam hal menggunakan sejarah Singapura sebagai lambang kronologi kedaulatan yang diperkukuhkan olehnya bagi pihak keluarga Melaka. Dua pemerintahan yang memerintah selama tiga belas tahun akan memperlihatkan maksud beliau dengan cara yang amat nyata. Ahli

salasilah menyadari betapa perlunya untuk menunjukkan kewajipan raja Melaka ke atas agama Islam. Walau bagaimanapun, beliau juga harus memberi tumpuan dalam meneguhkan status raja Melaka, iaitu yang berhubungan dengan sejarah sebelum tahun 1436. Ini kerana manfaat bukan Islam daripada 'sejarah Singapura' adalah penting. Dengan demikian, beliau menyifatkan pertukaran agama tersebut sebagai penglibatan Nabi tanpa menyatakan tahun pemerintahan ketika peristiwa ini terjadi. Namun demikian, ahli salasilah juga meletakkan raja Melaka di bawah perlindungan raja-bodhisattva. Walau bagaimana tinggi sekali pun hasrat raja Melaka untuk menarik saudagar Muslim ke pelabuhan Melaka, tahun 1436 bukanlah masanya untuk mengabaikan semua pertimbangan yang lain. Peristiwa pada akhir abad ke-14 masih lagi memberi kesan yang mendalam terhadap istana Melaka.⁵⁸

Begitulah keutamaan yang diselaraskan di antara orang Muslim dengan orang Melaka dalam salasilah ini. Dua keutamaan tersebut merupakan isu yang penting pada tahun 1436.

Pengutipan maklumat merupakan suatu tugas yang mudah. *Hikayat Iskandar* memberikan penjelasan yang lengkap tentang Sultan Iskandar Zulkarnain dengan tujuan untuk menarik minat raja-raja Muslim yang lain dan juga orang Muslim di Melaka.⁵⁹ Abad ke-11 pula menyediakan peristiwa bersejarah yang membawa masuk keturunan Sultan Iskandar Zulkarnain ke dalam dunia Melayu. Abad ke-11 tersebut merupakan masa kekuasaan Tamil dan perampasan kuasa orang Melayu. Latar belakang Muslim dikekalkan sehingga penurunan Raja Chulan ke dalam laut⁶⁰ dan latar belakang Muslim tersebut mula berkurangan apabila Raja Chulan mengahwini puteri kecerdasan. Latar belakang tersebut dihentikan buat sementara waktu sesudah kedua-dua janda Sumatera diberitahu tentang cerita Sultan Iskandar Zulkarnain dan mereka menyadari bahawa Sri Tri Buana sebenarnya bukan *jin*. Latar belakang Melayu menguasai riwayat ini sebaik sahaja rakyat Palembang mengetahui bahawa Bukit Seguntang sekali lagi menjadi tempat kediaman raja-bodhisattva. Latar belakang yang sama diteruskan dalam dongeng 'sejarah Singapura' dan di Melaka sehingga Sultan Muhammad Shah memeluk agama Islam.⁶¹ Gelang kaki memainkan peranan penting dalam peraturan istana, gelang kaki tersebut dikeluarkan serta-merta selepas pertukaran agama itu. Dapat dipastikan bahawa Raja Iskandar memakai gelang kaki tersebut ketika beliau dimahkotakan dalam tahun 1391. Hubungan kedaulatan mengusulkan ciri dongeng dalam Palembang pada masa sebelum pemerintahan Sri Tri Buana. Penolakan Raja Iskandar terhadap kekuasaan Melayu sejak

dari abad ke-11 lagi menandakan bahawa tiba masanya untuk ditonjolkan watak Sri Tri Buana dan penonjolan tersebut memenuhi dakwaan sejarah Raja Iskandar melalui dongeng 'sejarah Singapura'. Sri Tri Buana dikatakan sebagai keturunan Raja Glang Gui, Sultan Iskandar Zulkarnain dan juga puteri kecerdasan. Butir-butir yang melambangkan Sri Tri Buana boleh diambil daripada riwayat hidup Raja Iskandar yang masih jelas dalam ingatan istana Melaka. Namun demikian, aspek Buddha diselindung oleh peranan Sri Tri Buana dengan tujuan untuk menjauhkan aspek Buddha tersebut daripada dikaitkan dengan Melaka pada tahun 1436 dan juga untuk mengelak penyimpangan tentang penghuraian yang menyebutkan moyang Sultan Muhammad Shah sebagai bodhisattva. Pilihan Singapura sebagai menggantikan tempat Palembang ketika kekuasaan Melayu adalah suatu yang nyata sekali. Singapura merupakan pusat yang menggantikan ibu kota Raja Iskandar dalam tahun 1390-an. Kronologi 'sejarah Singapura' dan urutan Bendahara disesuaikan daripada fakta sejarah awal Melaka.⁶² Hanya latar belakang pemerintahan Raja Iskandar yang diabadikan. Riwayat pemerintahan raja Melaka yang kedua dan ketiga pula dibataskan kepada perkahwinan di antara keluarga diraja dengan Bentan, pertukaran agama dan penyempurnaan adat istiadat istana, Salasilah tersebut berakhir dengan kata-kata pujian terhadap Sultan Muhammad Shah. Dikatakan bahawa Melaka sudah menjadi 'sebuah bandar penting' yang dikerumuni oleh orang asing dan raja Melaka adalah 'daripada keturunan Sultan Iskandar Zulkarnain'.⁶³

Struktur dan isi kandungan salasilah ini dapat dikumpulkan dengan cepat. Perkhidmatan pujangga istana dengan keupayaan penciptaan yang hebat tidak diperlukan. Bahan-bahan cerita pula dapat disediakan oleh Bendahara. Bendahara dianugerahkan gelaran Sri Amar diraja sebaik sahaja raja Melaka memeluk agam Islam dan merupakan orang yang terpenting dan yang masih hidup dari abad ke-14.⁶⁴ Beliau mempunyai minat yang khusus dalam sejarah awal Melaka. Beliau juga seorang yang taat dalam mendoakan keberkatan kepada pengasas yang bersifat dewa yang juga merupakan sebuah dinasti yang memberuikan keluarannya kedudukan yang berpengaruh di pusat Melaka. Sebagai seorang ketua menteri dalam tahun 1436, Bendahara tersebut juga terlibat dalam penyusunan semula adat istiadat istana yang tidak dapat diragukan lagi adalah berdasarkan peristiwa yang memberi teladan dari Palembang. Adat istiadat istana adalah satu cara lagi untuk memperkukuhkan kemuliaan raja Melaka. Pada masa itu, besar kemungkinan salasilah dianggap sebagai satu daripada alat kebesaran

raja yang penting, seperti dalam bab yang kemudiannya.⁶⁵ Bendahara yang bergelar Sri Amar diraja tersebut tentu mengarahkan penyusunan salasilah sebagai sebahagian daripada tanggungjawabnya pada masa yang penting itu.⁶⁶ Orang-orang tua istana menceritakan masa muda mereka, merangka salasilah, meluluskan bahan jurutulis dan mempersembahkan salasilah ini kepada raja Melaka. Kata-kata sanjungan pada penghujung bab keenam dalam *Raffles MS. 18* menandakan penutup kepada salasilah ini.

Pada suatu masa yang akan datang, salasilah diubahsuaikan untuk memberi pengenalan yang sesuai kepada jenis sejarah pada '*Sejarah Melayu*'. Tujuan penyusun bagi bab selepas tahun 1436 yang mula dikenali sebagai *Sejarah Melayu* terletak di luar daripada skop kajian ini. Hanya dua isu yang akan disentuh tentang huraian ke atas tahun-tahun terakhir dalam pemerintahan Sultan Muhammad Shah.

Nampaknya, tahun 1436 dianggap sebagai masa yang penting dalam pemerintahan Sultan Muhammad Shah. Dalam salasilah, pemerintahan beliau masih belum lagi berakhir. Namun demikian, jangka masa tamatnya pemerintahan raja tersebut harus dicatatkan suatu hari nanti. Sultan tersebut dikatakan memerintah selama lima puluh tujuh tahun.⁶⁷ Penjelasan kepada angka yang agak tidak tepat ini mungkin seperti berikut. Tarikh 16 Julai 1436 adalah permulaan tahun Hijrah 840 dan Hari Raja Muslim yang pertama pada tahun raja Melaka memeluk agama Islam. Tarikh ini dianggap sebagai permulaan kepada pemerintahan selama dua puluh satu tahun. Daripada angka tersebut ditambah pula dengan jumlah tahun pemerintahan yang sudah tamat dalam sejarah Melaka sehingga ke hari sebelum Hari Raya pada tahun 1436 yang terdiri daripada tiga puluh enam tahun dari tahun Hijrah 803. Tahun Hijrah 803 bermula pada 22 Ogos 1400.⁶⁸

Isu yang kedua ialah mengenai pengalihan riwayat ke dalam salasilah yang berhubung dengan peristiwa di Melaka selepas tahun 1436. Pertentangan di antara kedua-dua huraian yang penuh dengan penghormatan dalam *Sejarah Melayu* sebelum tahun 1436 dengan tahun selanjutnya adalah nyata sekali hasil daripada penghormatan kepada pemerintahan raja Melaka yang ketiga. Ini mungkin menerangkan mengapa pencatat sejarah yang kemudiannya mahu merancang suatu pemerintahan yang panjang untuk Sultan Muhammad Shah. Seperti yang diusulkan oleh Dr. Wake, penyusun yang baru perlu menunjukkan bahawa nenek moyang India kepada raja Melaka yang kelima menjadi orang Melayu melalui perkahwinan mereka dengan orang Melayu. Dengan demikian, beliau terpaksa merancang

'jangka masa yang mustahil' dalam sejarah Melaka yang awal. Penyusun ini tidak mahu merosakkan kandungan salasilah. Dengan demikian, 'jangka waktu' tersebut diselitkan ke dalam pemerintahan raja Melaka yang ketiga.⁶⁹ Pada masa itu motif duniawi yang baru muncul daripada politik istana mempengaruhi penulisan sejarah Melaka. Pengaruh yang berterusan daripada motif duniawi tersebut membantu dalam menjelaskan kronologi yang mustahil pada masa selepas tahun 1436 dalam *Raffles MS. 18*. Ahli salasilah mempunyai bahan rujukan yang berbeza syariatnya. Mereka berdasarkan masa salasilah atas masa yang sebenar dan hanya memanipulasikan masa yang sebenar sekadar memenuhi tujuan yang serius bagi memuaskan kehendak rajanya.⁷⁰

Alasan diberi untuk mempercayai bahawa situasi antarabangsa selepas tahun 1435 memerlukan penyusunan salasilah sebagai alat kepada polisi istana Melaka. Melalui cara penyimpulan analisis salasilah, kita dapat memperhatikan bukti yang seterusnya tentang kecenderungan istana Melaka dalam tahun 1436. Suatu masa nanti, raja Melaka tentu akan cuba balik semula kepada asas kekuasaan Sumatera. Walau bagaimanapun, buat seketika ini, tindakan berjaga-jaga penting. Dengan demikian, huraian ahli salasilah tentang negara jiran Melaka adalah huraian yang bijaksana sekali.

Nyatalah bahawa perihal orang Thai tidak disentuh dalam cerita Palembang dan Melaka. Peranan 'sejarah Singapura' sebagai membebaskan ahli salasilah daripada tugas untuk menyentuh tentang serangan Thai ke atas Singapura adalah suatu penjelasan yang tidak memadai. Beliau sepatutnya menunjukkan bahawa raja Melaka yang pertama memperihalkan tindak balas yang gemilang terhadap Thai yang begitu dititikberatkan oleh Melaka.

Satu alasan mengapa tidak dibuat rujukan atas Thai kerana Thai bukan merupakan sebahagian daripada sejarah Melayu yang dilihat dari sudut pandangan Palembang. Kekuasaan Thai ke atas Semenanjung Melayu pada abad ke-13 dan ke-14 merupakan penghinaan kepada raja Melayu-Jambi dan bukannya raja Palembang.⁷¹ Schnitger memperhatikan bahawa dalam kebanyakan legenda Jambi, peperangannya dengan Siam disebutkan. Dalam prasasti Melayu di Semenanjung Melayu, terdapat nama seorang pegawai Sumatera yang sama dengan nama yang wujud dalam legenda Jambi berhubung dengan lawatan pegawai tersebut ke Siam.⁷² Akan tetapi, Thai tidak bersaing dengan tuntutan dipertuan Palembang sebelum abad ke-15.

Terdapat alasan seterusnya yang lebih kukuh mengapa tidak

dirujuk kepada Thai. Dikatakan bahawa ahli salasilah tidak mahu teksnya mengandungi bahan yang dapat membangkitkan tindak balas yang negatif sekiranya bahan ini sampai kepada pengetahuan Thai. Lebih-lebih lagi tuntutan salasilah yang penting ini tidak akan dirahsiakan. Sebaliknya, salasilah ini akan disebarakan sejauh dan seluas mungkin supaya raja melaka mendapat sokongan di wilayah itu. Pada masa itu, raja Thai masih menganggap yang raja Melaka adalah di bawah naungannya. Raja Thai tentu dapat memperhatikan perubahan yang mengejut dari keadaan jajahannya dan tentu akan berasa sangsi terhadap semua kejadian yang berlaku dalam istana Melaka dalam tahun 1436. Tidak lama selepas Melaka diasaskan, Thai bersedia merampas hak Raja Iskandar yang diberikan oleh maharaja Ming untuk mendakwauntutannya. Jadi, tidaklah mustahil sekiranya Thai meminta satu salinan salasilah ini.⁷³ Keadaan dalam tahun 1436 memerlukan raja Melaka mengisytiharkan dirinya sebagai keturunan Sultan Iskandar Zulkarnain. Namun demikian, keadaan ini tidak membenarkan sebarang tindakan yang kurang bijak dalam memberi alasan kepada Thai untuk menyerang Melaka.

Jawa pula tidak diketepikan seperti Thai. Kerajaan Jawa bertanggungjawab terhadap serangan ke atas Singapura ketika pemerintahan raja yang kedua⁷⁴ dan mereka juga mengusir Raja Iskandar dari Singapura. Walau bagaimanapun, dalam peristiwa yang kemudian, iaitu pengusiran Raja Iskandar mereka tidak memperoleh kejayaan melalui usaha mereka sendiri. Sebenarnya, Raja Iskandar memalukan anak perempuan salah seorang menterinya, Menteri tersebut mengkhianat dan menyerahkan Singapura kepada Jawa.⁷⁵

Semasa abad ke-13 dan hampir seluruh abad ke-14, kerajaan Melayu merupakan sasaran utama Jawa di selatan Sumetara. Akan tetapi, orang Jawa membinasakan Palembang dalam tahun 1391. Tindakan mereka dapat dihuraikan dengan kata-kata yang keras. Sebaliknya, Melaka memerlukan perikatan dengan Jawa dalam tahun 1436. Jadi, tidaklah sesuai untuk dipertunjukkan sikap anti-Jawa dalam salasilah ini. Hasilnya, orang Jawa dihuraikan dengan kata-kata yang lembut.⁷⁶

Jiran Melaka yang lain dan yang terkenal ialah keranaan Melayu. Ahli salasilah tidak berhati-hati dalam memperkatakan tentang kerajaan Melayu yang merupakan musuh lama Pelambang. Kerajaan Melayu pernah menyaingi dipertuan Melaka apabila Raja Iskandar membangkitkan ingatan tentang keagungan kerajaan Srivijaya. Tuntutan kekuasaan kerajaan Melayu ditolak secara terang-terang apabila abang

sulung Sri Tri Buana ditabalkan sebagai raja Minangkabau. Jadi, tinggallah adik bongsu beliau di Palembang dan memperoleh penghormatan dari setiap pelosok negeri. Tidaklah hairan apabila dalam bab terakhir Sejarah Melayu, terus memperlihatkan rasa perseteruan Melaka terhadap musuh lamanya. Status Jambi adalah kabur. Raja Jambi dikatakan pernah mengiringi raja Melaka dalam lawatannya yang penting ke Jawa.⁷⁷ Walau bagaimanapun, tumpuan terhadap negara pedalaman Minangkabau adalah nyata. Melaka menghantar ekspedisi untuk menentang Siak dan Kampar di timur Sumatera. Alasan yang dibayangkan ialah raja-raja Siak dan Kampar mempunyai pertalian kerabat dengan Raja Pagar Ruyung, iaitu ibu kota Minangkabau yang merupakan pusat utama raja Melayu.⁷⁸ Raja Pagar Ruyung ialah keturunan daripada putera sulung Raja Chulan. Jadi, keturunan putera bongsu Raja Chulan memperoleh kejayaan dalam menentang keturunan putera sulung Raja Chulan. Pertentangan di antara kerajaan Palembang dan Melayu ini digambarkan sebagai pertentangan adik-beradik yang kemudiannya beralih ke Melaka. Siak dan Kampar menjadi jajahan keluarga diraja Palembang di Melaka. Indragiri dianggap oleh Tome Pires sebagai pelabuhan utama Minangkabau.⁷⁹ Menurut *sejarah Melayu*, raja Melaka menuntut Indragiri daripada raja Majapahit.⁸⁰ Seperti yang diusulkan oleh Rouffaer, polisi Samutera yang diamalkan oleh Melaka lebih merupakan lakonan semula sejarah Srivijaya yang awal daripada perjuangan untuk memperkukuhkan Islam.⁸¹

Kejatuhan kerajaan Melayu adalah jangkauan yang dilihatkan oleh Raja Iskandar dalam tahun 1391 dan ia tidak membawa sebarang persamaan dengan 'kejatuhan kerajaan Srivijaya'. Selagi istana Palembang-Melaka terlibat sama, kedua-dua abad ke-11 dan ke-14 bukan merupakan 'kejatuhan kerajaan Srivijaya'. Salasilah raja Melaka yang ditulis dalam detik-detik genting pada tahun 1436, mendakwa pandangan sejarah Melayu pada setiap masa. Ahli salasilah memenuhi tanggungjawab tradisional sejarah istana dengan menjadi jurucakap kepada sejarah raja.

BAB 12

SRIVIJAYA DALAM SEJARAH

Kajian ini memberi tumpuan kepada jangka masa kira-kira tujuh puluh tahun dalam sejarah kelautan Melayu, iaitu yang bermula dengan lawatan Chao Shu ke Sumatera dalam tahun 1370 dan berakhir dengan tahun 1436. Tahun 1436 merupakan tahun yang penting dalam sejarah Melaka dan juga tahun ketika salasilah raja Melaka diusulkan. Kepentingan sejarah dalam salasilah mula menjadi nyata apabila salasilah raja Melaka tersebut ditolak sebagai sumber untuk sejarah Singapura daripada segi pengertian umum. Sebaliknya, salasilah tersebut didapati mengandungi bahan yang membolehkan kita membuktikan dan mengkaji lojik hujah salasilah, iaitu yang dikaitkan daripada segi peristiwa yang penting kepada Sultan Muhammad Shah, raja Melaka yang ketiga. Penolakan salasilah raja Melaka sebagai sumber untuk sejarah Singapura yang sebenar, tidaklah bermakna bahawa ahli salasilah boleh dituduh sebagai seseorang yang mempunyai peringatn yang tidak sempurna. Ahli salasilah dan pengarahnya yang berkemungkinan ialah Bendahara Melaka yang pertama adalah orang yang dihuraikan oleh Profesor Butterfield sebagai 'ahli sejarah Whig'. Golongan Whig cenderung menghasilkan 'cerita yang merupakan pengesahan dan kalau pun bukan untuk mengagungkan masa itu'.¹ Sifat whig mereka menonjolkan kecenderungan mereka. Kecenderungan mereka adalah kenyataan bersejarah yang penting tentang cara orang Melayu mengamati masa lampau mereka dari penghujung abad ke-14 dan juga bagaimana mereka mengamati penghujung abad ke-14 dari sudut Muslim Melaka dalam tahun 1436.

Tuduhan yang lebih tepat lagi ialah ahli salasilah dikatakan menulis cerita roman berbentuk hiburan. Ini sahajalah yang menjadi maksud penulisan beliau. Beliau menghuraikan butir dengan panjang lebar tentang kepercayaan agama serta sumber kesusasteraan. Akan tetapi, beliau berbuat demikian dengan tujuan untuk memperluaskan tahap dalam huraiannya. Corak peniruan beliau dapat dianggap sebagai apa yang oleh beliau dijangkakan, iaitu susunan yang sesuai bagi tajuk sejarah yang menjadi tumpuannya.²

Mutu kesusasteraan salasilah sama seperti bentuk yang ada pada kita sekarang yang merupakan isu yang belum diputuskan lagi sama ada perlu dipertimbangkan oleh penulis sekarang. Penulis salasilah tersebut hanya berminat dengan kepandaian rekaan salasilah sahaja. Meskipun demikian, riwayat ini tentu dapat dianggap sebagai sesuatu yang patut dihargai dan menarik. Ini benar terutamanya yang terdapat dalam dua peristiwa. Yang pertama berkenaan dengan dua orang janda di Sumatera yang mendapat penghargaan sebagai orang yang pertama melihat lambang kedewaan moyang raja Melaka. Lambang kedewaan tersebut diperlihatkan melalui sinaran di Bukit Seguntang pada malam hari yang menakutkan kedua-dua janda ini. Peristiwa yang kedua pula berhubung dengan proses Sri Tri Buana mendapat pengiktirafan di kepulauan itu. Dalam peristiwa yang kedua ini, diberi penjelasan panjang lebar yang sepatutnya diberi kepada tokoh yang sebenar, iaitu Raja Iskandar. Namun demikian, penulis sekarang lebih tertarik dengan cara orang Melayu memperingati Raja Iskandar dengan penuh hormat daripada kesedaran bahawa tahun 1391 dan juga 1436 adalah detik masa yang menentukan kronologi salasilah.

Butir yang jelas ini berdasarkan fakta yang diingat kembali oleh beberapa orang pegawai tua yang masih hidup di Melaka dalam tahun 1436. Mereka menghormati Sultan Muhammad Shah. Namun demikian, mereka juga tidak melupakan dekad yang terakhir yang penuh dengan cabaran pada abad ke-14 yang dilalui oleh pemimpin mereka, iaitu Raja Iskandar. Ketaatan mereka tidak menghairankan., Orang Melayu memang selalu memberi reaksi yang cepat kepada kepimpinan, lebih-lebih lagi apabila mereka mempercayai yang persekitaran antarabangsa memerlukan sebuah entrepot yang penting di bawah pimpinan seorang raja yang kaya. Sejarah orang Melayu dapat digambarkan menerusi perluasan dan pengecutan kekuasaan *nagara* mereka berdasarkan keadaan persekitaran antarabangsa. Dalam pandangan dunia mereka, tidak pernah wujud keruntuhan muktamad. Secara tidak disedari, maharaja Ming yang pertama memulihkan

kembali kekuatan Melayu melalui perpaduan demi kepentingan raja Melayu. Maharaja China mengharapkan suatu hari nanti raja Melayu akan mengendalikan sebuah pusat perdagangan yang utama serta membahagikan kekayaan dan faedah di kalangan pengikutnya. Raja Iskandar adalah waris kepada kegemilangan kuno dalam *Sejarah Melayu*, diperkukuhkan menerusi hubungan di antara raja Melayu dengan maharaja China.

Namun demikian, janji palsu maharaja Ming yang awal terhadap sistem jajahan kuno menimbulkan kesulitan yang tidak disangka kerajaan Melayu. Janji palsu tersebut juga menangguhkan masa kemakmuran ekonomi dan kekuasaan politik yang berada dalam kekuasaan dipertuan mereka. Katakan Tai-tsu memberi perlindungan kepada jajahan Sumatera seperti yang diberikan oleh Maharaja *Yung-lo* kepada Melaka. Maka, tentu pantai tenggara di Sumatera akan menyaksikan suatu kesungguhan perjuangan bagi kepentingan pelabuhan yang dapat memenuhi permintaan perdagangan ufti. Kejadian yang berlaku pada bahagian kedua abad ke-14 adalah seperti berikut: kedua-dua raja melayu dan Tai-tsu sama-sama berhasrat untuk melanjutkan corak perkembangan bersejarah dahulu seperti yang dilambangkan oleh sistem jajahan. Pada tahun 1371, Tai-tsu membuat pernyataan yang mengimbas kembali kenangan terhadap realiti pada abad ke-5 dan ke-6 serta rasionalisasi pada abad ke-78. Sebenarnya, Tai-tsu tidak bersungguh-sungguh untuk memulihkan kembali perhubungan tradisi di antara negeri China dengan Melayu. Sebaik sahaja maharaja China menghadapi masalah di barat Indonesia, maharaja tersebut terus berpaling tadah terhadap wilayah di barat Indonesia itu. Sumbangan Tai-tsu kepada *Sejarah Melayu* ialah untuk mempertingkatkan kezamaman keluarga diraja Palembang. Dalam kejadian itu, masyarakat Melayu disusun semula oleh raja Palembang tetapi bukan di Palembang. Sekali lagi Palembang memang boleh menjadi *nagara* Melayu. Begitu juga dengan Singapura yang memang boleh merupakan *nagara* Melayu. Akan tetapi, percubaan Tai-tsu yang lewat dalam membaiki semula kerosakan yang diakibatkan oleh kelalaiannya berkesudahan dengan pengusiran Raja Iskandar dari Singapura dan perlarian raja tersebut ke Melaka. Dengan demikian, Melaka menjadi ibu kota yang baru kepada *nagara* Melayu.³

Di Melaka, Raja Iskandar dan puteranya terus menjadi mangsa kepada janji palsu dinasti Ming dalam melaksanakan hubungan jajahan. Ketika kekuasaan Srivijaya, maharaja China berpuas hati dengan membuat andaian bahawa raja Palembang akan mudah terpengaruh

dengan kekuasaan China yang dipergunakan secara tidak langsung di seberang laut melalui kuasa moral maharaja China (*te*). Pada masa itu, maharaja China memikul tanggungjawab mengawasi lautan utama dari China sehingga ke Lautan Merah dan juga menguruskan perdagangan jajahan dengan kapal China sendiri. Ini merupakan kali pertama dan terakhir dalam sejarah. Tindakan maharaja China, iaitu Maharaja *Yung-lo* memberi kepastian bahawa Melaka akan dapat mengatasi sebarang tindak balas dari Thai kepada jajahan yang tidak patuh dengan perintah Thai. Namun demikian, buat masa itu, Melaka tidak berkembang dengan serta-merta untuk menjadi sebuah pusat perdagangan yang penting. Saudagar Jawa dan Muslim Asia masih menganggap perlaksanaan perdagangan di Pasai lebih menguntungkan. Dalam tahun 1436, raja Melaka yang ketiga menyedari bahawa dirinya bukan sahaja diketepikan untuk memperoleh perlindungan China tetapi juga penguasaan ekonomi. Oleh itu, raja Melaka membuat keputusan bahawa adalah penting bagi beliau untuk mengisytiharkan dirinya sebagai seorang Muslim. Keputusan yang diambil oleh raja Melaka ketiga tersebut merupakan detik yang penting dalam sejarah Melaka. Kerajaan Melaka dengan cepat beralih kepada fasa kemakmuran perdagangan baru. Tidak lama selepas itu, kerajaan Melaka beralih lagi kepada fasa perluasan empayar.

Ketiga-tiga raja Melaka yang terawal sudah biasa dalam menghadapi keadaan yang malang. Raja-raja tersebut merupakan raja yang istimewa sekali. Jadi, sebelum kita beralih kepada pokok perbincangan lain, kita harus berhenti sejenak untuk mempersoalkan di manakah letaknya keistimewaan raja-raja ini.

Ketiga-tiga raja Melaka tersebut merupakan teladan kepada perkembangan politik di Asia Tenggara. Ini kerana raja-raja tersebut mempunyai kecenderungan semula jadi dalam mengenal pasti masalah dan potensi yang terpendam dalam persekitaran yang luas sekali. Mereka menjalani kehidupan di persekitaran yang luas ini bagi menandakan penguasaan dan mempertahankan kedudukan mulia mereka. Kecenderungan raja-raja Melaka tersebut memperlihatkan ciri-ciri raja yang bersesuaian. Walaupun kecenderungan ini dihuraikan mengikut prinsip selok-belok kenegaraan India, kecenderungan ini adalah hasil daripada keadaan umum yang bersejarah di Asia Tenggara dan India. Raja-raja ini mahir dalam memahami suasana politik, mengeksploitasi perubahan dalam persekitaran mereka dan dapat mengatasi krisis yang berterusan dengan cepat dan berkesan.⁴ Peristiwa yang berlaku dalam dunia mereka pasti tidak akan terlepas daripada

pemerhatian raja-raja ini. Raja Melaka sentiasa mengikuti perubahan dalam struktur perdagangan China, perkembangan politik di Jawa serta perkembangan di Pasai. Begitu juga dengan penghargaan perdagangan bukan China yang sangat digalakkan ketika permulaan pemerintahan Ming yang luar biasa. Dengan mudah sahaja Raja Melaka yang kedua dan ketiga dapat menerima fenomenon luar biasa dalam dunia pemerintahan sezaman yang belum pernah dihadapi oleh moyang mereka. Fenomenon yang dimaksudkan ialah hubungan di antara kemakmuran ekonomi dengan pegangan agama raja. Perubahan yang mengelirukan ini berlaku dalam tempoh masa kira-kira empat puluh tahun. Jadi, asas sejarah awal Melaka berdasar kepada cara raja Melaka mempergunakan perubahan ini demi kepentingan mereka.

Tindak balas raja Melaka kepada keadaan yang berubah-ubah itu berlaku dalam beberapa cara. Satu daripada langkah utama mereka ialah memilih sekutu dengan bijaksana.⁵ Perikatan dengan kerajaan Bentan memberikan kekuatan angkatan laut. Sekutu negeri China pula memberi perlindungan fizikal dan kesamaan status dengan negara jiran. Perikatan dengan orang Muslim pula membawa kepada kemakmuran ekonomi dan sekutu Asia Tenggara. Perikatan tersebut berlaku melalui pemindahan pedagang asing yang berada di Pasai.⁶ Raja Melaka yang paling tidak penting ialah raja Melaka yang kedua. Pemerintahan raja tersebut dimanipulasikan dalam salasilah dan juga dilupakan oleh pemaklum maklumat Pires. Namun demikian, raja ini juga harus diberi penghormatan dalam sejarah awal Melaka. Raja Melaka yang kedua tersebut memakai nama 'Iskandar Shah' dan mempergunakan perkataan beliau dengan maharaja Ming. Hal ini mengusulkan bahawa raja ini memang mengharapkan suatu masa apabila Melaka akan mendapat kedudukan terbaik daripada kedua-dua situasi: iaitu dalam perdagangan Muslim Asia Tenggara dan perdagangan China. Jadi, tidaklah hairan apabila raja tersebut berikhtiar untuk memperkembangkan pelabuhan Melaka ketika hayat bapanya. Ketiga-tiga raja Melaka berupaya dalam menyesuaikan diri dengan keadaan yang merugikan. Ini menyebabkan perbezaan di antara pengisytiharan diri sebagai bodhisattva dengan Sultan tidak sepenting seperti kecekapan bersama raja-raja ini dalam mengambil keputusan yang paling berkesan untuk keperluan sesuatu masa.

Namun demikian, tindak balas raja-raja Melaka tersebut berlaku dalam bentuk lain yang agak sukar didekati oleh ahli sejarah. Raja Iskandar berjaya mendakwa keagungan Srivijaya dengan tujuan untuk memperingatkan pengikutnya bahawa merekalah orang yang akan

memulihkan semula keagungan. Dengan memobilisasikan identiti kaum kerabat mereka, berdasarkan peringatan masa lampau merupakan satu lagi cara yang digunakan oleh raja-raja ini. Namun demikian, sekadar pemahaman yang bijaksana terhadap keadaan antarabangsa dan juga dakwaan kepada ingatan kaum kerabat sahaja tidaklah memadai sekiranya raja-raja Melaka ini tidak memiliki ketabahan dan kesungguhan. Kekecewaan pada masa-masa selepas tahun 1377, tragedi di tahun 1391, krisis pada tahun 1398, gangguan Thai yang berterusan dan kegentingan pada tahun 1435-6: semuanya ini tidak pernah melemahkan semangat kumpulan raja yang istimewa ini. Raja-raja ini tetap menjadi teladan kepada tindakan raja yang istimewa dalam tradisi agung kerajaan Asia Tenggara.

Pertukaran dalam kepercayaan raja Melaka yang ketiga, tidaklah bermakna warisan peradaban raja Melaka mula lenyap. Kedatangan orang Muslim secara besar-besaran tidak mendatangkan sebarang ancaman kepada tradisi istana Melaka. Sebenarnya kedatangan mereka disebabkan mereka mendapat keyakinan semula hasil daripada pegangan raja Melaka terhadap kepercayaan mereka. Sebaliknya, golongan Muslim yang penting ini mengharapkan manfaat daripada keadaan sebagaimana pada masa itu. Mereka lihat wujudnya peluang baru untuk memperoleh prestij sosial hasil daripada kesempatan yang lebih besar untuk mempengaruhi istana Melaka.⁸ Ikatan perkahwinan di antara mereka dengan bangsawan Melayu telah menyerapkan beberapa orang Muslim ke dalam masyarakat Melayu.⁹ Sarjana Muslim berpuas hati dan bersedia untuk menyerikan istana Melaka melalui perkhidmatan kepada raja yang lazimnya menjadi penaung kepada pembelajaran.¹⁰ Perkembangan yang perlahan serta motivasi sekular mengiringi perkembangan agama Islam di kalangan kerabat diraja Melaka. Hal ini memperingatkan kita tentang keterangan Pires mengenai Tuban Muslim dengan adat resam yang masih berpegang teguh kepada kebudayaan Hindu-Jawa kuno dari Jawa.¹¹ Seperti yang dihuraikan oleh Pires, raja yang baru berkuasa di pelabuhan utara Sumatera itu tunduk dengan segeranya kepada 'kebijaksanaan orang Maghribi'.¹² Akan tetapi, bagi raja Melaka yang berpegang kuat kepada tradisi kuno Palembang tidak bersedia untuk bertolak ansur dengan pedagang Arab dan India. Bagi kebanyakan jajahan Muslim Melaka, pasar dan masjid Jumaat merupakan tumpuan utama dalam kehidupan mereka seperti juga di Timur Tengah.¹³ Jurang perbezaan yang besar di antara raja Melaka dengan saudagar Muslim pula masih wujud. Hakikat sebenar yang diandaikan ialah ahli ulamak Muslim menghidupkan semula warisan Melayu yang musnah.

Profesor Wheatley memperhatikan bahawa 'Melaka diasaskan sebagai sebuah pelabuhan dan bukan dikembangkan untuk menjadi sebuah pelabuhan'.¹⁴ Perdagangan tidak datang dengan serta-merta dan secara besar-besaran. Akan tetapi, ulasan tersebut betul kerana pelabuhan Melaka memang menyediakan lebih daripada sekadar peluang perdagangan sahaja. Pentadbiran Melaka adalah terjamin dan menawarkan kesempatan kepada pembesar-pembesar istana yang bukannya saudagar dan memberi kestabilan pentadbiran bahkan Pires lancar berkata tentang keadaan belas kasihan dalam cara pedagang Melaka menjalani kehidupan mereka.¹⁵ Agama Islam mengurniakan kesedaran dan keinsafan individu di kalangan rakyat jelata Indonesia. Namun demikian, raja dan bangsawan Indonesia pula berpegang kuat kepada harga diri mengikut sumber lama yang lain. Hanya kemudiannya barulah kerajaan melaka diislamkan dengan lebih menyeluruh: iaitu apabila orang Muslim mula menyediakan sekolah untuk anak-anak mereka dan raja Melaka pula mula belajar melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada dunia Islam yang agung.

Hasil daripada kedudukan geografi yang terdedah, orang Melayu lebih mudah menerima sebarang pembaharuan.¹⁶ Raja Iskandar dan pengikutnya merupakan waris, iaitu bukan sahaja waris kepada adat resam istana yang luas malah juga peradaban yang mudah dilentur dan boleh menyerap pengaruh Muslim dengan cara yang tersendiri. Walau bagaimanapun, daripada satu segi, orang Melayu nampaknya tidak banyak berubah. Sebenarnya mereka mempunyai pendirian yang lebih teguh. Walaupun mereka hidup di wilayah yang kaya dengan sumber-sumber tempatan dan terletak dalam perjalanan utama perdagangan, namun pemimpin mereka tidak menganggap perdagangan sebagai segala-galanya. Sebaliknya, kekayaan adalah satu-satunya lambang kekuasaan yang harus diperolehi melalui apa cara juga. Sikap raja Melayu yang agresif dalam memperoleh kekayaan dicerminkan dalam tindakan raja Melayu untuk memonopoli kemudahan entrepot. Begitu juga ketika berlakunya perubahan dalam persekitaran antarabangsa, raja Melayu membuka pelabuhan mereka bagi membolehkan urusan perdagangan bebas dijalankan meskipun terdapat tekanan daripada dipertuan mereka. Raja Melayu tidak berminat untuk melaksanakan peraturan perdagangan. Kecuali daripada pengertian yang terbatas, raja Melayu melaksanakan hak buruh untuk memastikan sejumlah pengeluaran semula jadi dikutip dan dibawa ke pelabuhan mereka. Walaupun raja Melayu sedar yang saudagar asing tersebut harus diberi layanan yang baik, namun kekayaan adalah sesuatu yang harus mereka

peroleh. Nilai kekayaan dicerminkan dalam *Raffles MS*.¹⁸ Seorang pejuang raja Singapura ketika ditawarkan kekayaan telah menjawab: 'Sekiranya saya meminta kekayaan, raja saya yang akan memperolehnya'.¹⁷ Seorang bekas raja Melaka dalam awal abad ke-16 pula menyatakan: 'Sekiranya Sultan Muda dibenarkan memilih selain pedanag raja, beliau tentu memilih emas'. Penyusun bahagian teks ini menambahkan ulasan yang pendek: 'Dengan perkataan lain, di mana sahaja ada kekuasaan, di sana tentu ada emas'.¹⁸ Kita telah pun memperhatikan kebijaksanaan raja Melaka yang ketiga dalam menenangi perdagangan Muslim atas tujuan mempertahankan kedudukannya.

Dunia Melayu mempunyai momentum yang tersendiri. Kesungguhan raja Melayu menentang orang Portugis lebih merupakan perjuangan untuk mengekalkan ketuanan mereka yang wujud sekian lama daripada tindak balas untuk menentang penyebaran agama Kristian. *Sejarah Melayu* tidak memberi perhatian ke atas 'perang salib' sesudah kejatuhan Melaka dalam tahun 1511. Sebaliknya, tumpuan diberi kepada cara bekas keluarga diraja Melaka mengekalkan kepimpinan mereka dengan mudah sahaja. Bekas sultan Melaka yang mengasaskan kerajaannya di Bentan dan kemudiannya di Johor terus mengamalkan kekuasaan pemerintahannya. Untuk beberapa tahun, empayar ini seolah-olah akan berpecah-pecah. Kerajaan Kampar berbaik dengan Portugis. Lingga dan Indragiri pula mengambil peluang tersebut untuk menghidupkan semula permusuhan yang lama. Sultan Bentan juga memperhatikan bahawa raja Bruas dan Mayong di pantai barat Semenanjung Melayu tidak datang untuk memberi sebarang penghormatan.¹⁹ Namun demikian, kecenderungan kepada perpecahan kekuasaan adalah sementara sahaja. Masalah perpecahan tersebut diatasi tidak lama selepas itu, melalui tuntutan ke atas kepatuhan dengan menggunakan batas kekuasaan raja. Masalah tersebut juga diatasi melalui pengakuan raja jajahan bahawa mereka memerlukan kuasa ketuanan untuk melindungi kekuasaan dan penghormatan mereka. Pada masa itu, dipertuan mereka memerintah di Riau ataupun di selatan Johor. Di kedua-dua wilayah tersebut tempat sultan mereka mendapat perlindungan daripada penduduk kepulauan yang taat. Penduduk yang sama ini jugalah yang memberi sokongan kepada Raja Iskandar apabila beliau melarikan diri dari Palembang dalam tahun 1391.

Dengan demikian, bab terkemudian dalam *Sejarah Melayu* membawa kita kepada satu fasa lagi dalam sejarah kekuasaan Melayu.

Negara Melayu dipulihkan kembali dengan serta-merta dan orang Melayu muncul semula setelah berjaya mengatasi krisis pada tahun 1511. Kerajaan China menganggap orang Portugis sebagai merbahaya dan mengganggu ketenteraman di wilayah; maharaja China pernah menggunakan pengaruh di wilayah tersebut untuk membantunya suatu ketika dahulu.²⁰ Kenyataan bertulis wizurai Canton pada tahun 1529 mencerminkan kenangan lalu: 'Orang yang tidak bertamadun di wilayah selatan (tidak seperti orang Portugis) adalah peramah dan patuh. Selama seratus tahun dan lebih, mereka tidak lagi berani bertindak seperti lanun'.²¹ Orang Melayu dapat menyesuaikan diri mereka dengan lebih mudah ke atas pencerobohan Portugis. Dalam usaha orang Portugis untuk memonopoli perdagangan rempah, mereka membina kubu pertahanan yang kuat di sepanjang Lautan Merah sehingga ke Malaka. Ini berlaku dalam tahun pertama abad ke-16. Dengan cara sedemikian, mereka berharap akan dapat menguasai pelayuan di lautan utama tersebut. Keutamaan perhubungan melalui lautan ini disedari oleh negeri China lebih seribu tahun terdahulu.²² Bagaimanapun, orang Portugis yang terdiri daripada pedagang persendirian yang semakin aktif menetap di negeri Melayu untuk menjual kain India dan kemudiannya, diserapkan ke dalam persekitaran Melayu-Indonesia. Sir Stamford Raffles membawa salinan versi *Sejarah Melayu* tahun 1612 ke London. Beliau menulis pengenalan kepada terjemahan Leyden tentang versi teks yang terkemudian ini bahawa 'kegagalan orang Portugis menyebabkan terputusnya kekuasaan kerajaan tempatan'.²³ Ahli sejarah pada hari ini tidak lagi menerima pandangan sejarah yang dikemukakan oleh Raffles. Sesungguhnya, tahap kekuasaan ketuanan Melayu diteruskan oleh pengganti Sultan Melaka. Seperti yang baru dibuktikan oleh Dr. Meilink-Roelofs, kerajaan Johor tidak tersekat daripada menjadi sebuah pusat perdagangan dalam abad ke-16. Kerajaan Johor juga memiliki keazaman yang cukup tinggi untuk bangkit semula sehingga mencapai masa kemakmuran dalam pertengahan abad ke-17.²⁴

Walau bagaimanapun, abad ke-18 mula memperlihatkan keruntuhan yang cepat dalam cara hidup orang Melayu. Namun demikian, lebih banyak penyelidikan yang harus dijalankan untuk mendapat maklumat yang mencukupi tentang sejarah Indonesia dalam abad ke-18, iaitu abad yang tidak begitu diingati. Terdapat kemungkinan bahawa wujud berbagai-bagai fakta yang secara beransur-ansur bergabung dan mewujudkan persekitaran luaran yang menjadi sekatan kepada raja-raja Melayu. Raja-raja Melayu dihalang daripada menggunakan hak tradisi

mereka ke atas dunia luar. Dengan demikian, mereka kehilangan beberapa peluang lama mereka untuk mencapai daya usaha, memperoleh kekayaan dan kekuasaan persendirian. Jadi, lenyaplah impian mereka untuk menubuhkan satu-satunya entrepot dan ibu kota Melayu. Dunia Melayu telah hancur. Apa yang dianggap oleh orang Melayu sebagai perdagangan normal, kerap kali terpaksa dijalankan dalam keadaan yang dianggap oleh Belanda sebagai 'suatu corak melanun'. Begitu sekali lemahnya prestij dan kekuasaan raja Melayu seperti yang diperlihatkan oleh Raffles pada permulaan abad ke-19. Ini menyebabkan beliau mengumumkan bahawa kerajaan Melayu berada dalam situasi keruntuhan. Pada masa Raffles, situasi di Palembang bertentangan dengan pendapat bahawa keruntuhan tersebut tidak dapat lagi dipulihkan.²⁵ Orang Belanda dengan sistem perjanjian monopoli dan tindakan 'kawalan polisi' yang tidak tentu melemahkan semangat perdagangan entrepot Melayu yang maju dan yang mempunyai skel besar. Walau bagaimanapun, beberapa orang raja di pantai timur Semenanjung dan tempat-tempat lain terus mendapat kebebasan walaupun kadang-kadang mereka mengadakan perhubungan dengan dunia luar secara sulit.

Yang lebih penting adalah keadaan di dunia luar sendiri juga sedang mengalami perubahan. Orang Eropah mencapai penguasaan yang semakin meningkat di pelabuahn India. Secara beransur-ansur, mereka memindahkan perhubungan terbuka yang suatu masa dahulu dihargai oleh maharaja China ke dalam lingkungan pengaruh Eropah. Maharaja Ching, Chien-lung (1736-96), ketika beliau masih lagi belajar, amat kagum dengan Maharaja Tang Tai-tsung. Maharaja Tang Tai-tsung merupakan maharaja yang diteladani dan yang dimuliakan dalam teks *Chen-kuan chen-yao*.²⁶ Maharaja tersebut tentu akan menerima dan menghormati nasihat Wei Cheng. Menjelang pertengahan abad ke-19, teks Wei Cheng *Sui-shu*, ditulis atas perintah Maharaja Ming Tai-tsu dalam tahun 1371.²⁷ Namun demikian, teks *Sui-shu* tidak lagi sesuai digunakan dalam konteks perhubungan di antara China dengan orang yang tidak bertamadun pada masa itu. Perang Candu menimbulkan cabaran kepada China yang diasaskan oleh orang Eropah yang bertapak di Asia Tenggara. Walaupun demikian, sikap lama China terhadap lautan selatan masih lagi sama. Dalam tahun 1397, raja Thai menyampaikan arahan Tai-tsu kepada raja Jawa supaya memulihkan semula keamanan di Palembang. Dalam tahun 1521, maharaja Ming, Shih-tsung, menyetujui bahawa raja Thai dan raja 'tidak bertamadun' yang lain harus diarah supaya menghalau orang

Portugis dari Melaka bagi pihak Sultan Melaka.²⁸ Selepas Perang Candu, Maharaja Wei Yuen menyarankan supaya Thai dan Vietnam diperintahkan untuk mengusir orang Inggeris dari Melaka dan Singapura.²⁹

Dalam keadaan yang diseliputi kesusahan pada abad ke-18 dan awal abad ke-19, seseorang dapat membayangkan bahawa ikatan untuk kemudahan bersama yang terdahulu di antara raja Melayu dengan saudagar tidak lagi sebegitu terkongkong. Guru Muslim tidak dapat lagi mengharapkan banyak bantuan daripada penaung raja. Mereka terpaksa lebih bergantung kepada diri sendiri untuk mempertahankan kedudukan mereka. Sehingga akhirnya, mereka mendapat inspirasi baru daripada pemikiran Islam di Timur Tengah. Lalu mereka mencari tapak agama alternatif dalam masyarakat Indonesia, iaitu di kalangan penduduk pedalaman dan juga di pusat pesisir yang semakin lemah. Akhirnya boleh dikatakan bahawa pada masa itu, cara hidup yang mengagungkan Maharaja Srivijaya dan Sultan Melaka semakin lenyap.

Pokok perbicaraan dalam kajian ini menyentuh berkenaan masa lampau yang masih diingati seperti dalam dunia kelautan barat Indonesia dan Semenanjung Melayu. Sekarang kita akan memperhatikan dua lagi peringatan masa lampau yang terakhir.

Yang pertama dicerminkan melalui pemerhatian Logan dalam tahun 1848. Logan ialah seorang residen Negeri Selat yang berpengetahuan tinggi. Beliau menulis bahawa 'adalah ganjil apabila difikirkan betapa kecilnya kesan daripada penaklukan Eropah yang berterusan dan kekuasaan raja di Johor ke atas usaha memecahkan perpaduan kerajaan Melayu.'³⁰ Yang menjadi tumpuan beliau ialah kenyataan berkenaan Sultan Lingga. Walaupun sultan tersebut tinggal di wilayah yang dikuasai oleh Belanda, Sultan Lingga ini tetap dianggap oleh orang Melayu termasuk raja Melayu di Semenanjung sebagai raja Johor. Pembahagian kerajaan Johor dan pulau itu di antara Inggeris dengan Belanda tidak dapat mengubah ketaatan orang Melayu.

Peringatan masa lampau yang kedua berkenaan dengan peristiwa yang terjadi selewat-lewatnya sehingga permulaan abad ke-20. Untuk memahami kepentingan peristiwa tersebut, kita harus mengetahui apakah kesan perjanjian perdagangan Belanda pada abad ke-17 dan ke-18 ke atas raja di pelabuhan pantai timur Sumatera. Dengan adanya naungan Belanda, raja-raja di pelabuhan tersebut mengembangkan lagi tuntutan mereka. Akan tetapi, kesan jangka panjang daripada perjanjian itu menandakan penamatan kekuasaan raja di pelabuhan pantai timur Sumatera. Menjelang penghujung abad ke-18, guru Muslim yang

mempunyai cara pemikiran bebas meninggalkan pusat agama di pesisir yang di bawah bayangan raja. Mereka berbuat demikian dengan tujuan untuk mengukuhkan sebuah pusat yang baru dalam persekitaran yang kurang berbau aristokrat di kawasan pedalaman. Golongan Muslim tersebut terdiri daripada golongan yang datang ke pesisir itu, terutamanya dari pedalaman Minangkabau. Abad ke-19 menyaksikan suatu perubahan undang-undang mengikut adat Minangkabau oleh generasi guru Muslim yang berikutnya. Menjelang permulaan abad ke-20, masyarakat Minangkabau bersedia untuk menghubungkan diri mereka dengan dunia moden seperti yang ditonjolkan melalui pelajaran duniawi dan dorongan Islam. Dengan demikian, raja-raja di pesisir tersebut jauh tersisih pada masa itu.

Begitulah latar belakang kepada perarakan penuh perhiasan yang diadakan di Padang pada 19 April 1907 sebagai memperingati kehadiran pertama Belanda tiga ratus tahun dahulu. Kereta berhias dipertunjukkan dan orang bangsawan mengambil kesempatan itu untuk menegaskan lagi identiti mereka. Mereka memilih untuk mempamerkan sebuah replika 'istana Johor' (*astana Djohor*) yang kecil sebagai lambang penentangan mereka terhadap pihak berkuasa.³¹ Kerajaan Johor adalah contoh penting yang terakhir, iaitu contoh tentang corak pemerintahan beraja yang dapat mereka ingati. Sama ada mereka mengetahuinya ataupun tidak, mereka mendakwa suatu tradisi yang merujuk balik melalui kerajaan Johor kepada kerajaan Melaka dan dengan demikian kepada kerajaan Srivijaya-Palembang. Ini meliputi suatu jangka masa yang terdiri lebih daripada 1200 tahun. Akan tetapi, dunia yang didakwa oleh bangsawan Sumatera ini sudah pun berakhir dan pertunjukan mereka disambut dengan kata-kata kasar.³²

LAMPIRAN A

KAN-T'O-LI DAN SEMENANJUNG THAILAND

En. Boeles menghidupkan kembali pengenalan yang dibuat oleh Gerini tentang *Kan-t'oti* dengan Khanthuli, sebuah kampung yang terletak beberapa batu di utara Jaiya, pantai timur Semenanjung Melayu; J.J. Boeles, 'A note on the toponymy of the ancient Kantoli in peninsular Thailand', *Journal of the Siam Society*, LV, 2 (1967), 291-97. Barangkali, nama tempat barangan purba sezaman yang tidak diketahui merupakan asas yang terlalu sempit untuk menerangkan sejarah geografi Asia Tenggara 500 tahun yang lalu. Profesor D.K. Wyatt memberitahu penulis bahawa Khanthuli tidak dapat dikenal pasti dalam mana-mana rekod peristiwa Nakhon Si Thammarat, dan didakwa yang ia berhubung dengan Semenanjung Tanah Melayu dari abad kedua belas dan abad seterusnya. Carta *Wu-pei chih* ditulis dengan cara yang sama tetapi tidak disebutkan. Parasasti Ligor tahun 775 dan kesenian 'Srivijaya' berada dalam masa jeda di antara *Kan-t'o-li*, *Liang-shu* dan rekod peristiwa Nakhon Si Thammasrat tidak relevan dalam menghubungkan *Kan-t'o-li* dengan Khanthuli. Spekulasi itu sendiri merupakan suasana Srivijaya yang mempunyai kaitan dengan genting: tidak juga dapat diizinkan tindakan meminta bukti arkeologi yang berada dua puluh batu atau lebih dari kampung itu.

Bukti orang Cina menunjukkan yang *Kan-t'o-li* merupakan pusat perdagangan untuk beberapa kepentingan. Dalam tahun 502, pemerintah *Kan-t'o-li* berjanji bahawa utusan beliau ke China untuk menghadiri upacara penabalan dinasti Liang akan membawa keuntungan yang

berlipat ganda saudagar-saudagar. *Kan-t'o-li* bukanlah semata-mata sebuah ibu negeri yang berfungsi sebagai pembekal hasil tempatan, akan tetapi *Kan-t'o-li* juga merupakan sebuah pelabuhan yang berurusan dengan pasaran orang Cina. Malahan, ia adalah satu-satunya semenanjung atau kerajaan Indonesia abad kelima dan keenam yang boleh dihurai sebagai pusat perdagangan; pengecualian ke atas *Ho-lo-tan* kerana kerjaya sebagai penakluk berakhir dalam tahun 452. Namun demikian, penggalian yang dilakukan di genting Semenanjung setakat ini tidak memperlihatkan sebarang timbunan tembikar zaman pra-Sung, yakni seseorang akan membuat tanggapan bahawa ia merupakan sebuah rantau yang dilimpahi dengan entrepot antarabangsa. Sebaliknya, walaupun penggalian yang dikawal secara saintifik belum lagi dimulakan di selatan Sumatra, rantau tersebut telah memperoleh tembikar zaman pra-Tang dalam jumlah yang begitu banyak sekali, sesetengahnya didapati dalam bentuk yang sempurna; sebagai contoh, lihat *Koninklijk Bat. Genoot. van Kunston en Weten., Jaarboek*, 3 (1936), 209-210. Kontrasnya begitu ketara bila dibandingkan dengan situasi di Semenanjung kerana lebih banyak kerja-kerja arkeologi dijalankan di Semenanjung daripada yang dijalankan di selatan Sumatra.

Seseorang itu juga pasti ingin mengetahui kemudahan pengangkutan yang menghubungkan Khanthuli dengan pantai timur menerusi legeh Semenanjung.

Kajian penyelidikan arkeologi di Semenanjung mungkin menyelesaikan sesetengah kenyataan protosejarah yang samar-samar. Akan tetapi, ia merupakan sesuatu yang merugikan jika interpretasi mengenai penemuan di masa hadapan akan dimudaratkan oleh hipotesis yang tidak kukuh dan hipotesis ini berkeriaan dengan pertalian di antara proto-Srivijaya, diwakili oleh *Kan-t'o-li* dan rantau Jaiya, diwakili oleh *Kan-t'o-li* dan rantau Jaiya. Sementara itu, ahli sejarawan boleh membuat penilaian ke atas bukti lain dalam sumber-sumber orang Cina yang berada dalam zaman *Kan-t'o-li*, dikaji oleh Profesor Paul Wheatly; *The Golden Khersonese*, 47-51. Profesor Wheatley membincangkan apa yang dikenali *P'an-p'an*, sebuah kerajaan yang sejarahnya bermula lebih awal daripada *Kan-t'o-li* dan berterusan hingga ke abad ketujuh selepas kerjaya *Kan-t'o-li* sebagai penakluk berakhir. Rujukan Han Yu mengenai *Kan-t'o-li* dalam abad kesembilan yang disebut oleh Gerini, bukannya bermakna yang kerajaan atas nama ini masih wujud ketika itu. Dalam abad ketujuh, lokasi *P'an-p'an* dihuraikan dari segi tertentu yang membolehkan Profesor Wheatley bersetuju dengan

pendapat umum mengenai *P'an-p'an*, iaitu *P'an-p'an* berada di genting 'di atau berhampiran Teluk Bandon'. Oleh itu, ia meliputi kawasan di Khanthuli secara umum pada masa khandhuli dahulu.

P'an-p'an begitu penting pada penghujung abad keempat dan ia merupakan tempat bagi perampas berbangsa Funan. Menjelang abad ketujuh, Dravati dikatakan semenanjung yang berjiran dengan *P'an-p'an* dan Dravati terletak di utara *P'an-p'an* sementara Langkasuka (Patani) pula di selatan *P'an-p'an*. Ternyata, *P'an-p'an* adalah sebuah kerajaan yang memiliki kedudukan yang tinggi dan kesenian keagamaan peninggalan genting *P'an-p'an* dari abad ketujuh dan selepas abad tersebut bukanlah merupakan kritikan yang tidak dijangkakan mengenai kepentingan sejarah rantau itu. Kewujudan bersama rantau *Kan-t'o-li* dan *P'an-p'an* adalah sesuatu yang luar biasa.

Nama sebenar *Kan-t'o-li* tidak dapat dibentuk tanpa bantuan daripada prasasti. Bukanlah sesuatu yang mengejutkan jika nama *Kan-t'o-li* (*Gandhari*) menyembunyikan nama yang diambil dari sesuatu kawasan India. Salah satu contoh ialah Dvaravati di awal Asia Tenggara merupakan nama yang dipinjam. Profesor Paranavitha mengusulkan bahawa transkripsi adalah berdasarkan Sanskrit *kandara*, perkataan yang menerangkan secara etimologi sebagai 'disiat atau dipatahkan oleh air'. Dengan mengaitkan perkataan pada bukti dalam *Sihalavathuppakarama*, beliau melihat kemungkinan bayangan pada Selat Melaka.¹ Sama ada utusan kerajaan akan menyampai nama yang sedemikian ataupun tidak kepada orang Cina, tidak dapat dipastikan. Transkripsi yang berdasarkan *Gandhara* tidak begitu dijangkakan; Buddhisme Gandhara tidak diketahui di Indonesia semasa zaman *Kan-t'o-li*.²

Peta Indonesia Barat yang dilukis secara kasar menjadi praktikal hanya dalam abad ketujuh apabila lokasi tempat-tempat orang Jawa tertentu yang tidak diketahui disebut untuk pertama kalinya dalam abad-abad yang dahulu boleh diuji kebenarannya. Bukti-bukti tentang abad ketujuh juga memperlihatkan kemasyhuran laluan kapal di pantai tenggara Sumatera pada masa itu. Kita tahu yang Selat Melaka digunakan untuk semua laluan menerusi laut ke China pada awal abad kelima. Hal ini mencadangkan sesuatu, iaitu sebuah entrepot di pantai timur Semenanjung Sumatera digunakan untuk barangan hasil Sumatera termasuklah kapur barus dari Barus; entrepot tersebut mempunyai lokasi yang tidak sesuai kerana ia terletak jauh dari Selat Penduduk Indonesia Barat merupakan penduduk Kelantan yang aktif menjelang

abad ketujuh dan sudah pun berdagang dengan India menerusi laut dalam abad ketiga. Sudah tentu, mereka tidak boleh dikatakan terlibat dalam kemajuan dan kekayaan perdagangan abad kelima dan keenam. Anggapan bagi pihak mereka nampaknya tidak dijejaskan oleh kenyataan yang sebuah kampung berhampiran Jaiya telah dinamakan Khanthuli pada zaman moden.

LAMPIRAN B

CATATAN MENGENAI TEKS LAIN YANG MENGANDUNGI SALASILAH RAJA-RAJA MELAKA

Alasan untuk mempercayai yang salasilah diraja asalnya merupakan sebuah dokumen yang berasingan telah dicadangkan; iaitu setelah disempurnakan atau selepas diberi memperuntukkan enam bab yang pertama dalam teks jenis *Raffles MS.18* yang disusun berikutnya. Logik hujahan salasilah bagi pihak Muhammad Shah dalam tahun 1436 diperoleh semula dan diterangkan dengan menghubungkan ia pada sejarah Melayu dalam tempoh tiga setengah abad yang dahulu.

Analisis ini akan dikritik dengan menggunakan penyelidikan filologi dan ahli sarjana akan meminta bukti-bukti dalam berbagai-bagai aspek selain yang terdapat dalam enam bab yang pertama di *Raffles MS.18*. Kandungan dan bahasa dari bab yang ada dalam teks dan juga kesemua versi *Sejarah Melayu* yang lain akan diperiksa. Dr. Roolvink bersungguh-sungguh dalam menegaskan keperluan terhadap skala kritikan yang intensif dalam teks. Dengan menggunakan perkataannya sendiri, '... masalah asal-usul dan struktur *Sejarah Melayu* tidak begitu dipaparkan dan walaupun teks tersebut telah dikenali lebih dari seabad, kita masih lagi terkapai-kepai apabila hendak memperkatakan tentang tarikh sebenar teks itu ditulis. Kita tidak berupaya untuk mengatasi pelbagai masalah yang melibatkan teks *Sejarah Melayu* sehingga kesemua manuskrip yang diketahui kewujudannya dikaji dan edisi kritikan dikeluarkan'.¹

Penyelidikan akan lebih banyak membantu jika dibandingkan dengan ujian terhadap kesimpulan dalam kajian yang masa kini. Penyelidikan ke atas keadaan yang bertanggungjawab terhadap penulisan semula teks tersebut akan diadakan, dipersembahkan oleh *Raffles MS.18*, yakni versi *Sejarah Melayu* yang mula-mula diketahui. Perubahan dibuat ke atas bab-bab dalam salasilah. Sebagai contoh, Minangkabau dihuraikan dengan lebih panjang lagi dan juga dibincangkan dengan cara yang berbeza.² Perubahan situasi sejarah dalam dunia Melayu seperti tuntutan terhadap kuasa orang Bugis, mungkin dapat membantu semasa menerangkan sesetengah perubahan dalam teks *Sejarah Melayu*. Dan ahli sejarawan abad kelapan belas akan membantu dan menyumbang dalam perbincangan masalah-masalah berkenaan.

Bagi kajian yang lebih lanjut ke atas *Sejarah Melayu*, Dr. Roolvink menambahkan rententan persoalan dalam agenda kajian; rententan persoalan daripada pelbagai jenis teks yang memperkatakan sejarah Semenanjung Melayu yang muncul dulunya. Beliau mengklasifikasikan versi *Sejarah Melayu* dalam membantu penyelidikan ke atas soalan dan memasukkan dua jenis teks ke dalam senarai beliau: 'senarai tentang raja' dan *Sejarah Melayu* dalam bentuk yang lebih pendek; mempersembahkan versi *Sejarah Melayu* yang awal daripada kependekan yang kemudiannya. Contoh 'senarai tentang raja' diperuntukkan oleh *Cheritera asal Raja-Raja Melayu punya keturunan*,³ dan bahagian pertama *Maxwell MS.105* mungkin mengandungi contoh yang kemudiannya dihuraikan dengan panjang lebar dalam *Raffles MS.18* – jenis teks.⁴ Dr. Roolvink mencadangkan rententan yang terdapat dalam teks ialah: 'senarai tentang raja', teks pendek yang berhubung dengan bahagian pertama *Maxwell MS.105*, *Raffles MS.18* dan akhirnya, versi *Sejarah Melayu* yang lain.⁵

Pemerhatian terhadap rententan teks yang disampaikan oleh *cheritera* dan *Maxwell MS.105* boleh dilakukan. Kedua-duanya menyebut perihal pemerintah-pemerintah Singapura. Akan tetapi, *cheritera* dimulakan dengan pernyataan yang 'Sri Tri' Buana adalah daripada keturunan Iskandar Dzulkarnain dan *Maxwell MS.105* memulakan teks dengan rancangan Raja Chulan untuk menyerang China. Sangkaan ke atas tujuan 'sejarah Singapura' direka mestilah sama dengan apa yang terkandung dalam senarai tentang raja dan *Maxwell MS.105* seperti dalam *Raffles MS.18*. Cerita-cerita tersebut tidak bermakna kecuali ketuanan Palembang kuno yang diwakili oleh 'Glang Gui' sentiasa diingati. Zaman pra-Sri Tri Buana mempunyai salasilah yang sangat

mustahak kerana ia mengandungi hujahan yang mempertahankan kedaulatan Sri Tri Buana di Singapura dan keturunan beliau di Melaka. Oleh itu, seseorang akan mengandaikan yang penulis *cheritera* dan *Maxwell MS.105* mempunyai pengetahuan yang cukup tentang kandungan salasilah pra-Singapura tetapi tidak mempunyai sebab untuk mengulangi perkara-perkara pokok teks berkenaan. Salasilah raja-raja Melaka diperkukuhkan dalam teks yang lain.

Walaupun *cheritera* hanya mengandungi catatan itu menyebut perkara-perkara yang cukup kuat untuk membenarkan kita menganggap kandungan *cheritera* sebagai tulang belakang suatu cerita yang darah dagingnya muncul dalam dokumen dan dokumen tersebut pula mempunyai gaya *Raffles MS.18*. Demang Lebar Daun memindahkan kedaulatan di Palembang kepada Sri Tri Buana. Pemerintah Singapura ketiga dihurai begini: 'walaupun masih muda', beliau merupakan 'seorang yang berani dan sepanjang hayatnya, beliau memerintah dengan adil dan saksama. Walau bagaimanapun, Allah telah menentukan yang rakyat beliau tiba pada hari-hari yang buruk kerana Yang di-Pertuan Agong mangkat ketika masih muda....'⁶ Di sini, terdapat pernyataan oleh seseorang yang mempunyai peluang ke arah cerita seperti yang kelihatan dalam *Raffles MS.18*. Walau bagaimanapun, yang kemudian tersebut menjelaskan bahawa 'hari-hari buruk' berkenaan bukanlah rujukan untuk Allah. Akan tetapi, ia untuk menerangkan yang pemerintah keempat melakukan ketidakadilan dan kerananya, Singapura mengalami penderitaan dalam pemerintahan kelima. *Cheritera* yang merayu kepada Allah mencadangkan penerangan yang terkemudian dan berkenaan dengan Islam dalam salasilah asal.

Maxwell MS.105 adalah versi salasilah yang diringkaskan dan diindekskan; hal ini ditunjukkan oleh perenggan yang muncul dalam bentuk yang lengkap di *Raffles MS.18*. Sri Tri Buana memberitahu janda-janda Sumatera akan hikayat Iskander Dzulkarnain.⁷

Akan tetapi, dalam *Raffles MS.18*, hikayat tersebut dikatakan merujuk pada perkahwinan Iskandar dan keturunan Chulan yang turun ke dasar laut. Tanggapan yang penyusun *Maxwell MS.105* dengan penuh keyakinan mengambil pengetahuan tentang salasilah yang lebih lengkap diperkuatkan oleh kenyataan bahawa pemerintah India mencari menantu daripada keturunan yang sesuai untuk dibandingkan.⁸ walaupun semasa pemerintahan Singapura kedua nenek moyang Raja Chulan dan perkahwinan kedua beliau kepada seorang puteri daripada keturunan Iskandar tidak disebut.⁹

Akibatnya, pembaca menjadi bingung apabila ingin memahami hal yang sebenar mengenai mengapa Raja Muda diterima dengan baik oleh raja Tamil.¹⁰

Penulis sekarang ini percaya yang senarai tentang raja dan kependekan *Raffles MS.18* yang terkandung dalam *Maxwell MS.105*, disusun selepas salasilah ditulis.

LAMPIRAN C

ZAMAN AWAL MING (1368-1435) DALAM SEJARAH KEPULAUAN

Tindakan maharaja *Yung-lo* untuk memperkukuhkan sistem jajahan takluk disokong oleh angkatan laut imperial. Akan tetapi, polisi ayah beliau juga dianggap istimewa, menyamai tindakan *Yung-lo*. Kedua-dua maharaja ingin memastikan yang kesemua perdagangan persendirian luar negeri orang Cina dimusnahkan. Prasangka yang sama berterusan semasa pemerintahan Ming Kelima, zaman *Hsuan-te* (1425-1435). Bantahan T'ai-tsu dalam tahun 1390 menunjukkan yang beliau tidak dapat mengusir saudagar-saudagar Cina yang pintar tersebut dari laut. Walau bagaimanapun, polisi Ming awal mengakibatkan suatu situasi yang berbeza daripada sebarang situasi yang diketahui dalam zaman Srivijaya-Palembang atau dalam abad-abad yang berikutnya. Konsekuensi dari zaman yang berlaku sebelumnya dikaji dari sudut pandangan Palembang-Melaka. Akan tetapi, situasi yang lain daripada biasa terutamanya dari tahun 1377 hingga 1307, iaitu apabila perdagangan persendirian di larang dan perdagangan jajahan takluk tidak digalakkan, mempengaruhi pihak lain di barat kepulauan selain mereka yang mengadu nasib bersama-sama keluarga diraja Palembang.

Dua konsekuensi umum mengenai polisi awal Ming telah pun dibincang dalam kajian ini. Pertama, perdagangan Lautan Hindi akan lebih bernilai untuk kerajaan perdagangan Indonesia dibandingkan sebelumnya, disebabkan oleh keadaan perdagangan China yang lemah. Kelebihan diadakan pertalian yang kukuh dengan pedagang Muslim ditunjukkan menerusi keputusan yang diambil oleh pemerintah Melaka

Ketiga, yakni untuk memeluk agama Islam. Barangkali, pemerintah-pemerintah di pusat perdagangan yang lain di barat kepulauan juga menyesuaikan diri mereka dengan keadaan kemerosotan perdagangan China; mereka memperkukuhkan lagi ikatan dengan orang Muslim. Malahan, hingga ke tahap penukaran agama ke agama Islam yang dilakukan secara rasmi.¹ Keduanya, kekuatiran akan pembalasan imperial ke atas pedagang Cina persendirian yang pulang semula dan prospek ekonomi di Wilayah Selatan China yang tidak memberi banyak harapan, pasti mempunyai kecenderungan untuk menambahkan jumlah penempatan dan penduduk orang Cina luar negeri di Kelautan Asia Tenggara. Contoh yang paling nyata mengenai kehadiran kumpulan orang Cina yang mempunyai corak pemikiran yang bebas dan dalam jumlah yang besar ditunjukkan melalui situasi di Palembang pada penghujung abad keempat belas. Kemungkinannya, beberapa pelabuhan di rantau tersebut melihat akan pertumbuhan yang besar dalam jumlah penghuni bangsa Cina mereka semasa zaman awal Ming. Sekarang, sesetengah daripada orang Cina luar negeri mungkin telah memutuskan untuk memperkukuh ikatan perdagangan mereka dengan pedagang tempatan termasuklah pedagang Muslim. Malahan, dalam sesetengah contoh, penukaran agama ke agama Islam menjadi amalan mereka bagi memenuhi tujuan tersebut.²

Akan tetapi, bukanlah aktiviti haram pedagang persendirian dari China mahupun aktiviti saudagar Muslim dan orang tengah bangsa Asia Tenggara mereka yang mungkin menggantikan pengurangan dalam jumlah perdagangan sah orang Cina keseluruhannya. Pelabuhan yang lebih penting dapat mengatasi masalah di tahun-tahun tersebut, terutamanya semasa zaman *Yung-lo* apabila negeri jajahan imperial dilawati oleh angkatan laut Ming atau pemerintah mereka dibenarkan menghantar utusan ke China. Akan tetapi, bagi pusat eskport yang lebih kecil, polisi awal Ming boleh mengakibatkan kecelakaan ke atas mereka.

Seseorang tentu menjangkakan yang kemelesetan sementara dalam jumlah perdagangan China akan ditunjukkan dalam bukti-bukti arkeologi. Malangnya, kajian mengenai perdagangan Asia yang dijalankan secara saintifik masih lagi di peringkat awal. Tambahan pula, peristiwa khusus yang berlaku mengakibatkan tujuh puluh tahun yang pertama dalam dinasti Ming tidak dapat menyatakan dengan tepat mengenai tarikh tembikar Cina. Walaupun tembikar Sung dikeluarkan dalam kuantiti yang kian berkurangan, ia masih dihasilkan dalam zaman Ming.³ Sebaliknya, barang-barang dagangan biru-putih dihasilkan

dalam zaman Yuan.⁴ Akhirnya, tembikar dari zaman Ming awal tidak dapat dicamkan dengan pasti.⁵ Dalam keadaan ini, dengan ketiadaan penemuan yang mempunyai tarikh yang berkaitan, timbunan tembikar di Asia Tenggara tidak memberikan indeks yang sama sekali boleh dipercayai mengenai perhubungan perdagangan yang diletakkan pada tempoh masa tertentu dalam abad keempat belas dan awal abad kelima belas. Barangkali, sebagai contoh, sesetengah tembikar mewakili komuniti eksport yang mantap kedudukannya, yang dibawa ke Asia Tenggara secara haram oleh saudagar Cina yang menentang maharaja Ming pertama.

Dengan mengambil kira hal tersebut, seseorang boleh menimbangkan kemungkinan berkurangnya pusat perdagangan kecil yang tertentu dalam zaman Ming awal. Satu contoh mengenai kemungkinan ini boleh ditemui dalam situasi arkeologi di tapak Sg Bujang, Kedah. Berdasarkan perihal ketiadaan bukti yang pasti tentang tembikar jenis biru-putih, Dr. Lamb mengesyorkan yang tembikar tersebut terhenti pengeluarannya lebih kurang penghujung dinasti Yuan. Pada waktu ini, penempatan baru tumbuh di tapak Kuala Muda, akan tetapi ia tetap secara relatifnya dianggap tidak penting sehingga abad ketujuh belas. Satu penjelasan bagi hal ini menurut pendapat Dr. Lamb ialah sejumlah besar perdagangan tempatan meninggalkan Kedah untuk berpindah ke kawasan lain.⁶ Perjelasan beliau adalah munasabah. Pedagang pasti menuju ke pusat perdagangan yang lebih besar dan pusat perdagangan tersebut berupaya menghidupkan perdagangan China yang semakin susut.

Contoh lain boleh dilihat pada Satingphra, di seberang pantai Semenanjung, walaupun bukti-bukti yang terdapat di sini tidak begitu dapat dipastikan kerana ia dalam bentuk pengumpulan tembikar pada dasarnya sahaja. Dr. Lamb percaya bahawa terdapat aktiviti perdagangan yang intensif dalam barangan dagangan Sung dan Yuan dan jumlah yang kecil dalam penghasilan tembikar jenis biru-putih mengandaikan bahawa terdapat perdagangan yang tidak meluas dan sedikit dalam abad kelima belas dan enam belas.⁷

Mengenai perihal minat yang luar biasa, disebabkan oleh skala dan kesinambungan dalam waktu dan ruang bukti yang diperlihatkan melalui penggalian ialah tapak di lembah Santubong, barat Sarawak; bijih besi dan penukaran perdagangan yang lain meninggalkan jumlah periuk belanga Cina yang diperbuat daripada tanah liat dan batu api dengan banyaknya. Akan tetapi tiada satu pun di antara barangan tersebut datang dari masa yang lampau dan ternama, melainkan ia

dihasilkan, selewat-lewatnya pada bahagian pertama abad keempat belas. Kelompok tapak-tapak ini mengandungi bahan dari zaman T'ang, Sung dan Yuan dalam jumlah yang amat banyak tetapi tiada satu pun yang dianggap sebagai hasil dari zaman Ming.⁸ Satu penjelasan mengenai situasi di Santubong dalam abad keempat belas ialah keadaan perdagangan yang suram dan tidak aktif, terutamanya jika kawasan itu bergantung pada perdagangan Cina yang mengkhusus dalam eksport bijih besi.

Encik Harisson telah merujuk pada beberapa peristiwa mengenai 'genting Ming' dan apa yang dimaksudkannya ialah ketiadaan bukti masa kini yang boleh didapati tentang tembikar Ming abad keempat belas dan kelima belas di barat Borne, walaupun tinggalan T'ang, Sung dan Yuan diperihalkan dengan begitu banyak sekali.⁹ Genting tersebut meliputi garis pantai sepanjang 300 batu. Fenomena arkeologi ini mungkin selaras dengan kesan polisi luar negeri Ming awal. Kita boleh mengandaikan yang jumlah tembikar yang dieksport semasa pemerintahan Ming pertama adalah kecil dan pada penghujung pemerintahan Ming tersebut, kuantitinya hampir tiada langsung. Kegiatan eksport di zaman *Yung-lo* dan *Hsuan-te* menggantikan kekurangan tembikar yang dicipta dalam pemerintahan Ming pertama tanpa membenarkan pengeksportan semula di dalam kepulauan dalam kadar yang lebih daripada mencukupi; walaupun barangkali, harus dipertimbangkan akan hadiah imperial yang dibawa oleh angkatan laut Ming kepada pemerintah-pemerintah dalam jumlah yang terhad dan yang disukai di Asia Tenggara.¹⁰ Tembikar hanya dieksport semula ke tempat-tempat yang dianggap penting oleh pemerintah-pemerintah Asia Tenggara seperti kawasan negeri jajahan mereka yang kuat dan setia kepada mereka. Oleh itu, seseorang akan menjangkakan yang mereka menjumpai tembikar Ming awal di kawasan Melaka, di Kota Batu, Brunei¹¹ dan di bahagian utara Filipina.¹² Tempat-tempat tersebut merupakan ibu pejabat raja-raja yang mempunyai hubungan jajahan dengan Ming awal. Jumlah tembikar zaman Ming tersebut yang umumnya sedikit, tidaklah begitu menghairankan jika dibandingkan dengan pengedaran barangan dagangan Sung dalam jumlah yang sangat besar dan dihantar ke kawasan yang jauh, iaitu semasa perdagangan luar negeri orang Cina tidak dikenakan sebarang larangan suatu ketika dahulu; yakni dengan menetapkan yang barangan dagangan Ming awal boleh dibezakan dengan barang dagangan Sung dan Yuan yang terkemudian.

Situasi ini tidak menguntungkan pusat perdagangan kecil yang merupakan mangsa akibat polisi luar negeri Ming awal dan pusat

perdagangan tersebut juga tidak memperoleh sebarang keuntungan daripada perdagangan Lautan Hindi. Selama lebih dari 200 tahun, hasil dan kemudahan pelabuhan mereka telah menarik perhatian perdagangan persendirian Cina. Oleh itu, wujudlah kawasan-kawasan lain, walaupun tidak muncul sebagai entrepot kecil, sudah pasti memperoleh keuntungan daripada perdagangan peringkat ketiga yang begitu membe-rangsangkan. Seseorang boleh mengandaikan bahawa daripada pemerintah-pemerintah pelabuhan yang dipersoalkan ini menyedari akan tingkat kebesaran baru yang terdapat di peringkat penghargaan luar negeri dan usaha mereka dalam mencari teknik dan kemahiran yang baru semasa jangka masa 200 tahun tersebut dan tahun-tahun yang selanjutnya dalam peluang-peluang perdagangan. Dalam tempoh masa yang sama juga, peralihan dalam kuasa politik orang Jawa, iaitu dari peringkat Brantas yang teratas ke peringkat Brantas yang terendah telah berlaku. Peralihan tersebut juga diiringi dengan suatu perluasan dalam perdagangan luar negeri orang Jawa. Negeri Jawa telah sekian lama menikmati nama baik kerana ia merupakan pusat peradaban yang begitu maju dan dari abad kedua belas hingga abad keempat belas, pemerintah pelabuhan mungkin mencontohi ciri-ciri yang terdapat dalam kebudayaan istana orang Jawa. Bagi tempat-tempat tersebut, 'genting Ming' mempunyai kesan yang pelbagai, yakni berubah-ubah daripada kemerosotan dalam sopan-santun yang sangat tinggi nilainya hingga pada keadaan yang meruncingkan kesempitan ekonomi, malahan kejatuhan secara menyeluruh.

Satu lagi akibat daripada situasi yang khusus dalam zaman Ming awal boleh dikemukakan. Cerita rakyat Borneo menimbulkan kemungkinan bahawa pengaruh kebudayaan baru memperkukuhkan kedudukan ia semasa abad keempat belas dan awal abad kelima belas;¹³ dan di sini, mungkin diperlihatkan gambaran tentang keputusan sesetengah ketua kelautan untuk menghentikan situasi ekonomi yang tidak mendatangkan sebarang keuntungan dan berpindah ke bahagian kepulauan yang lain dengan tujuan untuk memulakan sesuatu yang baru. Menjelang pertengahan abad kelima belas, pertumbuhan kuasa dalam keluarga diraja Palembang-Melaka tidaklah sefahaman dengan kesemua orang Melayu terutama kepada mereka yang tidak menerima tuntutan ketuanan oleh keluarga diraja tersebut. Orang Melayu yang setia kepada keluarga diraja Minangkabau, sudah tentu berasa marah dan barangkali, sesetengah daripada mereka mengambil keputusan untuk mencari kekayaan di Borneo. Sebaliknya pula, tahun-tahun sebelum 1400 merupakan suatu tempoh masa yang penuh dengan

kekacauan di barat kepulauan. Barangkali, ini merupakan satu lagi ketikanya apabila kumpulan kecil pengembara berpindah ke Borneo dan tempat-tempat lain.

NOTA



NOTA

BAB 1

- 1 George Coedes, 'Le royaume de Crivijaya', BEFEO, XVIII, 6 (1918), 1-36.
- 2 Paul Pelliot, *catatan tentang Marco Polo*, II, Paris, 1963, 839.
- 3 Penulis cuba menghurai semula peristiwa-peristiwa lama yang berlaku di Srivijaya dalam catatannya yang bertajuk *Early Indonesian commerce, A Study of the origins of Srivijaya*, Ithaca, 1967.
- 4 Untuk melihat kajian semula yang terkini dan yang menarik tentang pelayaran terus perdagangan Indonesia merentasi Lautan Hindi, berdasarkan sebuah perenggan di Pliny, *Natural History*, sila rujuk karya J. Innes Miller, iaitu *The Spice Trade of the Roman Empire, 29 B. C. - A. D. 641*, Oxford University Press, 1969, terutamanya Bab 8 (The cinnamon route). Dr. Miller menegaskan bahawa kayu manis dan hasil tempatan Asia Tenggara yang lain seperti kapor dan benzoin, kerap kali dijual kepada orang Arab. Sumbangan yang penting bagi sejarah Indonesia menunjukkan bahawa penghijrahan orang Indonesia ke Madagaskar dan juga inisiatif perdagangan orang Indonesia sebagai perkara-perkara kuno. Catatan Miller dibuat ketika penyelidikan yang dilakukan telah membuktikan bahawa zaman logam di Asia Tenggara berlaku lebih awal dari era perkembangan agama Kristian. Tidak syak lagi kajian yang dilakukan pada masa depan akan diarahkan untuk menunjukkan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku lebih awal di Asia Tenggara, daripada tanggapan masa kini. Dengan catatan-catatan tersebut, kita akan dapat memahami pengubahsuaian yang berlaku di Asia Tenggara yakni cara hidup putera India serta bentuk kerajaan India pada abad-abad sebelum perkembangan agama Kristian, yang diterima oleh putera-putera malah dianggap sebagai sesuatu yang akan mendatangkan faedah kepada mereka. Penyertaan orang Indonesia dalam perdagangan kelautan, terutamanya dalam hasil kawasan Asia Barat pada abad kelima dan keenam merupakan eksploitasi ke atas keadaan yang sesuai di China Selatan. Catatan ini mencadangkan bahawa perdagangan melalui laut dengan China boleh dilihat sebagai sumber yang berfaedah kepada orang

Indonesia.

- 5 Rombongan *Kan-to-li* dihantar antara tahun 441 dan 563. Rombongan yang dihantar pada tahun 563 disebut di dalam *Ch'en-shu*, III, 14b. *Kan-to-li* (*Kan-ta-lli*) disamakan dengan Gandhari', tetapi para sejarawan tidak memperoleh sebarang maklumat daripada persamaan tersebut. Kerja memastikan semula nama tempat asing tidak bergantung kepada penemuan prasasti yang baru yang mengandungi nama-nama sebenar sesuatu tempat. Contoh yang paling baik dalam memperoleh maklumat tentang nama tempat yang sebenar, yang boleh dilihat melalui bukti-bukti epigrafi dilihat dalam proses mengidentifikasi *Housing*, berdasarkan teori yang mewakili *Xa-lieng*, dengan 'walain' yang dihuraikan di atas prasasti yang dijumpai di Jawa; L. C. Damais, 'Etudes sino-Indonesiennes, III. La transcription chinoise *Ho-ling* comme designation de Java', FEFOE, LII, (1964), 607-49. Bagi huraian tentang penggunaan semula huraian Gerini mengenai kedudukan *Kan-to-li* di Semenanjung Tanah Melayu, lihat Lampiran A di bahagian akhir kajian ini.
- 6 Untuk melihat dokumentasi serta penilaian atas perkembangan bidang ini, sila lihat karya G. Coedes, *Les etats hindouises ...*, edisi kedua, Paris, 1964, 607-49. Bagi huraian tentang penggunaan semula huraian Gerini mengenai kedudukan *Kan-to-li* di Semenanjung Tanah Melayu, lihat Lampiran A di bahagian akhir kajian ini.
- 7 Parnavitana, 'Ceylon and Sri Vijaya', *Essays offered to G. H. Luce, Artibus Asiae*, 1966, I, 205-12; *Ceylon and Malaysia*, Colombo, 1966.
- 8 Bukti tentang pemindahan ibu negeri dari Palembang ke Jambi dikaji dalam hasil karya penulis yang bertajuk 'A note on the capital of Srivijaya during the eleventh century', 'Essays offered to G. H. Luce, Artibus Asiae', I, 225-39.
- 9 Pada abad ketujuh, I-Ching mengenali Palembang sebagai Srivijaya. Lihat hasil karya G. Coedes yang bertajuk, *Les etats hindouises ...*, 242, catatan 2, untuk melihat kenyataan Sauvaget yang menghuraikan bahawa penulis-penulis Arab pada bahagian akhir abad kesepuluh, seperti Abu Zayd, menggunakan istilah 'Srivijaya', sedangkan ibu negerinya masih terletak di Palembang. Sumber dari Tibet yang ditulis pada bahagian akhir abad kesepuluh merujuk kepada 'Srivijayanegara': *Ibid.*, 259, catatan 1. Akan tetapi tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa selain orang Cina, tidak ada orang lain yang mengenali Jambi dengan nama tersebut. Pada abad ketujuh, Jambi dikenali sebagai 'Melayu' dan para pertengahan abad kesembilan, tempat tersebut dikenali sebagai 'Jambi'. Tulisan di atas prasasti yang dikenali dengan nama Tanjore, yang ditulis di antara tahun 1030 dengan 1031, membezakan 'Srivijaya' dan 'Malaiyur'. Melayu, yang memerintah Jambi, merupakan nama kerajaan dalam tulisan-tulisan dalam abad ketiga belas dan keempat belas.
- 10 A. Cortesao (penyunting), *The Suma Oriental of Tome Pires...*, Hakluyt Society, London, 1944, I, 154-5.

- 11 Untuk mengetahui tentang kegiatan kelautan orang Cina, sila lihat Lo Jung-pang, 'The emergence of China as a seapower during the late Sung and early Ming periods', *FEQ*, XIV, 4 (1955), 489-504; *China as a sea power, 1127-1368*, tesis di peringkat Ph. D, Berkeley, 1957; H. F. Schrumann, *Economic structure of the Yuan dynasty*, Cambridge, Mass., 1956.
- 12 Dalam Sejarah Melayu, pengasas Melaka merupakan waris dari keturunan kelima daripada putera yang meninggalkan Palembang. Walau bagaimanapun, Tome Pires menyatakan bahawa pengasas Melaka merupakan pelarian dari Palembang; *Suma Oriental*, II, 230-233.
- 13 C. C. Brown, 'Sejarah Melayu' atau 'Malay Annals'. Ini merupakan terjemahan daripada *Raffles MS 18 ...*; *JMBRAS*, XXV, 2-3 (1952), 25. Semua terjemahan daripada *Sejarah Melayu* merupakan hasil Encik Brown dan hasil-hasilnya akan dikenali sebagai 'Brown, "Translation"'. Nota kaki Encik Brown seringkali menimbulkan masalah iaitu daripada segi huraian teks. *Karya Sejarah Melayu* oleh Sir Richard Winstedt dalam tulisan rumi terkandung dalam 'The Malay Annals of Sejarah Melayu'. Ini merupakan hasil terjemahan terawal dari MS No. 18 daripada Koleksi Raffles, di Library of the Royal Asiatic Society, London', *JMBRAS*, XVI, 3 (1938) (yang seterusnya dinyatakan sebagai 'Winstedt, "Raffles MS 18"'). Hasil terjemahan Sir Richard menyediakan rujukan muka surat manuskrip asal. Dalam menyiapkan hasil karya tersebut, pengarang amat bersyukur kerana memperoleh biasiswa Sir Richard menyediakan yang amat lumayan. Sir Richard meninggal dunia sebelum kajian ini disiapkan dan pengarang mengambil kesempatan tersebut untuk mengucapkan penghargaannya kepada Sir Richard yang juga merupakan salah seorang pegawai yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Malaya. Perenggan yang dinyatakan di atas terdapat dalam *Raffles MS. 18*, 18, yakni orang yang menyalinnya menulis *ini-lah*, tetapi hal ini diketepikan oleh Sir Richard; *op.cit.*, 56. Ayat tersebut berbunyi begini: 'bahawa negeri Palembang itu Palembang yang ada sekarang ini: ini-lah dahulu negeri itu terlalu besar ...' Dalam kajian ini, manuskrip asal telah dirujuk untuk memeriksa perenggan tertentu dan pengarang juga berkesempatan berbual dengan Profesor John. M. Echols dari Cornell University, dengan Mr. E. C. G. Barnett dan juga dengan Dr Russell Jones, dari School of Oriental and African Studies. Walau bagaimanapun, nampaknya perkara disebut di atas tidak berlaku dalam perenggan yang tidak jelas maknanya, sungguhpun kritikan teks yang selanjutnya perlu untuk mengkaji semula pendapat ini. Baru-baru ini suatu lagi salinan *Sejarah Melayu* dari Palembang dijumpai; R. Roolvink, 'The Answer of Pasai', *JMBRAS*, XXVIII, 2 (1965), 129-30. Salinan tersebut ditaip dan ditulis dalam huruf rumi dan Dr Roolvink, yang sedang mengkajinya mendapat gambaran bahawa salinan tersebut meninggalkan banyak perenggan yang terdapat juga perenggan-perenggan yang tidak pernah muncul dalam teks yang lain'. Beliau mencadangkan bahawa salinan tersebut mungkin merupakan hasil tulisan semula teks yang sebenar oleh

seorang penyunting yang bijak, yang mengubahsuaikan teks asal, dan dia mungkin juga dapat melihat teks asal yang digunakan untuk mengarang 'Peninsular Malay Annals'.

- 14 Kedua-dua Wilkinson dan Winstedt memperkenalkan Srivijaya dalam kajian mereka tentang Melaka; R. J. Wilkinson, *The Malacca Sultanate*, *JUMBRAS*, XIII, 2 (1935), 28-9, iaitu beliau mencadangkan bahawa pemerintah ketiga Melaka sengaja mewujudkan istiadat istana Srivijaya; R. O. Winstedt, *Malaya and its history*, London, 1948, 33, yakni beliau menyatakan orang Thai dan Jawa terpaksa menanggung akibat daripada serangan Melaka ke atas Srivijaya.
- 15 Di Universiti Malaya, pelajar seringkali merujuk kepada *Sejarah Melayu* sebagai sumber maklumat sejarah yang penting. Lihat hasil karya Kamaruz-zaman Shariff, 'Sejarah Melayu as a historical source', *J. Hist. Society*, Universiti of Malaya, II (1963-4), 41-50; Zainal Abidin bin Abdul Wahid, 'Sejarah Melayu', *Asian Studies*, IV, 3 (1966), 445-51.
- 16 Dr. Roolvink mencadangkan bahawa salinan versi *Sejarah Melayu*, yang disalin dalam *Raffles MS. 18*, sebenarnya ditulis dalam tahun 1612, seperti yang tercatat di bahagian pengenalannya: R. Roolvink, 'The variant versions ...', *BLI*, CXXIII, 3(1967), 310-11.
- 17 N.J. Krom, *Hindoe-Javaansche Gescheidenis*, 's-Gravenhage, 1931, 412.

BAB 2

- 1 Berkenaan perkara ini, lihat F. H. Van Naerssen, 'Some aspects of the Hindu-Javanese kraton', *Journal of the Oriental Society of Australia*, II, 1(1963), 14-19. Dr. J. G. de Casparis mencadangkan bahawa sebuah rumah berhala yang dibina dalam abad kesembilan di Jawa Tengah merupakan simbol peta kerajaan tersebut dalam rantau ini, yang mungkin terdiri daripada beberapa subunit yang tidak begitu besar; 'Short inscriptions from Tjandi Plaosannor', *Berita Dinas Purbakala*, 4 (1958), 29-33. Akan tetapi pada abad kelapan, Srivijaya mempunyai kawasan naungan di tempat yang sejauh hingga ke Semenanjung Tanah Melayu.
- 2 T. G. T. Pigeaud, *Java in the 14th century. A study in cultural history. The Nagara-kertagama* III, The Hague, 1960, canto 17, stanza 3. Berkenaan seorang maharaja Khmer yang memerintah pada abad kesembilan, iaitu Jayavarman II, yang menyatukan sebahagian besar Kamboja, dan ia diingati bahawa 'il gouvernait la terre comme un village unique, n'obeissant a' l'ordre de nul autre'; G. Coedes, *Inscriptions du Cambodge*, VII, Paris, 1964, 87.
- 3 Apabila Chou Chu-fei (1178) dan Chao Ju-kua (1225) merujuk kepada Srivijaya, mereka menggunakan istilah *San-fo-ch'i*, yang merupakan transkripsi zaman Sung yang digunakan untuk menunjukkan Srivijaya, sedangkan ibu negerinya masih terletak di Jambi. *Fo-ch'i* bererti 'vijaya', tetapi tidak ada sebarang huraian tentang perkaitan antara makna *san*, atau 'sri' semenjak Arousseau mencadangkan bahawa *san* merupakan suatu

- kesilapan untuk *shih* (= 'sri') dan perkataan yang patut digunakan adalah *shih*; *BEFEO*, XXIII (1923), 4477-8. Profesor Slametmuljana mencadangkan bahawa *San-fo-chi* muncul daripada toponim Sambhogin, iaitu Sabukingkin moden dekat Palembang; *kerajaan Sriwijaya*, Singapore, 1963, 106. Profesor Paranavitana mencadangkan bahawa kedua-dua nama, iaitu *Shih-li-fo-shih* (suatu nama asal T'ang) dan *San-fo-ch'i* (suatu nama yang berasal dari zamana Sung) berdasarkan kepada transkripsi 'Sri Buddha Jaya', yang membawa erti 'Sri Bodhi'; *Ceylon and Malaysia*, 206.
- 4 Hirth dan Rockhill, *Chau Ju-kua*, 60 dan catatan 5.
- 5 R. J. Wilkinson, 'Early Indian influences in Malaysia', *JMBRAS*, XII, 2 (1935), 12.
- 6 *HTS*, 225C, 5a.
- 7 *Ibid.*, rujuk juga hasil karya pengarang ini yang bertajuk 'Early Indonesian Commerce ...', bab 12, yang membincangkan kedudukan pelabuhan 'Barus', dan dicadangkan bahawa tempat tersebut terletak di hujung utara pantai Sumatra.
- 8 F. Ferrand, *Relations de voyages et textes*, Paris, 1913, I, 86.
- 9 *Ibid.*, 99.
- 10 Pengarang pasti bahawa Kedah tidak menghantar rombongan ke negeri China pada tahun 638, seperti yang dicadangkan dalam *Early Indonesian Commerce*, 1633. *Chia-cha* terletak di bahagian barat laut Kamboja. Bagi melihat perhubungan di antara bukti-bukti yang terdapat di dalam dokumen dan yang terdapat dalam bukti arkeologi tentang Kedah, lihat cadangan pengarang dalam karya yang bertajuk, 'A note on the capital of Srivijaya during the eleventh century', 228.
- 11 Profesor S. J. O'Connor menganalisis perkembangan seni yang berlaku di Semenanjung Tanah Melayu pada abad kelapan; *Brahminical sculptures of Peninsular Siam*, tesis di peringkat Ph. D. *Cornell University*, 1965.
- 12 Lihat perbincangan P. Dupont tentang unsur-unsur Mon dan Khmer di Semenanjung Tanah Melayu, yang terkandung di dalam 'Le Buddha de Grahi...' *BEFEO*, XLII (1942), 107-8. Kajian baru tentang perkara tersebut dibuat oleh S. J. O'Connor, 'Si Chon: sebuah penempatan awal di Semenanjung Thai', *JSS*, LVI, 1 (1968), 1-18, terutamanya muka surat 9-10. Profesor O'Connors mendapati bahawa sebuah batu yang bertulis, yang mempunyai gaya Khmer dihasilkan pada bahagian kedua abad kedua belas.
- 13 Hirth dan Rockhill, *op.cit.*, 62; 72. Pires menyatakan bahawa 'Lambry' terletak 'di sebelah Achin'; *Suma Oriental*, I, 138.
- 14 O. W. Wolters, *op. cit.*, 178-9.
- 15 *Ibid.*, 1944-6.
- 16 Hirth dan Rockhill, *op. cit.*, 62; *Suma Oriental*, I, 145.
- 17 O. W. Wolters, *op. cit.*, 186-7. P'o-lo (B'ua-la) mungkin mewakili 'Bara'. Batu Bara merupakan nama tempat yang terletak di antara Deli dengan Asahan, iaitu di bahagian selatan Teluk Aru. Pengarang pasti bahawa

banyak nama Indonesia adalah nama yang kuno.

- 18 HTS, 222 C, 4b. Transkripsi tersebut ialah *kam-piet*; B. Karlgren, *Grammata Serica Recensa*, Stockholm, 1957, 606a; 407a. 'Jambi' dirujuk sebagai *Tsiam-piet* dalam *Pei-hu-lu* (c.857) dan dalam *Ling-piao lu-i* (c.900); O. W. Wolters, 'A note on the capital of Srivijaya ...', 226, catatan 7. Rujukan kepada Jambi adalah hasil daripada rombongan yang dihantar dalam abad kesembilan. Chao Ju-kua menyebut tentang Kampe'; Hirth dan Rockwell, *op. cit.*, 71.
- 19 Lihat muka surat 43-45.
- 20 Profesor Davir E. Sopher menganalisis ciri ekologi kawasan ini; *The sea nomads. A study based on the literature of maritime boat people of Southeast Asia*, Memoirs of the National Museum, Singapore, No. 5, 1-19. Pengarang buku ini banyak memperoleh faedah daripada kajian yang dibuat oleh Profesor Sopher.
- 21 Lihat Sopher, *op.cit.*, Gambarajah IV, untuk melihat taburan nomad laut pada abad keenam belas.
- 22 HTS, 43 B, 18b; Paul Pelliot, 'Deux itinéraires ...', BEFEO, IB, 1-2 (1904), 349.
- 23 Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur, 1961, 242. Ferrand melakukan kesalahan apabila beliau menyalahafsirkan catatan pelayaran Chia Tan melalui Selat Sunda, mengidentifikasikan *Ko-ko-sêng-chih* dengan pantai Selat Gaspar yang terletak di antara Bangka dan Kepulauan Biliton; G. Ferrand, 'Le K'ouen-louen', JA, XIe serie, XIV (1919), 334, catatan I.
- 24 J. Sauvaget, *Relation de la Chine et del'Inde*, Paris, 1948, 38, catatan 8.
- 25 Pelliot, *op. cit.*, 231-4; Wheatley, *op. cit.*, 55-60.
- 26 Lihat hasil karya R. des Rotors, yang bertajuk *Le Traite des Examens*, Paris, 1932, 56-644, yang menghuraikan matlamat dan pencapaian penyusun HTS. Bahan yang diketepikan dalam karya *Chiu T'ang-shu*, digunakan tetapi malangnya salah satu daripada matlamatnya adalah untuk memendekkan bahan yang terdapat dan para sejarahwan dari Asia Tenggara tidak memperoleh bukti tersebut, iaitu bukti yang amat penting.
- 27 Wheatley, *op. cit.*, 56.
- 28 *Ibid.*, 58. Catatan ini mengenai kerajaan yang tidak menghantar ufti yang terdapat dalam bab HTS berkenaan 'orang gasar di selatan'. *Lo-yueh* dikenal pasti melalui *Ko-ku-lo*, dan kedua-dua tempat tersebut dinyatakan dalam catatan arah pelayaran Chia Tan. Penyusun HTS merujuk kepada hasil pedagang-pedagang dan *Lo-yueh* diperoleh daripada buku Chia Tan, yang dihadiahkan kepada Maharaja Cina pada tahun 801. Beliau menghuraikan arah pelayaran yang biasa digunakan oleh pedagang-pedagang dan bahagian dalam HTS ini mungkin ditulis berdasarkan maklumat tambahan yang diperoleh daripada pedagang-pedagang. Pengarang yang sekarang ini menarik balik cadangan bahawa huraian kegiatan perkapalan *Lo-yueh* merujuk kepada kegiatan perkapalan yang berlaku dalam bahagian pertama

- abad ketujuh; *Early Indonesian commerce*, 235.
- 29 Sauvaget, *op. cit.*, 9.
- 30 HTS menyatakan bahawa 'setiap tahun pedagang akan belayar dalam kapal-kapal mereka dan menuju ke Canton, dan berita ketibaan mereka mesti disebarikan'; Wheatley, *op. cit.*, 58. Perenggan ini tidak menyatakan sama ada pedagang-pedagang memulakan perjalanan mereka dari pelabuhan Lo-yueh. Pada tahun 881, seorang putera Jepun meninggal dunia di sini dalam perjalanannya ke India; J. Takakusu, *A Record of the Buddhist Religion ...*, Oxford 1896, XIV. Catatan ini selaras dengan pendapat bahawa kawasan perairan Lo-yueh lebih merupakan tempat pertemuan pelayaran yang merentasi Laut China Selatan daripada penghentian pelayaran dan pusat perdagangan yang terletak dalam perjalanan ke pusat-pusat perdagangan lain di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu. Profesor Wheatley percaya bahawa orang Arab tidak berpendapat yang bahagian Semenanjung Tanah Melayu memainkan peranan yang penting dalam perdagangan Asia Tenggara; *op. cit.*, 232.
- 31 B. Karigren, *Grammata Serica Recensa*, Stockholm, 1957, 6a; 303e.
- 32 G. Coedes, *BEFEO*, XXIII ((1923), 470.
- 33 Pelliot, *Polo*, II, 766.
- 34 G. Coedes, *Les etats hindouises ...*, 174, catatan 6.
- 35 P. Wheatley, *op. cit.*, 230.
- 36 Hirth dan Rockhill, *op. cit.*, 60; P. Wheatley, *op. cit.*, 72-3.
- 37 Hirth dan Rockhill, *op. cit.*, 150. Profesor Sopher mencadangkan bahawa toponim ini mewakili pulau-pulau Natuna; *op. cit.*, 340-1.
- 38 *Tao-i chih-lueh* (yang disunting oleh Fujita Toyohachi dan diterjemahkan ke dalam bahasa Cina oleh Lo Chen-yu), edisi Hsuen-ts'ung-k'e, 64a.
- 39 Ferrand, *Relations ...*, II, Paris 1914, 343-4.
- 40 David E. Sopher, *op. cit.*, Profesor Sopher menyatakan bahawa berdasarkan bukti yang ada gugusan Riau-Lingga merupakan tempat asal nomad laut yang seterusnya bertaburan di merata-rata kawasan gugusan Indonesia; *ibid.*, 350-3; 366. Sudah tentu pemerintahan ketua agak kasar. Wilkinson menggambarkan semula keadaan yang berlaku dalam abad kelima belas yang menunjukkan layanan buruk yang diberikan kepada penduduk primitif empayar Melaka; R. J. Wilkinson, 'The Pengkalan kempas "Saint"', *JMBRAS*, IX, i (1931), 134-5.
- 41 Winstedt, 'Raffles MS 18'. 59; Brown, 'Terjemahan', 29. Angkatan laut yang lain seperti berikut, kelengkapan adalah terdiri daripada dua puluh tiga kapal (Shuir), empat puluh kapal (Singapura), tiga puluh kapal (Merbau), dan empat puluh kapal (Buru); Brown, 'Terjemahan', 69, 76, 97, 108. Negara naungan yang terletak di tepi sungai Sarawak terpaksa memberi Sultan Brunei kapal-kapal perang sebagai sebahagian daripada ufti; E. Parnell, 'Tribute paid to Brunei', *Sarawak Museum Journal*, I, (1911), 127.
- 42 *Suma Oriental*, II, 264. 43.
- 43 Winstedt, *op. cit.*, 207; Brown, *op. cit.*, 184.

- 44 Brown, *op. cit.*, 200, yakni penterjemah menyatakan bahawa *sukal* adalah sejenis puak *sakai*.
- 45 Winstedt, *op. cit.*, 213; Brown, *op. cit.*, 191.
- 46 Winstedt, 'Raffles MS. 18', *JMBRAS*, XVIII, 2 (1940), 155; Brown, *op. cit.*, 204. Pateh Ludang pernah menjadi seorang *batin* di Singapura.
- 47 Hugh Low, 'Selesailah ...' *JMBRAS*, V (1880), 19.
- 48 N. M. Saleeby, *Studies in Moro history, law and religion* (Department of the interior, Ethnological Survey Publication, IV, bahagian I), Manila, 1905, 23-4, 53-4.
- 49 Hirth dan Rockhill, *Chau Ju-Kua*, 63. Profesor Luce mencadangkan bahawa Thaton seringkali diserang oleh orang Melayu dan ini merupakan salah satu sebab yang mengakibatkan perkembangan yang lembap di kawasan Monland, Burma jika dibandingkan dengan perkembangan yang dinikmati di Monland di kawasan lembah Menam; 'Rice and religions...' *JSSL* III, 2(1965), 145-7.
- 50 J. G. de Casparis, *Prasasti Indonesia*, II, Bandung, 1956, 15-46.
- 51 *Ibid.*, 38, catatan 17.
- 52 *Ibid.*, 442-3. 'Making frontier provinces independent' merupakan hanya satu daripada bentuk penentangan dalam tulisan prasasti tersebut. Lihat catatan di bawah *tapik* di muka surat 352 untuk memperoleh cadangan bahawa pemerintah tersebut hanya menahan dirinya daripada berperang.
- 53 *Ibid.*, 39 dan catatan 29 di muka surat yang sama.
- 54 *Ibid.*, 39-40.
- 55 *Ibid.*, 40, catatan 31, yakni Dr. de Casparis mengaitkan catatan ini dengan ajaran *Arthasastra*.
- 56 *Ibid.*, 40. Sila rujuk juga kepada karya A. Teeuw yang bertajuk 'The History of the Malay Language', *BKI*, CXV, 2 (1959), 142, catatan 9.
- 57 *Prasasti*, II, 39, catatan 9.
- 58 Ferrand, *Relations*, I, 78, *Ibid.*, I, 30 dan catatan I untuk mengetahui lebih lanjut lagi tentang huraian ibn Khurdadhbih mengenai emas di rumah (pemerintah) yang penuh dengan harta'.
- 59 Catatan Buzurg (Ferrand, 'L'empire sumatranais ...' *JA*, IIe serie (1922), 162, yang merujuk kepada jalan-jalan yang menjalankan perdagangan di ibu negeri, merupakan salah satu daripada catatan orang Arab yang paling menarik kerana catatan ini dipercayai ditulis berdasarkan maklumat yang diperoleh sendiri.
- 60 Ferrand, *Relations*, I, 110.
- 61 *The Laws of Manu*, IX, 294; VII, 101. Berkenaan usaha pemerintah untuk memperoleh lebih pahlawan, cuba lihat C. Hooykaas, *The Lay of Jaya Prana*, London, 1958, 57, catatan 62.
- 62 B. Ch. Chhabra, *Expansion of Indo-Aryan Culture*, Delhi, 1965, 94. Profesor Van Naerssen membincangkan tentang institusi *anugraha* di kerajaan Raja Jawa; 'Some aspects of the Hindu-Javanese kraton'. Ganjaran yang diterima selepas perebutan takhta dapat dinilai dalam ganjaran yang

- lumayan yang diberikan kepada Jayaviravarnam dan Suryavarman I, yang bertanding untuk takhta Angkor pada awal abad kesebelas; G. Coedes, *Inscriptions du Cambodge*, III, 190, V, 133; 181.
- 63 Nan Ch'i-shu (edisi Po-na), 58, 9a.
- 64 'Seorang raja yang lebih pemurah daripada semua raja-raja yang lain ... sesiapa yang disukai oleh beliau akan diberi jawatan yang lebih tinggi'; J. J. Struys, *The Voyages and Traves of John Struys through Itay...* (translated by J. Morrison), London, 1684, 52-3.
- 65 Hirth dan Rockhill, *Chau Ju-kua*, 60.
- 66 Hirth dan Rockhill, *Chau Ju-kua*, 61.
- 67 Tan Yeok Seong, 'The Sri Vijayan inscription of Canton (A. D. 1079)', *JSEAH*, V, 2 (1965), 18-19.
- 68 Ferrand, 'L'empire sumatranais ...', 58.
- 69 Hirth dan Rockhill, *op. cit.*, 60.
- 70 Ferrand, *Relations*, I, 79.
- 71 Teks ini merujuk kepada Multan di India, kerajaan yang lain dan negara di bawah pemerintahan Maharaja Salahit dan Harladj dinyatakan dalam teks yang seterusnya. Jika negara Maharaja dirujuk sebagai suatu rantau yang tidak Salahit dan Hariadj merupakan bandar-bandar yang akan dilalui dalam perjalanan melawat Maharaja. Dengan itu, Hariadj mungkin terletak di kawasan selatan Salahit, iaitu di 'Selat' (Melaka).
- 72 Ibn Serapion menyatakan bahawa kempor yang terbaik sekali datang dari sini; *Relations*, I, 112.
- 73 Idrisi merupakan orang yang pertama menyebut tentang tebing-tebing tinggi ini; *Relations*, I, 186.
- 74 K. Heyne, *De Nuttige Planten van Nederlandsch Indie*, Batavia, 1927, 1099-105; *The Eastern Archipelago Pilot*, IV, London, 1927, 140-62. Walaupun beliau tidak menyebut tentang tebing-tebing tinggi, beliau mencatatkan bahawa terdapat sekelompok bukit yang begitu 'jelas' dan dapat dilihat dari jauh.
- 75 Hirth dan Rockhill, *Chau Ju-kua*, 61.
- 76 A. H. Hill, 'Hikayat Raja-raja Pasai ...', *JMBRAS*, XXXIII, 2 (1960), 54; 115. Untuk melihat penggunaan perkataan bersiwasa (mempunyai keyakinan dalam) cuba rujuk kepada karya Amin Sweeny, 'The connexion between the Hikayat Raja Pasai and the Sejarah Melayu', *JMBRAD*, XI, 2 (1967), 97.
- 77 Winstedt, 'Raffles MS 18', 212; Brown, 'Terjemahan', 189-90.
- 78 John Bastin, 'Palembang in 1811 and 1812', *Essays on Indonesian and Malayan History*, Singapura, 1961, 85-86.
- 79 *Ibid.*, 78-9.
- 81 *Ibid.*, 68, 77-9.
- 82 Tan Yeok Seong, 'The Sri Vijayan inscription', 18.
- 83 Lihat M. A. P. Meilink-Roelofs, *Asian Trade and European influence...*, The Hague, 1962, 57-9.

- 84 Profesor Sopher bertanya mengapa nomad laut masih banyak terdapat di gugusan Kepulauan Riau-Lingga dan di pantai yang dekat dengannya, sedangkan kawasan ini merupakan pusat empayar laut orang Melayu. Beliau mencadangkan bahawa pembesar hanya berminat untuk menguasai faedah ekonomi dan sosial di pelabuhan-pelabuhan. Oleh itu, selain menjalankan tugas sebagai anak kapal, orang nomad laut tidak mengalami sebarang tekanan daripada pembesar. Oleh itu, mereka hanya mengalami proses akulturasi pada suatu takat tertentu sahaja; *op. cit.*, 365-6. Cadangan ini hanya merupakan huraian tentang perbezaan kebudayaan di situ. Kita mesti ingat bahawa pusat kuasa Melayu Sumatera menjadi *nagara* apabila pengaruh institusi kerajaan dari India diterima oleh masyarakat Melayu. Pada masa itu, orang nomad laut dilihat sebagai ahli masyarakat yang paling rendah statusnya dan pemimpin mereka mula prasangka India.
- 85 Winstedt, *op. cit.*, 1444-5; Brown, *op. cit.*, 119. Dengan cara yang sama, pembesar dari kawasan Sulu yang berselerak nampaknya bekerja dan bermain di Jolo. Lihat huraian Hunt mengenai kehidupan di Jolo; 'Particulars relating to Sulo...'. *Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries.*, Singapura, 1837. Lampiran, 39-40. Sejarah Sulu pada bahagian kedua abad kelapan belas dan awal abad kesembilan belas menunjukkan bagaimana Sultan serta datu-datu berkerjasama untuk mengekalkan sistem perdagangan yang menguntungkan mereka. Kesultanan tersebut tidaklah sekuat kerajaan pusat di Eropah tetapi sistem politik ini berjaya, iaitu dengan adanya perjuangan untuk kepentingan diri. Untuk mengetahui dengan lebih banyak lagi tentang sistem pemerintahan Sulu, sila rujuk kepada Bab III dalam karya A. L. Reber yang bertajuk *The Sulu world in the eighteenth and nineteenth centuries: a historiographical problem in British writings on Malay piracy*, Cornell University, tesis pada peringkat M. A., 1966. Cik Reber memerhatikan bahawa 'datu-datu yang berkuasa memiliki sebahagian daripada perdagangan dan oleh itu mereka juga memainkan peranan yang penting dalam kerajaan pusat'; 82.
- 86 Profesor P. E. de Josselin de Jong membincangkan kandungan *Sejarah Melayu* daripada aspek kesetiaan orang Melayu; 'The character of the Malay Annals', *Malayan and Indonesian Studies. Essays presented to Sir Richard Winstedt on his eighty-fifth birthday*, London, 1964, 223-4.
- 87 Ini merupakan ungkapan yang seringkali digunakan oleh Sir Richard apabila beliau mengkaji pengaruh 'pemerintahan Hindu' ke atas adat dan upacara perkahwinan Melayu; *The Malay Magician*, London, 1951, 38.
- 88 Untuk melihat perbincangan tentang keselarasan bukti arkeologi yang diperoleh dari kawasan galian arkeologi di Teluk Parsi dan Semenanjung Tanah Melayu, sila rujuk kepada karya A. Lamb, 'A visit to Sirat, an ancient port on the Persian Gulf', *JMBRAS*, XXXVII, 1 (1964). 11-9.

BAB 3

- 1 W. F. Stutterheim, 'Ein oorkonde van Koning Wagicwara uit 927 A. D.', *Tijdschrift*, LXX (1935), 434-6.
- 2 N. J. Krom, *Hindoe-Javaansche Geschiedenis*, 264-5.
- 3 K. A. Nilakanta Sastri, 'Takuapa and it's Tamil inscription', *JMBRAS*, XXII, I(1949), 25-30.
- 4 Buzurg of Ramhormuz, *Livre des merveilles de l'Inde par le capitaine Bozorg ...*, trad. par Marcel Devic ..., Leiden, 1883-6, 125.
- 5 Kajian Profesor Goitein berdasarkan dokumen-dokumen Geniza akan menyediakan sampel yang bernilai mengenai hasil keluaran Lautan India dan Indonesia digunakan dalam perdagangan yang diadakan dengan Cairo pada abad kedua belas dan abad ketiga belas. Terdapat pekerjaan di negara Yahudi dan Muslim yang menggunakan rempah-ratus beraroma, bahan pencelup dan perubatan daripada herba-herba yang diamalkan dikedua-dua negara tersebut dan dengan ini, ia dapat membantu kita dalam mengkaji betapa pentingnya perdagangan Indonesia di Timur Tengah. Sementara itu, Profesor Goitein telah memerhatikan bahawa 'setakat ini tidak pernah dijumpai sebarang surat yang ditulis oleh Geniza yang menyebut tentang hubungan perdagangan di antara China'; S. D. Goitein, '*Studies in Islamic History and Institutions*, bab 17 ('Letters and documents on the Indian trade in medieval times'), Leiden, 1966.
- 6 *Early Indonesian commerce*, bab 10.
- 7 Ini merupakan istilah yang digunakan oleh Abu Zayd; Ferrand, *Relations*, I, 82.
- 8 Contoh urusan perdagangan yang khusus dan yang mungkin berlaku di Palembang adalah apabila seekor singa dibeli oleh seorang pegawai Raja Cham pada tahun 1011. Raja tersebut ingin menghantar hadiah yang sesuai kepada Maharaja Sung. Singa tersebut dibawa ke Palembang dari India oleh orang Arab; *Sung hui-yeo chi-kao, fan-i*, 4, 68b-69a (edisi Tatung shu-chu), Peking, 1936). Dalam tahun berikutnya, utusan dari Vietnam di China meminta keizinan untuk melihat singa 'yang dihadiahkan oleh India', *Le Tac, Annam chi-lu'o'*, (edisi Lo-shan yang dikeluarkan pada tahun 1884), 12, lb.
- 9 J. H. Parry, *The Age of Reconnaissance: Discovery Exploration and Settlement, 1450 to 1650* London, 1963, I.
- 10 *Ch'ien Han-shu*, 96 A, 13a; 14a.
- 11 *Ibid.*, 28 B, 37b; *Hou Han-shu*, 86, 9a.
- 12 *Hau Han-shu*, 88, 12b, 16b.
- 13 *Ibid.*, 14a.
- 14 *Sung-shu*, 97, 4a; Ia. Untuk melihat perbincangan tentang kedudukan *ho-lo-t'o'* di Jawa barat, sila lihat karya pengarang yang bertajuk *Early Indonesian commerce*, bab 13. Lin-yi dan Funan terletak di tanah besar dan ke selatan Tongking, kita dapat melihat 'orang gasar selatan'. *Ho-lo-t'o'*, juga dikenali sebagai *ho-lo-tan* merupakan sebuah tempat yang penting

- yang hanya dapat dibuktikan melalui bukti-bukti epigraf. Damis menyatakan bahawa secara teorinya *ho-lo-tan* juga dikenali sebagai *Halatan*, *Alatan*, *Haratan* atau *Aratan* tetapi beliau meninggal dunia sebelum beliau menghabiskan kajiannya; *BEFEO*, LII, 1 (1964), 96, catatan 1. Mungkin pada suatu hari nanti catatan Cina tentang Varanara, sebuah bandar yang dikaitkan dengan keluarga Sailendara Jawa yang terkenal, akan dijumpai; J. G. de Casparis, *Prasasti Indonesia*, II, 184, catatan 29, dan 206.
- 15 *Liang-shu*, 54, 1a. Negara-negara yang terletak di lautan selatan dikatakan merupakan sebahagian lautan yang besar di sebelah barat daya Tongking.
 - 16 *Liang-shu*, 54, 7a. Alasan diberikan dalam *Early Indonesian commerce*, 45-6, yang menunjukkan jalan ini digunakan dalam abad ketiga.
 - 17 Hurisan terawal Selat melaka diperoleh pada tahun 800; *Hsin T'ang-shu*, 43 B, 18b.
 - 18 Penjelasan tentang penggunaan istilah 'perdagangan Teluk Parsi' boleh diperoleh dalam *Early Indonesian commerce*, bab 9 dan 10.
 - 19 *Ibid.*, 22a. Cf. *Han-shu*, 88, 14a.
 - 20 *Ibid.*, 22a. Cf. *Han-shu*, 88, 14a.
 - 21 *Ibid.*, 1b; 9b; 23a.
 - 22 *Ibid.*, 7a. Minat K'ang T'ai tentang geografi dibincangkan di dalam *Early Indonesian commerce*, bab 9 dan 10.
 - 23 *Liang-shu*, 54, 1b.
 - 24 *Sung-shu*, 97, 1a.
 - 25 *Liang-shu*, 54, 16b.
 - 26 *Early Indonesian commerce*, bab 13.
 - 27 *Sung-shu*, 97, 11a.
 - 28 *Ibid.*, 97, 10a. Ini merupakan suatu ungkapan yang biasa digunakan yang berkaitan dengan rombongan Sri Lanka yang dihantar pada tahun 527; *Liang-shu*, 54, 25a.
 - 29 *Sung-shu*, 97, 5a. Kerajaan tersebut ialah *Ho-lo-t'o'*.
 - 30 *Ibid.*, 9a. Kerajaan tersebut ialah *She-p'o'-ta*.
 - 31 Misalnya, 'pembukaan dan penutupan jalan perdagangan mengikut musim'; *Hou Han-shu*, 88, 30a.
 - 32 'Hsiung-nu menghalang perjalanan mereka'; *Ch'ien Han-shu*, 95, 3b.
 - 33 *Sung-shu*, 97, 29a.
 - 34 Apabila Mencius menghuraikan tentang usaha Yu mengawal banjir, beliau menyatakan bahawa bahaya dan halangan sungai disingkirkan James Legge, *The Four Books*, 674. Huraian yang berikutnya terkandung di dalam *Lien-tzu*; 'Apabila beliau mengembara, beliau selalu menurut perasaan hatinya tanpa menghiraukan bahaya-bahaya yang terdapat di gunung dan sungai...' A. C. Graham, *The Book of Lieh-tzu ...*, London, 1960, 146. Tentang Kaashanr *Chin-shu* (97, 7b) mengandungi huraian yang menyatakan bahawa seratus lelaki dapat mempertahankan genting-genting gunung dan seribu orang tidak akan dapat melaluinya.
 - 35 *Liang-shu*, 54, 47b.

- 36 *Sung-shu*, 97, 29b.
- 36 *Hou Han-shu*, 88, 14a.
- 38 *Haou Han-shu*, 88, 14a: 'The precious and rare objects of the foreign countries from Ta-ch' in'.
- 39 *Early Indonesian commerce*, Bab 9.
- 40 Sejarah Han tentang 'rantau barat' merupakan catatan berkenaan dengan langkah-langkah yang telah diambil untuk menjalinkan semula hubungan yang terputus, dan istilah yang digunakan seakan-akan berbunyi 'untuk membuka', 'membuka hubungan' dan 'mengakhiri hubungan'. Bab 78 dalam *Nan-Shih* dimulakan dengan huraian ringkas tentang 'hubungan' dengan orang gasar pada zaman Han, dan dalam kesimpulan bahagian akhir Bab 79, terdapat perbandingan di antara perpindahan China selatan daripada puak-puak di utara dan barat dan keupayaan untuk sampai kepada puak-puak di selatan dan di timur.
- 41 Maharaja Liu Sung, iaitu Wen-ti berasa marah kerana penambahan harta wilayah selatan terhenti dan oleh itu, baginda pun melancarkan peperangan. Ini merupakan rujukan kepada kempen beliau menentang orang Cham di Lin-yi pada tahun 446; *Sung-shu*, 97, 29a.
- 42 Mereka ialah K'ang T'ai dan Ch'ang Chun. Ch'ang Chun melawat Semenanjung Tanah Melayu dan gugusan ini bagi pihak Sui Yang-ti.
- 43 *Ling Shu*, 54, 1a.
- 44 Arthur Waley, *The Analects of Confucius*, London, 1938, 203. Apabila bab ini ditulis, pengarang tidak sempat memperoleh esei yang penting dikarang oleh Profesor Wang Gungwu bertajuk 'Early Ming relations with Southeast Asia: a background essay' (*The Chinese World Order*, yang disunting oleh John K. Fairbank, Cambridge, Massachusetts, 1968, 34-62). Profesor Wang telah memeriksa permulaan dan evolusi sikap angkau orang Cina, yang ditunjukkan melalui *te*. Bab ini telah mengkaji Cina-Melayu yang berbentuk bukan sahaja akibat daripada dogma orang Cina tetapi juga akibat daripada inisiatif orang Melayu dalam menjalin hubungan dengan China untuk mencapai matlamat ekonomi. Walau bagaimanapun, esei Profesor Wang dapat meyakinkan pengarang untuk mempercayai bahawa beliau telah menginterpretasikan pandangan orang Melayu tentang hubungan berdasarkan latar belakang pemikiran orang Cina. Beliau telah digalakan apabila beliau telah melihat komen-komen para sejarawan Cina dalam pembentukan dogma orang Cina tentang sikap keangkuhan mereka. Mungkin orang Melayu dengan kebanyakan orang bukan Cina meyakinkan ahli sejarawan tentang pengaruh *te*.
- 45 *Sung-shu*, 97, 10a; *Liang-shu*, 54, 25a.
- 46 *Liang-shu*, 54, 16b.
- 47 *Skung-shu*, 97, 5a, (Ho-lo-tan); 9b (*She-p'o-p'o-ta*); *Han Ch'i-shu*, 58, 11b (Funan); *Liang-shu*, 54, 6a, tentang Lin-yi.
- 48 *Sung-shu*, 97, 8a. Lihat juga *Liang-shu*, 54, 6a, tentang Lin-yi.
- 49 *Sung-shu*, 97, 11b.

- 50 *Hou Han-shu*, 88, 14a.
- 51 Shen Yuen dan Hsiao Tzu-hsien, kedua-duanya meninggal dunia pada tahun 513 dan 537.
- 52 *Sung-shu*, 97, 29b.
- 53 *Nan Ch'i-shu*, 58, 16b-17a.
- 54 *Early Indonesian commerce*, bab 8 dan 10.
- 55 Dokumen yang mengandungi anugerah yang dikurniakan kepada tiga pemerintah Indonesia pada tahun 449; *Sung-shu*, 97, 8a. Anugerah dikurniakan kepada Lin-yi dan Funan; *Liang-shu*, 54, 6a-b, 10b. Anugerah dikurniakan kepada seorang pemerintah India pada tahun 466; *Sung-shu*, 97, 11b.
- 56 *Ibid.*, 17a.
- 57 *Sung-shu*, 97, 5b, 7b.
- 58 *Nan Ch'i-shu*, 58, 11bff.
- 59 *Liang-shu*, 54, 17a.
- 60 *Sung-shu*, 97, 2b.
- 61 *Nan Ch'i-shu*, 58, 11bff.
